



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

# Memulihkan Perniagaan, Mendefinisikan Ketelusan Baharu



## KONSEP MUKA HADAPAN Laporan Tahunan 2024



## RASIONAL

Tema ini mencerminkan dua tumpuan utama pindaan terkini ke atas Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012. Reformasi perundangan ini dirangka bagi memperkasakan perniagaan untuk mengharungi cabaran kewangan dan operasi, di samping memupuk budaya ketelusan dan akauntabiliti. Pembaharuan ini memastikan kemampanan jangka panjang entiti perniagaan, memberi inspirasi kepada kepercayaan pihak berkepentingan dan mengukuhkan landskap korporat secara keseluruhan. Pembaharuan ini membolehkan syarikat dan perkongsian liabiliti terhad pulih dan berkembang maju sambil memastikan entiti korporat diberi peluang untuk mengatasi cabaran dan beroperasi dengan akauntabiliti yang lebih besar.

“**Memulihkan  
Perniagaan,  
Mendefinisikan  
Ketelusan  
Baharu**”

### MENARA SSM@SENTRAL

No. 7, Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50623 Kuala Lumpur

Tel

+603 7721 4000

E-mel

enquiry@ssm.com.my

Laman Sesawang

www.ssm.com.my



/SSMOFFICIALPAGE



Imbas kod untuk mengakses  
laman sesawang rasmi SSM

## DALAM LAPORAN INI

**5** | **Perutusan**  
YB Menteri

**8** | **Prakata**  
Pengerusi

**11** | **Ulasan Tahunan**  
Ketua Pegawai Eksekutif

**21** | **Pernyataan**  
Tadbir Urus Korporat

**35** | **Anggota**  
Suruhanjaya Syarikat  
Malaysia

**45** | **Pengurusan**  
Eksekutif

**55** | **Laporan**  
Pengurusan

**153** | **Sorotan**  
Media

- 55 Penyampaian Perkhidmatan
- 91 Inisiatif Penguatkuasaan
- 121 Inisiatif Pembaharuan Undang-Undang
- 129 Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan
- 143 Penglibatan dan Kerjasama Pihak Berkepentingan

**161** | **Penyata**  
Kewangan

**231** | **Direktori**  
SSM



### MAKLUM BALAS

Kami amat menghargai maklum balas anda kerana ia membolehkan kami menangani isu-isu penting dengan lebih berkesan. Untuk berkongsi pandangan anda, sila lawati <https://www.ssm.com.my> atau e-melkan terus kepada kami di [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my). Anda juga boleh mengakses borang maklum balas dengan pantas dengan mengimbas kod QR menggunakan telefon pintar anda.

## PERNYATAAN VISI

### UNTUK MENJADI PENDAFTAR DAN PENGAWAL SELIA KORPORAT TERULUNG

## TERAS STRATEGIK



## NILAI-NILAI KORPORAT



### KOLABORASI

Kami komited dalam membina kredibiliti dan kepercayaan di dalam organisasi dengan menggalakkan kolaborasi di kalangan rakan kerjasama untuk menyampaikan nilai-nilai perniagaan kepada pihak berkepentingan kami.



### UTAMAKAN PELANGGAN

Kami sebagai peneraju tadbir urus korporat berazam untuk memberi khidmat nasihat yang berkualiti serta perkhidmatan terbaik kepada para pelanggan.



### NOBATKAN ILMU

Kami menggalakkan warga kerja untuk meningkatkan kecekapan, kemahiran dan pengetahuan dengan memberi penekanan terhadap pembelajaran berterusan dalam usaha untuk meningkatkan kreativiti, kualiti dan daya inovasi.



### CEMERLANG

Kami menetapkan standard yang tinggi dan berusaha melampauinya. Kami bersikap tegar dalam memajukan kualiti, dari segi keberkesanan dan produktiviti di dalam organisasi. Kami mengiktiraf pencapaian yang cemerlang dan memberi ganjaran yang sewajarnya.



### INTEGRITI

Kami komited dan berpegang kepada etika kerja yang unggul sejajar dengan kod etika SSM dan mengaplikasikannya secara profesional dan penuh tanggungjawab dalam setiap bidang tugas.

**YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI**  
Menteri Perdagangan Dalam  
Negeri dan Kos Sara Hidup

## ■ Perutusan YB MENTERI


Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Malaysia MADANI.

Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atas segala pencapaian, inisiatif berimpak tinggi serta komitmen berterusan dalam memperkukuh tadbir urus korporat dan memperkasa komuniti perniagaan sepanjang tahun 2024. Pencapaian ini bukan sahaja membuktikan keupayaan organisasi, malah mencerminkan kesungguhan SSM untuk terus menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan dan menyokong ekosistem perniagaan negara.

Dalam menghadapi perubahan landskap ekonomi global yang semakin mencabar, Kerajaan kekal komited terhadap prinsip tadbir urus yang telus serta sistem sokongan yang kukuh bagi memperkasa komuniti perniagaan. SSM memainkan peranan penting sebagai institusi strategik yang mendokong usaha ini dengan memastikan sistem korporat negara terus progresif, diyakini dan responsif terhadap cabaran semasa. Justeru, laporan tahunan ini menjadi manifestasi kepada usaha konsisten SSM dalam memperkukuh ekosistem perniagaan negara, selari dengan dasar-dasar Kementerian yang berteraskan nilai-nilai Malaysia MADANI.

Gagasan Malaysia MADANI, yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri, terus menjadi panduan kepada dasar dan pendekatan Kerajaan dalam pelbagai sektor, termasuk bidang pengawalseliaan dan pembangunan perniagaan. Nilai-nilai seperti integriti, kebertanggungjawaban dan keterangkuman menjadi asas penting dalam membina daya tahan ekonomi negara. Maka, segala pembaharuan perundangan dan pengukuhan dasar yang dilaksanakan oleh SSM adalah selaras dengan tekad Kerajaan untuk membangunkan perniagaan yang mampan serta mentransformasikan landskap korporat ke arah tadbir urus yang lebih telus dan progresif.

Saya amat menghargai pendekatan berfasa dan inklusif yang diterapkan oleh SSM dalam merealisasikan agenda pembaharuan. Usaha seperti pindaan perundangan, pembangunan sistem digital serta penganjuran sesi libat urus bersama pemain industri mencerminkan pendekatan pro-perniagaan yang berasaskan data dan penyelesaian. Langkah-langkah ini sejajar dengan tuntutan landskap perniagaan moden yang dinamik dan sentiasa berubah.



**Tahun 2024 telah memperlihatkan pemulihan ekonomi negara yang memberangsangkan. Namun, momentum ini perlu diperkukuh dengan institusi yang teguh bagi membina keyakinan pelabur yang berterusan. Dalam hal ini, peranan SSM amat signifikan bukan sahaja sebagai pengawal selia, malah sebagai pemudah cara strategik yang membantu membina kepercayaan pasaran dan menyokong pertumbuhan perniagaan dari peringkat akar umbi sehingga ke peringkat**

**antarabangsa. Usaha berterusan SSM dalam memperkukuh kerangka tadbir urus korporat dan memperluas akses perkhidmatan amat bertepatan dengan aspirasi Kerajaan untuk membina ekosistem perniagaan yang telus, inklusif dan mesra pengguna.**

Seiring dengan kemajuan teknologi dan arus transformasi digital, SSM turut memperkukuh integriti korporat, memudah cara inovasi dan memastikan pematuhan kepada prinsip tadbir urus yang baik. Kecekapan organisasi ini dalam melaksanakan fungsi kawal selia turut menyumbang kepada kestabilan ekonomi domestik dan memperkukuh daya saing negara di pentas antarabangsa. Kerjasama yang erat antara SSM, sektor swasta dan Kerajaan menjadi asas kukuh dalam usaha membangunkan ekonomi yang seimbang, mampan dan progresif.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup akan terus memberi sokongan padu kepada

SSM dalam memperkasa landskap perniagaan negara. Saya percaya bahawa dengan pendekatan yang inklusif, inovatif dan bertanggungjawab, SSM akan kekal sebagai organisasi yang dipercayai dan relevan dalam mendepani cabaran ekonomi masa hadapan. Saya juga yakin bahawa SSM akan terus berperanan secara berkesan sebagai pemangkin kepada pembangunan perniagaan dan pengukuhan tadbir urus korporat yang berintegriti.

**Sebagai penutup, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh kepimpinan dan warga kerja SSM atas dedikasi, profesionalisme dan integriti dalam menjayakan agenda kementerian serta menyokong aspirasi Malaysia MADANI. Marilah kita terus melangkah ke hadapan dengan iltizam yang teguh dan komitmen yang padu demi kesejahteraan rakyat dan masa depan negara.**

*Terima kasih*

**YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

**YBRS. TUAN AHMAD SABKI YUSOF**  
Pengerusi  
Suruhanjaya Syarikat Malaysia

AHMAD SABKI

## ■ Prakata Pengerusi

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Malaysia MADANI.

Dengan penuh rasa tanggungjawab, saya berbesar hati membentangkan Laporan Tahunan 2024 Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), yang mencerminkan pencapaian signifikan dalam memperkukuh tadbir urus korporat dan memacu reformasi organisasi secara menyeluruh. Tahun ini memperlihatkan peranan SSM yang terus berkembang daripada pengawal selia kepada rakan strategik dalam menyokong pertumbuhan perniagaan mampan dan memperkukuh keyakinan pasaran. Prakata ini saya sampaikan sebagai refleksi terhadap hala tuju strategik SSM dalam mengimbangi keperluan kawal selia dengan aspirasi pemodenan sektor perniagaan.

Sebagai Pengerusi, saya amat berbangga menyaksikan kemajuan berterusan SSM dalam memperkukuh asas perundangan dan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Pelaksanaan pindaan terhadap AS 2016 dan APLT 2012 pada tahun ini bukan sekadar penyesuaian teknikal, malah merupakan langkah strategik dan menyeluruh yang mencerminkan iltizam organisasi dalam memperkukuh daya tahan entiti perniagaan. Ia juga bertujuan memastikan tahap ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi dalam struktur pemilikan serta memperkasakan entiti korporat untuk menghadapi cabaran kewangan, memupuk budaya etika dan membina kemampanan jangka panjang secara lebih berkesan.

Antara penambahbaikan utama yang diperkenalkan termasuklah:

### 1 **Peluasan Mekanisme Penyelamat Korporat (Corporate Rescue Mechanism, CRM)**

Telah memperluas skop Mekanisme Penyelamatan Korporat yang kini boleh digunakan oleh semua jenis syarikat (kecuali entiti yang dikawal selia khas) serta diperluaskan buat pertama kali kepada perkongsian

liabiliti terhad (PLT). Langkah ini telah membuka ruang pemulihan yang lebih sistematik untuk syarikat dan PLT, terutamanya dalam menghadapi tekanan kewangan.

### 2 **Penambahbaikan terhadap Proses Skim Perkiraan atau Kompromi**

Memperkemas prosedur berhubung skim perkiraan atau kompromi dengan memperjelas proses permohonan, keperluan kelulusan pemegang saham/ pemiutang serta pengawasan kehakiman terhadap perjanjian yang dicapai. Ini bertujuan mempercepatkan pelaksanaan skim dan mengurangkan ketidakpastian bagi pihak berkepentingan.

### 3 **Keutamaan Pembiayaan Penyelamat (Rescue Financing Priority)**

Akses kepada pembiayaan dalam situasi penyelamatan telah diperbaiki dengan memberikan status keutamaan kepada pembiayaan penyelamat, menjadikannya lebih menarik bagi pemberi pinjaman untuk menyokong syarikat bermasalah. Ia selari dengan amalan terbaik antarabangsa dalam menyokong pemulihan entiti perniagaan.

## 4 Penguatkuasaan Pelaporan Pemunya Benefisial (*Beneficial Ownership, BO*)

Bermula 1 April 2024, syarikat dan PLT diwajibkan mematuhi penguatkuasaan Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial yang diperkukuh. Ini termasuk keperluan pendaftaran maklumat pemunya benefisial yang lebih telus, pemantauan berterusan oleh entiti dan serah simpan maklumat kepada SSM. Penambahbaikan ini menyokong usaha negara dalam memerangi jenayah kewangan, termasuk pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan serta memastikan pematuhan kepada kehendak *Financial Action Task Force (FATF)* dan *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*.

Selain itu, tumpuan kami terhadap transformasi digital dan pengalaman pelanggan turut diperkukuh melalui pelancaran sistem e-BOS dan *e-Advertisement* yang mempertingkatkan kecekapan pematuhan serta membentuk hubungan pengawalseliaan yang lebih telus dan responsif antara SSM dan komuniti korporat. Pada masa yang sama, SSM turut menubuhkan SSM *Customer Care (SSMCC)*, sebuah pusat panggilan moden yang dikendalikan sepenuhnya oleh SSM. Inisiatif ini menggabungkan pengurusan pertanyaan, aduan dan maklum balas pelanggan dalam satu sistem pintar, dengan sokongan teknologi terkini dan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Perasmian SSMCC oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pada Mac 2024 mencerminkan komitmen berterusan SSM untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap, mesra pelanggan dan berimpak tinggi.

**Di samping itu, SSM terus teguh dalam mempromosikan kesaksamaan sosial dan pemeraksanaan nasional. Inisiatif utama seperti Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) untuk usahawan B40 dan pelajar institusi pendidikan tinggi sepenuh masa, Skim 1 OKU 1 Perniagaan**

**(S101P) serta peluasan insentif BizTrust terus merapatkan jurang, membolehkan komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan untuk menyertai ekonomi negara secara formal. Program-program ini merupakan elemen penting dalam memajukan agenda pertumbuhan inklusif negara.**

Saya juga menghargai sumbangan berterusan SSM terhadap kebijakan masyarakat. Menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan wakalah zakat korporat, SSM telah menyalurkan bantuan bermakna kepada mangsa banjir, usahawan kurang berkemampuan serta institusi kesihatan awam. Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan keyakinan teguh kami bahawa tadbir urus yang berkesan mesti disertai dengan belas ihsan dan keterangkuman.

Bagi pihak Suruhanjaya, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, kepimpinan kementerian, rakan strategik serta semua pihak yang telah memberikan sokongan terhadap misi SSM sepanjang tahun. Saya juga ingin mengiktiraf komitmen tinggi pihak Pengurusan Eksekutif dan seluruh warga kerja SSM atas profesionalisme, ketangkasan dan integriti yang ditunjukkan.

Dengan iltizam yang berterusan dan kerjasama dari semua pihak, saya percaya SSM akan terus memainkan peranan sebagai sebuah organisasi kawal selia yang telus, berdaya tahan dan bersedia menghadapi masa depan. Marilah kita terus melangkah ke hadapan dengan semangat MADANI untuk membina landskap perniagaan yang bukan sahaja cekap dan berdaya saing, tetapi juga berjiwa dan berintegriti.

Terima kasih atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan.

*Terima kasih*

**YBRS. TUAN AHMAD SABKI YUSOF**

Pengerusi

Suruhanjaya Syarikat Malaysia



**YBHG. DATUK NOR AZIMAH ABDUL AZIZ**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Syarikat Malaysia

## ■ Ulasan Tahunan KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Malaysia MADANI.


Di sebalik setiap dasar dan inisiatif, terdapat usaha berterusan yang digerakkan oleh pasukan pengurusan dan seluruh warga kerja yang percaya kepada penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dengan integriti dan akauntabiliti yang tertinggi. Tahun 2024 merupakan medan yang menuntut kesediaan, keberanian dan kebersamaan, bukan sahaja untuk melaksanakan agenda pembaharuan, tetapi juga untuk mendefinisikan semula cara kita mentadbir, menyokong dan mengembangkan ekosistem korporat negara. Ulasan ini ditulis bukan sekadar laporan angka dan inisiatif, tetapi cerminan kepada komitmen seluruh warga kerja SSM dalam mengemudi perubahan dasar, memperkenalkan inovasi digital serta memperkukuh tadbir urus korporat negara. Ulasan ini juga merupakan penghargaan kepada semua pihak yang terus meletakkan kepercayaan kepada organisasi ini dalam mendukung ekosistem perniagaan yang adil, telus dan mampan.

Tema laporan tahunan kali ini, “Memulihkan Perniagaan, Mendefinisikan Ketelusan Baharu”, merumuskan aspirasi SSM dalam memperkukuh daya tahan entiti korporat sambil memperluas horizon ketelusan dan akauntabiliti. Ia mencerminkan dua (2) fokus utama bagi tahun 2024, iaitu pelaksanaan pindaan kepada AS 2016 dan APLT 2012, yang menjadi pemangkin kepada usaha pemulihan ekonomi negara.


Sebagai latar kepada usaha ini, statistik utama sepanjang tahun 2024 menunjukkan perkembangan positif dalam pendaftaran entiti perniagaan. Sebanyak 343,561 (2023: 321,816) perniagaan telah didaftarkan, merangkumi 308,524 (2023: 291,362) perniagaan milikan tunggal dan 35,037 (2023: 30,454) perniagaan perkongsian. Selain itu, sebanyak 4,016 (2023: 3,547) perkongsian liabiliti terhad dan 55,595 (2023: 51,963) syarikat, termasuk 36 syarikat asing, telah diperbadankan dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2024. Peningkatan ini menggambarkan keyakinan yang berterusan terhadap iklim perniagaan

tempat dan keberkesanan dasar SSM dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

**Jumlah Entiti Berdaftar Bermula  
1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2024**



Statistik ini menyumbang kepada keseluruhan jumlah pendaftaran entiti perniagaan dalam daftar SSM sehingga 31 Disember 2024 seperti berikut:



**Tahun 2024 menyaksikan pelaksanaan dua (2) pindaan utama dalam landskap perundangan korporat negara iaitu Akta Syarikat (Pindaan) 2024 [Akta A1701] dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhadap (Pindaan) 2024 [Akta A1728]. Kedua-dua pindaan ini merupakan tunjang kepada agenda pemulihan perniagaan serta pemodenan sistem tadbir urus korporat Malaysia, selari dengan tema “Memulihkan Perniagaan, Mendefinisikan Ketelusan Baharu”.**

Pindaan AS 2016 menerusi Akta A1701 bertujuan menambah baik kerangka perundangan sedia ada dengan memberi tumpuan kepada tiga (3) aspek utama, iaitu pengenalan mekanisme penyelamat korporat, peluasan kewajipan pelaporan pemunyaan benefisial (*beneficial ownership*) dan pewujudan rangka kerja tadbir urus korporat yang lebih kukuh dan telus. Rang Undang-Undang ini telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2023 dan mendapat perkenan Diraja pada 24 Januari 2024.

Pelaksanaan pindaan ini dilakukan secara berfasa bagi memastikan ekosistem perundangan dan pihak berkepentingan dapat menyesuaikan diri secara berperingkat:

- Fasa Pertama: Berkuat kuasa mulai 1 April 2024, melibatkan semua seksyen kecuali seksyen 4, 14, 26 dan 28 Akta A1701;
- Fasa Kedua: Berkuat kuasa pada 30 November 2024, merangkumi seksyen 4, 26 dan 28, termasuk keperluan pelaporan pemunyaan benefisial untuk syarikat asing serta penggunaan laman sesawang SSM sebagai platform alternatif pengiklanan korporat; dan
- Fasa Ketiga: Dijadualkan pada Januari 2025, melibatkan penguatkuasaan seksyen 14, iaitu peluasan pemakaian perkiraan sukarela korporat kepada semua syarikat termasuk yang mempunyai gadaian.

Maklumat lanjut tentang pindaan penting adalah seperti berikut:

- Seksyen 4: Pelaporan pemunyaan benefisial dalam Penyata Tahunan syarikat tempatan (pindaan kepada seksyen 68);
- Seksyen 14: Perluasan mekanisme perkiraan sukarela korporat kepada semua syarikat termasuk yang bergadaian (pindaan kepada seksyen 395);
- Seksyen 26: Pelaporan pemunyaan benefisial bagi syarikat asing dalam Penyata Tahunan (pindaan kepada seksyen 576(2)); dan
- Seksyen 28: Memperkenalkan seksyen 612A untuk pengiklanan maklumat korporat melalui laman sesawang SSM.

Selaras dengan pindaan terhadap AS 2016, penambahbaikan serupa turut diperkenalkan dalam APLT 2012 menerusi Akta A1728. RUU ini telah diluluskan Parlimen pada 31 Julai 2024 dan menerima perkenan Diraja pada 9 Oktober 2024, disusuli pewartaan pada 17 Oktober 2024. Objektif utama pindaan ini adalah untuk:

- Menyokong pemulihan dan kesinambungan operasi Perkongsian Liabiliti Terhadap (PLT) yang menghadapi tekanan kewangan, khususnya dalam konteks pasca pandemik COVID-19;
- Memperkuh tadbir urus korporat melalui pelaporan pemunyaan benefisial dan pematuhan kepada piawaian antarabangsa seperti yang digariskan oleh *Financial Action Task Force* (FATF)

dan *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD); dan

- (c) Menyumbang kepada pengurangan kadar pengangguran dengan memastikan kelangsungan entiti perniagaan dan penyediaan peluang pekerjaan.

Penguatkuasaan Akta A1728 turut dilaksanakan secara berperingkat, seperti berikut:

- (a) Fasa Pertama: Januari 2025 – penguatkuasaan pelaporan pemunyaan benefisial;
- (b) Fasa Kedua: Suku pertama 2025 – pengiklanan maklumat di laman sesawang SSM; dan
- (c) Fasa Ketiga: Suku keempat 2025 – mekanisme penyelamat korporat bagi PLT termasuk pengurusan kehakiman dan perkiraan sukarela korporat.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan dua (2) Akta pindaan ini bukan sahaja menyediakan landasan yang kukuh untuk pemulihan perniagaan, tetapi juga menyemai kepercayaan dalam kalangan pelabur dan masyarakat. Ia menandakan satu langkah besar ke arah tadbir urus yang lebih progresif, mampan dan berintegriti dalam ekosistem korporat Malaysia.

Selain itu, SSM juga telah melaksanakan penyemakan dan penerbitan semula Garis Panduan Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial Syarikat, yang mula diperkenalkan sejak tahun 2020. Langkah ini adalah respons langsung kepada saranan FATF untuk menangani risiko penyalahgunaan entiti korporat di Malaysia sebagai medium bagi aktiviti haram seperti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Pada peringkat awal penguatkuasaannya, pematuhan kepada garis panduan ini bersifat sukarela. Namun begitu, bermula 1 April 2024, selaras dengan penguatkuasaan Akta Syarikat (Pindaan) 2024, pematuhan terhadap keperluan pelaporan pemunya benefisial menjadi mandatori. SSM turut menerbitkan

semula dokumen utama yang merangkumi bukan sahaja garis panduan asas, tetapi juga Kajian Kes dan Ilustrasi sebagai panduan praktikal kepada syarikat dan setiausaha syarikat bagi memahami serta melaksanakan pelaporan pemunya benefisial dengan lebih tepat dan berkesan.

Bagi menyokong keperluan ini, SSM memperkenalkan sistem *Electronic Beneficial Ownership System* (e-BOS) iaitu satu platform digital khusus untuk menyerah simpan maklumat pemunya benefisial secara sistematik dan selamat. Pematuhan terhadap keperluan ini adalah wajib dan kegagalan mematuhi boleh dikenakan penalti sehingga RM20,000, dengan denda tambahan sebanyak RM500 bagi setiap hari kesalahan berterusan selepas sabitan. Langkah ini dilihat sebagai lonjakan penting ke arah tadbir urus yang lebih telus dan seiring dengan standard antarabangsa.

Tahun ini juga menyaksikan satu lagi inisiatif penting iaitu penyemakan semula kriteria kelayakan pengecualian audit bagi syarikat persendirian di Malaysia. Pada 16 Disember 2024, SSM telah menerbitkan Arahan Amalan 10/2024, menggantikan Arahan Amalan Bil. 3/2017 yang telah diguna pakai sejak tahun 2017. Penyemakan ini dilaksanakan dengan teliti dan berhemah, mengambil kira dapatan daripada dua (2) sesi konsultasi awam yang telah diadakan masing-masing pada Februari 2023 dan Februari 2024. Melalui dokumen konsultasi tersebut, SSM menerima pelbagai maklum balas daripada industri termasuk pihak-pihak profesional seperti Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).

Objektif utama semakan ini adalah untuk memastikan bahawa dasar pengecualian audit kekal relevan dan inklusif, terutamanya untuk membantu syarikat mikro dan kecil mengurangkan beban kewangan. Pada masa yang sama, SSM turut memperkukuh kualiti pengauditan dengan menumpukan perhatian terhadap syarikat yang benar-benar memerlukan proses audit penuh. Dalam jangka panjang, pendekatan ini diharap akan membuka lebih banyak ruang kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk berkembang tanpa beban pematuhan yang keterlaluan, sambil mengekalkan tahap akauntabiliti yang wajar.




**Antara saat penting dalam kalendar 2024 SSM ialah penganjaran Persidangan Kebangsaan SSM kali ke-13 atau lebih dikenali sebagai SSM *National Conference 2024 (SSMNC 2024)*, yang telah berlangsung secara maya pada 27 dan 28 Ogos 2024. Bertemakan “*Enhancing Corporate Transparency. Building Resilience*”, persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.**

Persidangan ini menerima sambutan yang amat menggalakkan dengan penyertaan seramai 3,213 perwakilan merangkumi pelbagai lapisan profesional terdiri daripada pengarah syarikat dan setiausaha syarikat, hingga ke ahli akademik, pengamal undang-undang dan pemegang taruh utama lain. Sepanjang dua (2) hari acara, sebanyak 11 sesi plenari telah dijalankan melibatkan 38 penceramah, panelis dan moderator yang membincangkan pelbagai isu kritikal seperti daya tahan perniagaan dalam ketidaktentuan ekonomi, ketelusan pelaporan korporat serta inovasi dalam tadbir urus.

SSMNC 2024 bukan sekadar program tahunan, malah ia menjadi manifestasi iltizam kami dalam menyediakan platform dialog yang merentasi sempadan sektor, membolehkan penyebaran ilmu dan amalan terbaik dalam usaha meningkatkan kecekapan korporat.

Seterusnya, Simposium SSM 2024 telah berjaya dianjurkan pada 5 Disember 2024 di Kuala Lumpur, menghimpunkan 208 peserta daripada pelbagai industri untuk meneliti lebih mendalam pelaksanaan dan implikasi dasar korporat semasa. Antara lima (5) topik utama yang dibincangkan termasuklah pelaporan pemunyaan benefisial, perkembangan Akta Syarikat (Pindaan) 2024 Fasa 2, kemajuan sistem *Malaysian Business Reporting System (MBRS) 2.0* serta kesiapsiagaan industri dalam peralihan kepada sistem e-Invois yang bakal menjadi standard perniagaan baharu.

Simposium ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, yang menekankan betapa pentingnya inovasi dalam tadbir urus serta kepatuhan terhadap piawaian peraturan sebagai asas untuk meningkatkan daya saing korporat Malaysia. Perbincangan dalam simposium ini menampilkan 14 orang panelis dan moderator, dengan pendekatan yang bersifat interaktif, praktikal dan berpaksikan penyelesaian. Ia turut memperlihatkan komitmen SSM untuk mendekati industri bukan hanya sebagai pengawal selia, tetapi juga sebagai rakan strategik dalam merintis perubahan yang diperlukan.



**Tahun 2024 turut memperlihatkan penglibatan aktif SSM dalam pelbagai platform strategik, sama ada di peringkat nasional mahupun serantau, dalam usaha memperkukuh tadbir urus korporat serta meneroka dasar baharu yang lebih lestari dan responsif terhadap keperluan semasa. Antaranya ialah penglibatan SSM dalam *National Climate Governance Summit (NCGS) 2024*, sebuah persidangan bertaraf antarabangsa yang telah berlangsung dari 10 hingga 12 September 2024 dalam format hibrid iaitu menggabungkan sesi fizikal di Sasana Kijang, Kuala Lumpur dengan penyertaan**

**dalam talian secara serentak. SSM dengan bangganya menjadi penganjur bersama *Climate Governance Malaysia (CGM)* pada hari pertama sidang ini.**

Persidangan ini menghimpunkan 3,822 peserta daripada pelbagai latar belakang termasuk pemimpin kerajaan, akademik, saintis, jurutera, aktivis pemuliharaan, wakil industri dan korporat. Lebih daripada 85 penceramah terkemuka telah berkongsi pentas untuk membincangkan pelbagai aspek tadbir urus iklim dan amalan perniagaan mampan, menjadikan NCGS 2024 sebagai antara platform terbesar di rantau ini dalam isu kelestarian dan peralihan korporat ke arah ekonomi hijau.

Sebanyak 26 sesi telah dijalankan, termasuk enam (6) forum khas dengan topik meliputi dasar iklim, risiko alam sekitar yang sedang muncul dan strategi perniagaan lestari. Menariknya, salah satu forum khas mencatatkan penyertaan melebihi 100 peserta, menunjukkan permintaan yang tinggi terhadap ilmu dan solusi praktikal dalam aspek tadbir urus iklim. Penglibatan SSM dalam forum ini mencerminkan komitmen SSM untuk terus memperluas penerapan elemen alam sekitar dalam dasar perundangan dan amalan korporat di Malaysia, sejajar dengan matlamat untuk menyokong pembangunan ekonomi yang mampan dan beretika.

**Dalam memastikan Malaysia kekal seiring dengan keperluan piawaian antarabangsa seperti yang digariskan oleh FATF, SSM telah mengadakan beberapa siri libat urus sepanjang tahun 2024 yang berkait rapat dengan usaha penyelarasan dasar dan perundangan. Pada 21 Oktober 2024, SSM telah menganjurkan sesi libat urus mengenai cadangan pindaan kepada AS 2016 berkaitan Pemegang Syer Nominasi dan Pengarah Nominasi. Sesi ini dihadiri oleh agensi-agensi kawal selia utama seperti Bank Negara**


**Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bursa Malaysia, sejajar dengan kepentingan cadangan pindaan tersebut yang dijangka akan memberi kesan langsung kepada syarikat-syarikat yang tertakluk di bawah kawalan mereka.**

Cadangan pindaan ini, yang berpaksikan Syor 24 FATF, adalah penting memandangkan undang-undang sedia ada tidak mewajibkan syarikat untuk melaporkan atau mendedahkan maklumat berkaitan pemegang saham atau pengarah nomini. Oleh itu, usaha ini akan menutup ruang penyalahgunaan struktur korporat yang boleh memudaratkan integriti sistem perniagaan negara.

Seterusnya, pada 22 dan 30 Oktober 2024, dua (2) sesi libat urus telah dianjurkan bagi membincangkan cadangan Rang Undang-Undang Syarikat Amanah. Kertas konsultasi berkaitan telah diedarkan lebih awal kepada umum dan pihak industri dari 2 April hingga 28 Mei 2024, sebagai langkah inklusif untuk mendapatkan maklum balas menyeluruh. Sesi ini telah menghimpunkan wakil-wakil utama industri dan pelbagai agensi pengawal selia seperti Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara. Kehadiran dari pelbagai pihak ini menegaskan keperluan sebuah kerangka undang-undang yang mencerminkan realiti operasi syarikat amanah dan kekal relevan dalam persekitaran kewangan moden.

**Seiring kemajuan teknologi dan pelaksanaan seksyen 612A AS 2016 yang mula berkuat kuasa pada 1 April 2024, SSM telah memperkenalkan satu perkhidmatan baharu iaitu SSM *e-Advertisement*, yang membolehkan syarikat menerbit atau mengiklankan maklumat statutori secara langsung melalui platform digital rasmi SSM.**

Sebelum ini, pengiklanan statutori hanya dibenarkan melalui akhbar yang mempunyai edaran meluas di seluruh Malaysia. Kini, dengan adanya perkhidmatan ini, syarikat mempunyai alternatif yang lebih efisien dan menjimatkan kos untuk memenuhi keperluan undang-undang tersebut. Bermula 30 November 2024, SSM *e-Advertisement* boleh diakses melalui Portal SSM XCESS di <https://www.ssm4u.com.my>. Dalam tempoh satu (1) bulan pelaksanaannya, perkhidmatan ini telah merekodkan sebanyak 20 transaksi. Meskipun masih di peringkat awal, SSM optimis bahawa penggunaan platform ini akan terus meningkat seiring dengan peningkatan kesedaran industri terhadap fleksibiliti dan kemudahan yang ditawarkan oleh saluran digital ini.




**Seiring dengan prinsip penyampaian berasaskan keperluan pengguna, SSM telah menganjurkan tiga (3) siri Dialog Tahunan SSM 2024 di mana masing-masing diadakan pada 19 November di Kota Kinabalu, 21 November di Kuching dan 27 November di Kuantan. Ketiga-tiga sesi ini disertai oleh 541 peserta dari pelbagai pihak termasuk pengarah syarikat, setiausaha syarikat, agensi kerajaan, badan profesional, dewan perniagaan serta pihak berkuasa tempatan.**

Sesi dialog ini menjadi wadah untuk menyampaikan perkembangan terkini dasar dan peraturan serta ruang untuk menjawab pelbagai persoalan operasi, pelaksanaan dan pematuhan. Antara pengisian utama ialah taklimat mengenai Kriteria Baharu Pengecualian Audit, kemajuan MBRS 2.0 serta sesi dialog interaktif bersama Pengurusan Tertinggi SSM yang dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif sendiri, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia dan Penguatkuasaan), Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pendaftaran dan Perkhidmatan Perniagaan), Pengarah Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan serta Pengarah-pengarah Negeri Sabah, Sarawak dan Pahang.

Pelbagai cadangan dan maklum balas telah dikumpulkan dan sedang diteliti bagi mempertingkatkan lagi kecekapan penyampaian perkhidmatan SSM. Bagi SSM, sesi dialog ini bukan hanya proses sehalu menyampaikan maklumat, tetapi sebuah proses berterusan dalam mendengar suara industri dan membina dasar yang lebih responsif.

Di peringkat serantau, SSM telah dijemput sebagai panel penceramah dalam Kolokium Kerangka Perundangan Transaksi Bercagar yang dianjurkan oleh *Centre for Banking & Finance Law (CBFL)*, Fakulti Undang-Undang, *National University of Singapore (NUS)*. Kolokium ini meneliti status dan cabaran perundangan berkaitan transaksi bercagar di Singapura, Malaysia dan Brunei. Malaysia ketika ini sedang giat membangunkan rangka kerja perundangan tersebut yang akan dikawal selia oleh SSM dan turut melibatkan pembangunan sistem data elektronik untuk menyokong pendaftaran transaksi bercagar ke atas harta alih.

Perkongsian ini membolehkan SSM membanding dan menilai kekuatan serta jurang dalam model yang diguna pakai negara jiran. Brunei telah mendahului pelaksanaan menerusi *Secured Transactions Order 2016*, manakala Singapura masih di peringkat awal. Sumbangan SSM dalam kolokium ini tidak hanya membawa suara Malaysia, tetapi juga memperkukuh peranan negara dalam jaringan kerjasama perundangan serantau.



**Tahun 2024 juga menyaksikan penglibatan aktif SSM dalam kerjasama serantau dan antarabangsa yang menjangkaui sempadan nasional di mana ia satu langkah penting dalam menyelaraskan peraturan korporat negara dengan piawaian dan keperluan serantau serta global. Antaranya ialah penyertaan SSM dalam Bengkel Pengesahan Serantau berkenaan Pelan Pelaksanaan Penubuhan Nombor Pengenal Perniagaan Unik (UBIN), yang telah diadakan pada 20 hingga 21 November**

**2024 di Bangkok, Thailand. Bengkel ini, yang dianjurkan oleh Sekretariat ASEAN sebagai sebahagian daripada Keutamaan Penyampaian Ekonomi (*Priority Economic Deliverables, PED*) di bawah kepengerusian Lao PDR, memberi tumpuan kepada pembangunan sistem UBIN yang setara dan diiktiraf di seluruh rantau ASEAN.**

SSM, sebagai wakil Malaysia, telah terlibat secara langsung dalam perbincangan yang merangkumi pelbagai aspek teknikal dan dasar termasuk kerangka teknologi, tadbir urus, kawal selia, pembiayaan serta program pembangunan kapasiti. Turut dijalankan ialah sesi perbincangan kumpulan fokus bersama setiap Negara Anggota ASEAN bagi mengenal pasti keperluan dan pelan tindakan tersendiri berdasarkan tahap kesiapsiagaan masing-masing.

Hasil bengkel ini ialah komitmen bersama untuk memuktamadkan Laporan Penuh Pelan Pelaksanaan UBIN dan membentangkan laporan tersebut kepada setiap negara anggota untuk tindakan lanjut iaitu satu langkah penting ke arah penyelarasan maklumat perniagaan merentas sempadan bagi mempertingkatkan kemudahan pelaburan dan integrasi ekonomi serantau.

Dalam konteks antarabangsa pula, wakil SSM telah menghadiri Mesyuarat Kumpulan Kerja V (Insolvensi) UNCITRAL ke-64 yang berlangsung dari 13 hingga 17 Mei 2024 di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), New York. Mesyuarat ini membincangkan pelbagai aspek berkaitan undang-undang antarabangsa dalam konteks prosiding insolvensi rentas sempadan, termasuk:

- (a) Pengesanan dan pemulihan aset melalui draf *toolkit* ATR (*Asset Tracing and Recovery*);
- (b) Pemakaian undang-undang dalam prosiding insolvensi rentas sempadan; dan
- (c) Pemulihan sivil dalam konteks perundangan antarabangsa.

Kertas kerja berkaitan ATR telah dimuktamadkan, manakala perbincangan lanjut telah diteruskan dalam mesyuarat susulan pada 16 hingga 20 Disember 2024 di Vienna, Austria, yang turut disertai oleh delegasi SSM. Ini membuktikan peranan aktif SSM dalam membentuk dan menyesuaikan dasar domestik dengan hala tuju perundangan antarabangsa.

**SSM turut mengekalkan pendekatan berorientasikan rakyat melalui inisiatif seperti SSM BizDay 2024, yang telah berlangsung pada 16 dan 17 Ogos 2024. Program ini merupakan platform interaktif antara SSM dan pelanggan, bertujuan:**

- (a) Memperkenalkan perkhidmatan dan platform digital SSM;
- (b) Mengumpul maklum balas terus daripada pengguna; dan
- (c) Meningkatkan kesedaran pematuhan dan celik perniagaan.

Sebagai tambahan kepada dua (2) penyedia perkhidmatan sedia ada iaitu SSM *e-Info* dan *MyDATA* SSM, dua (2) penyedia perkhidmatan baharu turut diperkenalkan, iaitu SSM *Search* dan *SAFEDATA*-SSM, menjadikan jumlah keseluruhan kepada empat (4) penyedia perkhidmatan yang memastikan akses yang pantas dan tepat kepada maklumat entiti perniagaan untuk orang awam, pelabur dan usahawan.

Lebih 600 peserta telah menghadiri program ini, termasuk usahawan muda, wakil B40, kementerian, agensi kerajaan dan institusi akademik. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YBr. Tuan Ahmad Sabki Yusof, Pengerusi SSM. Kejayaan program ini turut disumbang oleh kehadiran enam (6) rakan strategik, termasuk MyIPO, SME Corp, FAMA, YIM, PERNAS dan Kementerian Pendidikan Tinggi, yang membuka reruai pameran serta menyediakan pelbagai tawaran kepada para peserta.

Seterusnya, salah satu anjakan penting yang telah dilaksanakan oleh SSM pada tahun 2024 ialah penubuhan SSM *Customer Care* (SSMCC) iaitu sebuah pusat perkhidmatan pelanggan dalaman yang menggantikan sistem pusat panggilan luaran yang digunakan sebelum ini. Dilancarkan secara rasmi pada 2 Januari 2024, SSMCC merupakan manifestasi komitmen SSM dalam memberikan pengalaman perkhidmatan yang lebih responsif, tepat dan cekap kepada pelanggan. Inisiatif ini memperkukuh keupayaan organisasi untuk menguruskan sendiri segala bentuk pertanyaan, aduan dan maklum balas pelanggan melalui sebuah sistem yang dikawal selia oleh SSM sendiri.

Selain itu, sebagai manifestasi komitmen SSM terhadap integriti dan tadbir urus yang cemerlang, pelancaran Kod Etika Korporat SSM pada 2 Ogos 2024 menjadi satu lagi pencapaian penting dalam menginstitusikan budaya kerja beretika di setiap peringkat organisasi. Majlis pelancaran telah berlangsung di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur dan disempurnakan oleh saya sendiri selaku Ketua Pegawai Eksekutif SSM. Buku ini diterbitkan sebagai dokumen rujukan utama yang selari dengan Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS) 2024–2028 dan merangkumi lima (5) polisi utama yang menjadi panduan tingkah laku serta garis sempadan profesionalisme warga kerja:

SSMCC dibangunkan dengan sokongan teknologi terkini, tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan sistem operasi yang dioptimumkan. Ia bukan sahaja memberi penekanan kepada kecekapan tindak balas, malah kepada aksesibiliti dan pengalaman pelanggan secara menyeluruh. Justeru, pelancaran SSMCC menandakan satu peralihan budaya perkhidmatan awam yang berorientasikan pelanggan sepenuhnya.

Dengan teknologi terkini, pasukan dalaman yang berkemahiran serta sistem sokongan digital yang mantap, SSMCC kini menjadi pusat sehati untuk menjawab pertanyaan, menyelesaikan aduan serta menyampaikan maklumat dengan lebih efisien. Tiga (3) saluran baharu telah diperkenalkan iaitu *Live Chat*, *Webform* dan *Knowledge Hub*. Majlis pelancaran rasmi SSMCC telah disempurnakan oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pada 27 Mac 2024 dan ini merupakan simbolik kepada peningkatan keupayaan SSM dalam memenuhi ekspektasi pelanggan secara lebih holistik dan inklusif.

- (a) Polisi Antirasuah;
- (b) Polisi Tiada Hadiah;
- (c) Polisi Percanggahan Kepentingan;
- (d) Polisi Larangan Sokongan dan Pengaruh Luar; dan
- (e) Polisi Pemberi Maklumat Dalaman.

Dokumen ini bukan sekadar bersifat dalaman, tetapi turut menjadi deklarasasi terbuka bahawa SSM menjadikan integriti sebagai asas setiap tindakan dan keputusan, dalam dan luar organisasi. Ia boleh dimuat turun melalui portal rasmi SSM di [www.ssm.com.my](http://www.ssm.com.my) di bawah tab Penerbitan, sebagai bukti keterbukaan dan kesediaan kami untuk dinilai berdasarkan prinsip akauntabiliti yang telus.

**Dalam usaha memperluas capaian fizikal dan memperkukuh penyampaian perkhidmatan, SSM turut mencatat satu detik penting dengan perasmian Menara**

**SSM Negeri Perak pada 24 September 2024. Majlis ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah dan disaksikan oleh Raja Permaisuri, Tuanku Zara Salim serta Raja Muda Perak, Raja Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa.**

Menara moden berkeluasan 175,853 kaki persegi ini dilengkapi kemudahan seperti parkir, kafe, surau dan kawalan keselamatan 24 jam, sekali gus memperlihatkan komitmen kami terhadap pengalaman pelanggan yang selesa, selamat dan mesra perniagaan.

Laporan prestasi tahun ini bukan sekadar mencerminkan pencapaian SSM dari aspek angka dan dasar, malah menjadi petunjuk jelas kepada anjakan strategik dalam membentuk SSM sebagai sebuah organisasi yang tangkas, inklusif dan proaktif. SSM tidak lagi sekadar menjalankan fungsi pengawalseliaan secara tradisional, sebaliknya tampil sebagai pemudah cara yang strategik, pendidik masyarakat korporat, perintis dalam pendigitalan serta peneraju dasar yang responsif terhadap keperluan semasa.

Sebagai penutup kepada catatan prestasi tahun ini, saya ingin merakamkan penghargaan yang tulus kepada YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Pengerusi dan Anggota Suruhanjaya atas kepimpinan strategik, sokongan berterusan dan keyakinan yang tidak pernah luntur terhadap hala tuju SSM sepanjang tahun 2024. Panduan dan keprihatinan mereka telah menjadi pemacu utama kepada pencapaian yang kita kecapai hari ini.


Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada seluruh warga kerja SSM di semua peringkat, daripada barisan pengurusan sehinggalah kepada pasukan pelaksana di lapangan, yang telah mencurahkan tenaga, idea serta komitmen tanpa jemu dalam merealisasikan agenda organisasi ini. Setiap kejayaan yang dicapai adalah manifestasi daripada semangat berpasukan dan usaha kolektif yang mantap. Setiap cabaran pula telah ditempuh dengan tabah, menjadikan kita lebih matang, bersedia dan tangkas dalam mendepani masa hadapan.

Dengan kekuatan pasukan yang kompeten dan berdaya saing, jalinan kerjasama strategik antara agensi serta sokongan padu daripada semua pemegang taruh, saya yakin SSM akan terus melangkah lebih jauh, membina impak yang bermakna, memperkukuh kepercayaan awam dan merintis tadbir urus korporat yang lebih progresif dan lestari. In sya Allah, SSM akan terus unggul sebagai peneraju transformasi sistem tadbir urus korporat di Malaysia.

*Terima kasih*

**YBHG. DATUK NOR AZIMAH ABDUL AZIZ**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Syarikat Malaysia



PERNYATAAN  
**TADBIR URUS**  
**KORPORAT**



**SSM kekal teguh dalam komitmennya untuk mengutamakan tadbir urus korporat yang kukuh, yang diyakini sebagai elemen penting dalam meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti. Sebagai badan pengawal selia yang bertanggungjawab ke atas pemantauan entiti korporat dan perniagaan di Malaysia, SSM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran serta meneguhkan dedikasinya dalam mempromosikan amalan tadbir urus korporat yang berkesan.**

## ■ ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Pelantikan Anggota Suruhanjaya oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (PDN) adalah selaras dengan seksyen 6 Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (ASSM 2001). Anggota Suruhanjaya ini dipilih daripada kalangan individu terkemuka yang terdiri daripada pengamal undang-undang, pegawai kanan kerajaan, profesional berpengalaman serta pemimpin korporat berprofil tinggi yang mempunyai rekod kecemerlangan dan integriti yang terbukti.

Dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan menentukan hala tuju SSM, individu-individu cemerlang ini memainkan peranan penting dalam membentuk strategi dan objektif organisasi. Sepanjang tahun, nasihat dan panduan yang tidak ternilai daripada Anggota Suruhanjaya telah menjadi faktor utama dalam pencapaian cemerlang SSM dan dalam menetapkan standard tinggi dalam sektor korporat.

Peranan dan tanggungjawab Anggota-anggota Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- (a) Memastikan pelaksanaan semua tugas dan tanggungjawab seperti yang ditetapkan dalam Akta-akta yang dikawal selia oleh Suruhanjaya;
- (b) Mengambil kira kepentingan kerajaan dalam proses membuat keputusan Suruhanjaya, khususnya bagi Anggota Suruhanjaya yang dilantik dalam kalangan

pegawai awam atau pegawai kerajaan;

- (c) Mengisytiharkan sebarang kemungkinan konflik kepentingan dan mengelakkan diri daripada mengundi atau menyertai proses membuat keputusan tersebut;
- (d) Tanpa prejudis, Anggota Suruhanjaya dikehendaki mengisytiharkan kepentingan mereka dan menarik diri daripada apa-apa perkara berkaitan kepentingan tersebut bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan konflik kepentingan;
- (e) Sepanjang tempoh perkhidmatan, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran berkaitan elemen Pemeriksaan Keselamatan yang dijalankan. Dalam situasi sedemikian, mereka harus mengosongkan jawatan serta-merta; dan
- (f) Menghadiri sebarang kursus atau sesi taklimat yang ditetapkan oleh Kementerian, jika berkenaan.

Pada tahun 2024, Suruhanjaya telah mengadakan sembilan (9) mesyuarat untuk membincangkan dan meluluskan perkara-perkara penting, termasuk strategi jangka panjang, inisiatif strategik dan penilaian terhadap Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan. Anggota Suruhanjaya menekankan kepentingan tadbir urus dan amalan terbaik serta menggalakkan integrasi prinsip-prinsip ini ke dalam pelbagai fungsi dan tanggungjawab Pengurusan SSM. Butiran mesyuarat yang diadakan pada tahun 2024 adalah seperti berikut:

### Perincian Mesyuarat serta Kehadiran Anggota Suruhanjaya bagi Tahun 2024

Anggota Suruhanjaya	Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-128	Mesyuarat Khas Anggota Bil. 1/2024	Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-129	Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-130	Mesyuarat Khas Anggota Bil. 2/2024	Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-131	Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-132	Mesyuarat Khas Anggota Bil. 3/2024	Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-133	Jumlah Kehadiran
	30 Januari 2024	5 Mac 2024	3 April 2024	28 Mei 2024	27 Jun 2024	20 Ogos 2024	30 September 2024	14 November 2024	19 Disember 2024	
YBrs. Tuan Ahmad Sabki bin Yusof	●	●	●	●	●	●	●	●	●	9/9
YBrs. Encik Mohd Asmirul Anuar bin Aris	●	●	●	●	●	●	●	●	●	9/9
YBrs. Prof. Dr. Mohd Nazri bin Kama	●	●	X	●	●	●	●	●	●	8/9
YBrs. Dr. Zulqarnain bin Lukman	●	●	●	●	●	●	●	●	●	9/9
YBrs. Sr. Hj. Dzulkefly bin Hj. Ahmad	X	●	●	●	●	●	●	●	●	8/9
YBrs. Tuan Hj. Zulkifli bin Hj. Mohamed	●	X	●	●	●	●	Telah meletakkan jawatan sebagai Anggota Suruhanjaya berkuatkuasa pada 1 September 2024		●	5/6
YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar	X	●	●	X	●	●	●	●	X	6/9
YBrs. Encik Alan bin Abdul Rahim	Mula dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 20 Mac 2024		●	●	●	X	●	X	●	5/7
YBhg. Datuk Pengiran Saifuddin bin Pengiran Tahir	Mula dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 1 September 2024						●	●	●	3/3
YBhg. Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz	●	●	●	●	X	●	●	●	●	8/9

● Hadir

X Tidak hadir dengan izin

\*Sebanyak lima (5) Kertas Resolusi Edaran telah diedarkan dalam tahun 2024

Berikut ialah tugas dan tanggungjawab setiap Jawatankuasa yang dianggotai oleh Anggota Suruhanjaya:

JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN	KETERANGAN
Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko	<p>Tanggungjawab Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>(a) Membantu Suruhanjaya menguruskan audit dan risiko dalam membuat semakan terhadap kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman;</li> <li>(b) Menyemak polisi pengurusan risiko dan amalan di Suruhanjaya bagi memastikan keberkesanan;</li> <li>(c) Menyemak Laporan Kewangan tahunan sebelum dikemukakan kepada Suruhanjaya;</li> <li>(d) Menyemak laporan pengurusan juruaudit luar dan respon pengurusan;</li> <li>(e) Menyokong dan menentukan arah kepada fungsi Audit Dalam untuk memastikan keberkesanan; dan</li> <li>(f) Mempertimbangkan hasil dapatan yang ditimbulkan di dalam Laporan Audit Dalam atau lain-lain siasatan dalaman dan maklum balas daripada pengurusan dan menentukan tindakan pembetulan yang sepatutnya diperlukan oleh pengurusan.</li> </ol>

<b>JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN</b>	<b>KETERANGAN</b>
Jawatankuasa Pelaburan	Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengawasi aktiviti pelaburan dana SSM dan memformulasikan garis panduan serta prosedur berkaitan pelaburan.
Jawatankuasa Perjawatan dan Perkhidmatan	Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menentukan dan menyelia semua polisi yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia di SSM.
Lembaga Perolehan	<p>Tanggungjawab Lembaga Perolehan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) Menimbang, menilai dan membuat keputusan bagi perolehan yang tidak melebihi RM100 juta;</li><li>(b) Tertakluk kepada had kuasa yang ditetapkan, Lembaga Perolehan SSM adalah bertanggungjawab mempertimbang dan menyetujui terima tender berasaskan kepada prinsip, dasar dan peraturan SSM;</li><li>(c) Memastikan semua permohonan perolehan yang dikemukakan kepada Jawatankuasa mematuhi kriteria-kriteria berikut:<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Keperluan;</li><li>▪ Mengikut keutamaan;</li><li>▪ Bersesuaian dengan pelaksanaan fungsi dan aktiviti; dan</li><li>▪ Ditetapkan untuk kegunaan rasmi.</li></ul></li><li>(d) Memastikan kaedah perolehan adalah mematuhi peruntukan arahan-arahan dan pekeliling-pekeliling yang berkuat kuasa;</li><li>(e) Menyemak keupayaan teknikal dan kewangan petender; dan</li><li>(f) Mempertimbang dan memutuskan tender yang paling menguntungkan dengan mengambil kira harga, perkhidmatan atau kegunaan barangan, kuantiti, kualiti, tempoh penyerahan atau penyiapan, kos penyelenggaraan dan faktor-faktor lain yang berkaitan.</li></ul>
Jawatankuasa Tatatertib I	<p>Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menjatuhkan hukuman tatatertib bagi pegawai berjawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan Profesional.</p> <p>Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman buang kerja atau turun pangkat.</p>
Jawatankuasa Rayuan Tatatertib I	Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menerima, menimbang dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai berjawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan Profesional terhadap keputusan Jawatankuasa ini.
Jawatankuasa Tatatertib II	<p>Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menjatuhkan hukuman tatatertib bagi pegawai berjawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi.</p> <p>Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman selain dari buang kerja atau turun pangkat.</p>

<b>JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN</b>	<b>KETERANGAN</b>
Jawatankuasa Rayuan Tatatertib II	Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai berjawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi terhadap keputusan Jawatankuasa ini.
Jawatankuasa Tatatertib III	<p>Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menjatuhkan hukuman tatatertib bagi pegawai berjawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.</p> <p>Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman selain dari buang kerja atau turun pangkat.</p>
Jawatankuasa Rayuan Tatatertib III	Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai berjawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional terhadap keputusan Jawatankuasa ini.
Jawatankuasa Tatatertib IV	<p>Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menjatuhkan hukuman tatatertib bagi pegawai berjawatan Kumpulan Sokongan.</p> <p>Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman buang kerja atau turun pangkat.</p>
Jawatankuasa Rayuan Tatatertib IV	Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai berjawatan Kumpulan Sokongan terhadap keputusan Jawatankuasa ini.
Jawatankuasa Tatatertib V	<p>Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menjatuhkan hukuman tatatertib bagi pegawai berjawatan Kumpulan Sokongan.</p> <p>Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman selain dari buang kerja atau turun pangkat.</p>
Jawatankuasa Rayuan Tatatertib V	Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai berjawatan Kumpulan Sokongan terhadap keputusan Jawatankuasa ini.

## ■ SISTEM PENGURUSAN ANTI-RASUAH (SPAR) SSM

SSM telah berjaya memperoleh pensijilan MS ISO 37001:2016 bagi SPAR yang merangkumi 23 lokasi termasuk Ibu Pejabat, Pejabat Negeri dan Cawangan.

Pada 13 hingga 16 Ogos 2024, SIRIM QAS International telah berjaya melaksanakan audit pensijilan semula secara menyeluruh bagi SPAR di semua lokasi yang ditetapkan. Pencapaian penting ini dicapai hasil daripada komitmen padu pengurusan tertinggi, usaha gigih pasukan audit dalaman, penglibatan proaktif

jawatankuasa pelaksana serta pemantauan berterusan oleh Seksyen Integriti dan Disiplin (SID) yang berperanan sebagai Fungsi Pematuhan Anti-Rasuah/ *Anti-Bribery Compliance Function* (ABCF). Komitmen bersama ini dalam menegakkan standard tertinggi integriti dan pematuhan telah memainkan peranan penting dalam memastikan pensijilan SPAR yang berterusan. Hasilnya, SSM telah berjaya memperoleh pensijilan semula bagi tempoh dari 5 Oktober 2024 hingga 4 Oktober 2027.

## ■ PEKELILING PEMILIKAN DAN PERISYTIHARAN HARTA OLEH PEGAWAI SSM

Pihak Pengurusan telah meluluskan Pekeliling Perkhidmatan SSM No. 1 Tahun 2006 (Pindaan 1 Tahun 2024) – Pemilikan dan Perisytiharan Harta oleh Pegawai SSM, yang berkuat kuasa pada 1 Mac 2024. Pekeliling ini bertujuan memberikan panduan serta tatacara perisytiharan harta pegawai SSM melalui e-Harta dalam sistem e-BSK SSM.

Perisytiharan harta merupakan mekanisme penting untuk menegakkan ketelusan, integriti dan akauntabiliti, di samping berperanan sebagai langkah pencegahan terhadap gejala rasuah dalam operasi dan perkhidmatan

SSM. Selain itu, perisytiharan harta membolehkan pemantauan dan pengurusan aset dilakukan dengan lebih berkesan, sekali gus meningkatkan keyakinan serta kepercayaan orang awam terhadap institusi awam.

Selaras dengan komitmen ini, 100% pegawai SSM telah mengemukakan perisytiharan harta masing-masing mengikut peruntukan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatakelakuan dan Tatatertib) 2000 [Akta 605], melalui sistem e-Harta yang dibangunkan khusus bagi tujuan tersebut.

## ■ PROGRAM KESEDARAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS SSM 2024

Sepanjang tahun 2024, SSM telah menganjurkan pelbagai program kesedaran bagi meningkatkan kefahaman serta memperkukuh budaya integriti dalam kalangan warga kerja. Program-program ini merangkumi isu integriti, Pelan Antirasuah Organisasi/ *Organizational Anti-Corruption Plan* (OACP), SPAR serta tatacara perisytiharan harta.

Penganjuran program ini bertujuan untuk:

- (a) Menanam nilai integriti dan etika kerja yang tinggi dalam kalangan pegawai SSM;
- (b) Memastikan pematuhan terhadap garis panduan

- serta prosedur berkaitan OACP dan SPAR;
- (c) Memberikan panduan kepada pegawai mengenai proses dan keperluan perisytiharan harta; dan
- (d) Meningkatkan kesedaran mengenai risiko rasuah serta langkah-langkah pencegahannya dalam persekitaran kerja.

Program yang telah dilaksanakan termasuk seminar, bengkel, sesi latihan dan ceramah yang melibatkan pakar industri serta agensi berkaitan bagi memastikan pemahaman yang lebih mendalam dalam kalangan peserta. Program dan aktiviti yang dianjurkan pada tahun 2024 adalah seperti berikut:

AKTIVITI	LOKASI	TARIKH
Taklimat mengenai 'Bahaya Dadah' oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)	Menara SSM@Sentral	8 Februari 2024
Bengkel Pengemaskinian Penilaian Risiko Rasuah/ <i>Bribery Risk Assessment</i> (BRA) kepada Jawatankuasa Pelaksana SPAR SSM	Klang	4–6 Mac 2024
Kursus Audit Dalaman MS ISO 37001:2016 SPAR kepada Juruaudit Dalaman SPAR SSM	Klang	6–8 Mac 2024
Taklimat mengenai Pengenalan kepada Pekeliling Pemilikan dan Perisytiharan Harta oleh Pegawai SSM	Secara dalam talian ( <i>Microsoft Teams</i> )	20 Mac 2024
Taklimat mengenai 'Bahaya Dadah' oleh AADK	Menara SSM@Sentral	25 April 2024
Taklimat mengenai 'Lapor Rasuah Dapat Ganjaran' oleh KPND kepada pekerja SSM	Menara SSM@Sentral dan Secara dalam talian ( <i>Microsoft Teams</i> )	29 April 2024
Taklimat mengenai 'Bahaya Dadah' oleh AADK	Pejabat SSM Negeri Sembilan	30 April 2024
Taklimat mengenai 'Bahaya Dadah' oleh AADK	Pejabat SSM Negeri Melaka	3 Mei 2024
Taklimat mengenai 'Bahaya Dadah' oleh AADK	Pejabat SSM Negeri Perak	7 Mei 2024
Bengkel Modul Pengukuhan Governans, Integriti & Rasuah (MPGIA) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Putrajaya	2-4 September 2024
Kursus MPGIA kepada Jawatankuasa Pelaksana dan Juruaudit Dalaman SPAR SSM	Kuala Lumpur	28-30 Oktober 2024
Taklimat mengenai 'Bahaya Dadah' oleh AADK	Menara SSM@Sentral	7 November 2024
Taklimat Integriti ' <i>Guarantee Money</i> : Pengkisahan Dari Tirai Besi' oleh Encik Md Shahrizal Che Dan	Menara SSM@Sentral	27 November 2024
Taklimat mengenai 'Bahaya Dadah' oleh AADK	Pejabat SSM Negeri Sarawak	5 Disember 2024

## PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko adalah amalan penting yang membantu organisasi untuk mengenal pasti, menilai dan menangani risiko sebelum ia menjadi isu yang besar. Dengan mengamalkan pendekatan yang proaktif, SSM berazam untuk mengurangkan ketidakpastian dan melindungi kepentingan pihak-pihak berkepentingan. Proses pengurusan risiko SSM diterapkan di dalam

proses membuat keputusan di semua peringkat bagi memupuk budaya kesedaran dan kesiapsiagaan. Melalui penilaian dan penyesuaian yang berterusan, SSM memastikan bahawa ia sentiasa bersedia untuk menangani cabaran yang dijangka dan tidak dijangka, sekaligus memacu kejayaan dan pertumbuhan yang mampan.

## ■ PENGURUSAN RISIKO ENTERPRISE


SSM telah menerima pakai Polisi dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Enterprise (*Enterprise Risk Management*, ERM) bagi menggalakkan proses pengenalpastian dan jangkaan risiko yang lebih proaktif dalam persekitaran pengoperasian organisasi. Dalam usaha untuk mencapai visinya, SSM perlu memiliki keupayaan untuk menguruskan risiko ke satu tahap yang boleh diterima. Sehubungan itu, Anggota Suruhanjaya telah memandatkan enam (6) Polisi ERM seperti berikut:

- (a) Mengintegrasikan amalan pengurusan risiko ke dalam budaya kerja, aktiviti operasi dan proses membuat keputusan di SSM;
- (b) Membuat jangkaan dan bertindak balas terhadap perubahan risiko strategik, tadbir urus, pematuhan, operasi, siber, sistem dan kewangan secara proaktif;
- (c) Mengurus risiko secara pragmatik, ke tahap yang boleh diterima mengikut keadaan-keadaan tertentu bagi sesuatu situasi;
- (d) Memastikan semua kertas cadangan yang

dikemukakan oleh Pengurusan kepada Anggota Suruhanjaya berkaitan strategi, kelulusan projek-projek utama, tindakan signifikan atau pelaburan telah mengambil kira faktor-faktor risiko dan strategi pengurusan risiko;

- (e) Memupuk sikap kebertanggungjawaban dan akauntabiliti dalam pelaksanaan ERM di kalangan semua pekerja; dan
- (f) Melaksanakan rangka kerja ERM yang kukuh dan mantap di SSM.

Rangka kerja ERM telah dibangunkan dengan teliti selaras dengan ISO 31000:2018 (Garis Panduan Pengurusan Risiko). Ia berfungsi sebagai panduan dan rujukan komprehensif kepada semua pihak berkepentingan, dalam usaha memupuk budaya pengurusan risiko yang berkesan serta mengintegrasikan prinsip ERM secara menyeluruh ke dalam ekosistem SSM, seperti yang digambarkan di bawah:



## ■ PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN

SSM juga melaksanakan program Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (*Business Continuity Management*, BCM) berdasarkan kepada ISO 22301:2019 (*Societal Security-Business Continuity Management System-Requirements*) dan amalan terbaik industri bagi memastikan perkhidmatan bagi fungsi-fungsi kritikal SSM mampu diteruskan atau segera dipulihkan dalam apa jua keadaan. Ini termasuklah insiden-insiden yang melibatkan bencana alam, teknologi dan perbuatan manusia, begitu juga insiden yang menyebabkan kehilangan akses kepada sebahagian atau keseluruhan fasiliti atau perkhidmatan yang terjejas akibat daripada kegagalan peralatan atau sistem.

Pelaksanaan BCM akan memastikan ketahanan operasi SSM serta keupayaan untuk bertindak balas dengan yakin terhadap pelbagai bentuk gangguan. Suruhanjaya mempunyai tanggungjawab sebagai pemegang amanah dalam memastikan bahawa SSM sentiasa berdaya tahan terhadap sebarang gangguan perniagaan, kecemasan dan bencana dengan mengguna pakai Polisi BCM yang kukuh dan berkesan seperti berikut:

- (a) Memahami keperluan SSM dan jangkaan pihak berkepentingan;
- (b) Memantau dan menilai prestasi dan keberkesanan BCM;
- (c) Mengintegrasikan BCM ke dalam budaya, aktiviti-aktiviti operasi dan proses pembuatan keputusan di SSM;
- (d) Memupuk sikap kebertanggungjawaban dan akauntabiliti di kalangan semua pekerja dalam melaksanakan BCM; dan
- (e) Melaksanakan rangka kerja BCM serta langkah dan kawalan operasi yang mantap bagi mengurus keseluruhan keupayaan SSM dalam menangani sesuatu insiden atau gangguan.

Rangka kerja BCM bertujuan memastikan pendekatan pihak pengurusan SSM terhadap kesinambungan perkhidmatan adalah baik dan komprehensif. Rangka kerja BCM yang mantap menunjukkan bahawa SSM bersedia untuk bertindak balas dengan efektif terhadap apa jua kecemasan atau krisis pada bila-bila masa. Objektif rangka kerja ini adalah sebagai panduan kepada pihak pengurusan dalam:

- (a) Membangun dan menyelenggara Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (*Business Continuity Plan*, BCP) yang mantap dan realistik dalam memastikan pengurusan operasi perniagaan yang berkesan semasa gangguan berlaku;
- (b) Membolehkan pemulihan fungsi-fungsi kritikal perkhidmatan dilaksanakan sepantas yang mungkin; dan
- (c) Memastikan operasi perkhidmatan yang berterusan kepada pelanggan dalam masa yang sama mempertimbang dan menangani keperluan pekerja.

Rangka kerja BCM di SSM adalah seperti gambar rajah di bawah:




## STRUKTUR TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab membentuk Polisi dan Rangka Kerja ERM serta BCM yang bersesuaian. Selain itu, mereka juga menyemak dan membincangkan risiko utama dan memberikan panduan strategik berkaitan isu-isu BCM bagi memastikan keberkesanan sistem pengurusan risiko secara menyeluruh.

Bagi pihak Anggota Suruhanjaya, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (JAPR) bertanggungjawab menyelia, menilai dan memastikan keberkesanan serta kecukupan sistem ERM dan BCM. Tanggungjawab untuk melaksanakan Polisi dan Rangka Kerja ERM dan BCM secara menyeluruh diletakkan di bawah bidang kuasa Pengurusan SSM, dengan penubuhan *Management Level – Risk Management Committee (ML-RMC)* bagi memantau pelaksanaan inisiatif ini secara holistik.

Di peringkat operasi, Seksyen Pengurusan Risiko (SPR) berperanan memperkukuh inisiatif pengurusan risiko dan BCM melalui kerjasama strategik yang berterusan. Pendekatan ini bertujuan meningkatkan daya ketahanan SSM dalam menghadapi persekitaran operasi yang dinamik, selain menyokong pengambilan keputusan yang lebih tepat dan berkesan.

Struktur pelaporan yang sistematik memastikan komunikasi yang lebih tersusun dalam menyelaraskan strategi ERM dan BCM ke dalam operasi harian SSM. Selain itu, ia juga menjamin akauntabiliti, autoriti dan kompetensi yang bersesuaian dalam pengurusan risiko. SPR bertanggungjawab melaporkan secara berkala dan konsisten kepada JAPR bagi memastikan pemantauan serta pengesanan keberkesanan proses ERM dan BCM secara berterusan.



— Pelaporan secara terus

- - - Pelaporan bagi pelaksanaan dan pemantauan pihak pengurusan serta mengambil kira maklum balas dan/ atau komen daripada pihak pengurusan untuk melengkapkan laporan kepada JAPR.

## ■ AKTIVITI UTAMA SPR PADA TAHUN 2024

Ringkasan aktiviti–aktiviti utama yang dilaksanakan oleh SPR sepanjang tahun adalah seperti berikut:

- (a) Pengautomasian proses kerja ERM dan BCM;
- (b) Program Kesedaran ERM dan BCM;
- (c) Penilaian Risiko di pelbagai peringkat;
- (d) Latihan Simulasi **Tabletop** dan Kebakaran di semua bangunan milik SSM;
- (e) Pindaan dan penambahbaikan Polisi dan Rangka Kerja BCM SSM; dan
- (f) Pelaporan risiko kepada JAPR dan ML-RMC secara berkala.

## ■ PERNYATAAN AUDIT DALAM

Seksyen Audit Dalam (SAD) berfungsi sebagai satu entiti semakan dalaman bebas dan objektif, yang komited untuk meningkatkan nilai keseluruhan SSM dengan memperkukuh operasi serta menyokong pencapaian objektif strategik dan visi organisasi.

Fungsi teras Seksyen ini merangkumi penyampaian penilaian yang bebas dan menyeluruh ke atas keberkesanan amalan pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman serta proses tadbir urus SSM. Di samping itu,

SAD turut menyediakan perkhidmatan perundingan dan nasihat kepada pihak berkepentingan yang berkaitan, dengan tujuan memperkasa budaya penambahbaikan berterusan secara sistematik dan berdisiplin.

Kesemua aktiviti audit dilaksanakan berdasarkan Pelan Audit Tahunan yang telah diluluskan oleh JAPR. Menerusi rangka kerja tadbir urus ini, SAD terus mendokong prinsip akauntabiliti, ketelusan dan penambahbaikan berterusan, selaras dengan hala tuju strategik SSM.

## ■ KEBEBASAN DAN OBJEKTIVITI AUDIT DALAM

SAD berfungsi sebagai sebuah unit yang bebas dan objektif dalam melaksanakan tanggungjawabnya. SAD melaporkan secara fungsi kepada JAPR dan secara pentadbiran kepada KPE. Struktur pelaporan dwi ini mengukuhkan kebebasan SAD serta memastikan penjarangan dengan amalan terbaik.

Kebebasan merujuk kepada keadaan SAD yang bebas daripada sebarang syarat atau pengaruh yang boleh menjejaskan, atau dilihat menjejaskan, keupayaannya

untuk melaksanakan tugas secara adil. Bagi menyokong prinsip ini, Pengurus Kanan SAD diberikan akses secara langsung dan tanpa sekatan kepada Anggota Suruhanjaya serta Pengurusan Tertinggi SSM.

Objektiviti pula bermaksud semua penilaian dan kajian semula yang dijalankan oleh SAD dilaksanakan dengan penuh integriti, profesionalisme serta tanpa sebarang bias atau pengaruh daripada kepentingan peribadi atau pihak luar.

## PIAWAIAN AUDIT DALAM DAN MEKANISME PELAPORAN

SAD melaksanakan fungsinya selaras dengan prosedur dan polisi dalaman yang telah ditetapkan, termasuk Piagam Audit (*Audit Charter*) serta rangka kerja berkaitan seperti Kerangka Amalan Profesional Antarabangsa (*International Professional Practices Framework*, IPPF), dalam menjalankan fungsi auditnya.

Setiap laporan audit yang dihasilkan, bersama cadangan tindakan penambahbaikan, akan dibentangkan kepada JAPR setelah melalui perbincangan dengan Pengurusan Tertinggi, tertakluk kepada tahap materialiti penemuan yang dilaporkan. SAD juga bertanggungjawab menjalankan tindakan susulan secara berkala bagi memantau status pelaksanaan tindakan pembedahan atau penambahbaikan oleh klien audit dan Pengurusan Tertinggi yang berkaitan. Setelah tindakan tersebut

disahkan telah dilaksanakan dengan berkesan, penemuan audit berkenaan akan ditutup secara rasmi dan dibentangkan kepada JAPR untuk kelulusan.

Bagi menjamin integriti audit dan kualiti pelaporan yang tinggi, SSM telah menguatkuasakan mekanisme semakan dua (2) peringkat terhadap semua laporan audit. Proses ini direka bentuk bagi memastikan ketepatan, akauntabiliti dan penjajaran dengan amalan terbaik. Di bawah mekanisme ini, setiap laporan audit akan disemak terlebih dahulu oleh Pengurus Unit, diikuti dengan semakan oleh Pengurus Kanan bagi memastikan skop pengauditan telah diliputi sepenuhnya dan standard kualiti dipatuhi. Laporan akhir hanya akan dikemukakan secara berperingkat kepada klien audit, Pengurusan Tertinggi dan akhirnya kepada JAPR.

## SKOP DAN BIDANG UTAMA AUDIT

Selaras dengan Piagam Audit, skop pengauditan dan perundingan yang dilaksanakan oleh SAD meliputi keseluruhan proses dan aktiviti yang berlaku di SSM, termasuk apa jua arahan atau permohonan yang diterima daripada Anggota Suruhanjaya, JAPR atau Pengurusan Tertinggi.

Bagi perancangan Pelan Tahunan Audit, SAD yang berfungsi sebagai lapisan perlindungan yang terakhir dalam konteks *Three Lines of Defence*, mengguna pakai pendekatan berasaskan risiko yang sejajar dengan Kerangka ERM SSM. Pendekatan ini membolehkan SAD mengenal pasti keutamaan audit berdasarkan tahap pendedahan kepada risiko strategik, di samping memastikan penggunaan sumber audit yang ada secara optimum.

Pada tahun 2024, SAD telah memberi tumpuan kepada enam (6) bidang keutamaan yang melibatkan proses operasi dan tadbir urus SSM. Liputan bagi bidang keutamaan audit sepanjang tahun adalah seperti berikut:


- (a) Pengurusan Penguatkuasaan di Ibu Pejabat, Pejabat Negeri dan Pejabat Cawangan SSM;
- (b) Pengurusan Kawalan Maklumat dan Keselamatan Siber;
- (c) Pengurusan Strategik dan Perkhidmatan Pelanggan;
- (d) Pengurusan Hasil dan Kewangan;
- (e) Pengurusan Projek; dan
- (f) Pengurusan Operasi Perkhidmatan Pendaftaran.

## SUMBER AUDIT DALAM

Pada tahun 2024, fungsi SAD telah dilaksanakan oleh sebuah pasukan khusus yang terdiri daripada 18 orang juruaudit dan dua (2) orang pembantu tadbir. Seksyen ini diketuai oleh seorang Pengurus Kanan dan disokong oleh empat (4) orang Pengurus, masing-masing mengetuai unit fungsian mereka.

Carta organisasi SAD dinyatakan dalam carta seperti di bawah:

### Carta Organisasi Seksyen Audit Dalam



Semua juruaudit dalam SAD memiliki sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda, sekali gus memastikan asas akademik yang kukuh bagi menyokong pelaksanaan tanggungjawab mereka. Pecahan bidang kepakaran bagi pekerja di Seksyen ini adalah seperti berikut:

BIDANG KEPAKARAN	JURUAUDIT	PERATUSAN
Kewangan dan Perakaunan	13	72%
Teknologi Maklumat	2	11%
Pemasaran	1	6%
Pengurusan Teknologi	2	11%
<b>JUMLAH</b>	<b>18</b>	<b>100%</b>

Pada tahun 2024, Anggota Suruhanjaya dan Pengurusan Tertinggi telah meluluskan bajet kewangan tahunan yang diperuntukkan kepada SAD bagi memastikan Seksyen tersebut dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan. Selain itu, JAPR telah menilai keperluan sumber Seksyen termasuk menyemak serta

meluluskan sebarang permohonan bagi penambahan tenaga kerja atau penambahbaikan teknologi. Usaha-usaha ini bertujuan untuk memperkukuh keupayaan SAD agar dapat beroperasi dengan lebih cekap dan melaksanakan fungsinya dengan lebih berkesan.

## ■ KELAYAKAN PROFESIONAL DAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI

SAD komited untuk terus meningkatkan tahap kecekapan pekerjaannya melalui pembangunan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan secara proaktif. SSM secara aktif menggalakkan para juruauditnya untuk memperoleh pensijilan dan kelayakan profesional yang diiktiraf bagi memperkukuh kualiti audit dan mengekalkan piawaian profesional.

Sehingga 31 Disember 2024, seramai 11 orang juruaudit telah memperoleh sebanyak 13 pensijilan profesional secara keseluruhan, seperti yang diperincikan di bawah:

KELAYAKAN PROFESIONAL	PENSIJILAN
Ijazah Sarjana	1
<i>Certified Enterprise Risk Manager (Institute of Enterprise Risk Management)</i>	1
Ahli Bersekutu Institut Juruaudit Dalaman (IIA) Malaysia	8
Akauntan Bertauliah (Institut Akauntan Malaysia)	1
<i>Certified Financial Investigator</i>	1
<i>Certified Information Security Management System (ISMS) Lead Auditor</i>	1
<b>JUMLAH</b>	<b>13</b>

Pada tahun 2024, seramai lapan (8) orang juruaudit telah menjalani latihan persediaan untuk peperiksaan profesional *Certified Internal Auditor (CIA)* di bawah kelolaan IIA Malaysia. Selain itu, dua (2) orang juruaudit telah menyertai program latihan profesional *Certified Information Systems Auditor (CISA)* yang dianjurkan oleh ISACA.

Di samping latihan yang berfokuskan pensijilan, para pegawai di semua peringkat turut menghadiri pelbagai

kursus merangkumi pengetahuan teknikal dan kemahiran insaniah bagi meningkatkan kecekapan dalam bidang tanggungjawab masing-masing.

Bagi menyokong pembelajaran berterusan serta akses kepada bahan rujukan dan sumber audit yang terkini, SAD mengekalkan keahlian korporat tahunan dengan IIA Malaysia, sekali gus mengukuhkan pembangunan profesional yang berterusan dalam kalangan juruauditnya.



**ANGGOTA**  
**SURUHANJAYA**  
**SYARIKAT**  
**MALAYSIA**





**YBRS. TUAN AHMAD SABKI BIN YUSOF (Pengerusi)** telah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 1 Mac 2023. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LL.B), Sarjana Undang-Undang Perbandingan (MCL) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) daripada Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia (UIAM).

YBrs. Tuan Ahmad Sabki merupakan seorang peguambela dan peguamcara yang berpengalaman luas dalam perundangan khususnya undang-undang berkaitan syarikat dan komersial. Selain daripada pengalaman sebagai peguam, beliau pernah berkhidmat sebagai Penasihat Undang-undang di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dari 2014 hingga 2016. Sebelum itu, beliau berkhidmat sebagai Ketua Kumpulan Undang-Undang, Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPS).

Beliau juga pernah menyandang jawatan di *Kulim Technology Park Corporation* (KHTP) sebagai Pengurus di Jabatan Undang-Undang bermula 2010 hingga 2011 dan *BIMB Institute of Research and Training* (BIRT) sebagai Eksekutif Undang-Undang bagi tempoh bermula 1997 sehingga 1999.

Komitmen YBrs. Tuan Ahmad Sabki terhadap profesion perundangan terserlah melalui peranan cemerlang beliau di KHTP dan BIRT. Beliau memegang jawatan penting sebagai Pengurus Jabatan Undang-Undang di KHTP dan Eksekutif Undang-Undang di BIRT, mencerminkan kepimpinan dan kepakaran beliau dalam mengendalikan hal-hal perundangan yang kompleks dengan cemerlang.



**YBHG. DATO' SERI MOHD SAYUTHI BIN BAKAR** telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya berkuat kuasa 1 Disember 2023. Beliau memiliki Sarjana Muda Pengajian Asia Tenggara (Kepujian) dari Universiti Malaya (UM), yang diperoleh pada tahun 1994 dan Sarjana Teknologi Maklumat daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang menamatkan pengajian pada tahun 2004. Beliau juga memperoleh Diploma Tadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 1996.

Dato' Seri Mohd Sayuthi mempunyai kerjaya yang cemerlang dalam perkhidmatan awam, bermula sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik, berkhidmat dalam pelbagai peranan penting di seluruh kementerian dan kerajaan tempatan. Pelantikan awal beliau termasuk Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan di Jabatan Imigresen Malaysia (1995–1996) dan Penolong Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik, Kementerian Dalam Negeri (1997–1999).

Dari tahun 2000 hingga 2002, beliau berkhidmat sebagai Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri, diikuti dengan peranan sebagai Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Kewangan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (2004-2006).

Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua Audit Dalam di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2007 dan menjadi Timbalan Pengarah UPEN sehingga tahun 2010. Antara 2010 dan 2019, beliau menerajui di peringkat pihak berkuasa tempatan sebagai Presiden Majlis Perbandaran Sepang dan Kajang dan seterusnya sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada 2019.

Pada tahun 2021, beliau Kembali ke Jabatan Imigresen Malaysia sebagai Timbalan Ketua Pengarah dan kemudiannya berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri. Beliau merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari 19 Disember 2022 hingga 4 Oktober 2023, sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pada 4 Oktober 2023.



**YBRS. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS** telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya berkuat kuasa 1 Mac 2023. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), yang dianugerahkan pada bulan Julai 2001 dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan & Perbankan) dari Universiti Utara Malaysia (UUM), pada April 2008. Beliau juga merupakan Akauntan Bertauliah, yang diperakui oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah dan memegang jawatan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) Kedah. Sebelum itu, beliau adalah ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Kedah, di mana beliau menguruskan portfolio Pelancongan, Seni & Budaya, Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Selain perkhidmatan kerajaannya, beliau telah secara aktif menyumbang kepada organisasi bukan berasaskan keuntungan dan mengambil bahagian dalam pelbagai inisiatif politik dan sosial di Kedah.

Latar belakang profesional beliau merangkumi peranan penting dalam sektor perbankan, setelah berkhidmat sebagai Pegawai Bank Kanan di *Standard Chartered Bank* dan Hong Leong Bank di Kuala Lumpur. Beliau juga merupakan Pengurus Kanan Kewangan dan Sumber Manusia di sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di bawah Kerajaan Negeri Kedah.



**YBRS. PROFESOR DR. MOHD NAZRI BIN KAMA** telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 1 Mac 2023. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Data dan Sarjana dalam Kejuruteraan Perisian Masa-Nyata daripada UTM dan Ijazah Kedoktoran di dalam bidang Kejuruteraan Perisian daripada *University of Western Australia*.

Kepakaran dan pengetahuan luas beliau dalam bidang kejuruteraan perisian, pengurusan maklumat, pangkalan data serta analitik data raya memberi impak yang besar dan telah menerima pelbagai pengiktirafan industri. YBrs. Profesor Dr. Mohd Nazri telah dilantik sebagai Felo Pelawat di Institut Maritim Malaysia dan merupakan pakar bidang khusus untuk Dana Penyelidikan di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Beliau juga merupakan ahli Majlis Profesor Negara dan Akademi Profesor Malaysia. Beliau pernah dilantik sebagai Ketua Jabatan Informasi dan Timbalan Dekan Kajian dan Inovasi di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur. Beliau juga merupakan seorang Profesor penuh di Fakulti Teknologi dan Informasi Razak di universiti yang sama. Pada masa ini beliau adalah Ketua Pengarah di Jabatan Perlindungan Data Peribadi di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital.



**YBRS. DR. ZULQARNAIN BIN LUKMAN** telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 1 Mac 2023. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dan Ijazah Undang-Undang (Shariah) (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau turut memiliki Sarjana Undang-Undang Perbandingan dan Ijazah Kedoktoran (Perlembagaan) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

YBrs. Dr Zulqarnain adalah seorang Peguambela & Peguamcara dan Peguam Syarie' (Selangor & Wilayah Persekutuan) yang telah bergiat aktif dalam bidang perundangan sejak tahun 2000 di mana beliau menjadi rakan kongsi di Tetuan Asri Musa & Co bermula dari tahun 2009 hingga sekarang. Beliau juga adalah pakar dalam bidang perundangan seperti undang-undang perlembagaan dan pentadbiran, hal-hal hartanah dan sivil, undang-undang syariah serta hal-hal melibatkan perjanjian dan khidmat nasihat korporat berkaitan penstrukturan korporat, pemiutang dan penghutang. Beliau pernah berkhidmat di Jabatan Perdana Menteri sebagai ahli Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) dan pernah dilantik menganggotai Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Di samping itu, beliau juga turut dilantik sebagai perunding bagi membangunkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Pejabat Perdana Menteri. Beliau juga pernah dilantik untuk mewakili Kerajaan Negeri Kelantan dalam Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syariah dan Sivil peringkat Persekutuan. YBrs. Dr Zulqarnain turut berpengalaman sebagai pensyarah di beberapa buah universiti tempatan dan telah menerbitkan beberapa buah buku dan artikel berkaitan hal-hal perundangan.



**YBRS. SR. HJ. DZULKEFLY BIN HJ AHMAD** telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 1 Mac 2023. Beliau memegang Sarjana Muda Sains dalam bidang *Surveying (Property Management)*, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Sarjana dalam *Property Investment* daripada *City University, London*. Beliau memiliki kelayakan profesional sebagai Jurunilai Berdaftar dan Ejen Hartanah Berdaftar dengan *Board of Valuers, Appraisers & Estate Agents, Malaysia*.

Beliau adalah pengurus cawangan/ rakan kongsi di MN Associates (Johor) Sdn. Bhd. bermula dari 2002 hingga sekarang. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Penerangan dan Multimedia Negeri Johor dari tahun 2018 hingga 2020. Beliau juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi kawasan Kota Iskandar, Johor dari 2018 hingga 2022. Beliau juga pernah memegang jawatan di beberapa buah syarikat berkaitan kerajaan Negeri Johor seperti Pengerusi MSC Cyberport Sdn. Bhd., Pengerusi Digital Johor Sdn. Bhd., Timbalan Pengerusi Kumpulan Prasarana Rakyat Johor dan Timbalan Pengerusi *State Planning Committee (SPC)*. Sebelum itu, beliau merupakan Perunding Hartanah di Raine & Horne Zaki & Partner (M) Sdn. Bhd. dan pernah berkhidmat di Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta Malaysia (JPPH), Kementerian Kewangan, Pahang. Beliau juga pernah menjadi Pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). YBrs. Sr. Hj. Dzulkefly merupakan Ahli *Royal Institution of Surveyors, Malaysia (R.I.S.M)*, Ahli *International Association of Certified Valuation Specialist (IACVS) USA*, Ahli *Business Valuers Association Malaysia (BVAM)*, Ahli *Malaysian Institute of Estate Agents (MIEA)* dan Ahli Persatuan Penilai, Pengurus Harta, Ejen Harta & Perunding Harta Swasta, Malaysia (PEPS).



**YBRS. TUAN HAJI ZULKIFLI BIN HAJI MOHAMED** telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 1 Mei 2023. Beliau memperolehi Diploma Pengajian Islam daripada Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dan memegang Ijazah Sarjana (Master) dalam bidang Pengajian Islam daripada Universiti Terbuka Malaysia (OUM). YBrs. Tuan Haji Zulkifli adalah seorang perunding pelaburan, kewangan Islam dan wasiat. Beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif di *TYM Community* dari 2016 sehingga kini. Beliau juga adalah Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Rahmah Malaysia.



**YBHG. DATUK NOR AZIMAH ABDUL AZIZ** merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE), SSM. Sebelum pelantikan beliau sebagai KPE pada 1 Mei 2020, beliau merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) (Kawal Selia dan Penguatkuasaan) dan seterusnya menyandang jawatan sebagai TKPE (Perkhidmatan Korporat) antara tahun 2016 sehingga 2020. Beliau memulakan perkhidmatan dengan SSM sebagai Pengurus Besar di Jabatan Polisi, Perancangan dan Pembangunan Korporat pada tahun 2003. Kerjaya beliau bermula pada tahun 1992 sebagai peguam bela dan peguamcara dan seterusnya berkhidmat sebagai Pensyarah Undang-Undang di Jabatan Perakaunan, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sewaktu berkhidmat di UKM, beliau telah dipinjamkan ke Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Beliau berpengalaman luas dalam inisiatif reformasi undang-undang dan telah menyelia pembangunan perundangan yang penting di bawah bidang kuasa SSM antaranya AS 2016, ASK 2016, APLT 2012 dan Akta Syarikat (Pindaan) 2007. Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengawasan Audit (AOB), Ahli Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPiB), Ahli Lembaga Yayasan Laporan Kewangan (FRF), Ahli Jawatankuasa Kelulusan & Pelaksanaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) dan dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif (ExCo) *Corporate Registers Forum* (CRF) dan pada tahun 2023, beliau dilantik sebagai Profesor Adjung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau berkelulusan Undang-Undang daripada Institut Teknologi MARA (kini Universiti Teknologi MARA atau UiTM) dan memperoleh Ijazah Sarjana Undang-Undang (*LLM in Business Law*) dari *University of Wales, Aberystwyth, United Kingdom*.



**YBRS. ENCIK ALAN BIN ABDUL RAHIM** telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya berkuat kuasa 20 Mac 2024. Beliau mempunyai lebih daripada 28 tahun pengalaman dalam Perkhidmatan Awam sejak tahun 1995 di mana penempatan pertamanya adalah di Kementerian Pengangkutan Malaysia. Beliau pernah berkhidmat dengan Kementerian Pertahanan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM), Kementerian Pelancongan & Kebudayaan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan sebelum ditempatkan di Kementerian Kewangan pada 2019.

Sebelum dilantik sebagai Setiausaha Bahagian Pengurusan Aset Awam, beliau pernah ditempatkan sebagai Pegawai Kewangan Persekutuan (Sabah) dan Ketua Unit MyCT, Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan.

YBrs. Encik Alan adalah pemegang Sarjana Pengurusan (Pengurusan Projek) dari Universiti Malaysia Sabah dan Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial dari Universiti Malaya. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dan mempunyai kepakaran dan kelayakan khusus dalam pengurusan projek (pelaksanaan dan pemantauan projek), pengurusan kewangan, pengurusan perubahan (inovasi) serta pengurusan risiko dan krisis.



**YBHG. DATUK PENGIRAN SAIFUDDIN BIN PENGIRAN TAHIR, J.P.** telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya berkuat kuasa 1 September 2024. Beliau memperoleh ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LL.B.) dari *University of London, United Kingdom* pada tahun 1986 dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Malaysia Sabah pada tahun 2004. Beliau juga memperoleh Diploma Tadbiran Awam dari Institut Teknologi Mara (ITM) pada tahun 1981. YBhg. Datuk Pengiran Saifuddin memegang Sijil Amalan Guaman (CLP) daripada Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang dan merupakan seorang Peguambela di Mahkamah Tinggi Borneo.

Beliau telah berkhidmat sebagai Pegawai Eksekutif di Jabatan Pengairan dan Saliran Kota Kinabalu dari April hingga Disember 1981. Beliau telah dilantik sebagai Pegawai Undang-undang di Kementerian Pelancongan dan Alam Sekitar, Sabah dari Oktober 1988 hingga Oktober 1994. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pegawai Undang-undang Kanan Jabatan Peguam Negeri Sabah dari November 1994 hingga Februari 1996, beliau juga dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif di Angkatan Hebat Sdn. Bhd, dari Mac 1996 hingga Februari 1997.

Beliau terlibat secara aktif dalam bidang korporat dan dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Taman Perindustrian Kota Kinabalu Sdn. Bhd. (K.K.I.P) dari Mac 1997 hingga September 2010. Selepas itu, beliau dilantik sebagai Pengarah Urusan Sabah *Urban Development Corporation* Sdn. Bhd. (SUDC) dari September 2010 hingga Disember 2013 dan Pengurus Besar Kumpulan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) dari Disember 2013 hingga Disember 2021.

YBhg. Datuk Pengiran Saifuddin juga aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan memegang beberapa jawatan. Beliau merupakan Ahli Majlis Tertinggi Pertubuhan Islam seluruh Sabah (USIA), Timbalan Presiden Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS) dan Timbalan Pengerusi Majlis Daerah Papar. Beliau merupakan bekas Ahli Majlis Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sabah (SHARED) sehingga 2022 dan bekas Pengerusi Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu sehingga 2022.



**PENGURUSAN  
EKSEKUTIF**



■ **DATUK NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ**  
Ketua Pegawai Eksekutif



Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE), SSM. Sebelum pelantikan beliau sebagai KPE pada 1 Mei 2020, beliau merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) (Kawal Selia dan Penguatkuasaan) dan seterusnya menyandang jawatan sebagai TKPE (Perkhidmatan Korporat) antara tahun 2016 sehingga 2020. Beliau memulakan perkhidmatan dengan SSM sebagai Pengurus Besar di Jabatan Polisi, Perancangan dan Pembangunan Korporat pada tahun 2003. Kerjaya beliau bermula pada tahun 1992 sebagai peguam bela dan peguamcara dan seterusnya berkhidmat sebagai Pensyarah Undang-Undang di Jabatan Perakaunan, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sewaktu berkhidmat di UKM, beliau telah dipinjamkan ke Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Berpengalaman luas dalam inisiatif reformasi undang-undang dan telah menyelia pembangunan perundangan yang penting di bawah bidang kuasa SSM antaranya AS 2016, ASK 2016, APLT 2012 dan Akta Syarikat (Pindaan) 2007. Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengawasan Audit (AOB), Ahli Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPiB), Ahli Lembaga Yayasan Laporan Kewangan (FRF), Ahli Jawatankuasa Kelulusan & Pelaksanaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) dan dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif (ExCo) *Corporate Registers Forum* (CRF) dan pada tahun 2023, beliau dilantik sebagai Profesor Adjung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau berkelulusan Undang-Undang daripada Institut Teknologi MARA (kini Universiti Teknologi MARA atau UiTM) dan memperoleh Ijazah Sarjana Undang-Undang (*LLM in Business Law*) dari *University of Wales, Aberystwyth*, United Kingdom.

## ■ KHUZAIRI YAHAYA

### Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pendaftaran dan Perkhidmatan Perniagaan)

Khuzairi Yahaya telah dilantik semula sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) (Pendaftaran dan Perkhidmatan Perniagaan) pada 4 Mac 2024. Beliau kini memantau beberapa portfolio utama, termasuk Bahagian Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan, Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Seksyen Pengurusan Arkitek Enterprise.

Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1994 di Bahagian Teknologi Maklumat, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Selepas sembilan (9) tahun berkhidmat di Suruhanjaya tersebut, beliau menyertai SSM pada tahun 2003 sebagai Pengurus Besar Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Pada tahun 2007, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Audit Dalam, sebelum kembali mengetuai Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi pada tahun 2010.

Pada 15 Mac 2015, beliau telah dilantik sebagai TKPE (Pendaftaran dan Perkhidmatan Perniagaan), sebelum beralih portfolio kepada TKPE (Kawal Selia dan Penguatkuasaan) pada 15 Januari 2019.

Khuzairi Yahaya telah memainkan peranan penting dalam mendorong transformasi digital di SSM. Pada tahun 2003, beliau mengetuai peralihan sistem pendaftaran daripada rangka kerja berasaskan *mainframe* kepada platform berasaskan *web*, yang telah meningkatkan kecekapan dan aksesibiliti proses pendaftaran secara signifikan. Beliau turut menerajui beberapa inisiatif strategik untuk mengurangkan kos operasi serta memperkukuh kecekapan dalaman organisasi.

Beliau juga memainkan peranan utama dalam pembangunan sistem dan aliran kerja baharu di bawah indikator *Starting a Business* bagi laporan *Ease of Doing Business* oleh Bank Dunia, yang telah menyumbang secara positif kepada pertumbuhan dan daya saing ekosistem perniagaan di Malaysia.

Semasa memegang jawatan sebagai TKPE (Kawal Selia dan Penguatkuasaan), Khuzairi telah memperkenalkan dasar pemakaian seragam standard untuk pegawai penguat kuasa di Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri, sekali gus mempertingkatkan imej profesional pasukan penguatkuasa. Beliau juga melancarkan Sistem Penguatkuasaan Mudah Alih Bersepadu (IMES) bagi Bahagian Pematuhan Korporat dan Seksyen Penguatkuasaan Negeri, yang telah menambah baik operasi lapangan serta mempertingkat kecekapan dalam pengeluaran notis kompaun.

Di bawah kepimpinan beliau, tahap pematuhan korporat terhadap perundangan yang dikawal selia oleh SSM telah menunjukkan peningkatan secara konsisten dari tahun ke tahun. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pengurusan dari *Purdue University*, Amerika Syarikat.



## ■ REZY IZWAN RAMLY

### Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan Korporat)



Rezy Izwan Ramly dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) (Perkhidmatan Korporat) berkuat kuasa 4 Mac 2024. Beliau bertanggungjawab menyelia beberapa portfolio utama, termasuk Bahagian Modal Insan, Bahagian Kewangan dan Akaun, Bahagian Pentadbiran, Perolehan & Prasarana, Bahagian Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan serta Seksyen Operasi Pejabat Negeri. Beliau memulakan kerjaya di SSM sebagai Ketua Seksyen Pendakwaan di Bahagian Pendakwaan dan Litigasi pada tahun 2010. Pada Februari 2014, beliau dilantik sebagai Pengarah Bahagian Pematuhan Korporat, diikuti dengan pelantikan sebagai Pengarah Bahagian Siasatan pada Julai 2017. Beliau kemudiannya dilantik sebagai TKPE (Pendaftaran dan Perkhidmatan Perniagaan) pada 24 Jun 2020, dengan tanggungjawab memacu strategi dan keberkesanan dalam pengurusan pendaftaran serta perkhidmatan perniagaan di bawah seliaan beliau.

Kerjaya beliau bermula sebagai Pegawai Pendakwa Kanan di Suruhanjaya Sekuriti, dengan pengalaman luas selama 13 tahun dalam mengendalikan pendakwaan jenayah kolar putih. Beliau merupakan lulusan LLB (Hons.) dari *University of Warwick, United Kingdom* pada tahun 1998 dan memperoleh Sijil Amalan Guaman (CLP) pada tahun 2000. Selain itu, beliau juga merupakan seorang *Certified Financial Investigator (CFI)*.

## ■ AMIR AHMAD

### Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia dan Penguatkuasaan)

Amir Ahmad telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) (Kawal Selia dan Penguatkuasaan) pada 4 Mac 2024. Di bawah seliaan beliau merangkumi portfolio utama termasuk Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan, Bahagian Pendakwaan dan Litigasi, Bahagian Pematuhan Korporat serta Bahagian Siasatan.

Beliau memulakan kerjaya di SSM sebagai Pengarah Bahagian Sumber Korporat, satu jawatan yang disandang selama 10 tahun dari tahun 2004 hingga 2014. Pada tahun 2014, beliau dilantik sebagai Pengarah Bahagian Akademi Latihan sehingga tahun 2019, diikuti dengan pelantikan beliau sebagai Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran dari 2019 hingga 2022. Seterusnya, beliau dilantik sebagai TKPE (Perkhidmatan Korporat) pada Jun 2022.

Sepanjang kerjayanya, beliau terlibat secara langsung dalam beberapa projek strategik utama SSM, termasuk Program Transformasi SSM, projek Hala Tuju SSM, pembangunan sistem MyCoID dan PLT serta pelaksanaan AS 2016 dan ASK 2016. Beliau pernah menjadi ahli jawatankuasa kerja eXtensible Business Reporting Language (XBRL) bagi benua Asia-Pasifik dan mengetuai Pembangunan dan pelaksanaan XBRL di Malaysia. Di samping itu, beliau juga dilantik sebagai Ahli Lembaga Penasihat program *Certified Integrity Officer* (CeIO) yang dibangunkan dan dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tempoh 2014 hingga 2016.

Sebelum menyertai SSM, beliau pernah berkhidmat di Maybank dari tahun 1990 sehingga 1994 dan seterusnya di UMW Corporation selama sembilan (9) tahun dari 1995 sehingga 2003 sebagai Pengurus Kanan, Jabatan Sumber Manusia untuk Kumpulan UMW. Kemudian beliau berkhidmat di Eden Berhad sebagai Pengurus Besar, Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran dari tahun 2003 sehingga 2004. Beliau berkelulusan MBA dari *Western Michigan University*, Amerika Syarikat pada tahun 1989 dan BScs (Pengurusan Sumber Manusia) dari *Bowling Green State University*, Amerika Syarikat pada tahun 1987.





**AZNORASHIQ MOHAMED ZIN**  
Pengarah, Bahagian Siasatan



**MUHAMAD FARIS OTHMAN**  
Pengarah, Bahagian Perkhidmatan  
Pendaftaran



**ZARINA ABDUL SAMAD**  
Pengarah, Bahagian Kewangan &  
Akaun



**FARID AHMAD**  
Pengarah, Bahagian Strategi &  
Komunikasi Korporat



**SAMSAH IBRAHIM**  
Pengarah, Bahagian Modal Insan



**NORHAIZA JEMON**  
Pengarah, Bahagian Pematuhan  
Korporat



**MOHAMAD AWI IBRAHIM**  
Pegarah, Bahagian Pemasaran &  
Pembangunan Perniagaan



**MOHAMMAD PERKASI**  
Pegarah, Bahagian Akademi Latihan  
& Pengurusan Pengetahuan



**ADZMAN AHMAD**  
Pegarah, Bahagian Pentadbiran,  
Perolehan & Prasarana



**ZULKARNAIN ABD. WAHAB**  
Pegarah, Bahagian Teknologi  
Maklumat & Komunikasi



**NORHASLINDA SALLEH**  
Pegarah, Bahagian Pembangunan &  
Perkhidmatan Perundangan



**ZAIMAN HAIFIZIE ISMAIL**  
Pegarah, Bahagian Pengurusan  
Projek Enterprise




**MAHADHIR MOHD KHAIRUDIN**  
Pegarah, Bahagian Pendakwaan &  
Litigasi

## CARTA ORGANISASI



## STATISTIK UTAMA TAHUN 2024

**Kadar Pematuhan 2024**  
(Serah Simpan Penyata Tahunan Syarikat)



### SYARIKAT

55,559  
Tempatan

36  
Asing

55,595  
Jumlah Syarikat  
Diperbadankan Tahun  
2024

1,590,141  
Jumlah Syarikat  
Diperbadankan Sehingga  
31 Disember 2024



### PERNIAGAAN\*

• 308,524  
Milikan Tunggal

• 35,037  
Perkongsian

• 343,561  
Jumlah Perniagaan  
Didaftarkan Tahun 2024

• 9,344,360  
Jumlah Perniagaan Didaftarkan  
Sehingga 31 Disember 2024



### PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)

4,016  
Jumlah PLT  
Didaftarkan Tahun 2024

41,476  
Jumlah PLT Didaftarkan  
Sehingga 31 Disember 2024

\* Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 tidak terpakai di Sabah dan Sarawak.

678,182  
Pemeriksaan ke atas syarikat

20,571  
Pemeriksaan ke atas PLT

590,794  
Pemeriksaan ke atas perniagaan

### INISIATIF PENGUATKUASAAN

## ■ PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN SSM





LAPORAN PENGURUSAN  
**PENYAMPAIAN**  
**PERKHIDMATAN**



## PIAGAM PELANGGAN SYARIKAT

SSM menasarkankan kadar pencapaian sebanyak 99% bagi semua Piagam Pelanggan Syarikat pada tahun 2024, namun telah berjaya melepasi sasaran tersebut dengan pencapaian sebenar sebanyak 100%.

Prestasi Piagam Pelanggan bagi syarikat-syarikat pada tahun 2024 adalah seperti berikut:

BORANG	PIAGAM PELANGGAN	PERATUSAN (%)
Pemerbadanan syarikat baharu	1 Hari	100
Permohonan nama	1 Hari	100
Sijil memulakan perniagaan bagi syarikat awam	1 Hari	100
Pertukaran nama syarikat	1 Hari	100
Pertukaran status syarikat	1 Hari	100
Pendaftaran gadaian	2 Hari	100
Pendaftaran prospektus	3 Hari	100

## PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)

Statistik perkhidmatan PLT dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN	2024	2023	2022
Permohonan nama	2,204	6,677	7,413
Pendaftaran baharu	3,965	3,547	3,661
Penukaran daripada perkongsian konvensional kepada PLT	79	105	74
Penukaran daripada syarikat persendirian kepada PLT	23	17	34
<b>JUMLAH</b>	<b>6,271</b>	<b>10,346</b>	<b>11,182</b>

Statistik serah simpan pasca pendaftaran PLT dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN	2024	2023	2022
Perakuan Tahunan	17,539	21,053	10,193
Pertukaran maklumat PLT	6,336	6,017	5,551
Pertukaran nama PLT	462	268	286
Rektifikasi	263	219	177
Permohonan lanjutan masa	109	64	41
<b>JUMLAH</b>	<b>24,709</b>	<b>27,621</b>	<b>16,248</b>

## ■ SISTEM MALAYSIA CORPORATE IDENTITY (MyCoID)

Pada tahun 2024, sistem MyCoID telah menerima sebanyak 761,060 permohonan, iaitu peningkatan sebanyak 47,104 permohonan berbanding tahun 2023, yang mencatatkan kenaikan sebanyak 6.60%.

Selain itu, 55,544 syarikat telah diperbadankan melalui sistem MyCoID pada tahun 2024, mencatatkan peningkatan sebanyak 2,668 syarikat atau 5.05% berbanding 52,876 pemerbadanan pada tahun 2023.

Statistik perkhidmatan melalui sistem MyCoID dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN	2024	2023	2022
Carian nama syarikat	74,995	69,841	66,304
Pemerbadanan syarikat	55,544	52,876	48,253
Pelantikan setiausaha syarikat pertama	55,280	51,918	47,912
Penyata perumpukan syer	48,328	46,230	43,958
Daftar anggota	153,165	142,090	135,677
Serah simpan perlembagaan syarikat serta <i>e-stamping</i>	7,394	7,198	7,144
Perubahan dalam alamat berdaftar	64,713	60,841	58,314
Perubahan dalam daftar pengarah, pengurus dan setiausaha syarikat	241,868	231,001	217,969
<i>Reassignment of company secretary</i>	36,591	31,116	30,803
Pernyataan butir-butir yang ditetapkan dengan gadaian	23,182	20,845	21,401
<b>JUMLAH</b>	<b>761,060</b>	<b>713,956</b>	<b>677,735</b>

## ■ MALAYSIAN BUSINESS REPORTING SYSTEM (MBRS)

Sepanjang tahun 2024, sejumlah 559,740 permohonan serah simpan Penyata Tahunan (PT), Penyata Kewangan (PK) dan Permohonan Pengecualian berkaitan PT dan PK di bawah AS 2016 telah diterima melalui MBRS.

Statistik serah simpan PT yang diterima melalui MBRS dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN	2024	2023	2022
PT bagi syarikat yang mempunyai modal saham (seksyen 68 AS 2016)	506,275	496,670	502,041
PT bagi syarikat yang tidak mempunyai modal saham (seksyen 68 AS 2016)	1,772	1,895	2,021
PT bagi syarikat asing (seksyen 576 AS 2016)	474	534	642
PT bagi tiada pertukaran maklumat (seksyen 68 AS 2016)	16,035	18,442	20,112
<b>JUMLAH</b>	<b>524,556</b>	<b>517,541</b>	<b>524,816</b>

Statistik serah simpan PK yang diterima melalui MBRS dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN	2024	2023	2022
PK – Beraudit (seksyen 244 AS 2016)	5,051	5,202	5,663
PK – Tidak beraudit (seksyen 267(2) AS 2016)	1,360	1,123	1,467
<i>Certificate for Exempt Private Company</i> (seksyen 260 AS 2016)	10,097	5,970	12,083
<b>JUMLAH</b>	<b>16,508</b>	<b>12,295</b>	<b>19,213</b>

Statistik serah simpan lanjutan masa yang diterima melalui MBRS dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2024	2023	2022
Permohonan pengecualian daripada penyatuan tahun kewangan anak syarikat asing dengan syarikat induk (seksyen 247(5) AS 2016)	61	19	54
Permohonan pengecualian dari serahan PK dalam format XBRL (seksyen 604(2) AS 2016)	5	4	3
Permohonan pengecualian untuk menyerah PK oleh syarikat asing (seksyen 575(7) AS 2016)	1	1	2
Permohonan pelepasan dari keperluan kandungan Laporan Pengarah (seksyen 255(1) AS 2016)	2	1	3
Permohonan pelepasan dari keperluan berhubung bentuk dan kandungan PK (seksyen 255(1) AS 2016)	0	0	0
Permohonan lanjutan masa untuk edaran PK dan Laporan (seksyen 259(2) AS 2016)	18,135	15,204	12,566
Permohonan lanjutan masa untuk serah simpan PK dan Laporan (seksyen 259(2) AS 2016)	380	3	0
Permohonan lanjutan masa untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan (seksyen 340(4) AS 2016)	92	63	76
Permohonan lanjutan masa serah simpan PT (seksyen 609(2) AS 2016)	0	2	1
Permohonan kepada Menteri berkaitan dengan PK dan Laporan atau PT (seksyen 247(8) AS 2016 dan seksyen 38E ASSM 2001)	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>18,676</b>	<b>15,297</b>	<b>12,705</b>

## PORTAL MBRS 2.0

SSM telah berjaya melaksanakan penambahbaikan kepada sistem MBRS yang kini dikenali sebagai MBRS 2.0 pada 25 September 2024.

MBRS 2.0 dilaksanakan bagi mengemas kini konsep pelaporan termasuk serah simpan di bawah peruntukan AS 1965 berbanding sebelum ini yang hanya tertumpu kepada serah simpan di bawah peruntukan AS 2016 sahaja. Penambahbaikan ini juga membolehkan segala

serah simpan PT, PK dan Laporan serta permohonan pengecualian atau lanjutan masa berkaitan PT dan PK dapat dilaksanakan sepenuhnya melalui sistem MBRS.

Berikut adalah di antara ciri-ciri baharu yang diperkenalkan dalam MBRS 2.0:

- (a) Dokumen pembedahan (*Rectification*) PT atau PK di bawah kedua-dua peruntukan AS 2016 dan AS

- 1965 boleh diserahkan simpan secara dalam talian secara keseluruhan;
- (b) Serah simpan perubahan bagi PT dan PK atas perintah Mahkamah (*Court Order Filing*); dan
- (c) Setiausaha syarikat yang berdaftar di bawah peruntukan seksyen 241 AS 2016 dengan *Practicing Certificate* aktif sahaja yang akan dibenarkan menggunakan sistem MBRS 2.0.

Susulan daripada pelancaran MBRS 2.0, SSM seterusnya mewajibkan serah simpan dokumen-dokumen secara berperingkat dalam tiga (3) fasa bermula 1 Disember 2024 (Fasa 1). Maklumat lanjut seperti di bawah:

FASA 1 1 DISEMBER 2024	FASA 2 1 MAC 2025	FASA 3 1 JUN 2025
(a) PT di bawah AS 2016;	(a) PT di bawah AS 1965;	(a) PK Teraudit di bawah AS 2016;
(b) PK Tidak Diaudit dan Laporan di bawah AS 2016;	(b) PK di bawah AS 1965;	(b) Permohonan dan serah simpan Rektifikasi/ Perintah Mahkamah bagi PK Teraudit di bawah AS 2016; dan
(c) Perakuan bagi Syarikat Persendirian Terkecuali (SPT) di bawah AS 2016;	(c) Perakuan bagi SPT di bawah AS 1965;	(c) Termasuk semua permohonan berkaitan lanjutan masa atau pengecualian PK di bawah AS 2016.
(d) Permohonan dan serah simpan Rektifikasi/ Perintah Mahkamah bagi PT dan PK Tidak Diaudit di bawah AS 2016;	(d) PK bagi Institusi Kewangan yang dikawal oleh Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah peruntukan AS 1965 dan AS 2016;	
(e) Permohonan lanjutan masa di bawah AS 2016;	(e) Akuan Berkanun dan PK Negara Asal (Ibu Pejabat) bagi syarikat asing di bawah AS 1965 dan AS 2016; dan	
(f) Lanjutan masa bagi serah simpan perakuan SPT;	(f) Permohonan dan serah simpan Rektifikasi/ Perintah Mahkamah bagi PT dan PK Teraudit di bawah AS 1965.	
(g) Lanjutan masa bagi PK Tidak Diaudit; dan		
(h) Lanjutan masa bagi PT.		

## PERMOHONAN PENGURUSAN KORPORAT

Bagi tahun 2024, selain daripada serah simpan secara dalam talian, permohonan lanjutan masa di bawah seksyen 259(2) dan 340(4) AS 2016, permohonan pengecualian di bawah seksyen 253(2) dan 255(1) serta permohonan pelepasan di bawah seksyen 575(7) juga boleh dikemukakan melalui kaunter.

Jumlah permohonan tertinggi yang diterima pada tahun 2024 adalah bagi lanjutan masa di bawah seksyen 259(2) dan 340(4) AS 2016, dengan jumlah keseluruhan sebanyak 15,453 permohonan dari Januari hingga Disember.

Statistik Permohonan Pengurusan Korporat yang dikemukakan melalui kaunter dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2024	2023	2022
Permohonan lanjutan masa di bawah seksyen 259(2)/ 340(4) dan 22(5)(b) AS 2016	15,453	11,733	8,631
Permohonan pengecualian beberapa keperluan dalam kandungan PK Beraudit dan Laporan Pengarah di bawah seksyen 253(2) dan 255(1) AS 2016	72	66	74

PERMOHONAN	2024	2023	2022
Permohonan pengecualian tahun kewangan anak syarikat yang tidak sama dengan tahun kewangan syarikat induk di bawah seksyen 247(3) AS 2016	36	56	41
Permohonan pengecualian bagi menyerah simpan akaun syarikat asing di Malaysia di bawah seksyen 575(7) AS 2016	10	27	18
Serah simpan tawaran awam <i>initial</i> , prospektus ringkas dan dokumen lain yang berkaitan di bawah seksyen 154 AS 2016	1,812	1,574	1,476
Obligasi pengarah perbadanan peminjam untuk serah simpan Laporan Suku Tahunan di bawah seksyen 182 AS 2016	45	37	45
<b>JUMLAH</b>	<b>17,428</b>	<b>13,493</b>	<b>10,285</b>

## SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)

SBMJ merupakan sebuah syarikat yang boleh ditubuhkan di bawah AS 2016 yang tidak berorientasikan keuntungan, di mana keuntungan syarikat tidak boleh disalurkan kepada ahli-ahli syarikat, contohnya melalui bayaran dividen. Secara amnya, SBMJ perlu menjalankan aktiviti yang dibenarkan oleh seksyen 45 AS 2016 dan yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan (*Constitution*) syarikat bagi tujuan untuk mencapai objektif penubuhannya. Antara objektif penubuhan SBMJ adalah melibatkan kegiatan rekreasi atau hiburan, perdagangan dan industri, seni, sains, agama, kebajikan dan lain-lain.

Seksyen 45 AS 2016 dan Garis Panduan SBMJ menetapkan supaya SBMJ perlu mendapat kelulusan sama ada Menteri atau Pendaftar antaranya bagi pelantikan pengarah, kutipan derma/ sumbangan daripada orang awam dan pindaan perlembagaan. Bagi memastikan pengarah SBMJ memenuhi kriteria '*Fit and Proper*', Garis Panduan SBMJ menetapkan bahawa pengarah mesti memiliki pengalaman yang relevan, kelayakan yang sesuai serta melepasi tapisan keselamatan.

Statistik permohonan kelulusan Menteri dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2024	2023	2022
Permohonan pemerbadanan SBMJ tanpa perkataan 'Berhad'	40	43	60
Permohonan menggugurkan perkataan 'Berhad'	1	0	5
Permohonan memiliki/ mencagar dan melupus tanah	54	91	333
Permohonan pelantikan pengarah baharu	365	375	354
Permohonan mendapatkan sumbangan/ derma daripada orang ramai	37	22	24
Permohonan pindaan Perlembagaan SBMJ	54	57	52
Permohonan pembayaran gaji, fi, elaun tetap dan faedah-faedah lain kepada lembaga pengarah	9	2	8
Permohonan memegang milik penuh anak syarikat	0	0	3
<b>JUMLAH</b>	<b>560</b>	<b>590</b>	<b>839</b>

Statistik permohonan kelulusan Pendaftar dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2024	2023	2022
Permohonan bagi pemerbadanan SBMJ dengan perkataan 'Berhad'	45	43	46
Permohonan pelantikan pengarah baharu	700	619	646
Permohonan mendapatkan sumbangan/ derma dari orang ramai	50	31	19
Permohonan pindaan Perlembagaan SBMJ	43	48	40
Permohonan pembayaran gaji, fi, elaun tetap dan faedah-faedah lain kepada lembaga pengarah	5	9	8
Permohonan memegang milik penuh anak syarikat	4	3	3
<b>JUMLAH</b>	<b>847</b>	<b>753</b>	<b>762</b>

## SYARIKAT AMANAH

Akta Syarikat Amanah 1949 (ASA 1949) [Akta 100] menyediakan kerangka perundangan bagi syarikat amanah untuk menjalankan aktiviti dan operasi mereka. Sebagai entiti yang sah di sisi undang-undang, syarikat amanah boleh melaksanakan fungsi fidusiar dan bertindak sebagai ejen, pemegang amanah atau penjaga bagi pihak individu atau perniagaan bagi tujuan pentadbiran, pengurusan dan pemindahan aset.

Sebagai syarikat yang didaftarkan di bawah ASA 1949, syarikat amanah wajib mematuhi garis panduan yang berkaitan. Ini termasuk mendapatkan kelulusan daripada Pendaftar bagi pelantikan ketua pegawai eksekutif/pengarah serta mengemukakan laporan dua (2) kali setahun. Syarikat amanah mesti diperbadankan sebagai syarikat berhad menurut saham di bawah AS 2016 sebelum ia boleh didaftarkan sebagai syarikat amanah di bawah ASA 1949. Pada tahun 2024, sejumlah 63 syarikat telah didaftarkan sebagai syarikat amanah.

Statistik permohonan di bawah ASA 1949 dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2024	2023	2022
Permohonan pendaftaran syarikat amanah	63	10	9
Permohonan pelantikan ketua pegawai eksekutif	4	4	4
Permohonan pelantikan pengarah baharu	19	12	15
Serah simpan PT	29	37	26
Serah simpan laporan aktiviti dua kali setahun ( <i>bi-annual</i> )	58	49	51
<b>JUMLAH</b>	<b>173</b>	<b>112</b>	<b>105</b>

## SKIM KEPENTINGAN

Platform skim kepentingan terbuka kepada semua sektor ekonomi, menawarkan saluran pendapatan atau pembiayaan alternatif untuk menyokong operasi dan pertumbuhan organik perniagaan. Statistik jumlah dana terkumpul dalam bentuk pendapatan perniagaan

atau pembiayaan alternatif yang diraih oleh 136 skim kepentingan yang masih aktif untuk tiga (3) tahun terkini (mewakili tiga (3) tahun data berkaitan yang telah diperolehi daripada serah simpan dokumen kepada SSM) adalah sebanyak RM2,939.5 juta.

Statistik pendaftaran skim kepentingan (kumulatif) dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

CIRI SKIM	KATEGORI	2024	2023	2022
Skim Pelaburan	Taman memorial	31	26	25
	Kongsitani	14	14	14
	Peralatan	4	4	4
	Hartanah	11	11	11
	Perkhidmatan kewangan	1	-	-
Skim Keahlian Rekreasi	Kelab golf dan rekreasi	72	72	72
	Kelab rekreasi	36	36	36
	Marina	10	10	10
Kongsimasa	Kongsimasa	29	29	29
Gabungan mana-mana skim (Hibrid)	Gabungan mana-mana skim (Hibrid)	4	3	3
<b>JUMLAH</b>		<b>212</b>	<b>205</b>	<b>204</b>

Statistik permohonan dokumen berkanun skim kepentingan dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2024	2023	2022
Permohonan pendaftaran skim kepentingan baharu	7	4	5
Permohonan pendaftaran prospektus pertama skim kepentingan	7	4	5
Permohonan kelulusan pemegang amanah skim kepentingan	2	4	5
Permohonan pendaftaran surat ikatan amanah skim kepentingan	21	4	5
Permohonan kepada Menteri untuk pengecualian di bawah seksyen 73(1) ASK 2016	6	4	5
Permohonan pendaftaran prospektus	97	112	119
Permohonan pendaftaran prospektus tambahan skim kepentingan	9	11	15
Serah simpan PT skim kepentingan	93	103	109
Serah simpan iklan skim kepentingan	48	53	88
Permohonan relif: pelepasan daripada kehendak berhubung bentuk dan kandungan prospektus/ pernyataan penzahiran produk bagi skim kepentingan	0	0	3
Permohonan pengecualian kelulusan pemegang kepentingan skim kepentingan di bawah seksyen 21(3) ASK 2016	3	10	22
Notis pertukaran ketua pegawai eksekutif skim kepentingan	8	10	3
Notis penggulungan skim kepentingan	0	4	4
<b>JUMLAH</b>	<b>301</b>	<b>323</b>	<b>388</b>

### Penamatan Skim Kepentingan Berdaftar

Penamatan atau penggulungan skim kepentingan boleh berlaku atas pelbagai sebab, seperti kejayaan atau kegagalan untuk mencapai objektif skim tersebut. Dalam sesetengah kes, penutupan awal mungkin merupakan strategi keluar yang lebih sesuai dan lebih menguntungkan pihak-pihak yang terlibat.

SSM telah mengambil pendekatan proaktif dan berstruktur untuk mengawal selia penutupan skim kepentingan secara teratur. Ia memainkan peranan penting dalam memastikan syarikat pengurusan atau pemegang amanah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan penamatan atau penggulungan mematuhi peruntukan di bawah ASK 2016.

Statistik penamatan atau penggulungan skim kepentingan dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

STATUS	2024	2023	2022
Jumlah skim yang ditamatkan atau digulungan sehingga 2024: 76 Skim.	0	4	4

(Jumlah ini merujuk kepada skim-skim yang telah ditamatkan atau digulungan sejak pendaftaran skim pertama pada tahun 1993, termasuk rekod terkini yang diperolehi melalui pemantauan, semakan dan pemeriksaan oleh pejabat penguatkuasaan)

## ■ GADAIAN

Pada tahun 2024, sebanyak 33,519 gadaian telah didaftarkan, iaitu melalui serah simpan dalam talian atau di kaunter. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2,243 pendaftaran atau 7.17% berbanding 31,276 pendaftaran yang direkodkan pada tahun 2023. Pendaftaran gadaian adalah berdasarkan kepada 'Borang Penyata Butir-butir yang Ditetapkan Berkenaan

dengan Gadaian' yang diserahkan simpan oleh syarikat-syarikat yang telah mewujudkan gadaian.

Selain itu, sebanyak 23,832 pelepasan gadaian telah didaftarkan pada tahun 2024, menunjukkan peningkatan sebanyak 9.14% berbanding 21,836 pendaftaran yang direkodkan pada tahun 2023.

Statistik bagi pendaftaran gadaian, pelepasan gadaian dan jumlah sijil yang dikeluarkan kepada syarikat dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN	2024	2023	2022
Pendaftaran gadaian	33,519	31,276	28,663
Pendaftaran pelepasan gadaian	23,832	21,836	20,859
<b>JUMLAH</b>	<b>57,351</b>	<b>53,112</b>	<b>49,522</b>

## ■ PENGGULUNGAN SYARIKAT

Pada tahun 2024, sebanyak 3,277 syarikat telah digulung, menunjukkan peningkatan sebanyak 16.62% berbanding 2,810 syarikat pada tahun sebelumnya. Sementara itu, sejumlah 1,904 syarikat telah dibubarkan

pada tahun 2024, mencatatkan penurunan sebanyak 7.21% berbanding 2,052 syarikat pada tahun 2023. Statistik ini adalah berdasarkan jumlah dokumen penggulungan yang diserahkan simpan kepada Pendaftar.

Statistik syarikat yang digulungan dan dibubarkan melalui prosiding penggulungan dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

KATEGORI	2024	2023	2022
Syarikat yang digulungan	3,277	2,810	2,914
Syarikat yang dibubarkan melalui penggulungan	1,904	2,052	2,477
<b>JUMLAH</b>	<b>5,181</b>	<b>4,862</b>	<b>5,391</b>

## ■ PEMBUBARAN SYARIKAT

Jumlah syarikat yang dibubarkan melalui proses pemotongan nama telah menurun dengan ketara daripada 31,936 pada tahun 2023 kepada 25,496 pada tahun 2024, mencatatkan penurunan sebanyak 20.17%. Dari jumlah ini, 19,637 syarikat dibubarkan

melalui permohonan pemotongan nama syarikat yang dibuat sama ada oleh pengarah atau pemegang saham, manakala 5,859 syarikat pula dibubarkan melalui inisiatif Pendaftar mengikut seksyen 68(8) AS 2016.

Statistik syarikat yang dibubarkan melalui proses pemotongan nama dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

KATEGORI	2024	2023	2022
Syarikat yang dibubarkan melalui pemotongan nama	25,496	31,936	54,529

## ■ PENGURUSAN ASET SYARIKAT BUBAR

Pada tahun 2024, sebanyak 457 permohonan telah diterima di bawah seksyen 556, 557 dan 558 AS 2016, menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 2.47% berbanding 446 permohonan yang diterima pada tahun 2023.

### Seksyen 556 AS 2016

Pada tahun 2024, sebanyak 131 permohonan telah diterima di bawah seksyen 556 AS 2016 bagi membolehkan Pendaftar bertindak sebagai wakil kepada syarikat yang telah dibubarkan. Ini menunjukkan peningkatan yang ketara sebanyak 59.76% berbanding 82 permohonan yang diterima pada tahun 2023.

### Seksyen 557 AS 2016

Sebanyak 323 permohonan telah diterima pada tahun 2024 di bawah seksyen 557 AS 2016 yang melibatkan pemindahan aset tertunggak (wang) syarikat yang telah dibubarkan kepada Pendaftar. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 11.02% berbanding 363 permohonan yang direkodkan pada tahun 2023.

### Seksyen 558 AS 2016

Pada tahun 2024, SSM menerima tiga (3) permohonan untuk pembelian aset yang terletak kepada Pendaftar di bawah seksyen 558 AS 2016, berbanding satu (1) permohonan pada tahun 2023, menunjukkan peningkatan sebanyak 200%.

Statistik bagi permohonan pengurusan aset syarikat bubar dari 2022 hingga 2024 adalah seperti di bawah:

PERMOHONAN	2024	2023	2022
Permohonan untuk Pendaftar mewakili syarikat bubar di bawah seksyen 556 AS 2016	131	82	72
Permohonan peletakhakkan aset kepada Pendaftar mewakili syarikat bubar di bawah seksyen 557 AS 2016	323	363	413
Permohonan pembelian aset syarikat bubar di bawah seksyen 558 AS 2016	3	1	2
<b>JUMLAH</b>	<b>457</b>	<b>446</b>	<b>487</b>

## MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT

Mekanisme Penyelamat Korporat (*Corporate Rescue Mechanism, CRM*) merangkumi Perkiraan Sukarela Korporat (CVA) dan Pengurusan Kehakiman (JM). Kedua-dua CVA dan JM menyediakan rangka kerja bagi syarikat yang menghadapi kesukaran kewangan direhabilitasikan atau mencapai suatu persetujuan penyelesaian hutang syarikat secara keseluruhan atau sebahagiannya.

### Perkiraan Sukarela Korporat

CVA adalah suatu proses penstrukturan semula hutang antara syarikat dan pemiutang tanpa memerlukan kelulusan Mahkamah. Sejak CRM berkuat kuasa pada tahun 2018, sebanyak lapan (8) permohonan telah difailkan di Mahkamah untuk meletakkan syarikat di bawah CVA. Walau bagaimanapun, tiada permohonan CVA difailkan pada tahun 2023 dan 2024.

Statistik bagi permohonan CVA yang diterima dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2024	2023	2022
Permohonan CVA	0	0	1
Permohonan CVA diluluskan oleh pemiutang dan pemegang saham	0	0	1
Permohonan CVA tidak diluluskan oleh pemiutang dan pemegang saham	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>

### Pengurusan Kehakiman

JM merupakan suatu proses penyusunan semula hutang syarikat yang dikendalikan oleh pengurus kehakiman yang dilantik oleh Mahkamah. Pada tahun 2024, sejumlah 38 permohonan telah difailkan ke Mahkamah

untuk meletakkan syarikat di bawah JM. Daripada permohonan ini, enam (6) syarikat telah diberikan perintah JM, menunjukkan bahawa pengurusan mereka telah diletakkan di bawah JM. Selain itu, dalam tempoh yang sama, lapan (8) syarikat telah dilepaskan dari proses JM melalui perintah Mahkamah.

Statistik bagi permohonan JM yang diterima dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2024	2023	2022
Permohonan JM di Mahkamah	38	48	41
Perintah JM diberikan ( <i>Application Granted</i> )	6	15	11
Perintah JM dilepaskan ( <i>Discharged Order</i> )	8	15	11
<b>JUMLAH</b>	<b>52</b>	<b>78</b>	<b>63</b>

## ■ SISTEM ELECTRONIC BENEFICIAL OWNERSHIP (e-BOS)

e-BOS merupakan platform baharu yang dibangunkan oleh SSM dengan menggunakan kepakaran dalaman, bagi memudahkan serah simpan maklumat pemunyaan benefisial syarikat. Sistem ini direka khas untuk kegunaan setiausaha syarikat, bagi memudahkan pengemaskinian rekod syarikat dengan lebih cekap. Akses kepada e-BOS boleh dibuat melalui <https://ssm4u.com.my>.

Perkhidmatan yang ditawarkan melalui e-BOS adalah seperti berikut:

- (a) Notifikasi Maklumat Pemunyaan Benefisial/ Pengurusan Kanan
- (i) Penambahan pemunyaan benefisial baharu/ pengurusan kanan baharu;

- (ii) Pengemaskinian maklumat pemunyaan benefisial/ pengurusan kanan; dan
- (iii) Penamatan pemunyaan benefisial/ pengurusan kanan.

- (b) Rektifikasi Maklumat Pemunyaan Benefisial/ Pengurusan Kanan

Statistik serah simpan maklumat pemunyaan benefisial/ pengurusan kanan melalui e-BOS adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN	2024
Notifikasi maklumat pemunyaan benefisial/ pengurusan kanan	602,105

## ■ KAUNTER PERKHIDMATAN DOKUMEN BERKANUN SYARIKAT

SSM, melalui Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, berperanan sebagai pusat rujukan utama bagi pelanggan untuk menyerah simpan dokumen berkanun (sama ada yang melibatkan bayaran atau tidak), mendapatkan khidmat nasihat dan maklumat, membuat pembayaran fi serta menguruskan perkara berkaitan syarikat yang diperbadankan di bawah AS 1965 atau AS 2016.

Walaupun SSM telah memperkenalkan platform dalam talian bagi memudahkan proses serah simpan dokumen, ramai pelanggan masih memilih perkhidmatan kaunter kerana kemudahan interaksi bersemuka, bantuan secara langsung dan keperluan untuk memenuhi syarat dokumentasi tertentu.

Statistik bagi transaksi kaunter yang melibatkan dokumen statutori syarikat dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

KATEGORI	2024	2023	2022
Dokumen dengan bayaran	301,298	326,483	339,947
Dokumen tanpa bayaran	103,582	94,753	88,734
<b>JUMLAH</b>	<b>404,880</b>	<b>421,236</b>	<b>428,681</b>

## ■ PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN PERNIAGAAN BAGI PERKHIDMATAN KAUNTER

Pencapaian Piagam Pelanggan Perniagaan (Perkhidmatan Kaunter) bagi tahun 2024 adalah seperti di bawah:

BORANG	PIAGAM PELANGGAN	PERATUSAN (%)
Pendaftaran Perniagaan Baharu (Borang A)	1 Jam	98.67
Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan (Borang A1)	15 Minit	99.94
Pendaftaran Perubahan Perniagaan (Borang B)	1 Jam	98.88
Pendaftaran Penamatan Perniagaan (Borang C)	15 Minit	93.69

## ■ PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN PERNIAGAAN BAGI EzBiz ONLINE

Pencapaian Piagam Pelanggan Perniagaan (EzBiz Online) bagi tahun 2024 adalah seperti di bawah:

BORANG	PIAGAM PELANGGAN	PERATUSAN (%)
Pendaftaran Perniagaan Baharu (Borang A)	1 hari bekerja	97.25
Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan (Borang A1)	Auto approve	100.00
Pendaftaran Perubahan Perniagaan (Borang B)	1 hari bekerja	98.25
Pendaftaran Penamatan Perniagaan (Borang C)	1 hari bekerja	97.13

## ■ PERKHIDMATAN EzBiz ONLINE

EzBiz Online ialah platform digital pendaftaran perniagaan yang disediakan oleh SSM, direka untuk memudahkan pelbagai urusan berkaitan perniagaan secara dalam talian. Fungsi utama EzBiz Online merangkumi pendaftaran perniagaan baharu, pembaharuan pendaftaran perniagaan, pengemaskinian maklumat perniagaan, penamatan entiti perniagaan serta pembayaran kompaun di bawah APP 1956 dan AS 2016.

Sebagai saluran alternatif bagi urusan perniagaan, EzBiz Online menawarkan kemudahan yang lebih besar, penjimatan kos serta kecekapan masa berbanding perkhidmatan kaunter tradisional. Platform ini boleh diakses 24 jam sehari, tujuh (7) hari seminggu melalui portal SSM EzBiz Online di [www.ezbiz.ssm.com.my](http://www.ezbiz.ssm.com.my).

Untuk mengakses platform dalam talian, setiap pemilik perniagaan dan rakan kongsi diwajibkan untuk mendaftar sebagai pengguna portal SSM EzBiz Online serta mengaktifkan akaun pengguna masing-masing. Proses ini bertujuan untuk memastikan keselamatan dan perlindungan pengguna semasa berurusan dengan sistem tersebut.

Pada tahun 2024, penambahbaikan ketara telah dilaksanakan terhadap perkhidmatan EzBiz Online, yang membolehkan kira-kira 97% daripada urusan pendaftaran perniagaan diselesaikan secara dalam talian.

Statistik transaksi bagi EzBiz *Online* bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti berikut:

TRANSAKSI	2024	2023
Pendaftaran Akaun Pengguna	<b>259,569</b>	295,359
Pendaftaran Perniagaan Baharu	<b>340,942</b>	317,264
Pendaftaran Perubahan Perniagaan	<b>199,964</b>	185,638
Pendaftaran Penamatan Perniagaan	<b>27,780</b>	20,715
Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan	<b>446,100</b>	509,712
<b>JUMLAH</b>	<b>1,274,355</b>	<b>1,328,688</b>

## KAUNTER PERKHIDMATAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN

SSM terus menyediakan perkhidmatan pendaftaran perniagaan melalui kaunter bagi warga emas dan individu OKU yang menghadapi kesukaran teknikal atau cabaran dalam menggunakan perkhidmatan SSM EzBiz *Online*. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada pendekatan inklusif yang bertujuan memastikan aksesibiliti untuk semua lapisan masyarakat.

Dengan menawarkan bantuan secara bersemuka di kaunter SSM, warga kerja dapat memberikan panduan dan sokongan secara peribadi kepada warga emas dan individu OKU, membantu mereka melalui proses pendaftaran secara langkah demi langkah. Pendekatan ini menjamin pengalaman yang lebih lancar dan inklusif untuk semua pengguna.

Selain itu, penyediaan sokongan khusus kepada individu yang menghadapi halangan teknikal dalam perkhidmatan dalam talian selaras dengan prinsip aksesibiliti dan tanggungjawab sosial. Ia mencerminkan komitmen SSM dalam memenuhi keperluan pelbagai pihak berkepentingan serta memastikan akses yang saksama kepada perkhidmatan kerajaan untuk semua rakyat.

Statistik bagi transaksi pendaftaran perniagaan melalui kaunter dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:



## SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PERCUMA (SPPP)

Inisiatif SPPP direka khusus untuk memperkasa usahawan golongan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa bagi menceburi bidang keusahawanan, sekali gus menjana sumber pendapatan tambahan bagi menyokong kelangsungan hidup mereka. Di samping itu, inisiatif ini dijangka dapat menyumbang kepada pertumbuhan

dan pembangunan sektor perniagaan di Malaysia. Secara keseluruhannya, penjenamaan semula SPPP mencerminkan komitmen baharu dalam memperkasa individu dan komuniti melalui keusahawanan, khususnya sebagai respons terhadap cabaran yang dibawa oleh pandemik COVID-19.

Jumlah pendaftaran SPPP dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

KATEGORI	2024	2023	2022
Usahawan (Kumpulan B40)	33,124	27,862	8,237
Pelajar IPT Sepenuh Masa	16,049	15,845	16,310
<b>JUMLAH</b>	<b>49,173</b>	<b>43,707</b>	<b>24,547</b>

## SKIM 1 OKU 1 PERNIAGAAN (S1O1P)

S1O1P diperkenalkan dengan matlamat untuk mempromosikan dan menggalakkan individu kurang upaya (OKU) untuk mengambil bahagian dalam aktiviti perniagaan secara sah. Program ini menekankan

keterangkuman dan pemerkasaan dengan menyediakan sokongan dan peluang bagi individu yang kurang upaya untuk melibatkan diri dalam usaha keusahawanan.

Statistik pendaftaran S1O1P yang diterima dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti di bawah:

KATEGORI	2024	2023	2022
Pendaftaran Perniagaan Baharu	2,684	1,719	1,460
Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan	3,235	3,100	2,889
<b>JUMLAH</b>	<b>5,919</b>	<b>4,819</b>	<b>4,349</b>

## PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC) – KUALA LUMPUR DAN PERLIS

Pejabat SSM UTC Kuala Lumpur, iaitu pejabat SSM pertama yang ditubuhkan dalam UTC, kini meraikan tahun ke-11 dalam memberikan perkhidmatan yang cekap kepada orang awam. Sehingga tahun 2024, SSM mengekalkan operasinya di dua (2) lokasi UTC iaitu UTC Kuala Lumpur dan UTC Perlis. Waktu operasi telah diselaraskan kepada jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang.

Perkhidmatan di luar waktu operasi pula digalakkan melalui EzBiz *Online* dan Kiosk Tap.It bagi urusan pembaharuan pendaftaran perniagaan, pembelian maklumat perniagaan dan pembayaran kompaun.

Statistik transaksi yang diterima di UTC Kuala Lumpur dan UTC Perlis dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

UTC	2024		2023		2022	
	SYARIKAT	PERNIAGAAN	SYARIKAT	PERNIAGAAN	SYARIKAT	PERNIAGAAN
Kuala Lumpur	-	227	-	430	-	360
Perlis	1,118	31	1,242	39	1,060	165

## PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN MELALUI KIOSK TAP.IT

Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023, Safeguards Kioskmedia Sdn Bhd telah dilantik sebagai ejen rasmi untuk menawarkan perkhidmatan pembaharuan pendaftaran perniagaan, penyediaan maklumat perniagaan serta memudahkan pembayaran kompaun melalui kiosk. Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak

508 kiosk Tap.It telah ditempatkan di lokasi terpilih di seluruh Malaysia bagi membolehkan pelanggan mengakses perkhidmatan SSM. Selain itu, satu perkhidmatan baharu iaitu pengaktifan ID EzBiz telah diperkenalkan melalui kiosk bermula 7 Mei 2024.

Statistik transaksi yang diterima di Kiosk Tap.It bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti berikut:

TRANSAKSI	2024	2023
Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan	182,470	136,989
Pembekalan Maklumat Perniagaan	128,764	76,822
Pembayaran Kompaun Perniagaan	83,041	63,520
Pengaktifan ID Pengguna Ezbiz (bermula Mei 2024)	53,552	-
<b>JUMLAH</b>	<b>447,827</b>	<b>277,331</b>

## APLIKASI MySSM

Aplikasi MySSM ialah platform mudah alih yang komprehensif disediakan oleh SSM, yang menawarkan pelbagai ciri dan fungsi kepada pengguna. Ia berfungsi sebagai alat yang mudah untuk mengakses maklumat berkaitan entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM melalui pelbagai modul e-Service seperti berikut:

- (a) e-Semak: Semakan pendaftaran SSM (perniagaan, syarikat dan PLT);
- (b) e-Kueri: Semakan status carian dokumen di bawah seksyen 11(8) dan (9) AS 1965 atau di bawah seksyen 610(2)(b) AS 2016;
- (c) e-Kompaun: Semakan kompaun bagi perniagaan dan syarikat;
- (d) Status 308: Semakan status permohonan pembatalan syarikat di bawah seksyen 308 AS 1965 atau di bawah seksyen 550 AS 2016;
- (e) SSM *BizTrust: Business Starter Kit* yang berfungsi sebagai satu pengesahan dan pengenalan identiti digital kepada entiti-entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM;
- (f) *e-Renewal*: Pembaharuan pendaftaran perniagaan menggunakan akaun *ezBiz Online*;
- (g) DCTC QR Code Reader: Pengguna boleh menyemak dan mengesahkan ketulenan dokumen SSM DCTC melalui aplikasi mudah alih; dan
- (h) Panduan Interaktif SSM.

## PEMBEKALAN MAKLUMAT KORPORAT SECARA DALAM TALIAN KEPADA KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN (KJAKP)

Pelaksanaan pembekalan maklumat secara dalam talian kepada KJAKP yang diperkenalkan SSM melalui Portal XCESS KJAKP merupakan pendekatan inovatif yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada

KJAKP. Inisiatif ini memanfaatkan kemajuan teknologi terkini melalui aplikasi dalam talian. Penyediaan maklumat korporat secara dalam talian kepada KJAKP mula diperkenalkan oleh SSM pada 25 September 2018.

Penglibatan SSM melalui platform ini mencerminkan usaha kolaboratif antara entiti kerajaan (G2G) dengan matlamat bersama untuk membanteras jenayah komersial, meningkatkan hasil kerajaan serta melindungi integriti dan reputasi negara.

Dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan, SSM telah melaksanakan beberapa penambahbaikan ke atas Portal XCESS KJAKP.

Penambahbaikan ini termasuk:

- (a) Notifikasi e-mel;
- (b) *User dashboard*;
- (c) Carian entiti perniagaan;
- (d) Pemilihan dokumen berkanun syarikat di Pakej 3; dan
- (e) Penyediaan statistik serta pelaporan.

Pakej-pakej yang ditawarkan melalui Portal XCESS KJAKP adalah:

PAKEJ	KETERANGAN
Pakej 1	▶ Profil syarikat TANPA maklumat Gadaian dan PK
Pakej 2	▶ Profil syarikat DENGAN maklumat Gadaian dan PK
Pakej 3	▶ Profil lengkap syarikat dan imej dokumen TANPA pengesahan ▶ Hanya digunakan untuk tujuan siasatan dan mahkamah SAHAJA

Jumlah agensi yang berdaftar sebagai pengguna Portal XCESS KJAKP dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:



Jumlah pengguna berdasarkan pakej yang diperkenalkan dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti di bawah:

TAHUN	PAKEJ 1	PAKEJ 2	PAKEJ 3	JUMLAH
2024	29	225	507	761
2023	18	74	192	284
2022	31	121	262	414

Statistik penggunaan Portal XCESS KJAKP mengikut pakej dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti di bawah:

TAHUN	PAKEJ 1	PAKEJ 2	PAKEJ 3	JUMLAH
2024	8,040	57,506	188,417	253,963
2023	17,772	80,678	141,764	240,214
2022	47,039	172,595	438,955	658,589

## DATA MAKLUMAT KORPORAT DAN PERNIAGAAN (CBID)

Produk CBID telah menjadi pilihan utama untuk mengakses data entiti perniagaan secara pukal yang disediakan oleh SSM. Ia boleh disuai padan mengikut keperluan dan bajet pelanggan, menjadikannya sangat

sesuai untuk pelbagai keperluan. CBID membantu pelbagai sektor, termasuk industri swasta dan korporat, penyelidik, ahli akademik dan pihak berkepentingan lain.

Produk ini menyediakan data komprehensif mengenai syarikat dan perniagaan mengikut sektor, lokasi atau kriteria tertentu. Data ini dibekalkan dalam bentuk statistik serta senarai lengkap maklumat untuk setiap entiti perniagaan. Spesifikasi set data dibahagikan kepada tiga (3) segmen, termasuk:

- (a) Demografi – jantina, umur, bangsa dan sebagainya.
- (b) Geografi – negeri, bandar dan sebagainya.
- (c) Kewangan – untung rugi, penyata imbangan dan lain-lain (data syarikat sahaja)

Penyediaan maklumat entiti perniagaan ini direka untuk menyokong pertumbuhan sektor perniagaan di pelbagai lokasi, mempertingkatkan strategi pemasaran, memudahkan kerjasama rangkaian, menjalankan kajian penyelidikan, membuat analisis pelaburan serta menyelenggara pangkalan data sistem. Maklumat ini membolehkan orang awam, khususnya para usahawan, menggunakan data tersebut sebagai bahan rujukan untuk membuat keputusan strategik berkaitan dengan memulakan, mengendalikan atau mengembangkan perniagaan mereka.

Pakej harga yang ditawarkan adalah seperti berikut:

### Fi Pemrosesan

KETERANGAN	FI
Syarikat	RM20.00 / permohonan
Perniagaan	RM10.00 / permohonan
PLT	RM20.00 / permohonan

### Fi Produk

Statistik

KETERANGAN	FI
Syarikat	Bermula daripada RM100.00 / statistik
Perniagaan	Bermula daripada RM20.00 / statistik
PLT	Bermula daripada RM100.00 / statistik

Data Senarai Lengkap

KETERANGAN	FI
Senarai Syarikat (Jadual Keseluruhan)	RM10.00 / Syarikat
▶ Pakej A <sup>1</sup> / B <sup>2</sup> / C <sup>3</sup> / D <sup>4</sup>	RM3.00 / Pakej per Syarikat
▶ <i>Ala Carte</i>	RM1.00 / Jadual per Syarikat
Senarai Perniagaan (Jadual Keseluruhan)	RM10.00 / Perniagaan
Senarai PLT (Jadual Keseluruhan)	RM20.00 / PLT

Nota:

1. Maklumat Syarikat, Alamat Daftar, Alamat Perniagaan dan Kod Perniagaan
2. Maklumat Syarikat, Pegawai, Pemegang Saham dan Modal Saham
3. Maklumat Syarikat, Penyata Imbangan dan Untung Rugi
4. Maklumat Syarikat, Gadaian dan Serah Simpan Dokumen

Penglibatan Peribadi

KETERANGAN	FI
Senarai Penglibatan (Pegawai, Pemegang Saham, Setiausaha Syarikat, Juruaudit dan Pelikuidasi)	RM50.00 setiap nombor ID
Senarai Penglibatan (Pemilik Perniagaan)	RM10.00 setiap perniagaan
Senarai Penglibatan (Pekongsi dan Pegawai Pematuhan)	RM100.00 setiap nombor ID

Jumlah permohonan CBID yang diterima dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:



## ■ SSM BIZTRUST

Sepanjang tahun 2024, SSM telah melaksanakan 741 sesi advokasi melalui pelbagai program dan taklimat seperti SSM *BizDay*, SSM *BizStart* dan Taklimat SSM *BizTrust*. Selain itu, sebanyak 25 hebahan digital telah dimuat naik ke platform media sosial rasmi SSM bagi meningkatkan kesedaran peniaga dan pengguna mengenai manfaat penggunaan SSM *BizTrust*.

Seiring dengan perkembangan digitalisasi, SSM telah memperkenalkan Kod QR SSM *BizTrust*, iaitu *business starter kit* berbentuk Kod QR yang berfungsi sebagai pengenalan identiti digital (ID). Inisiatif ini bertujuan memperkukuh pematuhan entiti perniagaan yang berdaftar di bawah Akta-akta yang ditadbir oleh SSM.

Melalui aplikasi MySSM, pengguna boleh mengakses maklumat asas perniagaan seperti nama, nombor pendaftaran, status dan alamat URL. Kaedah ini membolehkan semakan kesahihan maklumat entiti perniagaan dilakukan dengan serta-merta.

Kod QR SSM *BizTrust* boleh dicapai secara percuma melalui platform:

- EzBiz Online (<https://ezbiz.ssm.com.my/>) oleh perniagaan pemilikan tunggal dan perkongsian yang berdaftar di bawah APP 1956;
- Sistem MyLLP (<https://myllp.ssm4u.com.my>) oleh entiti PLT yang didaftarkan di bawah APLT 2012; dan
- SSM4U (<https://ssm4u.com.my>) oleh semua entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM.

## ■ KHIDMAT NASIHAT PERNIAGAAN

SSM memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan rundingan dan maklumat yang menyeluruh serta terkini berkaitan proses penubuhan perniagaan di Malaysia. Inisiatif ini sering dilaksanakan melalui kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain dan badan profesional bagi memastikan ketepatan, kecekapan serta kelancaran penyampaian perkhidmatan. Melalui usaha kolaboratif ini, pihak-pihak terlibat berusaha mempertingkatkan dan mempermudah urusan menjalankan perniagaan di Malaysia, sekali gus mewujudkan persekitaran yang lebih cekap dan mesra perniagaan.

SSM *Business Ownership 101 Tools* merupakan satu (1) inisiatif yang dibangunkan melalui portal SSM4U, direka khas untuk membantu orang awam terutamanya pelanggan SSM dalam memilih entiti perniagaan yang paling sesuai untuk didaftarkan dengan SSM. Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, modul *Business Advisory* telah dilancarkan pada 17 Mei 2023 melalui aplikasi mudah alih rasmi SSM, iaitu MySSM. Aplikasi ini boleh dimuat turun dengan mudah melalui platform utama seperti Apple App Store, Google Play Store dan Huawei App Gallery.

Berikut merupakan antara lima (5) pertanyaan am yang kerap diajukan kepada SSM seperti:

- Jenis entiti-entiti perniagaan di Malaysia;
- Status warganegara asing sebagai 100% pemegang saham bagi Syarikat Berhad Menurut Syer;
- Kategori kod MSIC yang bersesuaian dengan aktiviti perniagaan yang dijalankan;
- Persediaan sesebuah entiti perniagaan yang melibatkan polisi/ garis panduan agensi lain; dan
- Persediaan sesebuah entiti perniagaan yang melibatkan warganegara asing.

Jumlah pertanyaan yang diterima dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti di bawah:



## PERKHIDMATAN KAUNTER BERGERAK PENDAFTARAN PERNIAGAAN (KBPP)

Melalui pelaksanaan KBPP, SSM secara aktif mempelbagaikan inisiatifnya untuk memperkenalkan dan mempromosikan produk serta perkhidmatannya. KBPP berfungsi sebagai platform bergerak yang bertujuan untuk meningkatkan kebolehcapaian kepada usahawan yang berpotensi. Aktiviti yang ditawarkan melalui KBPP termasuklah:

- (a) Pengaktifan ID Pengguna *EzBiz Online*;
- (b) Mempromosikan Produk dan Perkhidmatan SSM termasuk perkhidmatan *EzBiz On The Go*;
- (c) Penyediaan Kaunter Khidmat Nasihat Perniagaan; dan
- (d) Taklimat Pendaftaran Perniagaan.

## PERKHIDMATAN PEMBEKALAN MAKLUMAT KORPORAT OLEH PENYEDIA PERKHIDMATAN

### Perkhidmatan SSM e-Info

Jumlah transaksi yang diterima dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti di bawah:



### Perkhidmatan MyDATA-SSM

Jumlah transaksi yang diterima dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti di bawah:



### Perkhidmatan SSM Search

SSM telah melancarkan Portal *SSM Search* pada 1 April 2024 sebagai sebuah platform khusus yang menawarkan produk dan maklumat berkaitan syarikat, perniagaan dan PLT. Portal ini boleh diakses di <https://ssmsearch.com/>.

Pada tahun 2024, portal ini telah merekodkan sejumlah 10,968 transaksi.

### Perkhidmatan SAFEDATA-SSM

SSM telah melancarkan Portal *SAFEDATA-SSM* pada 1 Mei 2024 sebagai sebuah platform yang menyediakan produk dan maklumat berkaitan syarikat, perniagaan dan PLT. Pelanggan boleh mengakses portal ini di <https://safedata-ssm.com/>.

Jumlah transaksi yang diterima pada tahun 2024 adalah sebanyak 1,845 transaksi.

## PORTAL XCESS

Portal XCESS merupakan platform yang dibangunkan SSM bertujuan untuk penjualan maklumat korporat bagi PLT dan pembelian maklumat Penglibatan Peribadi dalam Syarikat, Perniagaan dan PLT. Dilancarkan pada

2 September 2021, portal ini boleh diakses dengan mudah secara dalam talian melalui <https://ssm4u.com.my>.

Jumlah transaksi yang diterima dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti di bawah:



## PERKHIDMATAN INTEGRASI DALAM TALIAN MELALUI SSM MIDDLEWARE

SSM telah memulakan Projek Gateway Integrasi Nasional, yang turut dikenali sebagai SSM *Middleware* pada 6 Mei 2016. Projek ini direka bentuk untuk memudahkan protokol komunikasi menggunakan *Application Programming Interfaces* (API) antara sistem SSM dan aplikasi lain.

Visi SSM *Middleware* adalah untuk membangunkan satu platform berteknologi tinggi yang bertujuan memudahkan perkongsian data melalui format yang standard. Pendekatan ini bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan dan penyelenggaraan antara pelbagai sistem dan aplikasi, menjadikannya lebih pantas serta menjimatkan kos. Dengan pelaksanaan SSM *Middleware*, SSM telah meningkatkan keupayaannya dalam menyampaikan maklumat korporat dengan lebih cekap dan tepat pada masanya. Maklumat ini merangkumi butiran entiti perniagaan, laporan kewangan dan maklumat korporat lain. Dengan menawarkan data yang

menyeluruh dan boleh dipercayai, SSM mempromosikan ketelusan serta memberikan nilai tambah kepada para pemegang kepentingan.

SSM *Middleware* ditawarkan kepada KJAKP sebagai satu inisiatif yang cekap dan tangkas bagi menggalakkan perkhidmatan dalam talian untuk perkongsian data. Selain itu, SSM turut meluaskan perkhidmatan ini kepada bank, sektor swasta, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan entiti korporat.

Jumlah integrasi baharu secara dalam talian dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti di bawah:



## SSM DIGITAL CERTIFIED TRUE COPY (SSM DCTC)

SSM DCTC ialah perkhidmatan yang disediakan oleh SSM kepada pelanggan bagi mendapatkan salinan imej dokumen SSM atau maklumat korporat.

Statistik pembelian dokumen dan produk SSM DCTC dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

TAHUN	SSM E-INFO	MyDATA-SSM	SSM SEARCH	SAFEDATA-SSM
2024	167,843	527,710	1,869	1,097
2023	184,901	548,947	-	-
2022	141,128	550,674	-	-

## PERKHIDMATAN EZBIZ ON THE GO

Perkhidmatan EzBiz *On The Go* oleh SSM disediakan bagi meningkatkan keterlihatan dan promosi produk serta perkhidmatannya, di samping menawarkan perkhidmatan kaunter di lokasi-lokasi yang ditetapkan serta berinteraksi secara langsung dengan orang awam.

Selain operasi berasaskan bas, EzBiz *On The Go* telah memperluas capaian perkhidmatannya melalui pengenalan kenderaan pacuan empat roda, iaitu SSM *Zoomers*. Kenderaan ini dilengkapi dengan kemudahan bagi KBPP, sekali gus mempertingkatkan aksesibiliti dan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

Berikut adalah senarai lokasi yang dilawati oleh perkhidmatan EzBiz *On The Go* pada tahun 2024:

### SSM Zoomers

VENUE	DATE	REGISTRATIONS
Bazar Niaga Taman Greenwood, Batu Caves	13 Januari 2024	18
Petronas MRR2, Taman Sri Gombak	13 Januari 2024	19
Tapak Peniaga Pinggiran, Gombak	20 Januari 2024	12
Tapak Peniaga Stadium, Selayang	20 Januari 2024	12
Bazaar Ramadan Tasik Permaisuri Cheras, Kuala Lumpur	14 Mac 2024	13
Bazaar Ramadan Jalan Kuching, Kuala Lumpur	14 Mac 2024	11
Bazaar Ramadan Pantai Dalam Bukit Angkasa, Kuala Lumpur	21 Mac 2024	12
Bazaar Ramadan Desa Pandan Jalan 1/76C, Kuala Lumpur	22 Mac 2024	11
<i>Car Boot Sale</i> Taman Melawati, Kuala Lumpur	9 November 2024	15
Tapak Berniaga, Taman Puchong, Permai, Selangor	9 November 2024	10
<b>JUMLAH</b>		<b>133</b>

### Bas EzBiz On The Go

PROGRAM	TARIKH	PESERTA
Program MADANI Rakyat (Zon Tengah) KPND 2024	23 - 25 Februari 2024	55
Program Komuniti Pekan, Kuala Kubu Bharu (KKB)	25 April 2024	28
Program MADANI Rakyat (Zon Utara) KPND 2024	2 - 6 Mei 2024	48
Program Karnival Kepenggunaan dan Jualan Rahmah	1 - 2 Julai 2024	15
Program MADANI Rakyat (PMR) Zon Timur	5 - 7 Julai 2024	38
Program Karnival KPND Zon Tengah	12 - 14 Julai 2024	29
Program MADANI Rakyat (PMR) Zon Selatan	15 - 17 Ogos 2024	27
Pameran Perkhidmatan Bergerak di Expo Perda Tahun 2024 (EXPERT)	27 - 29 September 2024	37
<b>JUMLAH</b>		<b>277</b>

## ■ AKTIVITI PROMOSI SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PERCUMA (SPPP)

Komponen penting dalam pelaksanaan KBPP ialah siri sesi taklimat yang bertujuan untuk membincangkan keperluan dan manfaat pendaftaran perniagaan, di samping mengetengahkan pelbagai inisiatif yang ditawarkan oleh SSM.

Salah satu inisiatif utama di bawah pendaftaran mengikut APP 1956 ialah SPPP. Inisiatif ini menawarkan peluang berharga kepada usahawan daripada kumpulan B40, pelajar sepenuh masa dari institusi pengajian tinggi (IPT) serta pasangan kepada usahawan B40 untuk mendaftarkan perniagaan mereka tanpa sebarang bayaran.

Sehingga 31 Disember 2024, komitmen SSM dalam mempergiatkan hebahan dan pendedahan menerusi penyertaan aktif KBPP di dalam 114 program yang disertai termasuk jemputan taklimat dengan penglibatan lebih daripada 9,759 peserta sekitar Lembah Klang. Ini tidak hanya memberi impak positif terhadap pertumbuhan perniagaan individu, tetapi juga memberikan sumbangan yang berterusan kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

## ■ CAPAIAN PROMOSI PRODUK DAN PERKHIDMATAN SSM MELALUI MEDIA SOSIAL

Sepanjang tahun 2024, promosi yang dijalankan telah mencapai capaian sebanyak 491,515, mencerminkan keberkesanan strategi penyebaran maklumat digital. Statistik terperinci bagi capaian promosi adalah seperti berikut:

PRODUK/ PERKHIDMATAN	CAPAIAN (REACH)
Pendaftaran Perniagaan melalui EzBiz <i>Online</i>	40,896
SPPP	190,455
S1O1P	8,373
SSM <i>BizTrust</i>	120,179
Pembekalan Maklumat melalui SSM <i>e-Info</i> , <i>MyData</i> SSM, <i>SSM Search &amp; SAFEDATA-SSM</i>	83,839
XCESS dan KJAKP	27,023
DCTC	4,933
SSM <i>Middleware</i>	4,145
CBID	5,409
<i>Business Advisory</i>	4,824
<i>EzBiz On The Go</i>	1,439
<b>JUMLAH</b>	<b>491,515</b>

## ■ PERKHIDMATAN e-ADVERTISEMENT

Susulan pelaksanaan seksyen 612A AS 2016 yang berkuat kuasa pada 1 April 2024, SSM telah memperkenalkan satu perkhidmatan baharu yang dikenali sebagai SSM *e-Advertisement*. Perkhidmatan

ini membolehkan syarikat menerbit atau mengiklankan maklumat statutori secara langsung melalui platform digital rasmi SSM.

Sebelum ini, syarikat dikehendaki menerbitkan pengumuman statutori hanya melalui akhbar yang mempunyai edaran meluas di seluruh Malaysia. Perkhidmatan SSM *e-Advertisement* menawarkan alternatif yang lebih cekap dan menjimatkan kos bagi memenuhi keperluan penerbitan statutori.

Bermula 30 November 2024, perkhidmatan SSM

*e-Advertisement* boleh diakses melalui Portal SSM XCESS di <https://www.ssm4u.com.my>. Syarikat boleh menggunakan platform ini untuk menerbit atau mengiklankan maklumat statutori yang berkaitan selaras dengan peruntukan di bawah AS 2016.

Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 20 transaksi telah berjaya direkodkan melalui perkhidmatan ini.

## ■ TRANSAKSI MAKLUMAT KORPORAT MENGIKUT ENTITI

Transaksi maklumat korporat merangkumi data berkaitan syarikat, perniagaan dan PLT yang diperoleh melalui platform rasmi SSM. Maklumat ini disediakan bagi memenuhi keperluan pengguna, termasuk pihak industri, pelabur dan agensi kerajaan untuk tujuan analisis, pematuhan serta rujukan perniagaan.

Jumlah transaksi yang diterima dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

TAHUN	SYARIKAT	PERNIAGAAN	PLT
2024	4,015,391	1,417,865	37,382
2023	3,821,231	1,414,920	35,143
2022	3,605,500	1,436,525	42,498
<b>JUMLAH</b>	<b>11,442,122</b>	<b>4,269,310</b>	<b>115,023</b>

## ■ PENJUALAN MAKLUMAT KORPORAT BAGI LLP

Mulai 2 Disember 2024, produk PLT yang sebelum ini hanya tersedia di Portal XCESS kini boleh diperoleh melalui platform pembekalan maklumat korporat SSM yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan. Produk ini boleh diakses melalui pautan berikut:

- (a) *MyDATA*-SSM di pautan <https://www.mydata-ssm.com.my/>
- (b) SSM *e-INFO* di pautan <https://www.ssm-einfo.my/>
- (c) SSM *Search* di pautan <https://ssmsearch.com/>
- (d) *SAFEDATA*-SSM di pautan <https://safedata-ssm.com/>

Lima (5) produk PLT yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- (a) Profil PLT;
- (b) Sijil Pendaftaran PLT;

- (c) Sijil Pertukaran Nama PLT;
- (d) Salinan Imej Dokumen Berkanun PLT; dan
- (e) Perakuan Keutuhan PLT (*Attestation of LLP Good Standing* (ALLPGS)).

Sejak diperkenalkan di Portal Penyedia Perkhidmatan, jumlah transaksi yang direkodkan adalah 823 transaksi. Perincian mengikut pecahan produk adalah seperti berikut:

PRODUK	TRANSAKSI
Profil PLT	586
Sijil Pendaftaran PLT	143
Sijil Pertukaran Nama PLT	20
Salinan Imej Dokumen Berkanun PLT	65
Perakuan Keutuhan PLT	9
<b>JUMLAH</b>	<b>823</b>

## ■ PERKHIDMATAN SSM *CUSTOMER CARE*

Perkhidmatan SSM *Customer Care* (SSMCC) telah dilancarkan pada 2 Januari 2024. Melalui inisiatif ini, SSM telah beralih daripada menggunakan perkhidmatan pusat panggilan secara luar (*outsourcing*) kepada operasi dalaman yang diuruskan sendiri. SSMCC dilengkapi dengan teknologi terkini, warga kerja yang terlatih serta sistem operasi yang dioptimumkan bagi menangani pertanyaan, aduan dan maklum balas dengan lebih berkesan. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan SSM untuk meningkatkan aksesibiliti, kecekapan respons dan kualiti perkhidmatan secara keseluruhan kepada pelanggan.

Pada 27 Mac 2024, Menteri PDN telah merasmikan pelancaran SSMCC. Pencapaian ini menandakan keupayaan SSM yang lebih mantap dalam mengurus pertanyaan dan aduan pelanggan secara dalaman. Sebagai sebuah badan pengawal selia, SSM juga menyokong usaha kerajaan dalam mempelbagaikan dan menambah baik saluran penyampaian perkhidmatan. Pelancaran SSMCC menyerlahkan komitmen SSM dalam memperkasa penyampaian perkhidmatan awam sejajar dengan matlamat kerajaan untuk merangsang ekonomi negara dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Inisiatif ini dijangka dapat mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih tersusun, sekali gus menyokong agenda negara ke arah pertumbuhan ekonomi mampan.

Komitmen SSM untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan pelanggan terserlah melalui penubuhan SSMCC, dengan matlamat untuk meningkatkan pengalaman pelanggan secara menyeluruh. Bagi menyokong usaha ini, tiga (3) saluran baharu telah diperkenalkan bagi pertanyaan dan aduan pelanggan:

### **SSM Chat/ Live Chat**

Pengenalan SSM *Chat/ Live Chat* membolehkan orang awam menghubungi SSM dengan mudah bagi sebarang pertanyaan atau aduan. SSM *Chat* tersedia 24/7, manakala *Live Chat* menyediakan bantuan secara langsung daripada wakil SSM yang beroperasi pada hari Isnin hingga Jumaat, dari jam 8:00 pagi hingga 5:30 petang, tidak termasuk cuti umum.

### **Webform**

SSMCC turut dilengkapi dengan ciri *webform* yang membolehkan pelanggan mengemukakan pertanyaan, aduan (berkaitan pematuhan dan bukan pematuhan) serta perkara lain yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan SSM.

Melalui *webform* ini, pengguna boleh menjejak status pertanyaan dan aduan mereka dengan mudah. Dengan kemudahan yang dipertingkatkan ini, pelanggan tidak lagi perlu menghubungi SSM secara langsung dan boleh memantau perkembangan maklum balas mereka melalui laman sesawang rasmi SSM.

### **Knowledge Hub**

Bagi memudahkan pelanggan mengakses maklumat berkaitan Akta yang dikawal selia oleh SSM serta produk, perkhidmatan dan topik berkaitan yang lain, *Knowledge Hub* telah dibangunkan bagi memastikan maklumat yang relevan sentiasa tersedia kepada orang awam. Kandungan dalam *Knowledge Hub* dipantau dan dikemas kini secara berkala bagi memastikan ketepatan dan kesesuaiannya.

Bagi memperkukuh penyampaian perkhidmatan pelanggan SSM, sistem pengurusan pelanggan yang digunakan oleh SSMCC kini sedang diperluaskan ke semua pejabat negeri dan cawangan SSM di seluruh negara. Pelaksanaan ini memastikan pendekatan yang konsisten dan piawai dalam pengurusan pertanyaan serta aduan pelanggan, di samping memperkemas komunikasi berkaitan produk dan perkhidmatan SSM.

SSM kekal komited untuk terus memodenkan dan menambah baik penyampaian perkhidmatan pelanggan. Perancangan sedang dijalankan untuk memperluas fungsi *Knowledge Hub* dan meneroka lebih banyak pilihan layan diri, bagi membolehkan pelanggan mengakses maklumat serta menyelesaikan isu secara sendiri dengan lebih mudah. Ke arah masa hadapan, inisiatif SSM akan menumpukan kepada penyampaian penyelesaian inovatif yang bertujuan meningkatkan

pengalaman pelanggan, kecekapan tindak balas serta kualiti perkhidmatan secara keseluruhan.

Statistik panggilan dan e-mel yang diterima dari tahun

2022 hingga 2024, bersama interaksi melalui saluran komunikasi baharu yang diperkenalkan pada tahun 2024 iaitu *webform*, *Live Chat* dan *SSM Chat* adalah seperti berikut:

TAHUN	PANGGILAN	E-MEL	WEBFORM	LIVE CHAT	SSM CHAT	JUMLAH
2024	151,126	150,075	4,441	8,657	40,298	354,597
2023	187,141	130,702	N/A	N/A	N/A	317,843
2022	224,729	135,071	N/A	N/A	N/A	359,800

## PRODUK-PRODUK BAHARU

SSM secara berterusan melaksanakan pembangunan produk baharu bagi memastikan keperluan pelanggan dan pihak berkepentingan yang sentiasa berubah dapat dipenuhi, selaras dengan permintaan industri terhadap maklumat yang tepat dan terkini mengenai entiti perniagaan di Malaysia. Pada tahun 2024, SSM telah memperkenalkan dua (2) produk baharu yang boleh diakses melalui Portal Penyedia Perkhidmatan SSM, yang merangkumi platform seperti *SSM e-Info*, *MyDATA-SSM*, *SSM Search* dan *SAFEDATA-SSM*.

Produk baharu tersebut adalah seperti berikut:

(a) Surat Pengesahan bagi Perniagaan yang Didaftarkan Semula; dan

(b) Data Maklumat Setiausaha Syarikat.

Sejak pengenalan produk-produk baharu ini pada 20 November 2024, sebanyak 558 transaksi telah direkodkan setakat ini. Pecahan transaksi adalah seperti berikut:

PRODUK	TRANSAKSI
Surat Pengesahan bagi Perniagaan yang Didaftarkan Semula	405
Data Maklumat Setiausaha Syarikat	153
<b>JUMLAH</b>	<b>558</b>

## PEMBANGUNAN STANDARD TEKNOLOGI BAGI TAHUN 2024

SSM, melalui Seksyen Pengurusan Arkitek Enterprise (SPA-E), telah menganjurkan satu siri bengkel bagi membangunkan Dokumen Piawaian Teknologi 2024, yang berperanan sebagai rujukan penting untuk projek ICT dalam organisasi. Dokumen ini menyediakan panduan menyeluruh serta spesifikasi teknologi yang terperinci bagi menyokong pemilik projek dan pihak

berkepentingan dalam memastikan penjajaran dengan kerangka ICT SSM.

Inisiatif ini memainkan peranan utama dalam mempromosikan konsistensi serta memastikan pematuhan kepada amalan terbaik dan piawaian teknologi dalam ekosistem ICT SSM.

## ■ ENTERPRISE ARCHITECTURE (EA) DIGITAL DAY – SSM DATATHON

Pada 11 November 2024, SSM telah berjaya menganjurkan *SSM Datathon 2024* di Ibu Pejabat SSM, dengan kehadiran warga kerja dari ibu pejabat serta pejabat negeri. Acara ini telah menyaksikan penyertaan daripada 28 pasukan yang terdiri daripada warga kerja SSM dari seluruh negara. Setelah melalui proses pemilihan yang ketat, 17 pasukan telah disenarai pendek dan 10 pasukan terbaik telah mara ke peringkat akhir untuk membentangkan penyelesaian inovatif mereka.

Majlis ini telah dirasmikan oleh KPE SSM, YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz. Bertemakan analitik data, program ini menampilkan pertandingan *hackathon* yang menarik, di mana para peserta bekerjasama dalam menyelesaikan cabaran menggunakan penyelesaian berasaskan data.

Inisiatif ini bukan sahaja mengasah kemahiran analitik para peserta, malah turut memperlengkapkan mereka dengan teknik pengurusan data yang berkesan, sambil memupuk budaya inovasi dalam menjana penemuan dan pandangan yang bermakna.

## ■ MESYUARAT JAWATANKUASA REKA BENTUK (JKR)

Sepanjang tahun 2024, JKR telah bersidang sebanyak tujuh (7) kali dan meluluskan sebanyak 17 reka bentuk sistem. Kelulusan tersebut merangkumi pembangunan sistem baharu, keperluan integrasi sistem serta peralihan teknologi pangkalan data. Setiap kelulusan adalah selaras dengan keperluan spesifikasi sistem dan mengambil kira kesesuaian dengan keupayaan teknologi semasa yang tersedia di SSM.

Berikut adalah siri Mesyuarat JKR bagi tahun 2024:

- Mesyuarat JKR Bil. 1/2024 – 7 Februari 2024
- Mesyuarat JKR Bil. 2/2024 – 27 Mei 2024
- Mesyuarat JKR Bil. 3/2024 – 27 Jun 2024
- Mesyuarat JKR Bil. 4/2024 – 13 Ogos 2024
- Mesyuarat JKR Bil. 5/2024 – 3 September 2024
- Mesyuarat JKR Bil. 6/2024 – 4 Oktober 2024
- Mesyuarat JKR Bil. 7/2024 – 12 Disember 2024

## ■ DevOps HACKATHON

Program DevOps *Hackathon* telah diadakan secara berperingkat pada 22 April, 17 Julai serta 27 dan 28 November 2024. Inisiatif ini bukan sekadar pertandingan, tetapi berfungsi sebagai platform kreatif untuk memupuk budaya inovasi, mengukuhkan semangat kerja berpasukan dan menghasilkan solusi berimpak tinggi. Selain itu, program ini bertujuan untuk menyerlahkan bakat tersembunyi dalam organisasi, meningkatkan kemahiran dalam teknologi terkini serta menyokong agenda transformasi digital bagi memperkasa perkhidmatan ICT SSM secara holistik.

Terlaksana dalam tiga (3) fasa utama, program ini dirangka dengan teliti bagi mencapai impak maksima:

- Fasa *Kick-Off* (22 April 2024): Sebagai permulaan, sesi ini memperkenalkan visi dan objektif program

kepada para peserta.

- Fasa Semakan Pertengahan Tahun (17 Julai 2024): Sesi ini memberikan peluang untuk menilai kemajuan projek sambil memperhalusi hala tuju pasukan.
- Fasa Pembentangan Akhir (27 dan 28 November 2024): Sesi kemuncak, fasa ini menjadi medan untuk pasukan membentangkan inovasi mereka melalui pembentangan dan penilaian terperinci.

Sebanyak 11 pasukan yang terdiri daripada 33 orang warga kerja SSM telah menyumbangkan usaha dan idea mereka bagi memastikan kejayaan program ini. Usaha secara kolektif ini bukan sahaja berjaya menyiapkan semua projek inovasi yang telah dirancang, malah turut mencapai objektif program dengan cemerlang, sekali gus mencerminkan dedikasi dan kreativiti pasukan SSM.

## ■ PEMULIHAN BENCANA TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pada 28 September 2024, satu simulasi Pemulihan Bencana Teknologi Maklumat (*IT Disaster Recovery, ITDR*) yang menyeluruh telah dijalankan di Menara SSM@Sentral. Sesi ini melibatkan penyertaan seramai 70 orang warga kerja SSM, bersama 24 wakil daripada kontraktor dan vendor.

Simulasi ini telah direka dengan teliti bagi menguji dan menilai tahap kesiapsiagaan organisasi serta keberkesanan komponen strategik utama. Ini termasuk semakan semula proses pemulihan, kemas kini skrip dan pengesahan konfigurasi kritikal untuk sistem korporat dan infrastruktur IT SSM sekiranya berlaku bencana atau kecemasan.

Inisiatif ini merupakan kesinambungan daripada ujian fasa simulasi komponen yang telah dijalankan secara dalaman pada 26 Januari 2024. Simulasi ini bukan sekadar latihan teknikal, tetapi juga bertujuan untuk mengukur kecekapan dan kemahiran teknikal warga kerja IT SSM. Ia berfungsi sebagai platform untuk memastikan kesiapsiagaan serta memperkukuh keupayaan organisasi dalam menghadapi risiko ancaman bencana yang mungkin berlaku. Aktiviti ini mencerminkan komitmen berterusan SSM untuk memelihara kesinambungan operasi dan melindungi integriti sistem perkomputeran dalam situasi luar jangka.

---

## ■ PEMERKASAAN TRANSFORMASI MELALUI PROJEK HALA TUJU SSM

SSM terus memacu transformasi dalam penyampaian perkhidmatannya melalui Projek Hala Tuju dengan matlamat untuk meningkatkan keberkesanan keseluruhan melalui penambahbaikan kecekapan operasi dan kebolehpercayaan perkhidmatan kepada pelanggan serta pihak berkepentingan. Selaras dengan komitmen ini, beberapa aktiviti utama projek telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2024, seperti yang diperincikan di bawah:

### **HT2 - Revenue Management System (RMS)**

Projek HT2-RMS telah memasuki fasa pembangunan pada tahun 2024. Sepanjang tahun tersebut, pelbagai aktiviti berstruktur seperti perbincangan terperinci dan semakan keperluan yang menyeluruh merentas semua fasa projek telah dilaksanakan. Aktiviti ini memainkan peranan penting dalam mengekalkan momentum pelaksanaan serta memastikan penjajaran dengan objektif strategik projek.

Menjelang tahun 2025, tumpuan akan diberikan kepada pemantapan usaha pembangunan, penyediaan akhir

bagi pelaksanaan *Go-Live* serta penyelesaian terhadap sebarang isu teknikal atau cabaran integrasi sistem yang masih berbaki. Langkah-langkah ini adalah penting bagi memastikan pelaksanaan sistem berjalan lancar dan berjaya.

### **HT4 - Corporate Registry System (CRS)**

Projek HT4-CRS sedang dibangunkan sebagai sistem teras SSM yang akan berfungsi secara berintegrasi dengan beberapa platform utama seperti *Revenue Management System (RMS)*, *Financial Management System (FMS)* dan *Data Management System (DMS)*.

Kini berada dalam fasa pembangunan dan pengujian, projek ini telah mencatatkan kemajuan yang konsisten sepanjang tahun 2024, sekali gus membina asas kukuh untuk peringkat seterusnya. Apabila projek ini memasuki tahun 2025, tumpuan akan diberikan kepada penyempurnaan ujian sistem, penambahbaikan integrasi dengan sistem berkaitan serta pelaksanaan persediaan akhir bagi memastikan pelaksanaan *Go-Live* berjalan lancar dan berjaya.

### **HT6 - Data Management (DM)**

Pada tahun 2024, Projek HT6-DM telah melalui beberapa fasa utama, menunjukkan kemajuan berterusan ke arah pembangunan sistem pengurusan data yang komprehensif bagi memperkukuh keupayaan operasi SSM.

Projek ini mencapai beberapa pencapaian penting yang sejajar dengan objektif strategiknya. Antara sorotan utama ialah penganjuran bengkel latihan khas pada November 2024 yang melibatkan *Business Data Stewards* (BDS), *Technical Data Stewards* (TDS) dan *Subject Matter Experts* (SMEs). Sesi ini memberi penekanan kepada pemahaman mendalam mengenai teknologi Kecerdasan Buatan (AI), Pembelajaran Mesin (ML) dan alat *Business Intelligence* (BI) yang sedang diintegrasikan ke dalam *Data Management System* (DMS) baharu.

Satu pencapaian penting turut direkodkan dengan kejayaan pelaksanaan *Go-Live* Fasa 1 pada 27 Disember 2024, menandakan kesediaan projek untuk bergerak ke fasa seterusnya. Pencapaian ini mencerminkan komitmen SSM dalam menjadikan data sebagai aset strategik serta kemajuan berterusan organisasi dalam memperkukuh keupayaan digital.

### **HT8 - Financial Management System (FMS)**

Projek HT8-FMS merupakan inisiatif strategik yang bertujuan membangunkan sistem perakaunan teras yang komprehensif untuk SSM. Projek ini selaras dengan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) dan mematuhi keperluan pensijilan *Standard Accounting for Government Agencies* (SAGA).

Sistem ini direka bentuk untuk berintegrasi secara lancar dengan platform utama lain, sekali gus meningkatkan proses pengurusan kewangan dan kecekapan operasi di seluruh organisasi. Sehingga 31 Disember 2024, projek ini telah memasuki fasa pembangunan, pengujian, pelaksanaan dan latihan. Dengan pelaksanaan langkah penambahbaikan berterusan yang kukuh, projek ini berada dalam jadual dan dijangka siap sepenuhnya

pada tahun 2025, menandakan satu pencapaian penting dalam transformasi digital kewangan SSM.

### **HT9 - Customer Relationship Management (CRM)**

Pada tahun 2024, Projek HT9-CRM telah mencatat kemajuan ketara melalui pelaksanaan beberapa aktiviti utama. Antara yang menonjol ialah latihan praktikal di cawangan-cawangan SSM bagi meningkatkan kecekapan pengguna dalam merekod dan mengurus aduan serta pertanyaan pelanggan dengan lebih berkesan.

Selain itu, statistik penggunaan sistem CRM telah dikumpulkan bagi tujuan pelaporan dan sebagai sokongan kepada usaha penambahbaikan berterusan dalam proses pengurusan perkhidmatan pelanggan.

### **HT10 - Asset Management System (AMS)**

Projek HT10-AMS merupakan inisiatif strategik yang bertujuan mencapai pematuhan terhadap pensijilan *Standard Accounting for Government Agencies* (SAGA) melalui integrasi menyeluruh dengan sistem utama SSM yang lain, termasuk Projek HT8-FMS. Integrasi ini penting dalam meningkatkan kecekapan, ketelusan dan tadbir urus dalam proses pengurusan aset SSM.

Sehingga 31 Disember 2024, projek ini telah secara rasmi memasuki fasa pembangunan, dengan pelaksanaan kerja dijadualkan bermula pada 2 Januari 2025. Penyediaan dokumentasi projek sedang berjalan lancar mengikut jadual yang ditetapkan, sekali gus meletakkan asas bagi penyampaian *Asset Management System* (AMS) yang lebih tersusun, cekap dan berkesan.

### **HT11 - eProcurement (eP)**

Bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan SAGA, Projek HT11-eP telah dimulakan bagi membangunkan *Tender Wizard System* yang komprehensif dan berintegrasi lancar dengan sistem-sistem sedia ada

di SSM. Inisiatif ini menyokong matlamat transformasi digital SSM secara menyeluruh dengan memperkemas proses perolehan.

Sehingga 31 Disember 2024, projek ini telah memasuki fasa pembangunan, dengan tumpuan utama diberikan kepada persediaan latihan bagi pengguna dalaman dan vendor luaran. Pada masa yang sama, persiapan bagi pelaksanaan *Go-Live* Fasa 1 yang dijadualkan pada 15 Januari 2025 sedang giat dilaksanakan. Fasa ini dijangka dapat meningkatkan kecekapan dan ketelusan operasi perolehan SSM melalui sistem digital yang lebih tersusun dan mesra pengguna.

### **HT14 - Movable Property Security Interest (MPSI)**

Projek HT14-MPSI memberi tumpuan kepada pembangunan sistem pendaftaran yang komprehensif bagi menyokong pelaksanaan Rang Undang-Undang MPSI. Pada tahun 2024, projek ini telah memasuki fasa akhir dan berjaya mencapai beberapa pencapaian utama.

Dengan pelaksanaan yang berjalan mengikut perancangan, projek ini berada di landasan yang betul untuk mencapai objektifnya dan dijangka akan dilaksanakan secara *Go-Live* mengikut jadual yang ditetapkan.

## **INISIATIF PENGURUSAN PERUBAHAN**

Untuk memastikan seluruh warga kerja SSM sentiasa mendapat maklumat terkini mengenai Projek Hala Tuju SSM serta meningkatkan kesedaran mengenai inisiatif transformasi organisasi, pelbagai program perkongsian maklumat telah berjaya dilaksanakan. Antara inisiatif utama yang diperkenalkan adalah:

- (a) *Project Performance Dashboard* – Hebahan berkala mengenai pencapaian Projek Hala Tuju SSM, memastikan ketelusan dan pemantauan kemajuan secara berterusan;
- (b) e-Buletin – Penerbitan buletin elektronik berkala yang merangkumi maklumat penting serta perkembangan terbaru projek bagi meningkatkan kesedaran warga kerja SSM;
- (c) Kuiz Pengurusan Perubahan – Aktiviti interaktif untuk menguji pengetahuan warga kerja SSM mengenai perubahan organisasi serta projek-projek yang sedang berjalan;

- (d) *Podcast Sembang Santai CM* – Sesi perkongsian santai dalam bentuk podcast yang membolehkan warga kerja SSM mendapatkan maklumat mengenai projek dan transformasi secara lebih fleksibel;
- (e) Taklimat dan Sesi Perkongsian – Taklimat berkala diadakan untuk memastikan semua warga kerja SSM sentiasa dimaklumkan mengenai pelaksanaan dan perkembangan Projek Hala Tuju SSM; dan
- (f) Platform *CM Site & Microsoft Viva Apps* – Penyediaan platform digital bagi memudahkan akses kepada maklumat, aktiviti pengurusan perubahan serta sumber rujukan berkaitan transformasi SSM.

Inisiatif-inisiatif ini memainkan peranan penting dalam menyokong komunikasi dalaman yang berkesan, meningkatkan kesedaran organisasi serta memupuk budaya keterangkuman dan keterlibatan dalam program transformasi SSM.

## **PELUNCURAN KOD ETIKA KORPORAT SSM**

Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan untuk mempromosikan integriti dan membanteras rasuah, SSM secara rasmi melancarkan Kod Etika Korporat SSM pada 2 Ogos 2024. Majlis pelancaran

telah diadakan di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur dan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, KPE SSM. Penerbitan ini berfungsi sebagai rujukan penting untuk menyokong pelaksanaan

amalan tadbir urus korporat terbaik, selaras dengan Strategi Anti-Rasuah Nasional (NACS) 2024–2028. Ia menyediakan panduan menyeluruh mengenai integriti, akauntabiliti dan pematuhan kepada lima (5) Dasar Pengurusan Anti-Rasuah SSM, yang merangkumi:

- (a) Polisi Antirasuah;
- (b) Polisi Tiada Hadiah;

- (c) Polisi Percanggahan Kepentingan;
- (d) Polisi Larangan Penggunaan Sokongan dan Pengaruh Luar; dan
- (e) Polisi Pemberi Maklumat Dalam.

Kod Etika Korporat SSM ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi SSM di [www.ssm.com.my](http://www.ssm.com.my) di bawah tab Penerbitan.

---

## ■ BENGKEL VERIFICATION & VALIDATION BAGI PEMBANGUNAN STRATEGIC DIRECTION PLAN SSM IV (SDP IV) VOLUME 1

Pada 15 Julai 2024, SSM telah menganjurkan Bengkel *Verification & Validation* sebagai sebahagian daripada proses pembangunan SDP IV *Volume 1*. Bengkel ini menghimpunkan 36 peserta termasuk *Strategic Liaison Officer* (SLO) dan wakil daripada pelbagai bahagian dan seksyen dalam SSM.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk:

- (a) Mengesahkan dan mengesah tepat (*verification &*

*validation*) input serta maklumat yang dikumpulkan daripada sesi yang telah dijalankan pada tahun 2023;

- (b) Menyemak dan menggabungkan cadangan pelan tindakan baharu yang selaras dengan keadaan semasa dan kerangka strategik yang telah ditetapkan; dan
- (c) Mengenal pasti pelan tindakan, sasaran strategik dan tahap kebolehlaksanaan sebelum memuktamadkan SDP IV *Volume 1* untuk kelulusan pihak pengurusan.

---

## ■ SESI BRAINSTORMING KPI SSM 2025

SSM telah mengadakan Sesi *Brainstorming* Penetapan KPI SSM 2025, dari 22 hingga 23 Ogos 2024, dengan penyertaan Pengurusan Eksekutif SSM. Sesi ini bertujuan untuk membangunkan Indikator Prestasi

Utama (KPI) SSM bagi tahun 2025, memastikan visi, tonggak strategik dan nilai korporatnya direalisasikan dan dilaksanakan dengan berkesan.

---

## ■ SESI VALIDATION SDP IV (2026 – 2030) VOLUME 1

SSM menganjurkan Sesi *Validation* SDP IV (2026–2030) *Volume 1* dengan pengurusan SSM dari 23 hingga 24 Ogos 2024. Sesi ini bertujuan untuk mengkaji semula status pembangunan SDP IV *Volume 1* dan memastikan bahawa strategi, objektif dan pelan tindakan yang dicadangkan adalah sejajar dengan jangkaan pengurusan SSM. Di samping itu, ia memberi

tumpuan kepada pemuktamadan visi baharu SSM bagi tempoh strategik 2026–2030.

Hasil daripada bengkel ini, tiga (3) cadangan visi baharu SSM telah dirumuskan dan seterusnya dikemukakan ke peringkat Anggota Suruhanjaya untuk kelulusan.

## ■ BENGKEL PEMUKTAMADAN SDP IV BERSAMA PENGURUSAN DAN ANGGOTA SURUHANJAYA

Pada 14 hingga 17 Disember 2024, SSM telah menganjurkan Bengkel Pemuktamadan SDP IV bersama pihak pengurusan dan Anggota Suruhanjaya.

Bengkel ini bertujuan untuk membincang serta memuktamadikan cadangan visi, teras strategik

dan matlamat strategik. Hasil bengkel tersebut, visi baharu SSM, teras strategik, matlamat strategik dan nilai korporat baharu SSM telah dimuktamadikan, menandakan pencapaian penting dalam menentukan hala tuju masa depan SSM.

## ■ AKTIVITI MODAL INSAN

### ***High Potential Talent***

Pada 19 hingga 22 Jun 2024, SSM telah berjaya melaksanakan Kursus Kepimpinan Bakat Berpotensi Tinggi untuk Kumpulan Bakat Pengurusan Gred 53, dengan penyertaan seramai 40 peserta yang terpilih dalam program intensif ini. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kecekapan kumpulan bakat selaras dengan keperluan pembangunan kepimpinan. Ia direka bentuk berdasarkan penilaian kompetensi teras yang telah dijalankan oleh Penyelia 1 dan Penyelia 2 semasa Penilaian Akhir Tahun 2023.

Program ini telah disampaikan oleh penceramah pakar dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan merangkumi modul interaktif, termasuk syarahan, simulasi dan kajian kes. Para peserta telah memperoleh pandangan yang bernilai berkaitan dengan pembuatan keputusan strategik, penyelesaian masalah dan teknik pengurusan yang berkesan. Maklum balas daripada para peserta adalah amat positif, mencerminkan kejayaan program ini dalam memupuk pembangunan pemimpin yang berdaya saing dan berwibawa.

### ***Leadership Empowerment with Awesome People (LEAP)***

Program Kepimpinan untuk Kumpulan Pengurusan SSM telah berjaya diadakan dari 1 hingga 3 Disember 2024, dengan kehadiran 32 peserta terpilih. Program ini bertujuan untuk memperkukuh dan meningkatkan

kecekapan kepimpinan dalam kalangan pengurusan SSM. Kompetensi teras yang ditekankan sepanjang program ini merangkumi Pemikiran Kritis, Penjajaran Perniagaan, Keupayaan Mempengaruhi dan Pembinaan Perhubungan.

Program ini dikendalikan oleh seorang perunding dan menerima maklum balas yang sangat positif daripada para peserta. Kejayaannya mencerminkan komitmen kukuh SSM dalam memupuk kepimpinan berkualiti yang berdaya saing untuk menghadapi cabaran masa depan.

### ***Kursus Induksi SSM***

Kursus Induksi SSM merupakan program tahunan yang dianjurkan untuk semua warga kerja baharu, selaras dengan Dasar Program Orientasi dan Induksi SSM yang telah berkuat kuasa sejak 1 Januari 2012. Objektif utama Kursus Induksi SSM adalah untuk:

- (a) Memberikan kefahaman kepada warga kerja mengenai Visi, Teras Strategik dan Nilai-Nilai Korporat SSM;
- (b) Melahirkan warga kerja yang berpengetahuan, berkemahiran, berbakat serta memiliki kestabilan fizikal dan mental;
- (c) Membekalkan ilmu berkaitan fungsi-fungsi SSM kepada warga kerja; dan
- (d) Melatih warga kerja dengan sifat-sifat positif yang boleh diterapkan dalam pekerjaan dan kehidupan seharian.

Pada tahun 2024, kursus ini dijalankan dalam dua (2) sesi:

- (a) Sesi I (7 hingga 17 Mei 2024) yang disertai oleh 39 peserta; dan
- (b) Sesi II (2 hingga 12 Julai 2024) yang disertai oleh 37 peserta.

### **Penstrukturan**

Penyusunan semula Bahagian Pentadbiran, Perolehan dan Prasarana (APID) bagi mewujudkan fungsi Pengurusan Prasarana Pejabat Negeri dan Keselamatan Kebakaran adalah selaras dengan salah satu tonggak utama Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara (DKPN) 2021–2030, yang bertujuan untuk memastikan persekitaran yang selamat. Cadangan pewujudan jawatan baharu bagi fungsi ini telah dibentangkan untuk kelulusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Struktur Baharu SSM Bil. 2/2024 yang diadakan pada 19 April 2024.

Selain itu, penjenamaan semula dan penyesuaian semula Unit Pengurusan Pematuhan kepada Unit Pemantauan Pelaporan Pemunyaan Benefisial dan Laporan Media telah dicadangkan bagi memperkasa peranan unit tersebut. Cadangan pertukaran nama ini telah dibentangkan untuk kelulusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Struktur Baharu SSM Bil. 3/2024.

### **Hari Keluarga SSM**

Pada 12 Oktober 2024, sambutan Hari Keluarga SSM bertemakan '*Fear Factor*' telah diadakan di Padang Semarak, Taman Wetland Putrajaya, dengan kehadiran seramai 1,200 tetamu. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, KPE SSM. Objektif utama sambutan ini adalah untuk memupuk semangat berpasukan dan mengeratkan hubungan antara warga kerja, ahli keluarga dan majikan.

### **SSM Health & Wellness Day dan Closing Ceremony SSM Fun Walk**

SSM telah menganjurkan kempen kesihatan selama tiga (3) hari dari 18 hingga 20 Julai 2024 bagi mempromosikan gaya hidup sihat dan meningkatkan kesedaran tentang kesejahteraan dalam kalangan warga kerja. Kempen ini telah mencapai kemuncaknya pada 20 Julai 2024 di Taman Tasik Titiwangsa dengan penganjuran aktiviti *Fun Walk* yang julung kali diadakan. Program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, KPE SSM dan dihadiri oleh warga kerja dari ibu pejabat.

### **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPDN dan Agensi**

Pada 29 Februari 2024, satu majlis pengiktirafan berprestij telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), dengan kehadiran seramai 600 tetamu. Majlis ini memberi penghormatan kepada sejumlah 450 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), yang mewakili empat (4) organisasi terkemuka: KPDN, SSM, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Majlis kolaboratif ini, yang dianjurkan bersama oleh kementerian dan agensi-agensinya di bawahnya, bertujuan untuk mengiktiraf dan meraikan pencapaian cemerlang para pegawai yang telah menunjukkan prestasi terbaik sepanjang tahun 2023.

### **Program Melibatkan Warga Kerja SSM**

Selain daripada majlis pengiktirafan tersebut, SSM telah melaksanakan pelbagai program libat urus warga kerja sepanjang tahun 2024 yang bertujuan untuk memupuk semangat kekitaan, menghargai kepelbagaian budaya dan menjaga kesejahteraan warga kerja. Inisiatif-inisiatif ini merangkumi:

- (a) Penyertaan dalam Perarakan dan Perhimpunan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1446H: SSM telah menyertai perarakan Maulidur Rasul

peringkat kebangsaan bagi meraikan kelahiran Nabi Muhammad SAW serta memupuk nilai perpaduan dan spiritualiti dalam kalangan warga kerja.

(b) Sambutan Perayaan:

SSM telah menganjurkan sambutan sempena Tahun Baharu Cina dan Deepavali bagi meraikan warisan budaya pelbagai kaum di Malaysia serta mempromosikan suasana inklusif dalam organisasi.

(c) Inisiatif Ramadan:

Bagi menyambut bulan Ramadan yang mulia, SSM telah mengagihkan buah kurma kepada warga kerja dan menganjurkan majlis Iftar (berbuka puasa) secara bersama untuk memupuk semangat

kebersamaan dan muhasabah diri.

(d) Sambutan Hari Raya Aidilfitri:

Satu majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri yang penuh keceriaan telah diadakan bagi membolehkan warga kerja berkumpul dan meraikan suasana perayaan, sekali gus mengeratkan semangat berpasukan dan silaturrahim.

Kesemua inisiatif ini mencerminkan komitmen SSM dalam menghargai kecemerlangan serta mempromosikan persekitaran kerja yang sihat, inklusif dan kaya dengan nilai budaya.

---

## ■ PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI KPDN

Pertandingan Anugerah Inovasi KPDN merupakan sebuah platform dinamik yang diwujudkan bagi mengiktiraf dan menghargai inisiatif inovatif yang diperkenalkan oleh pelbagai bahagian, pejabat negeri dan agensi di bawah KPDN. Inisiatif ini bertujuan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan melalui penambahbaikan proses dan prosedur serta secara aktif memupuk budaya inovasi dalam sektor awam bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan.

Pertandingan Anugerah Inovasi KPDN telah diperkenalkan dengan objektif yang jelas seperti berikut:

(a) Mempromosikan Inovasi: Menggalakkan penciptaan dan pembangunan penyelesaian inovatif dalam kalangan bahagian, pejabat negeri dan agensi di bawah KPDN.

(b) Memupuk Budaya Inovasi: Memberi inspirasi kepada bahagian, negeri dan agensi KPDN untuk menerapkan elemen inovasi dalam proses kerja mereka, sekali gus meningkatkan kecekapan dan produktiviti keseluruhan.

(c) Mengiktiraf dan Menghargai Kecemerlangan: Memberi pengiktirafan rasmi dan penghargaan kepada pelaksanaan amalan inovatif oleh bahagian,

negeri dan agensi KPDN.

(d) Memudahcara Perkongsian Ilmu: Menyediakan platform untuk pertukaran amalan terbaik agar agensi dapat mempelajari inisiatif yang berjaya dan mengadaptasi penyelesaian yang berkesan.

(e) Menambah Baik Kualiti Perkhidmatan: Menyumbang kepada penambahbaikan berterusan terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan pihak berkepentingan.

Pertandingan Anugerah Inovasi KPDN Edisi 2024 telah menerima sebanyak lapan (8) penyertaan dengan penglibatan aktif daripada pelbagai bahagian, pejabat negeri dan agensi termasuk SSM. Pertandingan ini bukan sahaja mengiktiraf usaha inovatif yang cemerlang, malah turut berperanan sebagai pemangkin penting dalam menggerakkan budaya kreativiti, penyelesaian masalah dan penambahbaikan berterusan dalam sektor awam.

Pertandingan ini telah menerima sebanyak lapan (8) penyertaan, termasuk penyertaan daripada SSM. Selaku salah satu agensi yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Anugerah Inovasi KPDN, SSM telah mengemukakan projek inovasi seperti berikut:

IBU PEJABAT/ PEJABAT NEGERI	NAMA KUMPULAN	TAJUK PROJEK
Bahagian Pemasaran & Pembangunan Perniagaan & Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi	GI-Tech 2.0	Portal SSM Xcess - KJAKP
Seksyen Integriti & Disiplin	S.I.D	Integrity Learning Site (ILS)
SSM Pahang	Transforce	Digital Inspection Data (DID)
SSM Pulau Pinang	N-Genesis	Tracking Electronic Response System (TRACKERS)

Kumpulan GI TECH 2.0 bagi Portal SSM Xcess – KJAKP, yang terdiri daripada wakil Bahagian Pemasaran & Pembangunan Perniagaan (MBDD) serta Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi (BTMK) SSM, telah merangkul tempat Naib Johan dalam Pertandingan Anugerah Inovasi KPND 2024.

Sebagai pengiktirafan atas pencapaian cemerlang mereka, pasukan tersebut telah menerima:

- (a) Trofi sebagai simbol kejayaan;
- (b) Sijil rasmi sebagai pengiktirafan terhadap usaha

- inovatif mereka; dan
- (c) Hadiah wang tunai sebanyak RM3,000 sebagai tanda penghargaan atas sumbangan mereka dalam bidang inovasi.

Anugerah ini telah disampaikan secara rasmi semasa Sambutan Hari Inovasi KPND yang berlangsung pada 26 November 2024. Pengiktirafan ini bukan sahaja menyerlahkan dedikasi dan kreativiti pasukan, malah mencerminkan komitmen SSM dalam memupuk budaya inovasi dalam operasinya.

## ■ PELAKSANAAN INSPEKTORAT DALAMAN (*SELF-AUDITING*) KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Pada tahun 2024, SSM telah melaksanakan Inspektorat Dalaman (*Self-Auditing*) bagi Keselamatan Perlindungan meliputi Ibu Pejabat, Pejabat Negeri dan Cawangan. Inisiatif ini dilaksanakan dengan kerjasama Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) — sebuah institusi latihan awam di bawah seliaan Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO), Jabatan Perdana Menteri.

Objektif utama pelaksanaan ini adalah untuk:

- (a) Mempertingkatkan Tadbir Urus Keselamatan: Meningkatkan tahap tadbir urus keselamatan dalam SSM bagi memastikan perlindungan maklumat dan aset yang kukuh;
- (b) Memupuk Budaya Kecemerlangan: Menggalakkan persaingan sihat dalam kalangan Ketua Jabatan dan Pegawai Keselamatan Jabatan agar sentiasa mengamalkan, melaksanakan dan menguatkuasakan langkah-langkah keselamatan perlindungan pada

- tahap tertinggi, sekali gus melayakkan diri untuk pengiktirafan tertinggi; dan
- (c) Memastikan Pematuhan terhadap Peraturan Keselamatan: Menyokong SSM, khususnya pegawai yang mengendalikan rahsia rasmi, dalam mematuhi prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan.

Pelaksanaan Sistem Inspektorat Dalaman (*Self-Auditing*) bagi Keselamatan Perlindungan berjaya dicapai melalui penglibatan aktif Juruaudit Dalaman yang dilantik daripada kalangan Pendaftar Dokumen Sulit (PKR) SSM. Juruaudit ini telah diberikan latihan menyeluruh secara praktikal untuk:

- (a) Melaksanakan penilaian dan *Self-Auditing* terhadap pematuhan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017); dan
- (b) Memastikan pematuhan terhadap peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972.

Latihan intensif ini membekalkan juruaudit dengan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan audit sendiri secara berkesan, memastikan amalan keselamatan perlindungan SSM sentiasa berada pada tahap yang tinggi.

Pendekatan proaktif SSM dalam tadbir urus keselamatan telah mendapat pengiktirafan rasmi daripada CGSO, menjadikan SSM sebagai agensi pertama yang melaksanakan inspektorat dalaman bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan keselamatan perlindungan.

Selain itu, SSM telah dipilih sebagai Agensi Perintis bagi Projek Sistem e-Keselamatan Perlindungan (ePS), sebuah platform digital yang direka untuk mempertingkatkan pengurusan keselamatan perlindungan. Sistem ini dijadualkan dilancarkan pada awal 2025, menempatkan SSM di barisan hadapan tadbir urus keselamatan digital dalam sektor awam.

Pelaksanaan Inspektorat Dalaman (*Self-Auditing*) bagi Keselamatan Perlindungan bukan sahaja mengukuhkan tadbir urus keselamatan SSM, malah menetapkan penanda aras bagi agensi lain. Ini mencerminkan komitmen teguh SSM dalam mengekalkan tahap keselamatan dan pematuhan tertinggi bagi melindungi maklumat dan aset sensitif.




LAPORAN PENGURUSAN  
**INISIATIF**  
**PENGUATKUASAAN**



## INISIATIF PENGUATKUASAAN

Pada tahun 2024, SSM meneruskan fokus inisiatif penguatkuasaan melalui tiga (3) strategi utama bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan meningkatkan ketelusan dalam kalangan komuniti korporat. Kesemua strategi tersebut bertujuan untuk mencapai objektif utama pemantauan seperti berikut:



## ■ AKTIVITI PEMERIKSAAN DAN PEMANTAUAN

Pada tahun 2024, SSM telah melaksanakan aktiviti pemeriksaan fizikal dan data secara menyeluruh ke atas sejumlah 678,182 syarikat, 590,794 perniagaan dan 20,571 PLT.

Pemeriksaan ini merangkumi pelbagai bidang, termasuk:

ENTITI	PEMERIKSAAN FIZIKAL	PEMERIKSAAN DATA
SYARIKAT	<p><b>Skop Pemantauan:</b></p> <p><b>Pematuhan terhadap seksyen 30(1) AS 2016:</b> Memastikan paparan nama syarikat dan nombor pendaftaran yang betul di premis perniagaan.</p> <p><b>Penyelenggaraan Buku Berkanun:</b> Memantau penyimpanan rekod yang tepat dan penyelenggaraan buku berkanun oleh setiausaha syarikat berdasarkan seksyen 105, 362, 59, 57, 47, 343 dan 54 AS 2016 serta keperluan yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Syarikat 2017.</p> <p><b>Kelayakan Setiausaha Syarikat:</b> Memantau pematuhan kepada standard kelayakan setiausaha syarikat seperti yang dinyatakan dalam seksyen 235 AS 2016.</p> <p><b>Penilaian Kompetensi Setiausaha Syarikat:</b> Menilai kompetensi setiausaha syarikat berdasarkan tahap pematuhan mereka terhadap peruntukan dan keperluan AS 2016.</p>	<p><b>Skop Pemantauan:</b></p> <p><b>Serah Simpan PT:</b> Memantau status serah simpan PT berdasarkan peruntukan seksyen 68(1) AS 2016.</p> <p><b>Serah Simpan PK:</b> Menilai status serah simpan PK berdasarkan peruntukan seksyen 248(1), 258(1) dan 259(1) AS 2016.</p> <p><b>Keperluan Setiausaha Syarikat:</b> Memastikan bahawa setiap syarikat yang diperbadankan mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) setiausaha syarikat berdasarkan peruntukan seksyen 240 AS 2016.</p> <p><b>Kelayakan dan Kebebasan Juruaudit:</b> Menilai kelayakan dan kebebasan juruaudit mengikut seksyen 264 AS 2016 dan syarat-syarat untuk Kelulusan Pembaharuan Juruaudit yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.</p> <p><b>Kewajipan Juruaudit:</b> Memantau pematuhan juruaudit terhadap seksyen 266(3)(b) AS 2016 berkaitan pendapat mereka berhubung dengan penyimpanan dan pengemaskinian buku-buku berkanun.</p> <p><b>Kelayakan dan Kebebasan Pelikuidasi:</b> Menilai kelayakan dan kebebasan likuidator mengikut seksyen 433 AS 2016.</p> <p><b>Pematuhan terhadap seksyen 30(2) AS 2016:</b> Memastikan kepatuhan kepada keperluan berkaitan paparan nama syarikat dan nombor pendaftaran pada dokumen rasmi dan penerbitan, termasuk format elektronik dan penyelenggaraan laman sesawang buku berkanun.</p>
	<p><b>JUMLAH: 19,275</b> (2023: 18,840), (2022: 23,691)</p>	<p><b>JUMLAH: 658,907</b> (2023: 636,241), (2022: 531,744)</p>

ENTITI	PEMERIKSAAN FIZIKAL	PEMERIKSAAN DATA
PERNIAGAAN	<p><b>Skop Pemantauan:</b></p> <p><b>Pematuhan terhadap Kaedah 13A (2) KPP 1957:</b> Memastikan nama perniagaan dan nombor pendaftaran dipaparkan dengan jelas di luar tempat perniagaan.</p> <p><b>Pematuhan terhadap seksyen 12(2) APP 1956:</b> Memastikan sijil pendaftaran yang betul dipaparkan di premis perniagaan.</p> <p><b>Pematuhan terhadap seksyen 12(1) (a) dan 12(1)(b) APP 1956:</b> Memastikan kepatuhan terhadap keperluan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan.</p>	<p><b>Skop Pemantauan:</b></p> <p><b>Memantau Tarikh Luput Pendaftaran Perniagaan:</b> Memastikan tarikh luput pendaftaran perniagaan mengikut seksyen 12(1)(b) APP 1956.</p> <p><b>Isu Kepentingan Awam:</b> Menangani isu-isu berkaitan kepentingan awam, termasuk pelaburan tidak sah dan perkara-perkara lain yang berkaitan.</p>
	<p><b>JUMLAH: 21,818</b> (2023: 23,901), (2022: 29,944)</p>	<p><b>JUMLAH: 568,976</b> (2023: 599,527), (2022: 671,516)</p>
	<p><b>Skop Pemantauan:</b></p> <p><b>Pematuhan PLT terhadap Rekod Perakaunan:</b> Memastikan PLT mengekalkan rekod perakaunan dan dokumentasi lain yang berkaitan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 69 APLT 2012.</p>	<p><b>Skop Pemantauan:</b></p> <p><b>Serah Simpan Perakuan Tahunan:</b> Memantau serah simpan Perakuan Tahunan oleh PLT mengikut seksyen 68(2) APLT 2012.</p> <p><b>Isu Kepentingan Awam:</b> Menangani isu-isu yang mungkin memberi kesan kepada kepentingan awam, seperti pelaburan tidak sah dan perkara-perkara berkaitan yang lain.</p>
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD	<p><b>JUMLAH: 208</b> (2023: 183), (2022: 183)</p>	<p><b>JUMLAH: 20,363</b> (2023: 12,688), (2022: 11,041)</p>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<p><b>41,301</b> (2023: 42,924), (2022: 53,818)</p>	<p><b>1,248,246</b> (2023: 1,248,456), (2022: 1,214,301)</p>

## AKTIVITI PENGUATKUASAAN LAIN PADA TAHUN 2024

### SSM Online Business Alert (OBA)

SSM OBA diperkenalkan bagi meningkatkan kesedaran orang awam terhadap risiko berurusan dengan entiti yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam talian secara tidak beretika. Sejak pelancarannya pada 27 Julai 2020, sebanyak 27 entiti sedemikian telah dikenal pasti dan disenaraikan secara terbuka di laman sesawang rasmi SSM.


Selain itu, SSM OBA turut merangkumi kompilasi laman sesawang pihak ketiga yang menawarkan perkhidmatan Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan tetapi tidak dikawal selia oleh SSM. Hasil siasatan telah mendedahkan 15 laman sesawang sedemikian yang menyediakan perkhidmatan tanpa kebenaran, sering kali mengenakan caj yang tinggi sehingga membebankan pemilik perniagaan secara tidak wajar.

## ■ KADAR PEMATUHAN SERAH SIMPAN PENYATA TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN

SSM kekal teguh dalam komitmennya untuk menggalakkan pematuhan terhadap keperluan statutori bagi serah simpan PT dan PK kepada Pendaftar. Berdasarkan data terkini, kadar pematuhan bagi serah simpan PT menunjukkan prestasi yang konsisten — mencatatkan 90% pada tahun 2022, meningkat kepada 93% pada tahun 2023 dan kekal pada kadar 93% bagi tahun 2024.

Bagi pematuhan serah simpan PK, pengiraan kadar pematuhan bermula pada tahun 2023. Pada tahun tersebut, kadar pematuhan yang dicatatkan adalah sebanyak 86% dan sedikit menurun kepada 85% pada tahun 2024. Perbandingan ini menunjukkan komitmen berterusan syarikat dalam mematuhi keperluan undang-undang berkaitan serah simpan dokumen korporat seperti PT dan PK.

Carta di bawah menunjukkan kadar pematuhan serah simpan PT dan PK selama tiga (3) tahun:



## ■ TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH AS 2016



## STATISTIK PEMANTAUAN INTERNET DAN MEDIA

PERUNTUKAN DAN HURAIAN	2024	2023	2022
<b>Seksyen 12(1)(a), APP 1956</b> Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran	108	20	1,429
<b>Seksyen 12(1)(b), APP 1956</b> Kegagalan memperbaharui pendaftaran perniagaan	82	–	206
<b>Seksyen 30(2), AS 2016</b> Kegagalan memaparkan nama syarikat dan nombor pendaftaran di laman web/ media sosial	3,059	1,246	221
<b>Kaedah 13A, KKPP 1957</b> Kegagalan memaparkan nama perniagaan dan nombor pendaftaran	1,254	1,246	765
<b>Kaedah 17A(1)(b), KKPP 1957</b> Kegagalan mengemaskini maklumat perniagaan	26	30	110
<b>Seksyen 20(3), APLT 2012</b> Kegagalan memaparkan nama dan nombor pendaftaran PLT di laman sesawang/ media sosial	16	1	5
<b>Notis Pematuhan Dikeluarkan</b>	<b>2,822</b>	477	2,163
<b>Kompaun Dikeluarkan</b>	<b>523</b>	296	247

## PEMANTAUAN TERHADAP PENGARAH BANKRAP, SYARIKAT YANG GAGAL MENYERAH SIMPAN PENYATA HAL EHWAL DAN SYARIKAT DORMAN YANG MEMPUNYAI GADAIAN TERTUNGGAK

SYARIKAT YANG TELAH DIGULUNGKAN DAN GAGAL MENYERAH SIMPAN PENYATA HAL EHWAL	PENGARAH BANKRAP	SYARIKAT DORMAN DENGAN CAGARAN YANG BELUM DISELESAIKAN
<p><b>Jumlah Notis:</b> 608 notis pematuhan telah dikeluarkan di bawah seksyen 484 AS 2016 kepada pengarah dan setiausaha syarikat.</p> <p><b>Tindakan Pentadbiran:</b> Tindakan pentadbiran telah dikenakan ke atas 462 pengarah dan setiausaha syarikat.</p>	<p><b>Jumlah Notis:</b> 11 notis pematuhan telah dikeluarkan di bawah seksyen 198 AS 2016 terhadap pengarah yang bankrap.</p> <p><b>Tindakan Pentadbiran:</b> Tindakan pentadbiran telah dikenakan terhadap sembilan (9) pengarah.</p>	<p><b>Jumlah Notis:</b> 2,287 notis pematuhan telah dikeluarkan di bawah seksyen 360 AS 2016 terhadap syarikat, pengarah dan setiausaha syarikat.</p> <p><b>Tindakan Pembatalan Nama Syarikat:</b> 450 syarikat telah dicadangkan untuk pembatalan nama di bawah seksyen 549 AS 2016.</p>
2023: 454 notis pematuhan dan 261 tindakan pentadbiran.	2023: Lima (5) notis pematuhan dan enam (6) tindakan pentadbiran.	2023: 2,696 notis pematuhan dan 716 syarikat dicadangkan untuk pembatalan nama.
2022: 405 notis pematuhan dan 405 tindakan pentadbiran.	2022: 11 notis pematuhan dan satu (1) tindakan pentadbiran.	2022: 1,409 notis pematuhan dan 477 syarikat dicadangkan untuk pembatalan nama.

## STATISTIK PEMERIKSAAN FIZIKAL, PASAR MALAM & FOOD TRUCK (OPS SAMAR), OPERASI BERSEPADU (OPS NIAGA) DAN OPERASI BERSEPADU (OPS PATUH BERSAMA PEJABAT NEGERI SSM)

JENIS PEMERIKSAAN/ OPERASI	2024	2023	2022
Pemeriksaan Premis Perniagaan di bawah APP 1956	<b>21,559</b>	3,714	2,680
Pemeriksaan Premis Syarikat di bawah AS 2016	<b>18,862</b>	3,089	2,792
Pemeriksaan Premis PLT di bawah APLT 2012	<b>208</b>	32	62
Pemeriksaan di Pasar Malam & Trak Makanan (OPS SAMAR)	<b>69</b>	6	4
Operasi Bersepadu (OPS NIAGA)	<b>132</b>	6	3
Operasi Bersepadu (OPS PATUH bersama Pejabat Negeri SSM)	<b>-</b>	2	1
Kompaun Dikeluarkan	<b>1,546</b>	402	114

## AKTIVITI PEMANTAUAN DATA DAN FIZIKAL

SSM memainkan peranan penting dalam menjalankan pemantauan terhadap rekod perakaunan syarikat dan PLT, PK, aktiviti SBMJ serta Skim Kepentingan Berdaftar (SKB). Aktiviti pemantauan ini dilaksanakan secara data dan fizikal berpandukan pendekatan berasaskan risiko.

Secara amnya, pemantauan terhadap PK bertujuan memastikan penyediaan laporan kewangan mematuhi kehendak AS 2016, ASSM 2001 serta seksyen 51 dan 78 ASK 2016. Selain itu, ia juga memastikan pematuhan terhadap piawaian perakaunan serta penyerahan penyata yang memberikan gambaran benar dan saksama seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 249 AS 2016. Bagi entiti PLT, pemantauan rekod perakaunan dilaksanakan bagi memastikan pematuhan terhadap seksyen 69 APLT 2012.

SSM turut melaksanakan pemantauan khusus ke atas SBMJ bagi memastikan pematuhan terhadap peruntukan AS 2016, syarat lesen yang ditetapkan serta Garis Panduan SBMJ. Pemantauan terhadap SKB pula dilakukan bagi memastikan skim yang berdaftar mematuhi ASK 2016.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 8,670 entiti telah dipantau melalui aktiviti pemeriksaan data dan fizikal merangkumi pelbagai jenis entiti. Bagi meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman berkaitan keperluan pematuhan perundangan yang ditetapkan oleh SSM, sejumlah 51,683 e-poskad telah diedarkan melalui e-mel kepada setiausaha syarikat, ejen syarikat dan pegawai pematuhan.

## PEMANTAUAN PENYATA KEWANGAN BERSTATUS LAPORAN JURUAUDIT BERSYARAT (*MODIFIED*)

PK yang menerima pendapat juruaudit bersyarat atau pendapat pengubahsuaian daripada juruaudit dirujuk sebagai PK berstatus bersyarat (*Modified*). Pendapat sedemikian lazimnya dikeluarkan disebabkan oleh salah nyata yang material dalam pelaporan kewangan atau kerana juruaudit menghadapi batasan semasa menjalankan proses pengauditan.

Selaras dengan kehendak seksyen 245 AS 2016 yang mewajibkan penyimpanan rekod perakaunan yang mencukupi, pemantauan terhadap PK berstatus bersyarat dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengarah syarikat tentang kepentingan penyimpanan rekod yang lengkap dan tepat. Rekod ini mesti mampu menjelaskan sesuatu transaksi dengan

jelas serta menggambarkan kedudukan kewangan syarikat secara menyeluruh.

Inisiatif pemantauan ini bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti penyediaan PK pada masa hadapan, ke arah penyampaian gambaran yang benar dan saksama tanpa sebarang pengubahsuaian.

Pada tahun 2024, sejumlah 808 PK berstatus bersyarat telah dipantau. Statistik pemantauan bagi tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:



## ■ PEMANTAUAN KE ATAS SYARIKAT PERSENDIRIAN TERKECUALI (SPT)

SSM secara aktif menjalankan pemantauan terhadap SPT walaupun syarikat-syarikat ini dikecualikan daripada keperluan untuk mengemukakan PK kepada Pendaftar. SPT ditakrifkan di bawah AS 2016 sebagai syarikat persendirian yang mempunyai tidak lebih daripada 20 orang pemegang saham dan tiada daripada mereka merupakan sebuah perbadanan.


Tujuan utama pemeriksaan ini adalah untuk memastikan pematuhan terhadap peruntukan khusus di bawah seksyen 47(1)(h), 245(1)–(4), 257(1), 260(2) dan 261(1) AS 2016. Peruntukan-peruntukan ini merangkumi keperluan penyimpanan rekod perakaunan yang mencukupi, pengedaran PK serta serah simpan sijil dan penyata yang diperlukan.

Pemeriksaan dijalankan di pejabat berdaftar syarikat bagi mengesahkan kewujudan PK yang telah diaudit dan pematuhan terhadap obligasi lain yang berkaitan dengan SPT. Kecekapan setiausaha syarikat turut dinilai, khususnya dari aspek keupayaan untuk mengemukakan

borang di bawah seksyen 47(2) AS 2016, terutamanya apabila pejabat berdaftar adalah berbeza daripada lokasi penyimpanan rekod.

Selain itu, pemeriksaan turut dijalankan ke premis penyimpanan rekod perakaunan bagi memastikan rekod tersebut adalah tepat dan boleh disahkan dengan dokumen sokongan yang berkaitan.

Statistik pemeriksaan fizikal dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:



## ■ PEMANTAUAN PENYATA KEWANGAN TIDAK BERAUDIT

Pada 4 Ogos 2017, SSM telah mengeluarkan *Practice Directive* No. 3/2017 (PD 3/2017) yang memperincikan kriteria kelayakan untuk pengecualian audit bagi kategori tertentu syarikat persendirian. Arahan ini bertujuan mengurangkan beban peraturan dan kos pematuhan yang ditanggung oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan membenarkan syarikat yang layak dikecualikan daripada keperluan audit mandatori, tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat tertentu.

SSM secara aktif menjalankan pemantauan terhadap PK tidak diaudit yang dikemukakan oleh syarikat yang memilih untuk pengecualian audit, bagi memastikan pematuhan terhadap kriteria yang ditetapkan dalam PD 3/2017. Pemantauan ini memberi tumpuan kepada kategori berikut:

- (a) *Dormant Companies*: Syarikat persendirian yang tidak menjalankan sebarang aktiviti sejak tarikh diperbadankan atau sepanjang tahun kewangan semasa dan tahun kewangan terdahulu;
- (b) *Zero-Revenue Companies*: Syarikat persendirian yang tidak menjana hasil dalam dua (2) tahun kewangan semasa dan terdahulu serta jumlah aset tidak melebihi RM300,000 dalam tempoh yang sama; dan
- (c) *Threshold-Qualified Companies*: Syarikat persendirian dengan hasil tahunan tidak melebihi RM100,000, jumlah aset tidak melebihi RM300,000 dan mempunyai tidak lebih daripada lima (5) orang pekerja pada akhir dua (2) tahun kewangan semasa dan terdahulu.

Tujuan utama pemantauan ini adalah untuk memastikan bahawa syarikat yang memilih pengecualian audit mematuhi sepenuhnya kriteria yang ditetapkan, seterusnya mengekalkan integriti dan kebolehpercayaan pelaporan kewangan dalam sektor korporat.

Statistik pemeriksaan fizikal melibatkan PK tidak diaudit bagi tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:



## PEMANTAUAN SYARIKAT ASING

SSM secara aktif memantau syarikat asing yang beroperasi di Malaysia bagi memastikan pematuhan terhadap AS 2016, khususnya seksyen 245 dan 574. Peruntukan ini mewajibkan syarikat asing menyelenggara rekod perakaunan yang lengkap dan tepat bagi mencerminkan transaksi serta kedudukan kewangan mereka.

Bagi menyokong usaha pemantauan ini, SSM menggunakan Borang Maklumat Syarikat Asing (BMSA) untuk mengumpul maklumat berkaitan daripada syarikat asing. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan

kesedaran dalam kalangan syarikat asing mengenai kewajipan statutori mereka serta mempertingkat kadar pematuhan secara keseluruhan.

Statistik pemeriksaan data dan fizikal syarikat asing dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:



## PEMANTAUAN SYARIKAT AMANAH

Syarikat amanah di Malaysia merupakan entiti yang diperbadankan di bawah AS 2016 dan didaftarkan di bawah ASA 1949. Seksyen 8 ASA 1949 memperincikan aktiviti yang dibenarkan untuk dijalankan oleh syarikat amanah, termasuk bertindak sebagai wasi, pentadbir harta, pemegang amanah, penerima, pengurus, pelikuidasi, penjaga harta kanak-kanak, jawatankuasa bagi harta individu yang mengalami gangguan mental serta peranan fidusiari yang lain. Memandangkan penglibatan mereka dalam pengurusan pelbagai amanah dan dana, syarikat amanah amat terdedah kepada

risiko seperti perubahan wang haram dan salah laku kewangan yang lain.

Pada tahun 2024, SSM telah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap 12 syarikat amanah bagi menilai tahap pematuhan mereka terhadap peruntukan di bawah AS 2016 dan ASA 1949. Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan syarikat amanah mematuhi keperluan statutori, mengekalkan struktur tadbir urus yang baik serta melaksanakan langkah-langkah kawalan yang berkesan bagi mengurangkan risiko kewangan.

Statistik pemantauan secara fizikal syarikat amanah dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:



## PEMANTAUAN LAPORAN PENGARAH DALAM PENYATA KEWANGAN

Di bawah seksyen 252(1) AS 2016, pengarah syarikat diwajibkan untuk menyediakan laporan pengarah bagi setiap tahun kewangan. Laporan ini mesti disertakan bersama PK syarikat yang dikemukakan kepada SSM.

Selaras dengan seksyen 250 AS 2016, syarikat juga diwajibkan untuk mendedahkan maklumat mengenai subsidiari dalam PK yang disatukan. Selain itu, Jadual Kelima di bawah seksyen 253 memperuntukkan bahawa laporan pengarah hendaklah dengan jelas menyatakan butiran berkaitan syarikat dan subsidiarinya, termasuk nama, tempat diperbadankan, aktiviti utama serta peratusan modal saham terbitan yang dipegang oleh syarikat dalam setiap subsidiari.

Sepanjang tahun 2024, SSM telah melaksanakan pemantauan data ke atas 1,024 laporan pengarah yang terkandung dalam PK, dengan tumpuan khusus kepada pegangan saham oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Statistik pemantauan data ke atas laporan pengarah di dalam PK dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:



## PEMANTAUAN REKOD PERAKAUNAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)

Pada tahun 2024, SSM telah meneruskan pemantauan terhadap PLT bagi memastikan pematuhan terhadap peruntukan dalam APLT 2012. Aktiviti pemantauan ini memberi tumpuan kepada pematuhan seksyen 69, yang mewajibkan penyimpanan rekod perakaunan dan dokumen lain yang dapat menerangkan transaksi serta kedudukan kewangan PLT dengan mencukupi serta seksyen 80, yang berkaitan dengan kesalahan membuat kenyataan palsu atau mengelirukan.

Objektif utama pemeriksaan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pegawai pematuhan dan rakan kongsi PLT mengenai kepentingan menyelenggara rekod perakaunan yang lengkap dan tepat, yang mencerminkan transaksi serta kedudukan kewangan sebenar PLT. Usaha ini bertujuan untuk mempertingkatkan kadar pematuhan keseluruhan PLT terhadap APLT 2012, seterusnya menyokong amalan ketelusan dan akauntabiliti dalam sektor korporat.

Statistik aktiviti pemantauan ke atas PLT bagi tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti di bawah:

AKTIVITI PEMANTAUAN	2024	2023	2022	JUMLAH
Pengeluaran Notis Pematuhan bagi Tujuan Pembetulan Perakuan Tahunan	7	10	N/A	17
Pemeriksaan Fizikal ke atas PLT	30	16	10	56
Pengeluaran Kompaun di bawah seksyen 69(1) APLT 2012	1	N/A	N/A	1

## INISIATIF KESEDARAN AWAM BERKAITAN PEMATUHAN PENYATA KEWANGAN BAGI SYARIKAT DAN PLT

SSM terus mempergiat usaha meningkatkan kesedaran awam mengenai kewajipan statutori berkaitan PK bagi syarikat dan PLT. Melalui hebahan e-poskad, SSM menasarkankan untuk mendidik para pengarah, setiausaha syarikat, ejen syarikat dan pegawai pematuhan mengenai keperluan pematuhan utama di bawah AS 2016 dan APLT 2012.

E-poskad ini menekankan bidang pematuhan kritikal berikut:

- (a) Seksyen 47(1)(h) AS 2016: Mewajibkan syarikat menyimpan salinan PK di alamat pejabat berdaftar;
- (b) Seksyen 257 AS 2016: Mengkehendaki pengedaran PK kepada anggota syarikat;
- (c) Seksyen 260 dan 261 AS 2016: Mewajibkan SPT menyerahkan sijil bersama kenyataan juruaudit;
- (d) Seksyen 245 AS 2016: Berkaitan keperluan penyimpanan rekod dan dokumen perakaunan yang lengkap;
- (e) Seksyen 244 AS 2016: Merujuk kepada pematuhan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan,

khususnya bagi syarikat asing;

- (f) Seksyen 246 AS 2016: Menetapkan keperluan untuk sistem kawalan dalaman dalam syarikat asing; dan
- (g) Seksyen 69 dan 80 APLT 2012: Menekankan keperluan PLT menyimpan rekod perakaunan yang tepat serta melarang penyataan palsu atau mengelirukan.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan SSM untuk memupuk budaya ketelusan, akauntabiliti dan pematuhan dalam sektor korporat.

Statistik hebahan melalui e-poskad bagi tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti di bawah:



## PEMANTAUAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)

SSM secara aktif memantau SBMJ memandangkan peranan penting entiti ini dalam mengumpul dan mengagihkan dana bagi tujuan kebajikan, keagamaan, pendidikan dan sosial. Pemantauan ini bertujuan memastikan pematuhan terhadap AS 2016, Garis Panduan SBMJ dan ASSM 2001.

Di bawah seksyen 45(1) AS 2016, SBMJ dibenarkan untuk menjalankan aktiviti yang memberi manfaat kepada masyarakat dan negara. Bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti, SSM melaksanakan pemeriksaan fizikal serta analisis data ke atas SBMJ. Selain itu, e-poskad turut dihebahkan bagi memupuk nilai tadbir urus korporat yang baik dalam kalangan pengarah SBMJ.

Mana-mana SBMJ yang berhasrat untuk menjalankan aktiviti kutipan sumbangan daripada orang awam

wajib mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Menteri atau Pendaftar. Kelulusan ini adalah sah untuk tempoh satu (1) tahun dan akan diterbitkan di portal rasmi SSM. Sebagai langkah kawal selia dan ketelusan, SSM telah memperkenalkan senarai SBMJ yang telah mendapat kelulusan bagi tujuan kutipan sumbangan daripada orang awam. Senarai ini bertujuan membantu orang ramai membuat penilaian yang lebih teliti sebelum memberikan sebarang sumbangan.

Orang ramai kini boleh membuat semakan status terkini SBMJ yang berdaftar dan telah menerima kelulusan untuk melaksanakan aktiviti kutipan sumbangan. Semakan boleh dibuat bermula 21 Mei 2024 melalui laman rasmi SSM di pautan berikut:

[https://www.ssm.com.my/CLBG/KELULUSAN\\_KUTIPAN\\_SUMBANGAN.pdf](https://www.ssm.com.my/CLBG/KELULUSAN_KUTIPAN_SUMBANGAN.pdf)

### Pemeriksaan Fizikal SBMJ

Pada tahun 2024, SSM telah menjalankan pemeriksaan fizikal ke atas 30 SBMJ merentasi pelbagai sektor termasuk keagamaan, kebajikan, pendidikan dan perkhidmatan sosial. Pemeriksaan ini memberi tumpuan kepada aspek penyelenggaraan dan penyimpanan rekod perakaunan serta pengesahan ke atas aset yang dimiliki.

Statistik bagi pemeriksaan fizikal bagi tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

JENIS PEMERIKSAAN	2024	2023	2022
Pemeriksaan penyimpanan rekod-rekod perakaunan dan rekod lain	20	21	115
Pemeriksaan verifikasi aset	10	19	5

### Pemeriksaan Data SBMJ

Pada tahun 2024, SSM telah melaksanakan pemeriksaan data ke atas SBMJ bagi menilai tahap pematuhan terhadap keperluan statutori dan peraturan yang ditetapkan. Pemeriksaan ini melibatkan semakan ke atas PK, pengesahan pematuhan terhadap syarat dana permulaan minimum sebanyak RM1 juta, penelitian terhadap pemilikan syarikat subsidiari serta pengumpulan maklumat kewangan dan bukan kewangan melalui Borang Maklumat Kewangan (BMK).

Bagi mempertingkatkan pemantauan dan memastikan ketelusan dalam tadbir urus, SSM telah membangunkan Borang Maklumat SBMJ (BMSBMJ) yang direka khusus untuk mengumpul maklumat terperinci berkaitan SBMJ, khususnya yang berada di bawah seliaan Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan.

Inisiatif-inisiatif ini adalah selaras dengan Garis Panduan Syarikat Berhad Menurut Jaminan, yang menetapkan bahawa SBMJ wajib menyelenggara rekod yang lengkap berkaitan dana, derma dan sumbangan serta mengemukakan maklumat yang diperlukan kepada SSM apabila diminta.

Statistik aktiviti pemeriksaan data ke atas SBMJ bagi tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

JENIS PEMERIKSAAN	2024	2023	2022
Pemeriksaan Dana Permulaan RM1 Juta	18	30	176
Pemeriksaan SBMJ dan Subsidiari	28	80	0
Pemeriksaan PK Bersyarat dan Tidak Bersyarat	1,200	283	500
Borang Maklumat Kewangan (BMK)	1,649	1,642	1,616
Borang Maklumat SBMJ (BMSBMJ)	2,183	0	0

### Program Kesedaran SBMJ Melalui e-Poskad

Pada tahun 2024, sebanyak tiga (3) e-poskad kesedaran telah diterbitkan dan diedarkan kepada pengarah dan setiausaha SBMJ melalui e-mel setiausaha syarikat untuk memastikan ia sampai kepada pengarah SBMJ dengan berkesan. Tujuan penerbitan e-poskad ini adalah untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan SBMJ mengenai pematuhan terhadap peruntukan AS 2016 dan Garis Panduan SBMJ.

e-poskad kesedaran yang diterbitkan merangkumi topik berikut:

- Pematuhan peruntukan seksyen 245 AS 2016;
- Penyimpanan senarai penerimaan dan pemberian dana atau sumbangan atau derma; dan
- Pematuhan peruntukan seksyen 246 AS 2016 Sistem Kawalan Dalaman.

## Tindakan Penguatkuasaan Terhadap SBMJ

Sepanjang tahun 2024, tindakan penguatkuasaan termasuk notis kompaun dan notis peringatan telah dikeluarkan terhadap SBMJ yang didapati telah melakukan pelbagai kesalahan di bawah peruntukan AS 2016 dan Garis Panduan SBMJ.

Sebanyak 149 notis kompaun melibatkan 37 SBMJ telah ditawarkan atas pelbagai kesalahan seperti kegagalan di bawah seksyen 245(3), 245(2) dan 244 AS 2016. Manakala terdapat tiga (3) SBMJ telah dikeluarkan notis peringatan kerana gagal mematuhi seksyen 245 AS 2016 dan Garis Panduan SBMJ.

Ringkasan tindakan penguatkuasaan ke atas SBMJ adalah seperti berikut:

KESALAHAN	KES	TINDAKAN PENGUATKUASAAN
Gagal patuhi seksyen 245(3) AS 2016	20	89 notis kompaun telah dikeluarkan kepada syarikat
Gagal patuhi seksyen 245(2) AS 2016	1	20 notis kompaun telah dikeluarkan kepada syarikat dan pengarah
Gagal patuhi seksyen 244 AS 2016	16	40 notis kompaun telah dikeluarkan kepada pengarah
Gagal patuhi seksyen 245 AS 2016 dan Garis Panduan SBMJ	3	Notis peringatan telah dikeluarkan

## PEMANTAUAN SKIM KEPENTINGAN BERDAFTAR (SKB)

SSM sentiasa memantau SKB untuk memastikan pematuhan dengan garis panduan dan peruntukan yang ditetapkan di bawah ASK 2016. Aktiviti pemantauan SKB termasuk pemeriksaan fizikal ke atas kemudahan skim dan rekod perakaunan seperti yang dikehendaki oleh ASK 2016. Pemantauan data prospektus berdaftar juga dijalankan untuk mengesahkan bahawa skim tetap aktif dan tidak terlibat dalam penjualan prospektus yang telah tamat tempoh.

Salah satu objektif utama pemantauan SKB adalah untuk memastikan bahawa pegawai syarikat pengurusan mengamalkan tadbir urus korporat yang baik. Pemantauan berterusan bertujuan untuk memastikan syarikat pengurusan mematuhi peruntukan yang dinyatakan dalam ASK 2016 dan mematuhi Surat Iktan Amanah (SIA) dan prospektus berdaftar. Sekiranya berlaku sebarang pelanggaran, SSM boleh mengeluarkan notis pematuhan, mengeluarkan kompaun atau memulakan tindakan mahkamah terhadap syarikat pengurusan yang dikenal pasti melanggar peruntukan ASK 2016.

Selain itu, SSM telah menjalankan pemantauan ke atas pemegang amanah bagi memastikan bahawa pemegang amanah skim yang dilantik melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka seperti yang ditetapkan dalam SIA dan mengikut seksyen 24 ASK 2016.

### Taklimat Prosedur Pemantauan SKB

Sepanjang tahun 2024, sesi taklimat telah diadakan di beberapa lokasi iaitu SSM Sarawak, SSM Kedah, SSM Johor dan SSM Sabah. Selain daripada penyampaian teori, sesi turut disusuli dengan pemeriksaan fizikal di syarikat pengurusan skim yang terpilih. Pemeriksaan ini memberi peluang secara langsung kepada anggota penguat kuasa untuk menilai keadaan fasiliti dan tahap pematuhan penyedia skim terhadap keperluan yang ditetapkan, sekali gus meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan di lapangan.

## Pemeriksaan Rekod Perakaunan SKB

Sepanjang tahun 2024, SSM telah melaksanakan pemeriksaan ke atas syarikat-syarikat pengurusan skim bagi memastikan rekod-rekod perakaunan skim dikendalikan secara teratur dan mematuhi kehendak undang-undang di bawah ASK 2016. Pemeriksaan ini memberi fokus kepada pematuhan terhadap peruntukan berikut:

- (a) Seksyen 48 – Pengasingan dana pemegang kepentingan daripada dana pihak lain bagi menjamin integriti dan keselamatan dana;
- (b) Seksyen 49 – Larangan terhadap syarikat pengurusan daripada melabur atau meminjamkan wang skim kepada syarikat pengurusan itu sendiri bagi mengelakkan konflik kepentingan; dan
- (c) Seksyen 51 – Keperluan untuk menyimpan rekod perakaunan yang lengkap serta menjalani proses pengauditan bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti kewangan.

Pemeriksaan ini bertujuan meningkatkan tadbir urus kewangan dalam pengurusan skim serta memastikan kepentingan pelabur sentiasa dilindungi.

## Pemeriksaan Fizikal Fasiliti SKB

Sepanjang tahun 2024, SSM telah melaksanakan pemeriksaan fizikal terhadap fasiliti syarikat pengurusan SKB bagi menilai tahap pematuhan terhadap keperluan perundangan yang ditetapkan di bawah ASK 2016. Pemeriksaan ini dijalankan bagi memastikan syarikat

pengurusan melaksanakan obligasi mereka secara telus dan bertanggungjawab selaras dengan syarat-syarat pelesenan serta garis panduan yang dikeluarkan oleh SSM.

Antara fokus utama dalam pemeriksaan fizikal ini termasuk:

- (a) Pemeriksaan terhadap lokasi dan fasiliti fizikal yang digunakan untuk menjalankan aktiviti skim, seperti tapak projek, pusat operasi atau lokasi penyimpanan aset yang berkaitan;
- (b) Penilaian terhadap pematuhan syarat lesen termasuk ketelusan maklumat kepada pemegang kepentingan dan penyediaan fasiliti yang bersesuaian; dan
- (c) Pemerhatian terhadap keselamatan dan kemudahan yang disediakan bagi memastikan hak dan kepentingan pelabur atau pemegang kepentingan sentiasa dilindungi.

## Program Kesedaran SKB Melalui e-Poskad

Pada tahun 2024, sebanyak tiga (3) e-poskad kesedaran berkaitan SKB telah diedarkan kepada 60 Ketua Pegawai Eksekutif syarikat pengurusan skim dan sembilan (9) pemegang amanah. Inisiatif ini bertujuan untuk memberikan pendidikan serta meningkatkan tahap kesedaran berkaitan tanggungjawab dan obligasi mereka di bawah ASK 2016. E-poskad ini berfungsi sebagai medium komunikasi yang proaktif untuk memperkukuh pemahaman, memupuk pematuhan serta mempertingkatkan amalan tadbir urus dalam pengendalian skim yang berdaftar.

## Statistik Pemeriksaan Fizikal dan Pemantauan Data SKB

Statistik pemeriksaan fizikal dan pemantauan data SKB bagi tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

AKTIVITI	2024	2023	2022
Pemeriksaan fizikal dan pemantauan data skim aktif dan tidak aktif serta PK	47	68	38
Pemeriksaan fizikal di pejabat pemegang amanah	4	4	1
Pemantauan data	208	30	226
Pengeluaran notis peringatan pembaharuan prospektus	15	22	44

## Tindakan Penguatkuasaan terhadap SKB

Pada tahun 2024, tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap sebuah syarikat pengurusan skim yang menjalankan aktiviti skim kongsi tani tanpa mematuhi keperluan ASK 2016. Syarikat tersebut telah dikenakan tindakan pendakwaan di bawah seksyen 46(2) ASK 2016 atas kesalahan mengendalikan skim

tanpa pematuhan kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh ASK 2016. Langkah ini mencerminkan komitmen SSM dalam memastikan pelaksanaan SKB dijalankan secara telus, sah dan melindungi kepentingan semua pihak yang terlibat.

## ■ PENDAFTARAN SETIAUSAHA SYARIKAT

### Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat

Sehingga 31 Disember 2024, seramai 8,940 individu telah berdaftar dan memperoleh Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat sejak penguatkuasaan seksyen 241 AS 2016 bermula pada 15 Mac 2019. Seksyen 241 AS 2016 mewajibkan mana-mana individu yang berkelayakan di bawah seksyen 235 dan berhasrat untuk bertindak sebagai setiausaha syarikat untuk berdaftar dengan SSM dan mendapatkan Sijil Perakuan Amalan sebelum melaksanakan peranan tersebut. Peruntukan ini bertujuan untuk mewujudkan satu daftar komprehensif setiausaha syarikat di Malaysia, sekali gus membolehkan SSM memantau tahap kecekapan dan

profesionalisme mereka. Pemantauan ini penting dalam memperkukuh pematuhan dan memupuk tadbir urus korporat yang baik dalam sektor korporat.

Permohonan bagi mendapatkan Sijil Perakuan Amalan hendaklah dikemukakan secara dalam talian melalui sistem e-Secretary di pautan <https://esecretary.ssm.com.my>. Setelah diluluskan, Sijil Perakuan Amalan tersebut sah untuk tempoh satu (1) tahun dan perlu diperbaharui setiap tahun. Kegagalan untuk mematuhi keperluan ini boleh mengakibatkan tindakan penalti di bawah seksyen 588 AS 2016.

Berikut merupakan statistik permohonan baharu bagi Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat bagi tahun 2024:

PERMOHONAN BAHARU SIJIL PERAKUAN AMALAN SETIAUSAHA SYARIKAT TAHUN 2024	
Jumlah Permohonan Diterima	1,074
Jumlah Permohonan Diluluskan	1,045
Pecahan permohonan baharu yang diluluskan mengikut kelayakan dan Badan Profesional	
(a) Lesen Setiausaha Syarikat (LS)	132
(b) Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA)	147
(c) Institut Akauntan Malaysia (MIA)	560
(d) Majlis Peguam Malaysia (BC)	134
(e) Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)	42
(f) Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)	5
(g) Pertubuhan Undang-Undang Sabah (SLS)	7
(h) Persatuan Peguam Bela Sarawak (AAS)	18


Jadual di bawah menunjukkan statistik permohonan pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat bagi tahun 2024:

<b>PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL PERAKUAN AMALAN SETIAUSAHA SYARIKAT TAHUN 2024</b>	
Jumlah Permohonan Diterima dan Diluluskan	4,035
<b>Pecahan permohonan pembaharuan yang diluluskan mengikut kelayakan dan Badan Profesional</b>	
(a) Lesen Setiausaha Syarikat (LS)	958
(b) Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA)	991
(c) Institut Akauntan Malaysia (MIA)	1,676
(d) Majlis Peguam Malaysia (BC)	151
(e) Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)	203
(f) Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)	15
(g) Pertubuhan Undang-Undang Sabah (SLS)	7
(h) Persatuan Peguam Bela Sarawak (AAS)	34

### Lesen Setiausaha Syarikat

Sehingga 31 Disember 2024, seramai 2,311 individu telah dilesenkan oleh SSM sebagai setiausaha syarikat di bawah seksyen 20G ASSM 2001 sehingga 31 Disember 2024. Sebelum dilesenkan, individu akan dinilai tahap pengetahuan dan kemahiran berkaitan AS 2016 dan *Anti-Money Laundering/ Countering Financing of Terrorism* (AMLCFT) melalui sesi peperiksaan bertulis dan temuduga.

Statistik aktiviti pelesenan setiausaha syarikat bagi tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:



### Pemantauan Setiausaha Syarikat

Pada tahun 2024, SSM telah melaksanakan sejumlah 159 penilaian kompetensi (2023: 162) di pejabat berdaftar syarikat bagi menilai pematuhan terhadap peruntukan di bawah AS 2016. Pemeriksaan ini turut merangkumi semakan khusus terhadap pematuhan

keperluan berkaitan Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan (AMLCFT).

Selain itu, sebanyak 239 notis pematuhan (2023: 176) telah dikeluarkan kepada pengarah syarikat di bawah seksyen 236(2) AS 2016 kerana gagal melantik setiausaha syarikat selepas penubuhan syarikat. Tambahan 4,829 notis pematuhan (2023: 2,989) turut dikeluarkan di bawah seksyen 240 AS 2016 kerana kegagalan mengisi kekosongan jawatan setiausaha syarikat selepas peletakan jawatan. SSM juga telah menjalankan pemantauan data terhadap 8,308 setiausaha syarikat sepanjang tahun 2024 bagi mengesahkan kelayakan mereka selaras dengan seksyen 235 dan 238 AS 2016.

### Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Setiausaha Syarikat

Sepanjang tahun 2024, SSM telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap setiausaha syarikat dan pengarah yang melanggar peruntukan di bawah AS 2016. Tindakan ini merangkumi langkah-langkah pentadbiran serta pengeluaran kompaun.

Sebanyak 724 (2023: 990) setiausaha syarikat telah diambil tindakan pentadbiran kerana gagal mematuhi peruntukan di bawah seksyen 238 AS 2016. Tindakan kompaun telah diambil ke atas 50 setiausaha syarikat yang gagal mematuhi seksyen 238 AS 2016 kerana bertindak selepas hilang kelayakan sebagai setiausaha syarikat.

Statistik aktiviti penguatkuasaan ke atas setiausaha syarikat bagi tahun 2024 dan 2023 adalah seperti berikut:

AKTIVITI	2024	2023
Pemeriksaan di bawah AS 2016	159	162
Pemeriksaan AMLCFT	20	20
Hilang kelayakan sebagai setiausaha syarikat di bawah seksyen 238 AS 2016	724	990
Gagal melantik setiausaha syarikat selepas pemerbadanan syarikat	239	176
Gagal mengisi kekosongan selepas peletakan jawatan setiausaha syarikat	4,829	2,989

Tindakan kompaun telah diambil terhadap 50 setiausaha syarikat yang melanggar seksyen 238 AS 2016 kerana terus menjalankan tugas sebagai setiausaha syarikat walaupun telah hilang kelayakan.

## PEMANTAUAN JURUAUDIT DAN FIRMA AUDIT

SSM secara aktif memantau juruaudit syarikat dan firma audit bagi memastikan tahap kompetensi dan profesionalisme yang tinggi sentiasa dikekalkan dalam profesion audit. Pemantauan ini dilaksanakan melalui rangka kerja pemantauan yang berstruktur dan menyeluruh, yang turut berperanan dalam meningkatkan kesedaran dalam kalangan juruaudit dan firma audit terhadap kewajipan statutori mereka di bawah AS 2016.

Pada tahun 2024, SSM telah menjalankan pemeriksaan fizikal ke atas 86 firma audit bagi menilai tahap pematuhan dan piawai profesional. Statistik pemeriksaan fizikal terhadap firma audit bagi tempoh tiga (3) tahun yang lalu adalah seperti berikut:



Sebagai tambahan kepada pemeriksaan di lokasi, SSM turut melaksanakan pemantauan data ke atas 1,204 juruaudit syarikat pada tahun 2024. Semakan ini memberi tumpuan kepada penilaian terhadap kebebasan juruaudit serta pengesanan sebarang ketidaklayakan selaras dengan seksyen 264 AS 2016.

Statistik bagi aktiviti pemantauan data ke atas juruaudit syarikat bagi tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:



## Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Juruaudit dan Firma Audit

Sepanjang tahun 2024, tindakan penguatkuasaan, termasuk kompaun dan notis pematuhan telah dikeluarkan terhadap juruaudit dan firma audit yang didapati telah melakukan pelbagai kesalahan di bawah peruntukan AS 2016. Maklumat terperinci mengenai tindakan ini adalah seperti berikut:

BILANGAN KES	TINDAKAN PENGUATKUASAAN	BUTIRAN
48	Kompaun	Gagal mematuhi peruntukan di bawah seksyen 264(1), 264(4) dan 265(4) AS 2016
25	Notis Pematuhan	Gagal mematuhi AS 2016

## ■ PENGURUSAN ADUAN

Pengurusan aduan merupakan salah satu elemen penting dalam memastikan ketelusan, kebertanggungjawaban dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan SSM. Proses ini merangkumi penerimaan, penilaian, penyiasatan dan penyelesaian aduan yang diterima daripada orang awam berhubung entiti perniagaan yang didaftarkan dengan SSM.

Sehingga 31 Disember 2024, SSM telah menerima sejumlah 1,326 aduan melibatkan syarikat, perniagaan dan kategori lain-lain. Statistik aduan yang diterima mengikut jenis entiti dari tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

TAHUN	ADUAN DITERIMA MENGIKUT ENTITI			
	SYARIKAT	PERNIAGAAN	PLT	JUMLAH
2024	1,021	286	19	1,326
2023	1,253	400	36	1,689
2022	738	357	23	1,118

KLASIFIKASI ADUAN YANG DITERIMA	
ISU	JUMLAH
Kesalahan daftar dan kesamaan nama syarikat dan perniagaan	36
Salah laku pengarah syarikat	86
Salah laku setiausaha syarikat	67
Laporan juruaudit berkaitan salah laku pegawai syarikat	8
Penipuan dan kesalahan serius seperti tadbir urus korporat dan serah simpan maklumat palsu dan mengelirukan	266
Salah laku semasa penggulangan syarikat	9
Ketidakaturan perakaunan	3
Kesalahan melibatkan skim pelaburan haram atau skim kepentingan yang berdaftar di bawah ASK 2016	7
Kesalahan melibatkan skim pelaburan haram atau skim kepentingan tidak berdaftar di bawah ASK 2016	278
Kesalahan melibatkan skim pelaburan dalam talian atau skim kepentingan tidak berdaftar di bawah ASK 2016	0
Kesalahan asas	353
Isu yang melibatkan bidang kuasa agensi lain seperti isu pekerjaan, pelancongan, skim 'gores dan menang', jualan langsung dan penipuan	131
Isu yang tidak melibatkan kesalahan di bawah bidang kuasa SSM, seperti tuntutan wang atau barangan, pertikaian dalaman syarikat serta urusan aturan mesyuarat	66
Pertanyaan berkaitan salah laku korporat	16
<b>JUMLAH</b>	<b>1,326</b>

Tiga (3) kategori aduan tertinggi yang diterima dalam tahun 2024 adalah seperti berikut:



**Kesalahan asas**  
**26.62%**



**Skim pelaburan haram atau skim pelaburan tidak berdaftar**  
**20.97%**




**Penipuan dan kesalahan serius**  
**20.06%**

## SIASATAN

Pada tahun 2024, SSM telah merekodkan peningkatan ketara dalam jumlah kertas siasatan yang dibuka, iaitu sebanyak 529 kes, berbanding 452 kes pada tahun 2023 dan 465 kes pada tahun 2022. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 17.04% berbanding tahun sebelumnya dan 13.76% berbanding tahun 2022.

**Kertas Siasatan bagi Tahun 2022 sehingga 2024**



Selain itu, satu (1) kertas siasatan turut dibuka berkaitan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613), yang menandakan perluasan skop siasatan SSM terhadap isu-isu berkepentingan awam.

Dari segi penyelesaian kes, sebanyak 454 kertas siasatan berjaya diselesaikan pada tahun 2024, mencatatkan peningkatan signifikan sebanyak 23.37% berbanding 368 kes yang diselesaikan pada tahun 2023. Peningkatan ini mencerminkan kecekapan operasi siasatan serta komitmen SSM dalam memperkukuh penguatkuasaan terhadap entiti berdaftar.

Staitistik kes mengikut kategori kesalahan yang disiasat oleh SSM bagi tempoh 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:

KATEGORI KESALAHAN	2024	2023	2022
Pemalsuan pelaporan syarikat	243	188	191
Pelanggaran tugas fidusiari	104	130	137
Pemalsuan pelaporan perniagaan	53	25	45
Hilang kelayakan sebagai pengarah	18	21	22
Penipuan pelaburan	40	35	19
Skim kepentingan tidak berdaftar di bawah ASK 2016	15	6	15
Pemalsuan pelaporan PLT	13	9	5
Penipuan wang kutu	2	10	4
Pengubahan wang haram	1	0	0
Dirujuk kepada agensi penguatkuasaan atau pengawalseliaan yang berkenaan	9	0	0
Lain-lain	31	28	27
<b>JUMLAH</b>	<b>529</b>	<b>452</b>	<b>465</b>

Pemalsuan pelaporan syarikat kekal sebagai kategori kesalahan utama yang disiasat bagi tempoh 2022 hingga 2024, dengan peningkatan kepada 243 kes pada tahun 2024, berbanding 188 kes pada tahun 2023 dan 191 kes pada tahun 2022.

Selain itu, penipuan pelaburan menunjukkan trend peningkatan berterusan dengan 35 kes direkodkan pada tahun 2023 berbanding 19 kes pada tahun 2022 dan terus meningkat kepada 40 kes pada tahun 2024.

Kes pemalsuan PLT turut meningkat kepada 13 kes pada tahun 2024, berbanding enam (6) kes pada tahun 2023 dan lima (5) kes pada tahun 2022.

Namun begitu, terdapat penurunan dalam siasatan berkaitan pelanggaran tugas fidusiari, iaitu daripada 137 kes pada tahun 2022 kepada 130 kes pada tahun 2023 dan seterusnya menurun kepada 104 kes pada tahun 2024.

---

## ■ BENGKEL PENYEDIAAN LAPORAN KAJIAN PENILAIAN RISIKO PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PEMBIAYAAN KEGANASAN KE ATAS SYARIKAT, PLT DAN PERNIAGAAN SERTA PEMUNYA BENEFISIAL

Pada 19 Mac 2024, SSM telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Laporan *Legal Persons Risk Assessment* (LPRA) dengan tujuan untuk menyelaraskan proses kerja penyediaan laporan LPRA berdasarkan metodologi dan indikator yang telah diluluskan, melalui pengumpulan data secara kuantitatif dan kualitatif. Dua kaedah utama telah digunakan dalam pengumpulan data ini, iaitu Kajian Persepsi (*Perception Survey*) dan Perbincangan Kumpulan Fokus (*Focus Group Discussion*).

Kajian ini merupakan salah satu Indeks Pencapaian Utama di bawah Pelan Strategik Kebangsaan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyelaras Pencegahan Pengubahan Wang Haram Peringkat Kebangsaan (NCC) bagi tempoh 2018 hingga 2022. Pelaksanaan kajian ini melibatkan kerjasama pasukan

daripada pelbagai bahagian, termasuk Bahagian Siasatan, Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan, Bahagian Pematuhan Korporat, Bahagian Pendakwaan dan Litigasi serta Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran.

Kajian ini dijalankan di peringkat nasional dengan pengumpulan data melibatkan pelbagai agensi utama kerajaan, antaranya SSM, BNM, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), KPDM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), SC, AGC, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS).

---

## ■ OPS KENAF: SERBUAN KE ATAS PREMIS SYARIKAT AMANAH DAN SKIM PELABURAN HARAM (KENAF DEVELOPMENT FUND)

Pada 7 Mac 2024, SSM telah menjalankan serbuan ke atas beberapa premis milik syarikat dan syarikat amanah yang disyaki mendalangi skim pelaburan haram dikenali sebagai Kenaf Development Fund (KDF). Skim ini dipercayai menawarkan pulangan pelaburan tetap selama 12 bulan kepada para pelabur. Tindakan serbuan ini diambil susulan aduan yang diterima daripada pelabur yang tidak berpuas hati setelah pihak syarikat gagal membuat pembayaran dividen seperti yang telah dijanjikan.

Operasi ini melibatkan seramai 39 pegawai daripada Bahagian Siasatan SSM dan dilaksanakan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta CyberSecurity Malaysia. Serbuan telah dijalankan secara serentak di tiga (3) lokasi berbeza, iaitu di Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang.

## ■ JALINAN KERJASAMA DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT BERSAMA BAHAGIAN PEMERIKSAAN DOKUMEN, JABATAN KIMIA MALAYSIA

Pada 11 Jun 2024, SSM telah menganjurkan Program Jalinan Kerjasama dan Perkongsian Maklumat bersama Bahagian Pemeriksaan Dokumen, Jabatan Kimia Malaysia. Program ini telah diadakan di Menara SSM @Sentral dan melibatkan penyertaan seramai 100 orang pegawai daripada Bahagian Siasatan, Bahagian Pematuhan Korporat, Bahagian Pendakwaan dan Litigasi serta Bahagian Kewangan dan Akaun, termasuk wakil daripada Jabatan Kimia Malaysia.

Objektif utama program ini adalah untuk memberikan penerangan yang mendalam berkaitan prosedur serta kaedah penandaan dokumen bagi tujuan analisis tandatangan yang dijalankan oleh Jabatan Kimia Malaysia. Di samping itu, sesi dialog turut diadakan bagi membincangkan pelbagai isu, pandangan dan cadangan penambahbaikan, khususnya dalam usaha mewujudkan proses kerja yang lebih cekap dan sistematik dalam pengendalian dokumen yang dipertikaikan.

## ■ JALINAN KERJASAMA DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT BAHAGIAN SIASATAN BERSAMA PENGENDALI GERBANG PEMBAYARAN DI MALAYSIA

Program ini telah dikendalikan melalui sesi ceramah dan forum, dengan objektif utama untuk memberi pendedahan kepada pengendali gerbang pembayaran dan pengeluar wang elektronik berkenaan prosedur siasatan yang dilaksanakan oleh SSM serta keperluan mengemukakan maklumat transaksi kewangan bagi tujuan siasatan. Inisiatif ini penting bagi membina rangkaian kerjasama yang harmoni antara SSM dan pengendali gerbang pembayaran, sekali gus dapat melancarkan proses penyampaian maklumat yang berkaitan.

Program ini telah berlangsung pada 9 Oktober 2024 yang dihadiri oleh seramai 80 delegasi daripada 17 pengendali, termasuk wakil daripada Touch 'n Go, FPX dan ShopeePay, selain pegawai dari Bahagian Siasatan dan Bahagian Pematuhan Korporat. Turut hadir sebagai panel dan penceramah adalah wakil daripada Jabatan Pemantauan Perkhidmatan Pembayaran, BNM.

## ■ OPERASI BERSEPADU DALAM MENANGANI KES PENIPUAN PELABURAN (OPS KINTA)

Pada 26 hingga 28 Jun 2024, SSM telah menyertai Operasi Bersepadu Kes Penipuan Pelaburan (Ops Kinta) yang diketuai oleh PDRM dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC), dengan kerjasama BNM, LHDNM, KPDM, SPRM serta ROS. Ops Kinta merupakan operasi yang dilaksanakan terhadap Pertubuhan Amal Kita Kinta Perak (PAKKP), susulan kegiatan pengumpulan dana daripada orang awam melalui dua (2) program utama, iaitu Program

Ayam Kampung PAKKP dan Program Induk Kambing Baka Shami.

Bagi menyokong pelaksanaan operasi ini, SSM telah menggerakkan tiga (3) pasukan melibatkan lapan (8) orang pegawai penyiasat untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan di empat (4) lokasi berbeza yang terletak di sekitar Selangor, Perak dan Kedah.

## ■ TRANSNATIONAL ANTI MONEY LAUNDERING ASSISTANCE (TAMLA) PROGRAMME – ADVANCE OPEN SOURCES INTELLIGENCE (OSINT) SUPERUSER TRAINING DI BANGKOK, THAILAND

SSM telah dijemput oleh NFCC untuk menyertai Program *Advance Open Sources Intelligence* (OSINT) *Superuser Training* yang telah berlangsung di Bangkok, Thailand dari 15 hingga 19 Julai 2024. Program ini merupakan kesinambungan daripada inisiatif TAMLA yang dilaksanakan sejak tahun 2021 melalui kerjasama antara NFCC dan *American Bar Association Rule of Law Initiative* (ABA ROLI). Antara bentuk pelaksanaan terdahulu program TAMLA termasuklah kaedah *e-Learning*, TAMLA *Virtual Learning* serta TAMLA *Joint Advanced OSINT Training of Trainer*.

Matlamat utama program ini adalah untuk melahirkan *superuser* OSINT di peringkat serantau melalui pengukuhan kemahiran dalam mengaplikasikan teknologi sumber terbuka bagi mengekang jenayah kewangan terancang. Sepanjang program, para peserta telah menerima bimbingan intensif daripada tenaga pengajar profesional yang mewakili ABA ROLI. Program ini turut disertai oleh wakil daripada pelbagai agensi penguatkuasaan termasuk KPDN, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), LHDNM, Labuan *Financial Services Authority* (LFSA), BNM, NFCC serta wakil daripada Thailand *Anti-Money Laundering Office* (AMLO), Thailand dan pegawai penguat kuasa dari Maldives.

## ■ FINANCIAL ACTION TASK FORCE (FATF) PLENARY AND WORKING GROUP MEETINGS DI SINGAPURA

Pada 23 hingga 28 Jun 2024, SSM telah dijemput oleh BNM untuk menghadiri Program *FATF Plenary and Working Group Meetings* yang telah berlangsung di Singapura. Dalam sesi tersebut, Suruhanjaya Eropah telah menganjurkan sebuah forum yang memberi tumpuan kepada amalan pengurusan terbaik dalam ketelusan pemunya benefisial, khusus bagi membantu persediaan SSM menghadapi *Mutual Evaluation Exercise* bagi tahun 2024 - 2025.

Selain itu, pengisian program ini juga adalah pembentangan laporan penilaian bersama FATF mengenai tahap pematuhan piawaian antarabangsa

berkaitan *Anti-Money Laundering* dan *Counter-Terrorism Financing* (AML/ CTF) bagi negara India dan Kuwait. Penilaian memberi penekanan kepada aspek pemulihan aset, risiko berkaitan media sosial dan platform penstriman serta semakan menyeluruh terhadap peranan Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan (*Designated Non-Financial Businesses and Professions – DNFBP*) dalam usaha pencegahan rasuah. Selain itu, turut dibincangkan ialah peningkatan ketelusan dalam pembayaran, penilaian risiko serta pelaksanaan pemantauan aktif di bawah FATF's *International Co-operation Review Group* (ICRG) dan forum berkaitan pemunya benefisial.

## ■ PENDAFTARAN KES MAHKAMAH TAHUN 2024

Pada tahun 2024, SSM mencatatkan peningkatan dalam jumlah kes pendakwaan yang didaftarkan di mahkamah, dengan jumlah keseluruhan sebanyak 6,544 kes, berbanding 6,488 kes pada tahun 2023. Trend peningkatan ini menggambarkan komitmen berterusan

SSM dalam menguatkuasakan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan di bawah bidang kuasanya, sekali gus memperkukuh akauntabiliti dan tadbir urus korporat dalam kalangan entiti berdaftar.

Jadual di bawah menunjukkan statistik kes berkaitan tadbir urus korporat yang didaftarkan pada tahun 2024, selaras dengan peruntukan yang berkaitan di bawah Jadual Pertama, ASSM 2001:

KATEGORI KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT	JUMLAH KES YANG DIDAFKARKAN		
	2024	2023	2022
<b>Seksyen 12(1)(d) APP 1956:</b> Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar.	1	1	2
<b>Seksyen 132(2)(a) AS 1965:</b> Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan harta syarikat tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan faedah sehingga merugikan syarikat.	-	22	14
<b>Seksyen 364(2) AS 1965:</b> Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan.	-	3	1
<b>Seksyen 43(1) AS 2016:</b> Larangan terhadap syarikat persendirian untuk menawarkan syer atau debentur atau mempelawa untuk mendeposit wang.	-	2	-
<b>Seksyen 90 (3) AS 2016:</b> Perihal syer kelas yang berlainan.	-	2	-
<b>Seksyen 198(1) AS 2016:</b> Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah.	6	-	-
<b>Seksyen 218(1)(a) AS 2016:</b> Larangan terhadap menggunakan harta syarikat untuk memperolehi manfaat secara langsung atau tidak langsung atau menyebabkan syarikat terjejas.	7	-	-
<b>Seksyen 218(1)(c) AS 2016:</b> Larangan terhadap menggunakan kedudukan sebagai pengarah untuk memperolehi manfaat secara langsung atau tidak langsung atau menyebabkan syarikat terjejas.	3	1	-
<b>Seksyen 591(2)(a) AS 2016:</b> Pernyataan palsu yang mengelirukan.	4	4	5
<b>Seksyen 588(1)(c) AS 2016:</b> Penalti Am.	-	2	-
<b>Seksyen 593(a) AS 2016:</b> Laporan atau pernyataan palsu kepada Pendaftar berhubung hal ehwal suatu perbadanan.	-	-	1
<b>Seksyen 593(b) AS 2016:</b> Laporan atau pernyataan palsu kepada Pendaftar berhubung dengan mana-mana perkara yang diperlukan oleh Pendaftar untuk pelaksanaan akta ini.	3	1	-
<b>Seksyen 3(2)(a) ASK 2016:</b> Tiada orang boleh menawarkan kepada orang awam apa-apa jenis skim kepentingan melainkan skim tersebut dalam sesuatu skim yang berdaftar di bawah Akta ini.	4	-	-
<b>Seksyen 45(1)(f) ASK 2016:</b> Setiap Syarikat pengurusan hendaklah mematuhi wa'ad dalam Surat Ikatan Amanah atau perjanjian kontrak.	3	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>31</b>	<b>38</b>	<b>23</b>

Jadual di bawah menunjukkan statistik kesalahan lazim yang didaftarkan pada tahun 2024, di bawah Akta-Akta yang dikawal selia oleh SSM yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, ASSM 2001:

KATEGORI KESALAHAN-KESALAHAN LAZIM	JUMLAH KES YANG DIDAFKARKAN		
	2024	2023	2022
<b>Seksyen 143(1) AS 1965:</b> Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat.	-	3	163
<b>Seksyen 165(4) AS 1965:</b> Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan.	-	78	585
<b>Seksyen 169(1) AS 1965:</b> Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung dan Rugi dalam Mesyuarat Agung Tahunan dalam masa yang ditetapkan.	-	2	43

KATEGORI KESALAHAN-KESALAHAN LAZIM	JUMLAH KES YANG DIDAFTARKAN		
	2024	2023	2022
<b>Seksyen 30 (1)(b) AS 2016:</b> Sesuatu syarikat hendaklah mempamerkan nama berdaftaranya dan nombor pendaftaran syarikat di tiap-tiap tempat di mana perniagaannya dijalankan.	12	-	4
<b>Seksyen 30(2) AS 2016:</b> Sesuatu syarikat hendaklah mempamerkan nama berdaftaranya dan nombor pendaftaran syarikat di tiap-tiap dokumen dan surat-menyurat syarikat.	5	-	-
<b>Seksyen 68(1) AS 2016:</b> Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan.	6,029	5,712	4,589
<b>Seksyen 248(1)(a) AS 2016:</b> Kewajipan pengarah Syarikat untuk menyediakan Penyata Kewangan.	6	-	-
<b>Seksyen 258(1)(a) AS 2016:</b> Kewajipan untuk mengedarkan Penyata Kewangan dan Laporan.	38	-	-
<b>Seksyen 259(1)(a) AS 2016:</b> Kewajipan untuk menyerah simpan Penyata Kewangan dan laporan dengan Pendaftar.	429	645	660
<b>Seksyen 12(1)(a) APP 1956:</b> Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran.	-	1	-
<b>Seksyen 12(1)(b) APP 1956:</b> Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh.	-	-	8
<b>Seksyen 12(2) APP 1956:</b> Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran Perniagaan.	4	33	1
<b>Kaedah 13(2) APP 1956, KKPP 1957:</b> Kewajipan untuk mempamerkan nama perniagaan pada dokumen dan surat menyurat perniagaan	8	-	-
<b>Kaedah 17A(1)(b) APP 1956, KKPP 1957:</b> Kegagalan untuk menyerah simpan butir-butir pendaftaran perniagaan.	-	2	6
<b>Kaedah 17A(2) APP 1956, KKPP 1957:</b> Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda.	13	12	-
<b>JUMLAH</b>	<b>6,544</b>	<b>6,488</b>	<b>6,059</b>

SSM mempunyai bidang kuasa untuk mengendalikan kes pendakwaan di mahkamah bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta-akta yang dikawal selia oleh SSM seperti yang diperuntukkan di dalam Jadual Pertama, ASSM 2001.

Jadual di bawah menunjukkan statistik tahun 2024 bagi kesalahan berkaitan tadbir urus korporat yang didakwa di bawah Akta-akta yang dikawal selia oleh SSM, selaras dengan Jadual Pertama ASSM 2001:

KATEGORI KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT	JUMLAH KES YANG DIDAKWA		
	2024	2023	2022
<b>Seksyen 132(2)(a) AS 1965:</b> Menggunakan harta syarikat tanpa kebenaran atau pengesahan Mesyuarat Agung.	-	11	14
<b>Seksyen 364(2) AS 1965:</b> Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan.	-	3	3
<b>Seksyen 43(1) AS 2016:</b> Larangan terhadap syarikat persendirian untuk menawarkan syer atau debentur atau mempelawa untuk mendeposit wang.	-	2	-
<b>Seksyen 90 (3) AS 2016:</b> Perihal syer kelas yang berlainan.	-	2	-
<b>Seksyen 198(1) AS 2016:</b> Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah.	6	2	-

KATEGORI KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT	JUMLAH KES YANG DIDAKWA		
	2024	2023	2022
<b>Seksyen 218(1)(a) AS 2016:</b> Larangan terhadap menggunakan harta syarikat untuk memperolehi manfaat secara langsung atau tidak langsung atau menyebabkan syarikat terjejas.	7	-	-
<b>Seksyen 218(1)(c) AS 2016:</b> Larangan terhadap menggunakan kedudukan sebagai pengarah untuk memperolehi manfaat secara langsung atau tidak langsung atau menyebabkan syarikat terjejas.	1	1	-
<b>Seksyen 591(2)(a) AS 2016:</b> Pernyataan palsu yang mengelirukan.	1	4	4
<b>Seksyen 593(a) AS 2016:</b> Laporan atau pernyataan palsu kepada Pendaftar berhubung hal ehwal suatu perbadanan.	1	-	1
<b>Seksyen 593(b) AS 2016:</b> Laporan atau pernyataan palsu kepada Pendaftar berhubung dengan mana-mana perkara yang diperlukan oleh Pendaftar untuk pelaksanaan akta ini.	4	1	-
<b>Seksyen 594(2) AS 2016:</b> Mendorong orang untuk melaburkan wang secara fraud.	-	1	-
<b>Seksyen 12(1)(d) APP 1956:</b> Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar.	1	-	2
<b>Seksyen 3(2)(a) ASK 2016:</b> Tiada orang boleh menawarkan kepada orang awam apa-apa jenis skim kepentingan melainkan skim tersebut dalam sesuatu skim yang berdaftar di bawah Akta ini	4	-	-
<b>Seksyen 45(1)(f) ASK 2016:</b> Setiap Syarikat pengurusan hendaklah mematuhi wa'ad dalam Surat Ikatan Amanah atau perjanjian kontrak	3	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>28</b>	<b>27</b>	<b>24</b>

Jadual di bawah menunjukkan statistik bagi kesalahan lazim yang didakwa pada tahun 2024 di bawah Akta-akta yang dikawal selia oleh SSM, seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, ASSM 2001:

KATEGORI KESALAHAN-KESALAHAN LAZIM	JUMLAH KES YANG DIDAKWA		
	2024	2023	2022
<b>Seksyen 30 (1)(b) AS 2016:</b> Sesuatu syarikat hendaklah mempamerkan nama berdaftaranya dan nombor pendaftaran syarikat di tiap-tiap tempat perniagaannya dijalankan.	2	-	-
<b>Seksyen 143(1) AS 1965:</b> Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat.	-	11	230
<b>Seksyen 165(4) AS 1965:</b> Kegagalan menyerahkan simpan Penyata Tahunan.	-	152	526
<b>Seksyen 169(1) AS 1965:</b> Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung dan Rugi dalam Mesyuarat Agung Tahunan dalam masa yang ditetapkan.	-	2	10
<b>Seksyen 68(1) AS 2016:</b> Kegagalan menyerahkan simpan Penyata Tahunan.	9,129	6,599	6,838
<b>Seksyen 248(1)(a) AS 2016:</b> Kewajipan pengarah Syarikat untuk menyediakan Penyata Kewangan.	9	-	-
<b>Seksyen 258(1)(a) AS 2016:</b> Kewajipan untuk mengedarkan Penyata Kewangan dan Laporan.	64	-	-
<b>Seksyen 259(1)(a) AS 2016:</b> Kewajipan untuk menyerahkan simpan Penyata Kewangan dan laporan dengan Pendaftar.	521	538	715
<b>Seksyen 12(1)(b) APP 1956:</b> Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh.	-	4	11

KATEGORI KESALAHAN-KESALAHAN LAZIM	JUMLAH KES YANG DIDAKWA		
	2024	2023	2022
<b>Seksyen 12(2) APP 1956:</b> Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran perniagaan.	2	21	20
<b>Kaedah 13(2) APP 1956, KKPP 1957:</b> Kewajipan untuk mempamerkan nama perniagaan pada dokumen dan surat menyurat perniagaan.	7	-	-
<b>Kaedah 17A(1)(b) APP 1956, KKPP 1957:</b> Kegagalan untuk menyerahkan simpan butir-butir pendaftaran perniagaan.	3	5	5
<b>Kaedah 17A(2) APP 1956, KKPP 1957:</b> Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda.	6	13	24
<b>Kaedah 17A(3) APP 1956, KKPP 1957:</b> Menggunakan nama perniagaan yang tidak dapat kebenaran Menteri.	-	-	1
<b>JUMLAH</b>	<b>9,743</b>	<b>7,345</b>	<b>8,380</b>

## ■ KES-KES SABITAN TAHUN 2024

Pada tahun 2024, sebanyak 358 sabitan telah direkodkan, menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 206% berbanding 117 kes pada tahun 2023. Peningkatan mendadak ini mencerminkan usaha penguatkuasaan yang lebih giat oleh SSM dalam mempertingkatkan tahap pematuhan dan akauntabiliti korporat.

Ringkasan kes-kes penting yang telah didakwa dan berjaya disabitkan oleh SSM pada tahun 2024 adalah seperti berikut:

PIHAK-PIHAK	JENIS KESALAHAN	KESALAHAN (SEKSYEN)	KETERANGAN
<b>Pendakwa Raya v Teo Tzi Sin &amp; Yang lain</b>	Menggunakan kedudukan sebagai pengarah untuk memperolehi manfaat secara langsung atau tidak langsung atau menyebabkan syarikat terjejas	Seksyen 218 (1)(c) AS 2016	<p>Dua (2) bekas pengarah syarikat telah mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas pertuduhan di bawah seksyen 218(1)(c) AS 2016, yang boleh dihukum di bawah seksyen 218(2) akta yang sama, dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan. Kedua-dua pengarah tersebut dituduh menyalahgunakan kedudukan mereka secara bersama dengan menggunakan aset syarikat bagi tujuan pemberian bonus sebanyak RM200,000 setiap seorang tanpa kelulusan mesyuarat agung syarikat, sekali gus memberi manfaat secara langsung kepada diri sendiri.</p> <p>Berdasarkan fakta kes, pembayaran bonus sebanyak RM200,000 telah direkodkan dalam slip gaji individu masing-masing dan transaksi gaji berkenaan termasuk jumlah bonus turut direkodkan dalam penyata akaun bank mereka di Public Bank Berhad.</p> <p>Pada hari perbicaraan, kedua-dua individu tersebut telah menukar pengakuan kepada bersalah. Mahkamah kemudiannya telah mensabitkan kesalahan terhadap kedua-dua tertuduh dan menjatuhkan denda sebanyak RM100,000 setiap seorang.</p>

PIHAK-PIHAK	JENIS KESALAHAN	KESALAHAN (SEKSYEN)	KETERANGAN
<b>Pendakwa Raya v Mohd Latip Ahmad</b>	Memberi maklumat palsu kepada Pendaftar	Seksyen 591(2)(a) AS 2016	<p>Tertuduh telah didakwa di Mahkamah Sesyen Bangi atas kesalahan memalsukan tandatangan Jamilah Binti Ahmad pada dokumen korporat bertajuk <i>Notification of Alteration Or Amendment to Constitution</i> bagi syarikat SNR Car Aircond Services &amp; Accessories Sdn Bhd. Pemalsuan tersebut melibatkan pindaan terhadap Fasal 5 dalam <i>Article of Association</i> syarikat berkenaan.</p> <p>OKS telah memfailkan permohonan rundingan akuan bagi pengakuan bersalah. Mahkamah telah mensabitkan OKS dan dijatuhkan hukuman denda RM30,000.00 bersama kos pendakwaan sebanyak RM700 atau penjara dua (2) bulan jika gagal bayar.</p> <p>Tertuduh telah mengemukakan permohonan rundingan akuan (plea bargaining) dan seterusnya mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut. Mahkamah telah mensabitkan kesalahan terhadap tertuduh dan menjatuhkan denda sebanyak RM30,000, bersama kos pendakwaan sebanyak RM700 atau penjara selama dua (2) bulan sekiranya gagal menjelaskan bayaran.</p>
<b>Pendakwa Raya vs Mohd Lukmanulhakim Bin Ab Hamid</b>	Membenarkan maklumat palsu diserahkan simpan kepada Pendaftar	Seksyen 364(2) AS 1965	<p>Tertuduh telah didakwa di bawah seksyen 591(2)(a) AS 2016 kerana membenarkan setiausaha syarikat menyerah simpan Borang 58 dan Borang 51 kepada Pendaftar tanpa mendapat kebenaran yang sah. Pada peringkat awal, tertuduh telah mengaku tidak bersalah dan kes diteruskan untuk perbicaraan. Sepanjang prosiding, pihak pendakwaan telah memanggil tujuh (7) orang saksi, manakala pihak pembelaan memanggil dua (2) orang saksi.</p> <p>Setelah perbicaraan selesai, mahkamah mendapati tertuduh bersalah dan telah mengenakan hukuman seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Denda sebanyak RM30,000 atau penjara enam (6) bulan jika gagal membayar denda bagi pertuduhan pertama; dan</li> <li>▪ Denda sebanyak RM15,000 atau penjara tiga (3) bulan jika gagal membayar denda bagi pertuduhan kedua.</li> </ul> <p>Tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi, namun kemudiannya menarik balik notis rayuan. Sehubungan itu, mahkamah telah memerintahkan tertuduh membayar denda tersebut beserta kos pendakwaan sebanyak RM5,000 selaras dengan Seksyen 426 Kanun Tatacara Jenayah.</p>

PIHAK-PIHAK	JENIS KESALAHAN	KESALAHAN (SEKSYEN)	KETERANGAN
<b>Pendakwa Raya vs FGP Ventures SB</b>	Mengumpulkan syer keutamaan yang dikenali sebagai <i>Islamic Redeemable Preference Share</i> (iRPS) tanpa mempunyai perlembagaan syarikat	Seksyen 90(4) AS 2016	Tertuduh telah didakwa di bawah seksyen 90(4) AS 2016 kerana mengeluarkan saham keutamaan, yang dirujuk secara khusus sebagai " <i>Islamic Redeemable Preference Share</i> " (iRPS) tanpa mempunyai perlembagaan syarikat yang sah.  Kesalahan tersebut melibatkan pengeluaran saham keutamaan tanpa kebenaran, yang bertentangan dengan kehendak undang-undang bahawa saham keutamaan hanya boleh dikeluarkan sekiranya syarikat mempunyai perlembagaan yang membenarkannya.  Setelah tertuduh mengaku bersalah, mahkamah telah mensabitkan kesalahan dan mengenakan denda sebanyak RM25,000.

## ▀ SABITAN PENDAKWAAN TAHUN 2022 HINGGA 2024

Jadual berikut menggariskan sabitan mahkamah yang direkodkan dari 2022 hingga 2024, dikategorikan oleh kesalahan tadbir urus korporat dan kesalahan lazim:

KATEGORI	KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT			KESALAHAN LAZIM		
	2024	2023	2022	2024	2023	2022
Syarikat	1	-	-	349	110	170
Pengarah	4	3	3	4	-	-
Pemilik/ Perniagaan Individu	-	4	2	-	-	6
<b>JUMLAH</b>	<b>5</b>	<b>7</b>	<b>5</b>	<b>353</b>	<b>110</b>	<b>176</b>

### Statistik Kes Baharu (Hal Ehwal Sivil)

Jadual di bawah menunjukkan perbandingan kes-kes sivil yang dikendalikan oleh SSM dari tahun 2021 hingga 2024:

TAHUN	JUMLAH FAIL YANG DIKENDALIKAN	JUMLAH FAIL YANG DITUTUP
2024	735	549
2023	813	778
2022	678	524
2021	519	473
<b>JUMLAH</b>	<b>2,745</b>	<b>2,324</b>

Sebahagian besar kes baharu sepanjang tempoh ini melibatkan permohonan ke Mahkamah Tinggi oleh syarikat, terutamanya bagi:

- Permohonan lanjutan masa untuk mendaftar atau meminda cagaran; dan
- Pemulihan semula nama syarikat yang telah dibatalkan daripada daftar SSM.

Pada tahun 2024, sebanyak 190 kes berkaitan permohonan lanjutan masa dan pindaan kepada Penyata Butiran yang Perlu Didaftarkan Bersama Cagaran, merangkumi 25.85% daripada jumlah keseluruhan kes yang dikendalikan. Sebanyak 151 kes (20.54%)

melibatkan permohonan pemulihan nama syarikat. Baki 395 kes (53.61%) melibatkan pelbagai perkara lain.

Terdapat penurunan dalam jumlah fail yang dikendalikan oleh SSM pada tahun 2024, dengan pengurangan 78 fail (pengurangan 10.61%) berbanding tahun 2023 tetapi 7.76% lebih tinggi berbanding tahun 2022. Begitu juga, jumlah fail yang ditutup menurun sebanyak 229 fail (pengurangan 41.71%) berbanding tahun 2023 tetapi meningkat sedikit iaitu 4.55% berbanding tahun 2022.

Antara kes-kes mahkamah yang dikendalikan oleh SSM adalah meliputi perkara-perkara berikut:

- (a) Permohonan untuk mendaftarkan semula nama syarikat ke dalam Daftar Syarikat (seksyen 555 AS 2016);
- (b) Permohonan berkaitan dengan lanjutan masa dan pindaan pada dokumen gadaian (seksyen 361 AS 2016);
- (c) Permohonan untuk pengisytiharan pembatalan pembubaran syarikat (*Dissolved to Winding Up*) di bawah seksyen 535(1) AS 2016;
- (d) Permohonan berkaitan pembetulan daftar syarikat menurut seksyen 103 AS 2016;
- (e) Permohonan berkaitan dengan pindaan pada dokumen di bawah seksyen 602 AS 2016;
- (f) Permohonan Semakan Kehakiman di bawah Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012;
- (g) Kes-kes writ saman yang melibatkan injunksi, tuntutan kecuai dan ganti rugi terhadap SSM; dan
- (h) Kes-kes melibatkan isu insolvensi.

### **Kes-Kes Penting yang Dikendalikan oleh SSM Sepanjang Tahun 2024**

Berikut ialah senarai kes-kes penting undang-undang sivil yang melibatkan SSM sebagai defendan:

#### **DKH Mergers & Acquisitions Sdn. Bhd. Iwn Suruhanjaya Syarikat Malaysia [No. Kes: WA-24NCC-96-02/2024]**

DKH Mergers & Acquisitions Sdn. Bhd. telah memfailkan permohonan di bawah seksyen 555(1) AS 2016 untuk

memulihkan nama syarikatnya dalam Daftar SSM setelah dibatalkan kerana gagal mengemukakan PT dan PK dari tahun 1993 hingga kini.

Pemohon, yang merupakan seorang bankrap belum dilepaskan, telah memperoleh kebenaran daripada Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) untuk memulakan tindakan undang-undang di bawah seksyen 38(1)(a) Akta Insolvensi 1967. Namun begitu, tiada kebenaran diberikan di bawah seksyen 38(1)(d) untuk membolehkan pemohon bertindak sebagai pengarah syarikat.

Menariknya, pemohon enggan mematuhi Garis Panduan SSM berkaitan permohonan di bawah seksyen 555(1), termasuk keperluan mengemukakan PT dan PK sejak 1993 sebagai sokongan kepada permohonan pemulihan. Oleh yang demikian, SSM membantah permohonan tersebut.

Pada 29 Mei 2024, Mahkamah Tinggi telah menolak permohonan plaintif dan menganugerahkan kos sebanyak RM5,000 kepada SSM. Dalam penghakiman, Yang Arif Hakim menekankan bahawa pematuhan terhadap garis panduan SSM adalah penting sebelum mahkamah boleh melaksanakan budi bicaranya di bawah seksyen 555. Pematuhan ini memastikan bahawa mahkamah berpuas hati bahawa syarikat tersebut pernah menjalankan perniagaan secara aktif sebelum namanya dibatalkan dari daftar.

#### **Bala Muraly a/l Supermaniam Iwn Suruhanjaya Syarikat Malaysia [No. Kes: JA-24NCC-31-12/2023]**

Pada 17 September 2023, Mahkamah Sesyen di Johor Bahru telah mensabitkan kesalahan terhadap Plaintiff, Bala Muraly a/l Supermaniam, di bawah seksyen 364(2) AS 2016 kerana mengemukakan kenyataan palsu dan mengelirukan dalam Borang 32A. Akibat daripada sabitan ini, Plaintiff secara automatik hilang kelayakan untuk memegang jawatan pengarah dalam tiga syarikat, iaitu QE Manufacturing Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 546334-X), Quality Edge Precision Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 1244197-K) dan Technolliance Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 721453-H).

Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, Plaintiff telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi dan secara serentak mengemukakan permohonan di bawah seksyen 198(4) AS 2016 untuk mendapatkan kebenaran mahkamah bagi dilantik semula atau terus berkhidmat sebagai pengarah syarikat.

Setelah meneliti permohonan, SSM membantah dengan menegaskan bahawa Plaintiff telah melakukan kesalahan serius melibatkan perubahan pemilikan saham tanpa pengetahuan atau kebenaran rakan pengarah. SSM berhujah bahawa sabitan di bawah seksyen 364(2) mencerminkan salah laku yang mencemarkan integriti tadbir urus korporat dan secara langsung menjejaskan peranan SSM sebagai pengawal selia. Tambahan pula, SSM memberi amaran bahawa membenarkan permohonan ini boleh mencetuskan preseden yang tidak wajar dan membuka ruang kepada pelanggaran lebih lanjut terhadap AS 2016.

Setelah mempertimbangkan sepenuhnya, Mahkamah Tinggi Johor Bahru telah menolak permohonan Plaintiff di bawah seksyen 198(4) AS 2016 pada 1 Ogos 2024.

### **Honsin Apparel Sdn Bhd & Satu Lagi Iwn Mah Sau Cheong & 14 Yang Lain** **[No. Kes: WA-24NCC-879-12/2023]**

Kes ini melibatkan permohonan oleh Plaintiff yang memohon pengisytiharan mahkamah bahawa keputusan Pendaftar Syarikat meluluskan permohonan Defendan ke-14 untuk lanjutan masa mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-52 adalah tidak sah dan tidak mempunyai kesan undang-undang. Defendan ke-14 dalam kes ini ialah South Malaysia Industries Berhad (No. Syarikat: 8482-D).

Sebagai tindak balas, SSM telah memfailkan permohonan membatalkan saman di bawah Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dengan alasan bahawa Plaintiff telah menggunakan saluran tindakan yang salah. Defendan ke-14 telah membuat permohonan untuk lanjutan masa di bawah seksyen 340(4) AS 2016 dan ia telah diluluskan oleh Pendaftar. Oleh itu, SSM berhujah bahawa langkah undang-undang yang betul bagi mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pendaftar adalah dengan memfailkan permohonan semakan kehakiman bagi membatalkan keputusan tersebut.

Pada 13 Jun 2024, Mahkamah telah menolak kes ini kerana Plaintiff telah memfailkan di bawah saluran tindakan yang salah, yang merupakan satu penyalahgunaan kuasa Mahkamah.

---

## **■ PERSIDANGAN PENGUATKUASAAN 2024 (ECON 2024)**

ECON 2024 telah berlangsung di Port Dickson, Negeri Sembilan dari 13 hingga 15 November 2024. Persidangan tahunan ini menghimpunkan seramai 80 delegasi yang mewakili setiap Bahagian dan Pejabat Negeri di bawah Pejabat Kawal Selia dan Penguatkuasaan SSM.

Bertemakan "*Optimizing Teamwork and Collaboration to Achieve Excellence in Corporate Governance*", ECON kali ini diteruskan dengan pendekatan dinamik melalui pelaksanaan sesi Hackathon dan ceramah. Dalam sesi *Hackathon*, para delegasi dikehendaki

membincangkan isu-isu berkaitan penguatkuasaan dan secara berkumpulan membentangkan penyelesaian yang praktikal dan inovatif. Pendekatan ini bukan sahaja menggalakkan semangat kerja berpasukan, tetapi turut merangsang pemikiran kritis serta keupayaan menyelesaikan masalah secara kolektif.

Bagi sesi ceramah, dua (2) orang penceramah luar telah dijemput, masing-masing mewakili BNM dan AGC, bagi memberikan perspektif serta input pakar yang relevan dalam bidang penguatkuasaan dan tadbir urus korporat.



LAPORAN PENGURUSAN  
INISIATIF  
PEMBAHARUAN  
**UNDANG-UNDANG**



## AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024

AS 2016 telah dipinda melalui Akta Syarikat (Pindaan) 2024 [Akta A1701] bagi menyokong pertumbuhan ekonomi serta memperkukuh ketelusan dalam ekosistem korporat di Malaysia. Pindaan ini bertujuan menambah baik kerangka perundangan sedia ada, khususnya dalam aspek mekanisme penyelamat korporat, pelaporan pemunyaan benefisial dan tadbir urus korporat.

Rang Undang-Undang (RUU) Syarikat (Pindaan) 2023 telah diluluskan di Parlimen pada tahun 2023 dan mendapat perkenan DiRaja pada 24 Januari 2024. Pindaan ini dikuatkuasakan secara berfasa bagi memastikan perundangan subsidiari yang berkaitan dipinda dan sistem sokongan dapat dibangunkan serta ditambah baik.

Maklumat lanjut mengenai seksyen yang telah dikuatkuasakan serta yang masih dalam perancangan penguatkuasaan adalah seperti berikut:

SEKSYEN AKTA A1701	KETERANGAN
Seksyen 4	Pindaan seksyen 68 AS 2016 berkaitan serah simpan kepada Pendaftar butir-butir pemunyaan benefisial syarikat tempatan itu dalam PT.
Seksyen 14	Pindaan seksyen 395 AS 2016 bagi meluaskan pemakaian perkiraan sukarela korporat kepada semua syarikat termasuk syarikat yang mempunyai gadaian.
Seksyen 26	Pindaan kepada seksyen 576(2) AS 2016 berkaitan serah simpan butir-butir pemunyaan benefisial syarikat asing kepada Pendaftar dalam PT.
Seksyen 28	Memasukkan seksyen baharu 612A AS 2016 bagi memperuntukkan laman sesawang SSM sebagai platform alternatif untuk mengiklankan maklumat yang biasanya diiklan dalam surat khabar.

## AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PINDAAN) 2024

Selaras dengan pindaan yang dibuat ke atas AS 2016 melalui Akta A1701, pindaan berkaitan peruntukan yang sama turut diperkenalkan dalam APLT 2012 menerusi Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 [Akta A1728]. RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 telah dibentangkan untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat pada 19 Mac 2024.

Fasa-fasa dan peruntukan yang terlibat dalam pindaan tersebut adalah:

- (a) Fasa Pertama
  - (i) Berkuatkuasa mulai 1 April 2024.
  - (ii) Penguatkuasaan semua seksyen kecuali seksyen 4, 14, 26 dan 28 Akta A1701.
- (b) Fasa Kedua
  - (i) Berkuatkuasa mulai 30 November 2024.
  - (ii) Penguatkuasaan seksyen 4, 26 dan 28 Akta A1701.
- (c) Fasa Ketiga
  - (i) Dijadualkan berkuat kuasa pada Januari 2025.
  - (ii) Penguatkuasaan seksyen 14 Akta A1701.

Bagi tujuan pembentangan dan kelulusan di Parlimen, beberapa aktiviti utama telah dilaksanakan, termasuk:

- (a) Pembentangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas pada Jun 2024.
- (b) Sesi taklimat kepada Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada Julai 2024.

## Objektif Pindaan

Objektif pindaan APLT 2012 adalah seperti di bawah:

### Menyokong Perkembangan Ekonomi dan Kesejahteraan Negara

- (a) Membantu pemulihan PLT yang menghadapi masalah kewangan agar dapat kembali berdaya saing melalui pengenalan mekanisme penyelamat korporat dan program rehabilitasi.
- (b) Memastikan PLT kekal beroperasi dan menjana pendapatan dalam landskap ekonomi pasca COVID-19.
- (c) Secara keseluruhannya, menyokong usaha mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia dengan memastikan kelangsungan operasi perniagaan.

### Mendokong Ketelusan dalam Tadbir Urus Korporat

- (a) Meningkatkan ketelusan melalui pengenalan kerangka pelaporan pemunyaan benefisial.
- (b) Menyokong usaha penguatkuasaan undang-undang dalam menangani perubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan jenayah berat lain.
- (c) Memperkukuh kedudukan Malaysia dalam penilaian antarabangsa oleh FATF dan *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) bagi tempoh penilaian 2024–2025.

## Pindaan Polisi

RUU PLT mengandungi 13 Fasal yang terdiri daripada tiga (3) polisi iaitu:

- (a) Polisi 1: Pengenalan kerangka pelaporan pemunyaan benefisial PLT  
Polisi ini merupakan polisi yang sama seperti yang telah diperkenalkan di dalam AS 2016 melalui Akta A1701. Polisi ini mencadangkan pindaan-pindaan yang bertujuan untuk mengatasi jurang perundangan seperti yang dianjurkan badan antarabangsa seperti FATF dan OECD. Pindaan-pindaan yang dicadangkan bagi mengatasi jurang perundangan berkaitan pemunyaan benefisial adalah seperti berikut:
  - (i) Memberikan definisi pemunya benefisial dari perspektif pemunyaan sumbangan modal atau kawalan ke atas pengurusan PLT;
  - (ii) Mewajibkan PLT menyimpan daftar pemunya benefisial termasuklah keperluan mengemas kini daftar tersebut;
  - (iii) Menjelaskan kewajipan pelaporan pemunya benefisial kepada Pendaftar melalui serah simpan perakuan tahunan PLT serta pengemaskinian maklumat pemunya benefisial apabila terdapat perubahan;
  - (iv) Menjelaskan obligasi mana-mana orang untuk memaklumkan PLT sekiranya mereka adalah pemunya benefisial kepada PLT tersebut; dan
  - (v) Memberikan kuasa kepada Menteri PDN untuk menentukan kelas PLT yang tidak perlu membuat pelaporan di bawah Akta 743 kerana telah tertakluk kepada perundangan lain yang serupa dan orang yang boleh diberikan akses berkaitan maklumat pemunya benefisial tersebut.
- (b) Polisi 2: Pengenalan kerangka mekanisme penyelamat korporat PLT
  - (i) Pengenalan polisi ini merupakan adaptasi kerangka mekanisme penyelamat korporat di bawah AS 2016 termasuk penambahbaikan yang telah diluluskan melalui Akta A1701;
  - (ii) Sebagai suatu perbadanan yang mempunyai keperibadian undang-undang berasingan, PLT adalah bertanggung sepenuhnya terhadap hutang dan liabiliti perniagaannya dan sewajarnya mekanisme penyelamat korporat yang komprehensif disediakan bagi membolehkan PLT yang berdaya saing untuk meneruskan perniagaan;
  - (iii) Inisiatif ini akan memberi implikasi perundangan positif dan komprehensif bagi memastikan entiti perniagaan seperti PLT yang masih berdaya maju diberikan ruang yang secukupnya untuk membolehkan mereka terus beroperasi terutamanya dalam tempoh pasca COVID-19;
  - (iv) Justeru itu, tindakan penggulangan akan hanya menjadi pilihan terakhir setelah PLT terbabit mengambil tindakan-tindakan lain untuk menyelamatkan perniagaannya termasuk melalui perkiraan sukarela korporat atau pengurusan kehakiman.

(c) Polisi 3: Pengemaskinian dan pengukuhan prosedur bagi menyokong pelaksanaan tadbir urus PLT yang mampan

Polisi-polisi baharu diperkenalkan secara berterusan bagi mencerminkan keperluan semasa komuniti korporat untuk kecekapan yang lebih tinggi dan tadbir urus yang lebih baik. Antara cadangan pindaan penting adalah seperti berikut:

- (i) Memperkenalkan peruntukan untuk mewujudkan polisi baharu di mana laman sesawang rasmi SSM digunakan untuk mengiklankan/menerbitkan maklumat dan notis sebagai alternatif kepada keperluan perundangan bagi menangani isu-isu praktikal di mana edaran akhbar fizikal tidak lagi meluas di seluruh Malaysia dan berpotensi mengurangkan kos pengiklanan yang tinggi;
- (ii) Memperkenalkan peruntukan baharu ke dalam Akta 743 berkaitan tempoh pematuhan bagi apa-apa tindakan atau serah simpan dokumen apabila tempohnya tidak dinyatakan di dalam Akta 743; dan
- (iii) Menyelaraskan cara notis disampaikan kepada PLT atau pekongsi PLT dengan Akta-akta lain yang dikawal selia oleh SSM.

RUU PLT telah diluluskan di Parlimen pada 31 Julai 2024 dan mendapat perkenan Diraja pada 9 Oktober 2024. Warta perkenan Diraja telah disiarkan pada 17 Oktober 2024.

Penguatkuasaan Akta PLT (Pindaan) 2024 ini dilaksanakan secara berperingkat seperti berikut:

- (a) Fasa Pertama: Penguatkuasaan peruntukan berkaitan pemunya benefisial dijangka berkuatkuasa pada Januari 2025.
- (b) Fasa Kedua: Penguatkuasaan peruntukan berkaitan pengiklanan di laman sesawang SSM dijangka berkuatkuasa pada suku pertama 2025.
- (c) Fasa Ketiga: Penguatkuasaan peruntukan berkaitan skim penyelamat korporat (pengurusan kehakiman dan perkiraan sukarela korporat) dijangka berkuatkuasa pada suku keempat 2025.

Tujuan penguatkuasaan berfasa adalah bagi memastikan semua pihak dapat menyesuaikan diri dengan perubahan yang diperkenalkan dan memberi masa untuk pembangunan dan penambahbaikan sistem yang berkaitan.

---

## ■ GARIS PANDUAN BAGI KERANGKA PELAPORAN PEMUNYA BENEFISIAL SYARIKAT

Garis Panduan Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial Syarikat telah diperkenalkan oleh SSM sejak 2020 bagi memberikan panduan menyeluruh kepada semua entiti korporat di bawah kawal selia SSM mengenai keperluan pelaporan pemunya benefisial. Selaras dengan saranan FATF, inisiatif ini bertujuan mengurangkan risiko penyalahgunaan entiti undang-undang di Malaysia sebagai medium untuk aktiviti haram, termasuk pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Pada peringkat awal penguatkuasaannya, pematuhan terhadap garis panduan ini bersifat pilihan. Namun, dengan penguatkuasaan Akta Syarikat (Pindaan) 2024, khususnya peruntukan berkaitan pemunya benefisial di bawah Penggal 8A dan seksyen 2, SSM telah menyemak serta menerbitkan semula Garis

Panduan Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial Syarikat dan Kajian Kes dan Ilustrasi Garis Panduan Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial Syarikat pada 1 April 2024. Panduan yang dikemas kini ini bertujuan membantu syarikat dan setiausaha syarikat memahami serta mematuhi keperluan perundangan berkaitan pemunya benefisial.

Selaras dengan penguatkuasaan pindaan ini, mulai 1 April 2024, SSM mewajibkan semua syarikat menyerah simpan maklumat pemunya benefisial melalui sistem e-BOS. Pematuhan terhadap keperluan ini kini bersifat mandatori dan kegagalan mematuhi boleh mengakibatkan penalti sehingga RM20,000 dengan tambahan denda RM500 bagi setiap hari kesalahan berterusan selepas sabitan.

## Pelaksanaan Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial di bawah AS 2016

1 Mac 2020 – 31 Mac 2024	1 April 2024	1 Oktober 2024
<p><b>Tempoh Peralihan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat mempunyai tanggungjawab untuk mendapatkan, mengesahkan dan menyimpan maklumat pemunya benefisial di peringkat syarikat.</li> <li>Tiada keperluan untuk mengemukakan perubahan maklumat pemunya benefisial kepada Pendaftar.</li> <li>Tiada tindakan penguatkuasaan diambil bagi ketidakpatuhan.</li> </ul>	<p><b>Seksyen 2 dan Division 8A dikuatkuasakan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Semua syarikat diwajibkan mengemukakan maklumat pemunya benefisial selama enam (6) bulan dari 1 April hingga 30 September 2024 melalui e-BOS.</li> <li>Tiada yuran kelewatan penghantaran atau yuran pembetulan dikenakan.</li> <li>Tiada tindakan penguatkuasaan diambil terhadap ketidakpatuhan sepanjang tempoh enam (6) bulan tersebut.</li> </ul>	<p><b>Tindakan Penguatkuasaan Bermula</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Tindakan penguatkuasaan diambil bagi ketidakpatuhan.</li> <li>Yuran lewat serah simpan dan yuran rektifikasi akan dikenakan.</li> </ul>

## Perbandingan Kerangka Perundangan Pemunya Benefisial di bawah AS 2016 Sebelum dan Selepas Pindaan

Kerangka Perundangan Terdahulu	Kerangka Perundangan baharu
Pemunya benefisial ditakrifkan di bawah seksyen 2.	Definisi pemunya benefisial diperincikan di bawah subseksyen 2(b).
Kuasa syarikat untuk meminta pendedahan mengenai kepentingan benefisial dinyatakan di bawah seksyen 56.	Keseluruhan rangka kerja pelaporan yang merangkumi penubuhan daftar/ registri, kewajipan untuk mendapatkan maklumat dan mengemas kini perubahan serta akses kepada maklumat pemunya benefisial diperincikan di bawah Divisyen baharu iaitu Divisyen 8A.
Keperluan menyatakan maklumat berkaitan pemunya benefisial melalui PT berdasarkan peruntukan subseksyen 68(3)(j).	Keperluan menyatakan maklumat berkaitan pemunya benefisial melalui PT dikhususkan di bawah subseksyen 68(3)(ia) dan (ib).
Keperluan menyatakan maklumat berkaitan pemunya benefisial ketika pendaftaran syarikat asing berdasarkan peruntukan subseksyen 562(1)(j).	Keperluan menyatakan maklumat berkaitan pemunya benefisial ketika pendaftaran syarikat asing dikhususkan di bawah subseksyen 562(1)(fa).
Keperluan menyatakan maklumat berkaitan pemunya benefisial melalui PT syarikat asing berdasarkan peruntukan subseksyen 576(2)(i).	Keperluan menyatakan maklumat berkaitan pemunya benefisial melalui PT syarikat asing berdasarkan peruntukan subseksyen 576(2)(ha) dan (hb).

## SEMAKAN SEMULA KRITERIA PENGECEUALIAN AUDIT BAGI SYARIKAT PERSENDIRIAN DI MALAYSIA

Pada 16 Disember 2024, SSM telah menerbitkan Arahan Amalan 10/2024, menggantikan Arahan Amalan Bil. 3/2017, yang menetapkan kriteria baharu bagi kelayakan pengecualian audit untuk syarikat persendirian di Malaysia.

Penerbitan ini dilakukan selepas dua (2) siri konsultasi yang dijalankan oleh SSM:

- Februari 2023 – Dokumen konsultasi pertama diedarkan bagi mencadangkan pindaan kepada nilai ambang kelayakan.

- (b) Februari 2024 – Dokumen konsultasi kedua diedarkan untuk menambah baik kriteria kelayakan dan nilai ambang, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada sesi konsultasi pertama.
- Penyemakan semula kriteria kelayakan pengecualian audit ini bertujuan untuk:
- (a) Memastikan objektif dasar kekal relevan, iaitu:
- (i) Mengurangkan beban kewangan bagi syarikat mikro dan kecil.
  - (ii) Mengurangkan jumlah syarikat yang perlu diaudit, sekali gus meningkatkan kualiti pengauditan.
- (b) Meluaskan akses kepada pengecualian audit, terutama untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi memanfaatkan dasar ini.
- (c) Mengambil kira saranan daripada pihak industri, termasuk MIA dan MICPA agar kajian semula dilakukan bagi menaikkan nilai ambang kelayakan. Langkah ini bertujuan untuk memperluas akses pengecualian audit, sekali gus meningkatkan jumlah PKS yang layak mendapat manfaat daripada polisi ini.

### Kriteria Baharu Kelayakan Pengecualian Audit bagi Syarikat Persendirian di Malaysia

Syarikat yang berhasrat mendapatkan pengecualian audit perlu memenuhi mana-mana dua (2) daripada tiga (3) kriteria berikut:

KRITERIA 1	KRITERIA 2	KRITERIA 3
Jumlah perolehan dalam PK tidak melebihi nilai ambang dalam tahun kewangan semasa dan dua (2) tahun kewangan terdahulu.	Jumlah aset dalam PK semasa tidak melebihi nilai ambang dalam tahun kewangan semasa serta dua (2) tahun kewangan terdahulu.	Jumlah pekerja tidak melebihi nilai ambang pada akhir tahun kewangan semasa dan dalam dua (2) tahun kewangan terdahulu.

Syarikat yang dormant sejak penubuhan serta syarikat yang tidak aktif sepanjang tahun kewangan semasa dan tahun kewangan sebelumnya turut dikecualikan daripada keperluan audit.

### Nilai Ambang

Nilai ambang bagi kelayakan pengecualian audit ditetapkan seperti berikut:



Namun, peningkatan nilai ambang ini akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh tiga (3) tahun, mengikut jadual yang telah ditetapkan seperti di bawah:

TAHUN	TAHUN PERTAMA	TAHUN KEDUA	TAHUN KETIGA
Permulaan tempoh kewangan	Antara 1 Januari sehingga 31 Disember 2025	Antara 1 Januari sehingga 31 Disember 2026	Bermula dari 1 Januari 2027 dan seterusnya
Tahun serah simpan dengan pengecualian audit	Bermula dari 1 Januari 2026	Bermula dari 1 Januari 2027	Bermula dari 1 Januari 2028
Nilai Ambang:			
Perolehan	RM1,000,000	RM2,000,000	RM3,000,000
Aset	RM1,000,000	RM2,000,000	RM3,000,000
Pekerja	10 orang	20 orang	30 orang

Justifikasi Kriteria dan Nilai Ambang Baharu bagi Pengecualian Audit

- (a) Mudah dan Praktikal – Kriteria baharu yang berasaskan perolehan, aset dan jumlah pekerja lebih jelas, memudahkan syarikat menilai kelayakan mereka serta selaras dengan amalan antarabangsa.
- (b) Selaras dengan Definisi PKS – Nilai ambang yang ditetapkan sejajar dengan definisi PKS Malaysia, membolehkan syarikat mikro dan sebahagian besar syarikat kecil menikmati pengecualian audit, sekali gus mengurangkan kos pematuhan.
- (c) Manfaat Segera kepada Syarikat Kecil – Dianggarkan 42% syarikat aktif di Malaysia akan terus mendapat pelepasan kewajipan audit dalam fasa pertama pelaksanaan.
- (d) Penyesuaian Firma Audit – Peningkatan nilai ambang secara berperingkat membolehkan firma audit menyesuaikan model perniagaan mereka dengan memperluaskan perkhidmatan seperti perundingan cukai dan audit dalaman.
- (e) Persediaan Syarikat – Pelaksanaan secara berkala dalam tempoh tiga (3) tahun memberi ruang kepada syarikat untuk merancang pertumbuhan perniagaan, menyesuaikan strategi dan menyediakan dokumentasi yang diperlukan sekiranya kelayakan pengecualian audit berubah.
- (f) Penilaian Berterusan – Pendekatan berperingkat membolehkan SSM menilai impak polisi, menyesuaikan garis panduan serta memastikan kualiti PK tidak beraudit yang diserahkan di SSM terus terjamin.

## ■ PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT (PINDAAN) 2024

Peraturan-Peraturan Syarikat (Pindaan) 2024 telah berkuat kuasa pada 30 November 2024, memperkenalkan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Syarikat 2017. Antara perubahan utama adalah penambahan Butiran 40A, yang menetapkan fi sebanyak RM500 bagi tujuan pengiklanan di laman sesawang SSM.

Pindaan ini selaras dengan perubahan dalam AS 2016, khususnya pengenalan seksyen 612A, yang membenarkan penggunaan laman sesawang SSM sebagai platform rasmi untuk menyiarkan maklumat yang sebelum ini diwajibkan untuk diterbitkan dalam surat khabar.

## ■ PENERBITAN DOKUMEN PERUNDANGAN SUBSIDIARI

Sepanjang tahun 2024, selaras dengan penguatkuasaan Akta Syarikat (Pindaan) 2024, SSM telah menerbitkan serta menyemak semula dokumen-dokumen perundangan subsidiari yang berkaitan. Langkah ini bertujuan untuk memperjelaskan

pelaksanaan dan penguatkuasaan peruntukan dalam AS 2016, memastikan pematuhan yang lebih jelas serta menyokong keberkesanan rangka kerja perundangan korporat di Malaysia.

Dokumen perundangan subsidiari yang telah diterbitkan dan disemak semula adalah seperti di bawah:

### Nota Amalan

Nota Amalan Bil. 6/2024: Notifikasi berkaitan Kelulusan Seseorang sebagai Pelikuidasi

Nota Amalan Bil. 7/2024: Penerbitan atau Iklan di Laman Sesawang Rasmi SSM sebagai gantian kepada sebarang Maklumat yang perlu Diterbitkan atau Diiklankan di bawah AS 2016

Nota Amalan Bil. 8/2024: Penjelasan mengenai Sama Ada Sesebuah Persatuan boleh menjadi Ahli Sebuah Syarikat

Nota Amalan Bil. 9/2024: Penjelasan mengenai Prosedur Berkaitan Pemberitahuan Pelantikan dan Penyingkiran Pengarah di bawah seksyen 58 AS 2016

### **Arahan Amalan**

Arahan Amalan 9/2024 – Serah Simpan Maklumat Pemunya Benefisial di bawah AS 2016 melalui e-Bos (Disemak)

Arahan Amalan 4/2018 (Disemak) – Dokumen-dokumen di bawah Divisyen 8, Bahagian III AS 2016, Keperluan Serah Simpan dan Perkara-perkara Berkaitan

Arahan Amalan 1/2017 (Disemak) – Dokumen-dokumen di bawah AS 2016, Keperluan Serah Simpan dan Perkara-perkara Berkaitan

Arahan Amalan 7/2021 – Serah Simpan Lampiran Maklumat Pemunya Benefisial dalam PT yang Diserah Simpan di bawah seksyen 68 dan 576 AS 2016 (Disemak)

Arahan Amalan 10/2024 – Kriteria Kelayakan Pengecualian Audit bagi Syarikat Persendirian Tertentu di Malaysia

### **Garis Panduan**

Garis Panduan mengenai Nama Syarikat (juga rujuk Pemberitahuan Warta untuk Permohonan Nama Syarikat)

Garis Panduan berkaitan subseksyen 264(4A) AS 2016 bagi Firma Juruaudit

Garis Panduan Pengadilan Pembuktian Hutang di bawah seksyen 369B AS 2016 dan perkara lain yang berkaitan

Garis Panduan Mekanisme Penyelamat Korporat di bawah Divisyen 8 Bahagian III AS 2016 (Disemak)


### **Pekeliling**

Pekeliling 1/2020 - Nota Panduan Pendaftaran Firma Pelikuidasi dan Pemberitahuan mengenai Kelulusan sebagai Pelikuidasi yang Diluluskan (Pindaan pada 1 April 2024)



LAPORAN PENGURUSAN  
**AKADEMI LATIHAN**  
DAN PENGURUSAN  
PENGETAHUAN

## ■ PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM 2024



Persidangan Kebangsaan SSM kali ke-13, bertemakan 'Enhancing Corporate Transparency. Building Resilience', telah berlangsung pada 27 dan 28 Ogos 2024. Dikenali sebagai *SSM National Conference 2024 (SSMNC 2024)*, persidangan ini diadakan secara maya buat kali keempat sejak diperkenalkan pada tahun 2011. Persidangan tersebut telah dirasmikan secara rasmi oleh YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri PDN.

Persidangan ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai 3,213 perwakilan daripada pelbagai latar belakang, termasuk sektor awam dan swasta. Antara peserta yang terlibat ialah pengarah syarikat, setiausaha syarikat, pengamal undang-undang, usahawan, ahli ekonomi dan kewangan, ahli akademik serta pihak berkepentingan lain.

Sepanjang tempoh dua (2) hari, acara ini menampilkan seramai 38 orang penceramah, panelis dan moderator dari pelbagai industri. SSMNC 2024 berperanan sebagai platform utama bagi ahli lembaga pengarah dan profesional korporat untuk memperluas pengetahuan, memperkukuh daya tahan perniagaan serta

meningkatkan ketelusan korporat. Melalui perbincangan yang bermakna, persidangan ini membincangkan cabaran semasa sambil meneroka peluang baharu dalam landskap perniagaan yang sentiasa berubah.


Acara ini merangkumi 11 sesi plenari, seperti yang disenaraikan di bawah:

- (a) *Plenary 1 | Fireside Chat - Companies (Amendment) Act 2024: Unmasking Control. Beneficial Ownership Transparency and Implementation;*
- (b) *Plenary 2 | Fireside Chat - Companies (Amendment) Act 2024: Enhancing Corporate Governance;*
- (c) *Plenary 3 - Companies (Amendment) Act 2024: Strengthening Corporate Rehabilitation Framework;*
- (d) *Plenary 4 - How Boards as Stewards Can Drive Business Resilience Through Transparency;*
- (e) *Plenary 5 - Accelerating Digital Economy for SMEs;*
- (f) *Plenary 6 - Building Corporate Resilience in a Disruptive AI Future;*
- (g) *Plenary 7 - Bursa Malaysia Regulatory Updates and SME X Platform;*
- (h) *Plenary 8 - Revolutionizing Business Operations in*

- Malaysia with Mandatory Electronic Invoicing;*
- (i) *Plenary 9 - Leveraging on Digital Solutions to Facilitate Good Governance Practices and Enhance Competitiveness;*
  - (j) *Plenary 10 - AML/CFT Compliance - Fostering Corporate Transparency;* dan
  - (k) *Plenary 11 – SSM Talks.*

Selain sesi plenari yang padat dengan maklumat dan perbincangan mendalam, persidangan ini turut menyediakan peluang kepada perwakilan untuk meneroka reruai pameran maya (*virtual exhibition booth*). Sebanyak 17 pempamer telah menyertai pameran ini, menawarkan pelbagai produk, perkhidmatan dan penyelesaian berkaitan tadbir urus korporat, pematuhan serta inovasi perniagaan.

### Jumlah Peserta Persidangan Kebangsaan SSM dari 2022 hingga 2024



## ■ SIMPOSIUM SSM 2024



Simposium SSM 2024 telah berlangsung pada 5 Disember 2024 di Kuala Lumpur, berfungsi sebagai platform utama bagi membincangkan isu-isu kritikal berkaitan perundangan dan pelaksanaan dasar korporat. Antara topik utama yang dibincangkan termasuk pelaporan pemunyaan benefisial, pelaksanaan Akta Syarikat (Pindaan) 2024 Fasa 2, perkembangan terkini *Malaysian Business Reporting System (MBRS) 2.0* serta kesediaan penyedia perkhidmatan korporat untuk peralihan kepada e-Invois.


Dihadiri oleh 208 peserta dari pelbagai industri, acara ini menampilkan 14 panelis dan moderator yang terlibat dalam perbincangan mendalam mengenai lima (5) topik utama, dengan memberikan pandangan pakar serta penyelesaian strategik terhadap cabaran korporat masa kini. Simposium ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPND, yang menekankan kepentingan ketelusan, pematuhan terhadap peraturan dan inovasi dalam tadbir urus korporat bagi mempertingkatkan daya saing perniagaan Malaysia.

## PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

Pada tahun 2024, SSM telah menganjurkan sebanyak 221 program (2023: 198) dengan jumlah penyertaan seramai 14,951 orang (2023: 13,458). Program-program ini telah dilaksanakan sama ada secara dalam

talian atau fizikal, agar dapat memenuhi keperluan pelbagai lapisan peserta dan meningkatkan penglibatan merentas pelbagai platform.

**Program Pendidikan dan Kesedaran dari 2022 hingga 2024**



Jumlah keseluruhan program pendidikan dan kesedaran yang dijalankan sepanjang tahun 2024 adalah seperti di bawah:

PROGRAM	SESI	PESERTA
<i>Corporate Directors Training Programme 5.0</i>	6	167
<i>Company Secretaries Training Programme Essential 1.0</i>	18	936
<i>Company Secretaries Training Programme Significant 2.0</i>	15	672
<i>Continuing Education Programme</i>	118	6,774
<i>MBRS 2.0 Training Programme</i>	23	1,389
<i>COMTRAC Morning Talks</i>	23	937
<i>SSM National Conference 2024</i>	1	3,213
<i>SSM Symposium 2024</i>	1	205
<i>In-house Training Programme</i>	16	658
<b>JUMLAH</b>	<b>221</b>	<b>14,951</b>

## CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAMME FUNDAMENTAL (CDTPF) 5.0

CDTPF 5.0 secara khusus menyasarkan pengarah syarikat, setiausaha syarikat, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, ketua pegawai kewangan, pengurusan tertinggi syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, inovator dan usahawan. Program ini memberi tumpuan kepada peranan dan tanggungjawab pengarah serta pegawai syarikat, membekalkan mereka dengan pemahaman yang lebih mendalam mengenai aspek tadbir urus korporat dan pematuhan perundangan.


Dengan menyertai CDTPF 5.0, peserta telah memperoleh manfaat berikut:

- Meningkatkan pemahaman mengenai konsep, ciri dan struktur sesebuah syarikat;
- Memahami dengan jelas peranan serta tanggungjawab pengarah syarikat, setiausaha syarikat dan juruaudit dalam memastikan pematuhan perundangan;

- (c) Mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dalam pengurusan syarikat sekali gus menunjukkan komitmen profesional terhadap etika perniagaan;
- (d) Mengenal pasti serta menangani isu-isu berkaitan etika dan integriti yang mungkin timbul dalam operasi perniagaan; dan
- (e) Meningkatkan pengetahuan mengenai AS 2016 dan implikasinya terhadap pengurusan syarikat.

CDTP 5.0 + Kesedaran Keselamatan Siber memberi tumpuan kepada aspek keselamatan siber, manakala CDTP 5.0 + PK 101 bertujuan memperkenalkan PK kepada pengarah syarikat. Pada tahun 2024, sebanyak enam (6) sesi (2023:8) CDTP 5.0 telah dianjurkan dengan kehadiran seramai 167 peserta (2023: 232 peserta).

### Corporate Directors Training Programmes dari 2022 hingga 2024



## COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME ESSENTIAL (CSTPE) 1.0

CSTPE 1.0 merupakan kesinambungan daripada *Company Secretaries Training Programme* (CSTP) Essential, selaras dengan AS 2016. Program ini merupakan kursus wajib di bawah skim mata *Continuing Professional Education* (CPE) bagi setiausaha syarikat berlesen, direka khusus untuk setiausaha syarikat berlesen yang berdaftar di bawah seksyen 20G ASSM 2001.


CSTPE 1.0 telah memperkukuh pengetahuan, kemahiran dan kecekapan setiausaha syarikat, membolehkan mereka melaksanakan peranan penasihat kepada lembaga pengarah dengan lebih berkesan. Walaupun direka khusus untuk setiausaha syarikat berlesen, program ini turut memberi manfaat kepada pihak berkepentingan korporat yang lain, termasuk setiausaha syarikat bagi badan-badan yang ditetapkan, pengarah syarikat, pegawai pengurusan dan kakitangan sokongan. Melalui penyertaan dalam program ini, mereka memperoleh kemahiran penting yang boleh diaplikasikan dalam pengurusan dan tadbir urus syarikat secara efisien.

Setelah melengkapkan modul-modul CSTPE 1.0, peserta telah mencapai hasil pembelajaran berikut:

- (a) Memahami secara mendalam konsep, ciri dan struktur sesebuah syarikat;
- (b) Menyatakan dengan jelas peranan dan tanggungjawab setiausaha syarikat dalam memastikan pematuhan perundangan;
- (c) Menggariskan peranan kritikal setiausaha syarikat sebagai individu utama dalam pengurusan dan pentadbiran syarikat;
- (d) Mengaplikasikan pengetahuan dalam pengurusan rekod berkanun serta penyelarasan mesyuarat syarikat dengan berkesan; dan
- (e) Mengenal pasti dan memahami kesalahan utama di bawah AS 2016 bagi memastikan pematuhan dan tadbir urus yang baik.

Pada tahun 2024, sebanyak 18 Program CSTPE 1.0 (2023:24) telah diadakan dan dihadiri seramai 936 (2023: 1,335) peserta.

**Company Secretaries Training Programme Essential dari 2022 sehingga 2024**




**COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME SIGNIFICANT (CSTPS) 2.0**

CSTPS 2.0 direka sebagai program lanjutan daripada CSTP *Essential*. Setelah berjaya menyelesaikan modul-modul CSTPS 2.0, peserta-peserta telah memperoleh manfaat berikut:

- (a) Membentuk dan mengukuhkan nilai integriti korporat yang tinggi serta mengamalkan etika profesional dalam urusan syarikat;
- (b) Memahami dan mengenal pasti peranan setiausaha syarikat dalam usaha memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan;
- (c) Mengintegrasikan prinsip tadbir urus korporat dan tanggungjawab sosial korporat dalam pengurusan syarikat bagi memastikan kepatuhan kepada peraturan dan amalan terbaik;
- (d) Mengenal pasti serta menangani cabaran dan isu utama yang memberi kesan kepada tugas harian seorang setiausaha syarikat;
- (e) Memahami dan mengurus risiko keselamatan siber yang berkaitan dengan lembaga pengarah bagi melindungi maklumat serta operasi syarikat; dan
- (f) Menganalisis, membaca dan mentafsir PK dengan lebih berkesan bagi menyokong pembuatan keputusan strategik.

Pada tahun 2024, sebanyak 15 Program CSTPS 2.0 (2023: 18) telah dianjurkan dan dihadiri seramai 672 (2023: 918) peserta.

**Company Secretaries Training Programme Significant dari 2022 sehingga 2024**




## CONTINUING EDUCATION PROGRAMME (CEP)

CEP direka untuk memberikan perbincangan mendalam mengenai topik strategik utama berkaitan dengan AS 2016, dengan tumpuan kepada sektor korporat dan pihak berkepentingan ekonomi utama. Program ini disasarkan kepada lembaga pengarah, setiausaha syarikat, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, ketua pegawai kewangan, pengurusan korporat tertinggi, profesional korporat dan usahawan.

la bertujuan untuk meningkatkan pemahaman mereka tentang tadbir urus korporat, pematuhan peraturan dan amalan-amalan terbaik dalam pengurusan perniagaan.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 118 program (2023: 118) telah dianjurkan dan dihadiri seramai 6,774 (2023: 6,525) peserta.

**Continuing Education Programme dari 2022 sehingga 2024**



## PROGRAM LATIHAN MALAYSIAN BUSINESS REPORTING SYSTEM (MBRS) 2.0

SSM telah melancarkan versi baharu MBRS 2.0 pada 25 September 2024. MBRS 2.0 dibangunkan berdasarkan *Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)*, *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)* yang terkini serta keperluan MBRS yang telah disemak semula di bawah AS 2016. Selain itu, MBRS 2.0 turut mengambil kira keperluan di bawah AS 1965 dalam memenuhi keperluan pematuhan serah simpan syarikat. Melalui sistem ini, syarikat diwajibkan untuk menyediakan, mengesahkan dan memuat naik PT, PK serta Permohonan Pengecualian berkaitan PT dan PK dalam format *eXtensible Business Reporting Language (XBRL)* menggunakan MBRS 2.0, berkuat kuasa pada 25 September 2024.

SSM telah membangunkan dua (2) program latihan khusus yang direka untuk penyedia dan pelapor, bagi membekalkan mereka dengan pengetahuan menyeluruh serta latihan praktikal berkenaan MBRS 2.0. Program-

program ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman peserta terhadap fungsi sistem tersebut, sekaligus memastikan pematuhan kepada keperluan peraturan secara tepat dan efisien. Bagi memenuhi keperluan pembelajaran yang pelbagai serta memastikan capaian yang meluas, latihan ini ditawarkan di seluruh negara melalui platform maya dan sesi fizikal.

### (a) MBRS 2.0 - AR

Kursus separuh hari ini bertujuan untuk memberikan pemahaman menyeluruh kepada peserta mengenai keperluan MBRS yang telah disemak semula, ciri baharu serta penambahbaikan dalam proses serah simpan melalui platform MBRS 2.0. Peserta didedahkan kepada latihan praktikal menggunakan *MBRS Preparation Tool (mTool)* terkini untuk memastikan proses serah simpan PT dan Permohonan Pengecualian berkaitan PT dan PK kepada SSM berjalan dengan lancar dan efisien.

(b) MBRS 2.0 for Preparers - FS

Kursus intensif selama dua (2) hari ini direka khusus bagi membantu Penyedia (Preparers) memahami dan menguasai penggunaan MBRS mTool terkini untuk tujuan serah simpan PK dan *Key Financial Indicators* (KFI) kepada SSM. Melalui kursus ini, peserta mendapat bimbingan praktikal yang komprehensif dalam penyediaan PK menggunakan MBRS 2.0, memastikan pematuhan terhadap keperluan pelaporan yang ditetapkan.

Selain itu, SSM juga telah memulakan kerjasama strategik dengan empat (4) rakan strategik dalam memenuhi objektif SSM bagi memenuhi keperluan pihak berkepentingan dengan pengetahuan MBRS 2.0 yang komprehensif dan konsisten.

Rakan Strategik SSM bagi latihan MBRS 2.0 adalah seperti berikut:

- (a) Institut Setiausaha Syarikat Berkelayakan (IACS);
- (b) Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS);
- (c) Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA); dan
- (d) Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Bermula Oktober 2024, 23 program MBRS 2.0 – *Annual Return* dan MBRS 2.0 for Preparers – *Financial Statements* telah dianjurkan oleh SSM bersama Rakan Strategik yang dihadiri oleh 1,389 peserta.

## COMTRAC MORNING TALK

Pada tahun 2023, SSM telah memperkenalkan program pembelajaran bersaiz kecil yang dikenali sebagai *'Friday Morning With COMTRAC'* yang kemudiannya dijenamakan semula sebagai *'COMTRAC Morning Talk'* (CMT) pada tahun 2024. Sesi berdurasi dua (2) jam ini menggunakan pendekatan mikro-pembelajaran, yang menyampaikan modul latihan secara ringkas, fokus dan menarik bagi meningkatkan daya ingatan dan

pemahaman peserta. Format ini direka untuk memenuhi keperluan pihak berkepentingan yang mungkin tidak berpeluang menghadiri sesi latihan yang lebih panjang, tetapi dalam masa yang sama tetap memberikan input yang bernilai.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 23 sesi CMT telah dianjurkan dengan penyertaan seramai 937 peserta.

## PROGRAM LATIHAN DALAMAN YANG DIATUR KHAS UNTUK PELBAGAI ORGANISASI (IN-HOUSE PROGRAMME)

SSM turut menjalankan program latihan dalaman untuk lembaga pengarah dan pegawai pelbagai organisasi. Pada tahun 2024 sebanyak 16 program (2023:

18) latihan dalaman untuk pelbagai organisasi telah dianjurkan dan dihadiri seramai 658 orang (2023: 891) peserta.

PROGRAM	ORGANISASI
<i>Corporate Directors Training Programme Essential</i>	<i>Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation</i>
<i>Anti-Money Laundering Framework under the Supervision SSM</i>	RHB Bank
<i>The Beneficial Ownership Reporting Framework for Companies Based on The Companies (Amendment) Act 2024</i>	Prokhas Sdn Bhd
<i>Minutes Writing – Beginner's Guide</i>	KPJ Penang Specialist Hospital
<i>Company Secretaries Training Programme Essential 1.0 (Part A)</i>	Petroleum Nasional Berhad

PROGRAM	ORGANISASI
<i>The Beneficial Ownership Reporting Framework for Companies Based on The Companies (Amendment) Act 2024</i>	Malayan Banking Berhad
<i>Corporate Governance under CA 2016</i>	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
<i>Corporate Directors Training Programme Essential</i>	Universiti Malaysia Terengganu
<i>Common Offences under CA 2016</i>	MMC Corporation Berhad
<i>Highlights of Companies (Amendment) Act 2024 &amp; The Beneficial Ownership Reporting Framework for Companies in Malaysia</i>	Development Bank of Sarawak Berhad
<i>Importance of Intellectual Property in Business</i>	Tenaga Nasional Berhad
<i>Read, Interpret and Analyze Financial Statements for Company Directors (Advanced Level)</i>	Kementerian Ekonomi
<i>Highlights of Companies (Amendment) Act 2024 &amp; the Beneficial Ownership Reporting Framework for Companies in Malaysia (Petronas)</i>	Petroleum Nasional Berhad
<i>Corporate Directors Training Programme Essential</i>	Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad
<i>Importance of Corporate Governance and Sustainability</i>	Majlis Amanah Rakyat
<i>Company Directors Training Programme Essential</i>	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera

## PROGRAM KOLABORASI BERSAMA CLIMATE GOVERNANCE MALAYSIA ON NATIONAL CLIMATE GOVERNANCE SUMMIT (NCGS) 2024



NCGS 2024 telah diadakan dari 10 hingga 12 September 2024 sebagai acara hibrid, yang menggabungkan sesi fizikal di Sasana Kijang, Kuala Lumpur, dengan penyertaan dalam talian secara serentak. Hari pertama sidang kemuncak ini telah dianjurkan bersama oleh SSM dan *Climate Governance Malaysia* (CGM), dengan penglibatan SSM dalam hari pembukaan persidangan ini. Acara dimulakan dengan Ucapan Pembukaan oleh Datin Seri Sunita Rajakumar, Pengasas dan Pengerusi CGM, diikuti dengan Ucapan Alu-aluan oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, KPE SSM.

Persidangan NCGS 2024 mencatatkan penyertaan luar biasa dengan kehadiran 3,822 peserta dari pelbagai sektor, termasuk pemimpin kerajaan, penjawat awam, akademik, saintis, jurutera, pakar industri, aktivis pemuliharaan serta wakil sektor korporat dan persatuan industri. Lebih daripada 85 penceramah terkemuka telah menyampaikan ucap-tama dan mengambil bahagian dalam sesi panel, dengan memberikan pandangan penting berkaitan tadbir urus iklim dan amalan perniagaan yang mampan.

Sidang kemuncak selama tiga (3) hari ini berperanan sebagai platform strategik untuk menangani cabaran iklim yang mendesak serta meneroka penyelesaian inovatif. Sepanjang 26 sesi yang dikendalikan oleh pakar, termasuk enam (6) kelas induk, perbincangan tertumpu kepada kemajuan dasar, kelestarian korporat dan risiko

alam sekitar yang sedang muncul. Salah satu sesi telah menarik penyertaan lebih daripada 100 peserta, mencerminkan permintaan yang semakin meningkat terhadap pengetahuan mendalam dan strategi praktikal dalam tadbir urus iklim.

## PROGRAM KOLABORASI STRATEGIK

SSM telah bekerjasama dengan agensi dan organisasi yang berkaitan dalam menawarkan pelbagai program latihan kepada pihak berkepentingan.

PROGRAM	ORGANISASI
SSM AML/ CFT Compliance Programmes for Company Secretaries <ul style="list-style-type: none"> <li>▶ <i>Company Secretaries as Reporting Institution under AMLA 2001</i></li> <li>▶ <i>Roles and Responsibilities of Company Secretaries as Compliance Officers under AMLA 2001</i></li> </ul>	Bank Negara Malaysia
<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ <i>e-Invoicing in Malaysia</i></li> <li>▶ <i>e-Invoice Implementation in Malaysia and Navigating the MyInvois Portal</i></li> </ul>	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
<i>Importance of Intellectual Property in Business</i>	<i>Intellectual Property Corporation of Malaysia</i>
<i>Prevent Corruption and Promote Good Governance in Your Business</i>	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ <i>Section 17A Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 &amp; Adequate Procedures</i></li> <li>▶ <i>Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 &amp; Tatacara Mencukupi</i></li> </ul>	Institut Integriti Malaysia
<i>Corporate Governance for Company Directors and Company Secretaries</i>	Universiti Utara Malaysia

## PROGRAM CORPORATE TALK

Pada tahun 2024, SSM telah menganjurkan lapan (8) sesi *Corporate Talk* (CT) yang disasarkan kepada pengarah syarikat, setiausaha syarikat, pengurus, pegawai dalaman syarikat, wakil agensi dan badan berkanun, ahli persatuan profesional serta orang awam.

Sesi-sesi ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman pihak berkepentingan terhadap isu-isu korporat yang penting, termasuk keperluan pematuhan terkini di bawah AS 2016 dan peraturan berkaitan yang lain. Dengan membekalkan peserta dengan pengetahuan yang terkini, program-program

ini membantu memperkukuh tadbir urus korporat dan menyokong pematuhan terhadap peraturan.

Sebagai sebahagian daripada komitmennya terhadap penguatkuasaan melalui pendidikan, SSM mengamalkan pendekatan 'Penguatkuasaan Seimbang', dengan keyakinan bahawa pendidikan meningkatkan keberkesanan pematuhan. Dengan menggalakkan pematuhan secara sukarela terhadap undang-undang korporat, SSM berusaha mewujudkan komuniti korporat yang berpengetahuan dan bertanggungjawab.

Pada tahun 2024, program CT dilaksanakan melalui platform dalam talian menggunakan aplikasi Zoom dan melalui laman rasmi Facebook SSM. Berikut adalah program CT yang dilaksanakan pada tahun 2024:

PROGRAM	PENCERAMAH	TARIKH
<i>Corporate Talk 2024 SSM X IIM Section 17a Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 &amp; Adequate Procedures</i>	Premeelan a/l Sundararajoo, SSM	13 Mac 2024
<i>Company Limited by Guarantee. In The Eyes of Corporate Compliance Division</i>	Sharmilah Beham Habibullah, SSM	30 April 2024
<i>Companies (Amendment) Act 2024 (Act A1701)</i>	Khairon Niza Md Akhir, SSM	23 Mei 2024
<i>System Walkthrough - Electronic Beneficial Ownership System (e-Bos)</i>	Mohamad Nazrulrahim Mohd Abas, SSM	25 Jun 2024 22 Julai 2024 24 September 2024
<i>Malaysian Business Reporting System Enhancement Updates (MBRS 2.0)</i>	Norejah Rambat, SSM	3 Oktober 2024
<i>Data and Compliance Report (DCR) 2024 Clinic</i>	Elya Hani Hasnan Mr Ivan Tay Chor Hang, BNM	11 Disember 2024

## PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH AGENSI DAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Selain menganjurkan program CT, SSM turut memainkan peranan aktif dalam program-program anjuran agensi serta pihak berkepentingan lain. Dalam program ini, SSM dijemput sebagai penceramah utama bagi menyampaikan taklimat berkaitan:

- (a) Pendaftaran perniagaan di bawah APP 1956;
- (b) Pemerbadanan syarikat di bawah AS 2016;

- (c) Produk dan perkhidmatan SSM; dan
- (d) Pengaktifan ID sistem dalam talian, termasuk EzBiz Online, MyCoID dan MyLLP.

Pada tahun 2024, SSM telah menerima pelbagai jemputan untuk menyampaikan taklimat dalam program-program anjuran agensi luar. Senarai program-program tersebut adalah seperti berikut:

ORGANISASI	TAJUK	TARIKH	PESERTA
Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP)	<i>Company Limited By Guarantee (Non-profit Organization)</i>	30 Januari 2024	20
Jabatan Perlindungan Data Peribadi	Pendaftaran perniagaan di bawah APP 1956 & Perkongsian Liabiliti Terhadap dan Pemerbadanan Syarikat	12 Januari 2024	40
Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Awam (BADSA)	<i>Common Offences Committed by Board of Directors under CA 2016</i>	20 Februari 2024	16
Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur	Asas Perniagaan dan Perdagangan, Kesalahan-Kesalahan di bawah Akta Syarikat dan Bantuan SSM Dalam Siasatan Jenayah Komersil	26 Februari 2024	25
Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE)	Syarikat Berhad Menurut Jaminan	15 Februari 2024	18

ORGANISASI	TAJUK	TARIKH	PESERTA
Jabatan Tenaga Kerja Negeri Melaka (JTK)	Pengenalan Kepada AS 2016, APLT 2012 dan APP 1956 & <i>Cessation of Companies Corporate Rescue Mechanism Under CA 2016</i>	22 Februari 2024	35
Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia	Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	21 Februari 2024	30
Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi	Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	4 Mac 2024	45
<i>Malaysia International Non-Profit &amp; Development Summit 2024, Organising Secretariat (MDSPPro)</i>	Pematuhan, Ketelusan dan Tatakelola - Apa yang perlu kita patuhi	5 Mac 2024	50
UNITAR <i>International University</i>	Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	9 Mac 2024	35
Kelab Belia Transformasi Taman Setiawangsa	Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	10 Mac 2024	35
Pasukan Siasatan Jenayah Penggubahan Wang Haram (PSJPWH)	Peranan Suruhanjaya Syarikat Malaysia Dalam Menangani Isu ' <i>Shell Company</i> '	15 Mei 2024	25
Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur	Peranan SSM Dalam Membantu PDRM Menjalankan Risikan/ Siasatan	14 Mei 2024	25
Universiti Malaya Kuala Lumpur	Pendaftaran Perniagaan dibawah APP 1956 & Perkongsian Liabiliti Terhadap dan Pemerbadanan Syarikat	10 Mei 2024	40
Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP)	Faedah dan Kesan Penguatkuasaan Seksyen 17A Akta 694 daripada Perspektif SSM	26 Jun 2024	40
Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Tinggi (JPT)	Perkongsian mengenai Pendaftaran Syarikat & Perkongsian mengenai Syarikat Berhad Menurut Jaminan	28 Jun 2024	30
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi	Prosedur Pendaftaran Perniagaan	30 Julai 2024	30
Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi	Prosedur Pendaftaran Perniagaan	2 Ogos 2024	30
<i>Knowledge &amp; Skill TVET Academy Sdn. Bhd.</i>	Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	5 Ogos 2024	20
Maktab Polis Di Raja Malaysia	Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Syarikat, bantuan penyiasatan kes jenayah komersil dan isu-isu yang berkaitan.	6 Ogos 2024	25
Kementerian Sumber Manusia	AS 2016 [Akta 777] & APP 1956 [Akta 197]	20 Ogos 2024	24
<i>ACCA (the Association of Chartered Certified Accountants)</i>	<i>Latest Updates on Malaysian Business Reporting System (MBRS)</i>	24 September 2024	30

ORGANISASI	TAJUK	TARIKH	PESERTA
Akademi Audit Negara	Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Syarikat	26 September 2024	30
Institut Pengurusan dan Integriti Melaka	Sesi 1: Fungsi Dan Tanggungjawab Pengurusan Tertinggi ALP, Setiausaha Syarikat di bawah AS 2016 Sesi 2: Pemantauan Tadbir Urus Korporat Memacu Pertumbuhan Lestari & Akauntabiliti GSC	21 Oktober 2024	20
Universiti Telekom Sdn. Bhd.	<i>Incorporating a Company &amp; Comparisons of Business Entities In Malaysia (Sole Proprietorship/ Partnership, LLP &amp; Company)</i>	13 November 2024	30
Kementerian Perpaduan Negara	Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	9 November 2024	30

## ■ KURSUS/ BENGKEL ETIKA PERNIAGAAN

Pada tahun 2024, SSM telah menganjurkan dua (2) Program Pembangunan Keupayaan, khusus untuk menyokong peniaga kategori SME, usahawan mikro dan peniaga Orang Kelainan Upaya (OKU). Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan perniagaan, pengurusan kewangan serta pematuhan perundangan dalam kalangan peserta yang disasarkan. Program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) Bengkel Perundingan Perakaunan Komprehensif untuk Pemilik-Urus Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana pada 24 dan 25 September 2024; dan
- (b) Program Pendaftaran Perniagaan, Perkongsian Liabiliti Terhadap & Syarikat dan Kesalahan Lazim di bawah APP 1956, APLT 2012 dan AS 2016 pada 16 Oktober 2024.

## ■ EMPLOYEE DEVELOPMENT TRAINING (EDT)

Pada tahun 2024, SSM telah menganjurkan sebanyak 17 modul EDT, yang dilaksanakan dalam format maya dan hibrid. Sesi-sesi ini dijalankan melalui platform Zoom dan diadakan di Bilik Enggang, Menara SSM@Sentral. Modul-modul yang telah dilaksanakan dalam tempoh yang dinyatakan adalah seperti berikut:

PROGRAM	TARIKH	PESERTA
<i>Train the Trainer: Akta Syarikat (Pindaan) 2024</i>	22 Februari 2024	118
Akta Syarikat (Pindaan) 2024	13 Mac 2024	125
<i>Beneficial Ownership Reporting Framework Based on the Latest Amendments to the CA 2016</i>	26 Mac 2024	165
Pengenalan kepada Sistem <i>Electronic Beneficial Ownership</i> (eBos)	26 Mac 2024	
Pengenalan kepada Perolehan SSM	30 April 2024	104
Pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhadap	29 Mei 2024	146
Cara Penutupan Perkongsian Liabiliti Terhadap	5 Jun 2024	111

PROGRAM	TARIKH	PESERTA
MBRS <i>Enhancement</i> - Pembaharuan Dalam Serah Simpan	17 Julai 2024	78
Cuti, Elaun dan Kemudahan Pekerja	23 Julai 2024	198
Pemantauan Kompetensi Juruaudit	10 September 2024	31
Kursus Kemahiran Penulisan Teks Ucapan, Penyediaan Kapsyen dan Kenyataan Media	12 September 2024	36
Kerangka Kerja Skim Kepentingan di bawah ASK 2016	3 Oktober 2024	123
Penerangan Prosedur Pendaftaran Gadaian	23 Oktober 2024	
Pelepasan Gadaian dan Syarikat di bawah Penerimaan ( <i>Receivership</i> )	23 Oktober 2024	134
Kesalahan Lazim yang Disiasat oleh Bahagian Siasatan	29 Oktober 2024	
Kuasa-kuasa Pegawai Penyiasat dalam Pengendalian Kertas Siasatan	29 Oktober 2024	30
MBRS <i>Enhancement</i> - Pembaharuan Dalam Serah Simpan (Siri 2)	18 November 2024	77
<b>JUMLAH</b>		<b>1,476</b>

## EMPLOYEE SOFT SKILL TRAINING (EST)

Pada tahun 2024, SSM telah menganjurkan sebanyak tujuh (7) program EST merangkumi tiga (3) program *Team Building* dan empat (4) program *Power Talk* seperti berikut:

PROGRAM	TARIKH	PESERTA
<i>Power Talk</i> Bil. 1/2024 – Komunikasi di Tempat Kerja	21 Februari 2024	378
Siri Pertama <i>Team Building</i> SSM Tahun 2024	27-29 Februari 2024	60
Siri Kedua <i>Team Building</i> SSM Tahun 2024	23-24 April 2024	59
Siri Ketiga <i>Team Building</i> SSM Tahun 2024	14-16 Mei 2024	60
<i>Power Talk</i> Bil. 2/2024 – <i>Stress and Mental Health Management</i>	12 Jun 2024	335
<i>Power Talk</i> Bil. 3/2024 – Pengurusan Empati di Tempat Kerja	9 Oktober 2024	284
<i>Power Talk</i> Bil. 4/2024 – Budaya Kerja Berpasukan Teras Organisasi Unggul	13 November 2024	254
<b>JUMLAH</b>		<b>1,430</b>



LAPORAN PENGURUSAN  
PENGLIBATAN DAN  
**KERJASAMA PIHAK  
BERKEPENTINGAN**

## ■ FORUM PENDAFTAR KORPORAT 2024

Forum Pendaftar Korporat atau *Corporate Registers Forum* (CRF) 2024 yang dianjurkan oleh *Qatar Financial Centre* (QFC) telah berlangsung pada 3 hingga 7 November 2024 di Doha, Qatar.

Tema forum tahun ini adalah '*Innovative Registries - Business Enablers of the Future*'. SSM telah diwakili oleh lima (5) orang delegasi yang diketuai oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, KPE SSM.

Semasa forum, SSM telah membentangkan dua (2) topik utama:

- (a) *Global Beneficial Ownership Insights* – Dibentangkan oleh Cik Khairani M. Yusof, Pengurus Bahagian Pembangunan & Perkhidmatan Perundangan; dan
- (b) *Dissolution of Companies Without Liquidation – Challenges* – Dibentangkan oleh Puan Sapiah Ambo, Pengurus Kanan Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran.

Selain itu, YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz turut berperanan sebagai moderator bagi sesi pembentangan *Global Beneficial Ownership Insights*, sekali gus memperkukuh penglibatan SSM dalam perbincangan global mengenai tadbir urus korporat.

---

## ■ KUNJUNGAN RASMI DELEGASI DARI *CORPORATE AFFAIRS COMMISSION* (CAC), NIGERIA KE SSM

Pada 19 September 2024, SSM telah menerima kunjungan rasmi daripada CAC, Nigeria.

Delegasi seramai 12 orang ini diketuai oleh Mr. Hussaini Ishaq Magaji, KPE CAC dan disambut oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, KPE SSM bersama barisan Pengurusan SSM.

Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan mengenai peningkatan pendaftaran dalam talian, ketelusan serta kemudahan perniagaan di Nigeria. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyokong CAC dalam mempertingkatkan proses pendaftaran syarikat dengan menjadikan sistem SSM sebagai model rujukan.

---

## ■ KUNJUNGAN RASMI DELEGASI DARI *MINISTRY OF TRADE*, TURKIYE KE SSM

Pada 8 Mei 2024, SSM telah menerima kunjungan rasmi daripada delegasi *Ministry of Trade*, Turkiye.

Delegasi seramai lima (5) orang ini diketuai oleh Mr. Adem Basar, Ketua Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan disambut oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, KPE SSM bersama barisan Pengurusan SSM.

Selain itu, delegasi turut membincangkan potensi projek kerjasama antara Pendaftar Perniagaan negara anggota D-8, dengan Malaysia sebagai salah satu ahlinya.

Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari amalan terbaik SSM dalam proses pendaftaran syarikat, perniagaan dan PLT di Malaysia serta meneroka peluang kerjasama strategik antara kedua-dua pihak.

## ■ SESI LIBAT URUS MENGENAI CADANGAN PINDAAN KEPADA AS 2016 BERKAITAN PEMEGANG SAHAM NOMINI DAN PENGARAH NOMINI

Pada 21 Oktober 2024, SSM telah mengadakan satu sesi libat urus berkaitan Kertas Konsultasi mengenai Cadangan Pindaan kepada AS 2016 Berkaitan Pemegang Syer Nomini dan Pengarah Nomini. Sesi libat urus tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil dari BNM, SC dan Bursa Malaysia.

Tujuan sesi libat urus tersebut adalah untuk memastikan rangka kerja perundangan yang dicadangkan selaras dengan piawaian antarabangsa oleh FATF di bawah Syor

24 Cadangan FATF. Di bawah perundangan semasa, tiada kewajipan bagi syarikat untuk melaporkan dan mendedahkan pemegang saham nomini dan pengarah nomini.

Sesi libat urus ini amat penting kerana cadangan pindaan oleh SSM dijangka akan memberikan kesan langsung kepada syarikat-syarikat yang dikawal selia oleh BNM, SC dan Bursa Malaysia.

## ■ SESI LIBAT URUS BERKAITAN CADANGAN RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT AMANAH

Pada 22 dan 30 Oktober 2024, SSM telah menganjurkan dua (2) sesi libat urus berkenaan Kertas Konsultasi mengenai Cadangan Rang Undang-Undang Syarikat Amanah. Kertas konsultasi tersebut telah diedarkan kepada orang awam dan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan bermula 2 April hingga 28 Mei 2024 sebagai sebahagian daripada usaha mendapatkan pandangan industri serta maklum balas umum terhadap cadangan undang-undang baharu ini.

Kedua-dua sesi libat urus ini telah dihadiri oleh pelbagai pemain industri yang signifikan seperti ahli Persatuan Syarikat Amanah termasuk HSBC (Malaysia) Trustee Bhd, RHB Trustee Berhad, Amanah Raya Berhad serta lain-lain syarikat amanah utama. Turut serta dalam sesi ini adalah wakil-wakil daripada agensi kawal selia seperti MOF, SC dan AGC. Kehadiran pelbagai pihak berkepentingan ini menggambarkan kepentingan usaha untuk merangka satu undang-undang yang inklusif dan relevan dengan keperluan semasa industri.

## ■ TAKLIMAT AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024 KEPADA BADAN PROFESIONAL, PERSATUAN BANK-BANK, DEWAN PERNIAGAAN, AGENSI KERAJAAN DAN BADAN BERKANUN

Taklimat mengenai pindaan utama dalam Akta Syarikat (Pindaan) 2024 telah dianjurkan dalam dua (2) sesi iaitu pada 13 dan 14 Mei 2024. Sesi pertama telah dibuka kepada badan profesional dan persatuan bank, manakala sesi kedua ditujukan kepada dewan-dewan perniagaan, agensi-agensi kerajaan serta badan-badan berkanun.

Taklimat telah disampaikan oleh Puan Norhaiza Jemon, Pengarah, Bahagian Pematuhan Korporat, dengan sesi soal jawab dikendalikan oleh beliau dan Encik Yap Weng Seong, Pengurus Kanan, Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan. Taklimat ini merupakan

salah satu inisiatif kesedaran yang dicadangkan bagi memastikan semua pihak berkepentingan dimaklumkan berkenaan pindaan yang terkandung di dalam Akta Syarikat (Pindaan) 2024, terutamanya berkenaan peruntukan baharu melibatkan kerangka rehabilitasi korporat yang merangkumi Skim Perkiraan dan Kompromi, perkiraan sukarela serta aspek pengurusan kehakiman dan pemunyaan benefisial.

Sesi pertama telah dihadiri oleh seramai 236 peserta, manakala sesi kedua disertai oleh 159 peserta, menjadikan jumlah keseluruhan kehadiran sebanyak 395 peserta.

## ■ DIALOG TAHUNAN SSM 2024

Pada tahun 2024, SSM telah menganjurkan tiga (3) sesi Dialog Tahunan SSM. Sesi pertama telah diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada 19 November 2024, diikuti oleh sesi kedua di Kuching, Sarawak pada 21 November 2024 dan sesi ketiga di Kuantan, Pahang pada 27 November 2024.

Kesemua sesi dialog ini telah dihadiri oleh seramai 541 peserta yang terdiri daripada pengarah syarikat, setiausaha syarikat, wakil daripada badan profesional, agensi-agensi kerajaan, dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan serta pihak berkuasa tempatan dari negeri-negeri terlibat.

Dialog tahunan ini merupakan platform penting bagi SSM untuk berkongsi serta menyampaikan maklumat terkini berhubung dasar dan peraturan sedia ada kepada pihak industri, agensi kerajaan serta badan profesional. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memperjelaskan pelbagai isu berkaitan operasi dan penguatkuasaan, sekali gus menyumbang kepada usaha penambahbaikan

penyampaian perkhidmatan SSM secara menyeluruh, selaras dengan keperluan mewujudkan persekitaran perniagaan yang dinamik.

Antara pengisian utama program tahun ini adalah taklimat berkaitan Kriteria Baharu Pengecualian Audit bagi Syarikat-syarikat Persendirian di Malaysia, taklimat berhubung sistem *Malaysian Business Reporting System* (MBRS) versi 2.0 serta sesi dialog bersama Pengurusan Tertinggi SSM yang terdiri daripada KPE SSM, TKPE (Kawal Selia dan Penguatkuasaan), TKPE (Pendaftaran dan Perkhidmatan Perniagaan), Pengarah, Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan serta Pengarah-pengarah Negeri Sabah, Sarawak dan Pahang.

Sepanjang pelaksanaan tiga (3) sesi Dialog Tahunan SSM 2024, pelbagai komen dan cadangan telah diterima daripada para peserta bagi tujuan menambah baik kecekapan dan mutu penyampaian perkhidmatan SSM pada masa akan datang.

---

## ■ KOLOKIUUM BERKAITAN ASPEK PERBANDINGAN UNDANG-UNDANG TRANSAKSI BERKAGAR DI SINGAPURA, MALAYSIA DAN BRUNEI

Kolokium ini telah dianjurkan oleh *Centre for Banking & Finance Law* (CBFL), Fakulti Undang-undang dan *National University of Singapore* (NUS) dengan matlamat utama untuk membincangkan kerangka perundangan berkaitan transaksi berkagar (*secured transactions*) yang telah, sedang atau akan diperkenalkan di Singapura, Malaysia dan Brunei.

Perbincangan kolokium ini memberi tumpuan kepada status pelaksanaan undang-undang transaksi berkagar di ketiga-tiga negara. Singapura berada di peringkat awal dengan hasrat untuk memperkenalkan perundangan ini, manakala Malaysia sedang giat dalam proses pembangunan perundangan berkaitan. Brunei pula telah melaksanakan undang-undang ini melalui *Secured Transactions Order 2016*, yang disokong oleh sistem pendaftaran khusus. Kolokium ini membincangkan keadaan-keadaan dan cabaran-cabaran yang berbeza bagi:

- Singapura sebagai negara yang berniat untuk memperkenalkan perundangan ini;
- Malaysia sebagai negara yang sedang dalam proses untuk memperkenalkan perundangan ini; dan
- Brunei sebagai negara yang telah memperkenalkan perundangan ini melalui *Secured Transactions Order 2016* dan sistem pendaftaran yang terpakai bagi perintah ini.

SSM telah dijemput sebagai panel penceramah mewakili Malaysia untuk berkongsi berkenaan kerangka perundangan transaksi berkagar melibatkan harta alih yang bakal dikawal selia oleh SSM, termasuk sistem data elektronik yang sedang dibangunkan untuk menyokong pelaksanaan undang-undang tersebut.

## ■ BENGKEL PENGESAHAN SERANTAU: 'PELAN PELAKSANAAN UNTUK MENUBUHKAN NOMBOR PENGENALAN PERNIAGAAN UNIK (UBIN) YANG SETARA DAN DIKTIRAF DI SELURUH RANTAU ASEAN'

Pada 20 hingga 21 November 2024, satu bengkel serantau telah diadakan di Bangkok, Thailand oleh ASEAN bagi membincangkan pelaksanaan 'Pelan Pelaksanaan untuk Menubuhkan Nombor Pengenal Perniagaan Unik (UBIN)' yang setara dan diiktiraf di seluruh rantau ASEAN. Inisiatif ini merupakan salah satu daripada Keutamaan Penyampaian Ekonomi (*Priority Economic Deliverable* - PED) di bawah kepengerusian ASEAN oleh Lao PDR pada tahun 2024.

SSM telah menyertai bengkel ini yang bertujuan membincangkan pelbagai aspek penting berkaitan UBIN, termasuk kerangka teknologi, penilaian kawal selia, tadbir urus, model pembiayaan serta program pembangunan kapasiti yang diperlukan untuk membangunkan sistem

saling kendali UBIN di peringkat serantau. ASEAN bersama pasukan perunding turut menjalankan sesi perbincangan kumpulan fokus bersama setiap Negara Anggota ASEAN (AMS) bagi mengenal pasti keperluan kesediaan serta pelan tindakan UBIN yang perlu dilaksanakan oleh setiap AMS.

Bengkel ini telah diakhiri dengan komitmen ASEAN untuk memuktamadkan Laporan Penuh Pelan Pelaksanaan UBIN serta pelan tindakan kesediaan bagi setiap negara anggota berdasarkan input yang diperoleh sepanjang bengkel berlangsung. Laporan tersebut kemudiannya akan diedarkan kepada setiap AMS sebelum tindakan lanjut dilaksanakan.

## ■ MESYUARAT KUMPULAN KERJA V (INSOLVENSİ) UNCİTRAL KE-64

Mesyuarat Kumpulan Kerja V (Insolvensi) UNCİTRAL ke-64 telah diadakan pada 13 hingga 17 Mei 2024 di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, New York. Mesyuarat ini merupakan sebahagian daripada siri mesyuarat UNCİTRAL berhubung rangka kerja undang-undang antarabangsa berkaitan isu insolvensi. Wakil dari SSM telah menghadiri mesyuarat ini bersama-sama dengan wakil dari Jabatan Insolvensi Malaysia.

Tiga (3) kertas kerja telah dibincangkan semasa sesi tersebut, dengan memberi tumpuan kepada bidang-bidang berikut:

(a) Pengesanan dan Pemulihan Aset (ATR) dalam Prosiding Insolvensi (IP) serta draf *toolkit* bagi mempercepatkan pengesanan dan pemulihan aset

sivil dalam prosiding insolvensi dan undang-undang yang terpakai bagi prosiding insolvensi;

(b) Pengesanan dan Pemulihan Aset dalam Prosiding Insolvensi serta draf *toolkit* bagi mempercepatkan pengesanan dan pemulihan aset sivil dalam prosiding insolvensi; dan

(c) Undang-undang yang terpakai bagi prosiding insolvensi (IP), khususnya dalam konteks rentas sempadan.

Kertas kerja berkaitan ATR telah dimuktamadkan dalam mesyuarat tersebut, manakala kertas kerja mengenai isu undang-undang yang berkaitan telah dibincangkan semula dalam mesyuarat susulan yang berlangsung pada 16 hingga 20 Disember 2024 di Vienna, Austria, yang turut dihadiri oleh wakil SSM.

## ■ SSM BIZDAY 2024

SSM BizDay 2024 telah diadakan pada 16 dan 17 Ogos 2024 sebagai platform untuk memperkenalkan serta menawarkan produk dan perkhidmatan SSM, mendapatkan maklum balas pelanggan, meningkatkan pematuhan perniagaan serta memperkukuh hubungan antara komuniti perniagaan dan SSM.

Semasa program tersebut, SSM telah memperkenalkan dua (2) platform maklumat korporat baharu iaitu SSM Search dan SAFEDATA-SSM, menjadikan jumlah keseluruhan platform penyampaian maklumat SSM kepada empat (4), yang kini merangkumi SSM e-Info dan MyData-SSM. Platform ini dibangunkan bagi memudahkan akses kepada maklumat entiti perniagaan yang dikawal selia oleh SSM, memastikan maklumat yang tepat dan pantas tersedia untuk orang awam serta membantu mereka membuat keputusan berinformasi dalam urusan perniagaan.

Majlis Perasmian SSM BizDay 2024 dan Pelancaran Platform Baharu ini telah disempurnakan oleh YBr. Tuan Ahmad Sabki Yusof, Pengerusi SSM di Mydin

*Wholesale Hypermarket*, Subang Jaya. Program ini berjaya menarik lebih 600 pelanggan daripada pelbagai kategori termasuk usahawan belia, usahawan B40, Kementerian dan agensi kerajaan sektor korporat serta institusi akademik.

Selain itu, program ini turut disertai oleh enam (6) rakan strategik SSM, iaitu Kementerian Pendidikan Tinggi, *Intellectual Property Corporation of Malaysia* (MyIPO), SME Corp Malaysia, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS). Mereka membuka reruai pameran serta menawarkan pelbagai inisiatif perniagaan kepada para peserta.

---

## MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA SSM DAN YAYASAN INOVASI MALAYSIA (YIM)

Pada 11 Januari 2024, SSM telah menandatangani MoU bersama YIM bagi membudayakan keusahawanan dalam kalangan inovator dan pelajar. Kerjasama strategik ini bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pendaftaran perniagaan serta memperkukuh ekosistem keusahawanan di Malaysia.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, SSM turut menawarkan Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) bagi membantu usahawan siswa memulakan perniagaan semasa tempoh pengajian mereka. Inisiatif

ini selari dengan penekanan YIM terhadap pemerkasaaan keusahawanan sosial sebagai pemacu ekonomi negara yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat secara holistik.

MoU ini telah ditandatangani oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, KPE SSM dan YBr. Dr. Sharmila Mohamed Salleh, KPE YIM serta disaksikan oleh YBr. Encik Rezy Izwan Ramly, TKPE SSM dan YBr. Encik Mohd Rozaidi Abdul Rahman, Ketua Pegawai Operasi YIM.

---

## MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA SSM DAN PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Pada 9 Julai 2024, SSM telah menandatangani MoU bersama SME Corp. Malaysia bagi membudayakan keusahawanan dalam kalangan belia Bumiputera. Kerjasama strategik ini bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pendaftaran perniagaan serta memperkukuh ekosistem keusahawanan di Malaysia.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, SSM turut menawarkan SPPP bagi membantu belia yang ingin menjalankan perniagaan semasa tempoh pengajian mereka. Inisiatif ini selari dengan usaha SME Corp.

Malaysia dalam memperkasakan keusahawanan sosial sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara, sekali gus menyumbang kepada pembangunan masyarakat secara holistik.

MoU ini telah ditandatangani oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, KPE SSM dan YBr. Encik Rizal Dato' Nainy, KPE SME Corp. Malaysia. Majlis menandatangani ini turut disaksikan oleh YBr. Encik Khuzairi Yahaya, TKPE SSM dan YBr. Encik Zaky Moh, TKPE SME Corp. Malaysia.

## ■ JALINAN KERJASAMA STRATEGIK SSM DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

SSM terus memperluaskan pasaran produk dan perkhidmatan dengan menjalin kerjasama strategik bersama pelbagai pihak berkepentingan, termasuk kementerian, agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pengelola e-Dagang, institusi perbankan, badan korporat dan universiti. Inisiatif ini bertujuan memperkukuh ekosistem perniagaan serta meningkatkan akses kepada maklumat dan perkhidmatan SSM.

Sehingga 31 Disember 2024, SSM telah menjalinkan libat urus dan kerjasama strategik dengan 12 agensi dan pihak berkepentingan, termasuk:

- (a) Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO);
- (b) Majlis TVET Negara;
- (c) Shopee Malaysia;
- (d) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
- (e) Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT);
- (f) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL);
- (g) Pos Malaysia Berhad;
- (h) Institut Keusahawanan Negara (INSKEN);
- (i) Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB);
- (j) TikTok Shop Malaysia;
- (k) Maybank Malaysia; dan
- (l) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

## ■ MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN SSM KE-22

SSM telah menganjurkan Majlis Sambutan Ulang Tahun yang ke-22 pada 16 April 2024 sebagai tanda penghargaan terhadap perjalanan dan pencapaian organisasi sejak penubuhannya.

Bersempena dengan sambutan ini, pelbagai aktiviti telah diadakan melibatkan pelanggan serta warga kerja SSM. Antara aktiviti yang dianjurkan termasuk Hari Bersama Pelanggan, pembukaan reruai pameran yang menawarkan perkhidmatan dan khidmat nasihat berkaitan produk serta perkhidmatan SSM, selain program SSM's Raya Games yang menyediakan pelbagai permainan interaktif dan menarik khusus untuk warga kerja SSM.

Majlis perasmian yang berlangsung di Menara SSM@Sentral telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Ahmad Sabki Yusof, Pengerusi SSM dan turut dihadiri oleh Anggota Suruhanjaya, KPE SSM, YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, barisan pengurusan tertinggi serta

warga kerja SSM, sekali gus memeriahkan lagi suasana sambutan.

Sebagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR), SSM turut menyantuni seramai 41 orang pekerja am yang berkhidmat di Menara SSM@Sentral, terdiri daripada kakitangan pembersihan, anggota polis bantuan dan pengawal keselamatan. Masing-masing menerima sumbangan berjumlah RM200 yang telah disampaikan oleh YBrs. Tuan Ahmad Sabki Yusof dan YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz sebagai tanda penghargaan atas sumbangan mereka dalam memastikan kelancaran operasi harian.

Majlis Sambutan Ulang Tahun SSM Ke-22 ini turut diraikan secara serentak di peringkat negeri dan cawangan SSM di seluruh negara, melambangkan semangat kebersamaan dan komitmen seluruh warga kerja SSM dalam terus memacu kecemerlangan perkhidmatan awam.

## ■ ANUGERAH BUKU NEGARA 2024 BAGI KATEGORI ANUGERAH PERDANA (BUKU MEWAH TERBAIK)

SSM telah melakar sejarah tersendiri apabila berjaya merangkul Anugerah Perdana (Buku Mewah Terbaik) sempena Anugerah Buku Negara 2024 melalui penerbitan buku *SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan*. Majlis penyampaian anugerah

telah berlangsung pada 10 Disember 2024. Anugerah berprestij tersebut telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah. SSM diwakili

oleh YBrs. Tuan Ahmad Sabki Yusof, Pengerusi SSM dan YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, KPE SSM bagi menerima pengiktirafan tersebut.

Anugerah Buku Negara merupakan inisiatif Yayasan Pembangunan Buku Negara sejak tahun 2005, yang bertujuan mengiktiraf hasil kerja cemerlang penggiat industri penerbitan tanah air serta menghargai usaha mereka yang berada di sebalik tabir penerbitan buku berkualiti.

Buku *SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan* diterbitkan khas sempena ulang tahun ke-20 penubuhan SSM pada 16 April 2022. Naskhah istimewa ini menjadi simbol penghargaan terhadap perjalanan dua (2) dekad SSM dalam memperkukuh

ekosistem perniagaan dan korporat negara. Ia merupakan dokumentasi menyeluruh yang merangkumi sejarah penubuhan, pencapaian strategik, inisiatif transformasi serta aspirasi masa depan SSM dalam mendepani cabaran landskap perniagaan yang dinamik.

Kandungan buku ini disusun secara komprehensif dalam sembilan (9) bab utama yang meliputi pelbagai aspek, termasuk pentadbiran, penguatkuasaan, pendidikan, kebajikan warga kerja serta keterlibatan strategik bersama pihak berkepentingan. Penerbitan buku ini adalah hasil kerjasama erat dan dedikasi tinggi seluruh warga kerja SSM, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, yang telah memastikan buku ini diterbitkan dengan kualiti tinggi serta nilai dokumentasi yang unggul dan berwibawa.



## PROGRAM BIMBINGAN USAHAWAN 2024 (PBU24)

PBU24 dirancang untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan komuniti perniagaan mengenai kepentingan pendaftaran perniagaan. Program ini berfungsi sebagai platform yang sangat baik untuk meneroka pengetahuan berkaitan keusahawanan dan memberikan pendedahan yang berharga mengenai amalan perniagaan yang beretika kepada kumpulan sasaran, membantu mereka dalam meningkatkan status ekonomi mereka melalui aktiviti perniagaan.

Komponen utama program ini termasuk:

- Keperluan untuk Mendaftar Perniagaan: Peserta diberikan maklumat mengenai keperluan perundangan dan prosedur pendaftaran perniagaan di Malaysia;
- Manfaat Mendaftar Perniagaan: Program ini memberi penekanan kepada manfaat mendaftarkan

- perniagaan secara sah, termasuk perniagaan diperakui sah di sisi undang-undang, akses kepada bantuan dan insentif kerajaan serta peningkatan kredibiliti di kalangan pelanggan dan rakan niaga;
- Strategi Pengurusan Kewangan: Usahawan diberikan pandangan mengenai amalan pengurusan kewangan yang efektif dan sesuai untuk perniagaan mereka;
- Kaedah Pemasaran Digital: Program ini merangkumi strategi dan teknik pemasaran digital untuk membantu usahawan mengembangkan dan memajukan perniagaan secara dalam talian; dan
- Sesi Perkongsian Pengetahuan Bersama Usahawan Berjaya: Peserta berpeluang untuk belajar daripada usahawan telah berjaya dan berpengalaman, mendapatkan pandangan berharga serta strategi praktikal yang boleh diaplikasikan untuk mengukuhkan kejayaan perniagaan mereka.

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
Program Bimbingan Usahawan 2024 Kelantan	5 Jun 2024	Dewan Perniagaan Cina Kelantan, Kota Bharu	800
Program Bimbingan Usahawan 2024 Negeri Sembilan	19 Ogos 2024	Dewan Pekerti, Seremban	700
<b>JUMLAH</b>			<b>1,500</b>

## PROGRAM USAHAWAN MUDA 2024 (PUM24) PERINGKAT NEGERI MELAKA DAN JOHOR

SSM telah menganjurkan PUM24 peringkat Negeri Melaka dan Muar, Johor melibatkan penyertaan lebih 3,000 pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi sekitar Negeri Melaka dan Johor pada 30 September 2024.

Program yang diadakan secara dalam talian ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, KPE SSM bertujuan memberikan pendedahan kepada para pelajar mengenai pengurusan sesebuah perniagaan

di samping menyemai minat dan menerapkan nilai-nilai keusahawanan dalam diri peserta.

Program ini juga memberi peluang kepada peserta untuk memanfaatkan SPPP yang diperkenalkan bagi memberi kemudahan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada golongan usahawan B40 dan pelajar Institusi Pengajian Tinggi sepenuh masa.



## MAJLIS PERASMIAN MENARA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA NEGERI PERAK

Pada 24 September 2024, SSM berjaya melakar satu lagi pencapaian dengan perasmian bangunan pejabat baharu miliknya di Negeri Perak, dalam usaha memperkukuh dan memperluas penyampaian perkhidmatan kepada komuniti korporat di negeri ini.

Bertempat di Jalan Basco Kepayang, Ipoh, Menara SSM Perak telah disempurnakan perasmiannya oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

Bangunan SSM serba moden seluas 175,853 kaki persegi ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk parkir, kedai serbaneka, kafe, surau serta kawalan keselamatan 24 jam.

Turut berangkat bercemer duli ke majlis Perasmian Menara SSM Perak adalah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa.

## WAKALAH ZAKAT KORPORAT (WZK) DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) SSM

Sebagai sebuah agensi Kerajaan, SSM bersama-sama mendukung aspirasi Kerajaan untuk membantu golongan yang memerlukan melalui aktiviti agihan WZK dan CSR. Ia merupakan inisiatif SSM dalam menunjukkan keprihatinan terhadap nasib golongan yang terpinggir serta kurang berkemampuan dan beriltizam untuk menyantuni golongan yang memerlukan ini demi memelihara kebajikan serta kesejahteraan masyarakat.

Untuk melaksanakan inisiatif ini dengan berkesan, SSM telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Zakat dan Tanggungjawab Sosial Korporat (JPZCSR) pada 1 Januari 2021. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menguruskan dana wakalah zakat SSM dan inisiatif CSR, termasuk penilaian dan pelaksanaan yang teliti dalam pengagihan dana kepada kumpulan sasaran yang memerlukan. Pada tahun 2024, JPZCSR telah menganjurkan pelbagai program komuniti di bawah WZK dan CSR, seperti yang dinyatakan di bawah.

Program-program di bawah WZK SSM:

KATEGORI ASNAF	PENERIMA	AGIHAN (RM)
Fakir/ Miskin (Individu)	782	489,770
Fakir/ Miskin (Organisasi)	8,663	2,049,280
Fisabilillah (Individu)	585	456,906
Fisabilillah (Organisasi)	368	4,239,049.10
Gharimin (Individu)	278	180,715
Gharimin (Organisasi)	566	79,850
<b>JUMLAH</b>	<b>11,242</b>	<b>7,495,570.10</b>

Program-program di bawah CSR SSM:

KATEGORI ASNAF	PENERIMA	AGIHAN (RM)
Pekerja SSM	44	26,200
Anak Pekerja SSM	80	51,900
Pesara SSM	9	27,792
Rumah Kebajikan	77	84,200
Agensi Berkepentingan	305	234,923
Komuniti Umum	366	101,900
Lain-Lain	51	8,781.89
<b>JUMLAH</b>	<b>932</b>	<b>535,696.89</b>

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 11,242 penerima asnaf telah menerima agihan WZK dengan jumlah keseluruhan agihan adalah sebanyak RM7,495,570.10. Bagi Wakalah Zakat Pekerja (WZP) sebanyak 43 penerima dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM49,700 serta 932 penerima bagi CSR SSM dengan jumlah keseluruhan berjumlah RM535,696.89. Agihan tersebut telah dilaksanakan oleh Ibu Pejabat, Pejabat Negeri dan Cawangan SSM. JPZCSR juga telah melaksanakan beberapa program/ majlis yang telah memberikan manfaat kepada penerima yang memerlukan iaitu seperti berikut:

- (a) Projek Sumbangan Van Ambulans;
- (b) Pembelian Van Jenazah;

- (c) Menaiktaraf Fasiliti Masjid;
- (d) Pembelian Peralatan/ Kemudahan Surau;
- (e) Menaiktaraf Fasiliti Pusat Tahfiz;
- (f) Baikpulih Sekolah;
- (g) Bantuan Kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam;
- (h) Sumbangan Klinik Bergerak;
- (i) Bantuan Kembali Ke Sekolah;
- (j) Bantuan Pembelian Baju Raya;
- (k) Bantuan Kepada Rumah Anak Yatim;
- (l) Bantuan Bakul Rahmah Bagi Mangsa Banjir;
- (m) Bantuan Kepada Anak-Anak Oku;
- (n) Bantuan Kepada Rakyat Palestin;
- (o) Bantuan Kerusi Roda; dan
- (p) Lain-Lain Aktiviti



**SOROTAN**  
**MEDIA**





# JANJI UNTUNG 39% SETAHUN

## Syarikat pelaburan haram kaut RM140 juta dari 1,919 pelabur

Oleh Mubamad Hafiz  
Newsfile  
mhafiz@bernama.com.my

**Kuala Lumpur**

Jumlah keuntungan pelaburan 3 peratus sebulan atau bersamaan 36 peratus setahun. Malah pelabur akan menerima semula wang pelaburan pokok selepas tempoh 12 bulan.

Ini antara 'model' tawaran syarikat akaun pelaburan haram yang berjaya mengumpul wang berjumlah RM140 juta daripada 1,919 pelabur di seluruh negara sejak September 2024.

Kegiatan ini bagaimanapun melanggar peraturan sekuriti bursa Malaysia (SSM) mengenai transaksi perdagangan saham di luar bursa.

SSM berkata, sebarang transaksi perdagangan saham di luar bursa akan dikenakan denda RM25,000 kepada pelabur yang melanggar peraturan ini.

SSM juga telah mengeluarkan surat teguran kepada syarikat pelaburan haram yang melanggar peraturan ini.

SSM turut mengemukakan pengumuman mengenai kes ini kepada media.

SSM turut mengemukakan pengumuman mengenai kes ini kepada media.

SSM turut mengemukakan pengumuman mengenai kes ini kepada media.

### SSM TAMBAH BAIK PERUNDANGAN BERKAITAN REHABILITASI KORPORAT DAN PELAPORAN MAKLUMAT PEMILIH BENEFIASIAL MELALUI AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024

**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

Perundangan berkaitan rehabilitasi korporat dan pelaporan maklumat pemilih benefisial melalui Akta Syarikat (Pindaan) 2024 telah dikuatkuasakan pada 1 April 2024.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

### SEKILAS INFO AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024

**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.



SSM serbu syarikat skim pelaburan KDF kaut RM140 juta  
myMetro Online > 25 Mac 2024

### FGP Ventures kena denda RM25,000 tawar iRPS tidak sah

**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah mengenakan denda RM25,000 kepada FGP Ventures kerana tawaran iRPS yang tidak sah.

SSM berkata, tawaran iRPS yang tidak sah adalah melanggar peraturan yang ditetapkan.

SSM turut mengemukakan pengumuman mengenai kes ini kepada media.



ENFORCEMENT OF COMPANIES ACT (AMENDMENT) 2024 ON APRIL 1 - ARMIZAN  
BERNAMA Online > 27 Mac 2024

### Tempoh 3 bulan dedah pemilik sebenar di sebalik proksi

**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.



SSM serbu premis skim pelaburan Kenaf Development Fund  
Diterbitkan: Mar 8, 2024 4:25 PM - Dikemaskini: 4:25 PM  
Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menyerbu  
Malaysia Kini > 8 Mac 2024



AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024 BERKUAT KUASA 1 APRIL - ARMIZAN  
BERNAMA Online > 27 Mac 2024

### Enforcement of Companies Act (Amendment) 2024 from April 1 - Armizan

**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

### Akta Syarikat (Pindaan) 2024 mula dikuatkuasa 1 April

**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

### Akta Syarikat (Pindaan) 2024 berkuat kuasa 1 April - Armizan

**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

### SSM LAUNCHES ELECTRONIC BENEFICIAL OWNERSHIP SYSTEM

**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

### Beku tiga dana amanah EWOG

**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

### Beku tiga dana amanah EWOG

**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

Perundangan ini bertujuan untuk meningkatkan integritas korporat dan melindungi kepentingan pemegang saham.

### SSM Customer Care Empowers Excellence In Service



The Companies Commission of Malaysia (SSM) helps you resolve enquiries, complaints, and other matters related to the products or services offered by SSM via our latest service platforms. These platforms provide a better customer experience!

Our operating hours are from 8:00 am to 5:30 pm (Monday - Friday) excluding public holidays.

Scan the QR code for more information on the latest platforms.

New Straits Times > 12 Mei 2024

### WE MAKE EVERY CONTACT COUNT



Suruhanjaya Syarikat Malaysia Customer Care (SSMCC) helps you resolve enquiries, complaints, and other matters related to the products or services offered by SSM via our latest service platforms. These platforms provide a better customer experience!

Our operating hours are from 8:00 am to 5:30 pm (Monday - Friday) excluding public holidays.

Scan the QR code for more information on the latest platforms.

New Straits Times > 12 Mei 2024

### SSM'S ELECTRONIC BENEFICIAL OWNERSHIP SYSTEM (E-BOS) PAVES WAY FOR ENHANCED CORPORATE TRANSPARENCY



**Criteria of a Beneficial Owner**

- CRITERIA 1** If the individual holds directly or indirectly in his/her more than 25% of the shares of the company.
- CRITERIA 2** If the individual holds directly or indirectly in his/her more than 25% of the voting rights of the company.
- CRITERIA 3** If the individual has the power, either directly or indirectly, to exercise or influence the exercise of more than 25% of the voting rights of the company.
- CRITERIA 4** If the individual is a member of the company and, under any arrangement or understanding, has the right to exercise or influence the exercise of more than 25% of the voting rights of the company.
- CRITERIA 5** If the individual has the power to exercise or influence the exercise of more than 25% of the voting rights of the company.

The Star > 1 Jun 2024

### PBU24 Suruhanjaya Syarikat Malaysia tarik minat lebih 800 usahawan di Kelantan



Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah mengadakan Program Bekerjasama (PBU) 2024 di Kelantan. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan usahawan mengenai peraturan perundangan yang berkaitan dengan pendaftaran syarikat di SSM.

Lebih 800 usahawan telah menghadiri program ini. Program ini diadakan di Kelantan dan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan usahawan mengenai peraturan perundangan yang berkaitan dengan pendaftaran syarikat di SSM.

Kosmo > 14 Jun 2024

### Tawar iRPS secara tidak sah, FGP Ventures didenda RM25,000



MAHKAMAH

CHAI YU-SHIAN MALAYSIA | 31 Mac 2024, 02:38 pm

PETALING JAYA: FGP Ventures Sdn Bhd. telah didenda sebanyak RM25,000 oleh Mahkamah Selayan Kuala Lumpur setelah didapati kesalahan berkaitan penjujukan syer keutamaan dikawal sebagai insiden Redeemable Preference Share (iRPS) tanpa mempunyai pembebasan eksplisit Menurut Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) FGP Ventures, sebuah Utusan Malaysia Online > 31 Mac 2024

### SSM ENHANCES LEGAL FRAMEWORK RELATED TO CORPORATE REHABILITATION AND BENEFICIAL OWNERSHIP THROUGH COMPANIES (AMENDMENT) ACT 2024



New Straits Times > 26 Mei 2024

### SSM beku tiga dana akaun amanah East West One Group



Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mengeluarkan surat perintah di bawah seksyen 48(4)(a) Akta Skim Kepentingan 2016 untuk membekukan dana di dalam akaun amanah bagi Skim East West One Planter, Skim East West Horizon Planter dan Skim East West Planter.

Dalam kenyataan semalam, katanya langkah itu adalah lanjutan daripada siasatan yang sedang dilakukan oleh SSM ke atas syarikat di bawah East West One Group Sdn Bhd (EWOG) itu.

"Surat perintah yang dihantar kepada Pacific Trustees Bhd (PTB), iaitu pemegang amanah EWOG pada 5 April 2024 bertujuan menjaga kepentingan pelabur dalam skim itu, lanjutan daripada cadangan pemulihan dan penstrukturan semula skim berkenaan dengan menggunakan dana dalam akaun amanah," katanya.

Melalui surat perintah itu, SSM berkata, PTB dikehendaki mengekalkan dana di dalam Akaun Amanah, Akaun un Amanah Dana Terikat, dengan dana berkenaan dilarang dikeluarkan dan diserahkan kepada syarikat pengurus, selaras dengan peruntukan seksyen 48(1) Akta Skim Kepentingan 2016.

"Bagaimanapun, pembekuan dana ini adalah tertakluk kepada pelan pemulihan dan penstrukturan semula skim sekiranya mendapat kelulusan majoriti pelabur di dalam mesyuarat pelabur," kata SSM.

Menurut kenyataan itu, pada 25 September 2023, SSM membuka kertas siasatan di bawah peruntukan Akta Skim Kepentingan 2016 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 terhadap syarikat-syarikat berkenaan selepas menerima lebih 46 aduan.

Katanya, pelabur yang terkesan dengan skim kepentingan berdaftar yang diuruskan oleh EWOG dan mempunyai maklumat untuk membantu siasatan, disarankan tampil untuk membuat aduan melalui e-mel ke [aduan@ssm.com.my](mailto:aduan@ssm.com.my) atau hujungnya.

Berita Harian > 29 Mei 2024

### Penorah syarikat dituduh benarkan penvataan palsu




Berita Harian > 23 Jun 2024

### Ssm Jangka Lebih Banyak Syarikat Guna Kerangka Rehabilitasi Korporat Baharu



BERNAMA Online > 25 April 2024

### SSM invites feedback on Consultative Document on Proposed Trust Companies Bill



The Sun > 8 April 2024

### B40 Traders Who Register Businesses Will Still Receive Govt Assistance - Ssm



BERNAMA Online > 5 Jun 2024

### Lebih 100,000 Daftar Perniagaan Menerusi Sppp Hingga April



BERNAMA Online > 5 Jun 2024

### 13th SSM National Conference to spotlight corporate transparency, business resilience



New Straits Times > 1 Julai 2023

### Pengarah syarikat mengaku tidak bersalah beriklan pernyataan palsu kepada SSM

Oleh AZMI NORDIN | 23 Jun 2024, 11:39 am



**MAHKAMAH SESYEN JENAYAH**  
Kosmo Online

Kosmo > 23 Jun 2024

### Strategic Collaboration between SME Corp. Malaysia, SSM to Enhance the Effectiveness of the TUBE Programme

By Brandon / theedge.com.my | 10 Julai 2024, 11:48 am



#### Majlis MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

ANTARA SME CORP. MALAYSIA DAN SYARIKAT MALAYSIA



The Edge > 10 Julai 2024

### Lebih 340,000 Syarikat Buat Transaksi Serah Simpan Maklumat Pemunyaan Benefisial

© 16/07/2024 07:50 PM



BERNAMA > 16 Julai 2024

### SSM Launches 'Corporate Code Of Ethics' Book

© 03/08/2024 01:15 PM



BERNAMA Online > 3 Ogos 2024

### SSM Received 591 Complaints Regarding Investment Fraud - Ahmad Sabki

© 19/08/2024 07:00 PM



BERNAMA Online > 19 Ogos 2024

### SSM lancar Buku Kod Etika Korporat


KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melancarkan buku Kod Etika Korporat (KEM) sebagai panduan bagi syarikat-syarikat yang berdaftar dengan SSM. Buku ini mengandungi 10 bab yang membincangkan tentang integriti, kejujuran, dan tanggungjawab sosial syarikat.



Utusan Sarawak > 4 Ogos 2024

### SSM lancar platform SSM Search, SAFEDATA, SSM, mudahkan akses maklumat entiti perniagaan

Berita | 16/08/2024 22:54 MYT



Astro Awani > 16 Ogos 2024

### 64 Companies Limited By Guarantee Approved To Collect Donations - SSM

© 04/08/2024 12:27 PM



BERNAMA > 4 Ogos 2024

### SSM terima 591 aduan penipuan pelaburan sejak 2022

© 19 Ogos 2024, 6:40pm



Buletin TV3 > 19 Ogos 2024

### Memahami peranan dan ketelusan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) dalam masyarakat

SSM menggariskan peranan syarikat berhad sebagai entiti yang bertanggungjawab kepada masyarakat. Buku ini menjelaskan tentang tanggungjawab syarikat berhad kepada pemegang saham, pekerja, pelanggan, dan masyarakat umum.



Harian Metro > 4 Disember 2024

### 340,637 companies declared beneficial ownership info to SSM, says Arizman

By Luqman Hakim | July 16, 2024 @ 8:50pm



The News Straits Times > 16 Julai 2024

### Sultan Nazrin rasmi Menara SSM Perak

Oleh LAYAN HESAM IDES



Utusan Malaysia > 25 September 2024

### Portal SSM papar syarikat dapat kelulusan kutip-sumbangan

© 19 Ogos 2024, 11:48 am



Malaysia Gazette > 4 Ogos 2024

### Sasar 30 juta transaksi dalam tempoh 5 tahun SSM lancar dua platform baharu

Oleh MARLIA ZAKARIA



Kosmo > 16 Ogos 2024

## SSM DALAM TV



SSM TAHAR PENDAFTARAN PERNEGAAN PERCUMA KEPADA INOVATOR  
17.36.33 | 12.01.2024




SSM, YIM Meterai MoU Sediakan Pendaftaran Perniagaan Kepada Inovator Secara Percuma

RTM 1 > 12 Januari 2024



PLATFORM SME X  
17.36.33 | 24.01.2024



Platform SME X Menyokong PKS Dalam Pertumbuhan Dan Pengembangan Perniagaan

TV1 > 24 Januari 2024



ILLEGAL INVESTMENT SCHEME  
COMPANIES COMMISSION RAIDS SEVERAL KDF PREMISES  
19.31.00 | 09.03.2024



SSM Raids Several KDF Premises

TV3 > 9 Mac 2024



SSM SERBU SYARIKAT SKIM PELABURAN KDF KAUT RM140 JUTA  
19.31.00 | 08.03.2024



SSM Serbu Syarikat Skim Pelaburan KDF Kaut RM140 Juta

RTM1 > 8 Mac 2024



SSM SERBU PREMIS SKIM PELABURAN HARAM  
19.31.00 | 08.03.2024



Pelaburan Haram Kaut RM140 Juta SSM Serbu Premis KDF

RTM1 > 8 Mac 2024



AMBIKUTAN RESTORASI TAMPAK WAKADA DI GABAWAN HINGGA SAHAB  
19.31.00 | 08.03.2024



Pelaburan Haram Kaut RM140 Juta SSM Serbu Premis KDF

TV3 > 8 Mac 2024



AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024 DIKUAT KUASA 1 APRIL INI  
19.31.00 | 27.03.2024



Akta Syarikat (Pindaan) 2024 Berkuat Kuasa 1 April

Berita RTM > 27 Mac 2024



PINDAAN AKTA  
AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024 BERKUAT KUASA 1 APRIL  
19.31.00 | 27.03.2024



Akta Syarikat (Pindaan) 2024 Berkuat Kuasa 1 April

Astro Awani > 27 Mac 2024



BENEFICIAL OWNERSHIP  
COMPANIES AMENDMENT 1 2024 WILL GIVE MORE TRANSPARENCY  
19.31.00 | 28.03.2024



Beneficial Ownership

TV3 > 28 Mac 2024



KENYATAAN MEDIA  
SYARIKAT FGP VENTURES SDN BHD DIJUTUKAN HUKUMAN DENDA RM25,000 ATAS KESALAHAN TAWAR IRPS SECARA TIDAK SAH  
Kuala Lumpur, 31 Mac 2024 - Sebuah syarikat persendirian menurut syer, FGP Ventures Sdn Bhd telah diutukakan dengan satu hukuman di bawah Seksyen 90(4) Akta Syarikat 2016 berkaitan pengumpulan syer kementerian yang dikenali sebagai "Islamic Responsible Preference Shares" (IRPS) tanpa mempunyai TAWAR IRPS SECARA TIDAK SAH  
19.31.00 | 31.03.2024




Tawar IRPS Secara Tidak Sah: FGP Ventures Didenda RM25,000

Berita RTM > 31 Mac 2024



SSM Lancar Sistem E-Bos

RTM1 > 1 April 2024




Liputan Berita RTM - SSM Lancar Sistem E-Bos

Berita RTM > 2 April 2024



Bantu Rakyat Palestin-Inisiatif Pihak Pengurusan SSM Kutip Sumbangan

RTM1 > 27 April 2024



SSM Keluar Surat Perintah Kepada Pemegang Amanah Syarikat EWOG

RTM1 > 28 April 2024



SSM Expect More Companies To Utilise New Corporate Rehabilitation Framework

Berita RTM > 25 April 2024



Wawancara Selamat Pagi Malaysia Di RTM TV1 Mengenai Akta Syarikat (Pindaan) 2024

Berita RTM > 10 Julai 2024



Pemunyaan Benefisial 340,637 Syarikat Selesai Serah Simpan Maklumat

TV3 > 16 Julai 2024



Transaksi Serah Simpan Maklumat Benefisial

RTM1 > 16 Julai 2024



Liputan Buletin Utama - 340,637 Syarikat Selesai Serah Simpan Maklumat

Astro Awani > 16 Julai 2024



SSM Lancar Buku Kod Etika Korporat

RTM1 > 4 Ogos 2024



SSM Launches "Corporate Code of Ethics" Book - Emphasising Commitment To Integrity, Ethics, Anti-Corruption Practices

Berita RTM > 5 Ogos 2024



SSM Rekod 591 Aduan Penipuan Pelaburan Sejak 2022

RTM1 > 20 Ogos 2024



SSM Terima 591 Aduan Syarikat Berkaitan Penipuan Pelaburan

Astro Awani > 20 Ogos 2024




Malaysia Komited Patuhi Piawaian Pemunyaan Benefisial

RTM1 > 27 Ogos 2024



Combating Money Laundering; Malaysia Committed To Comply With International Standards

Berita RTM > 27 Ogos 2024



FATF - Malaysia Komited Perangi Pengubahan Wang Haram

Astro Awani > 27 Ogos 2024



Perangi Pengubahan Wang Haram

Berita RTM > 28 Ogos 2024



Bicara Naratif Persidangan Kebangsaan SSM 2024 - Tumpuan Ketelusan Korporat

Berita RTM > 27 Ogos 2024



Menara SSM Perak Serba Moden: Dirasmikan Sultan Perak

RTM1 > 24 September 2024



Liputan Al Hijrah - TERAS Bantu 72 Usahawan Asnaf Selangor

Al Hijrah > 3 Oktober 2024

North America (42%)

Europe (28%)

Asia (29%)

NOTES:  
North America continues its strong run in August, but we need to take a close look at Asia.

	OCT	NOV	DEC	TOTAL	%
Personnel Total \$(000)				\$146 000	42%
Telemarketing (% of Direct Sales)				\$102 000	29%
Infrastructure Support				\$98 000	28%
Commission				\$0	0%
Human Resources - Headcount				\$0	0%
Human Resources - Cost				\$0	0%
Rate	Month 1	Month 2	Month 3	Month 4	Month 5
	750	200	500	1 500	1 200
	110%	110%	110%	110%	110%
	25,00	25,00	25,00	25,00	25,00
	0,75	0,20	0,50	1,50	1,20
	100%	15%	40%	33%	110%
	50%	50%	50%	50%	50%
	1,5	1,5	1,5	1,5	1,5
	25	25	25	25	25
	0,30	0,30	0,30	0,30	0,30
	25	25	25	25	25
	0,10	0,10	0,10	0,10	0,10
	53,25	21,70	81,25	255,20	200,00
	1	0,25	1,5	4,25	3,5
	50	10	50	110	90
	1,0	0,25	1,25	3,5	2,75
	53,25	21,70	81,25	255,20	200,00



# PENYATA KEWANGAN





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/ Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 109.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [Akta 614].

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Syarikat Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [Akta 614]. Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.


Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Anggota Suruhanjaya telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.


**Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Syarikat Malaysia berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [Akta 614] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



**(DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)**  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
**17** SEPTEMBER 2025



## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **PENYATA Pengerusi dan SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

Kami, **AHMAD SABKI BIN YUSOF** dan **DATUK NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Anggota, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/ Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA** pada 31 Disember 2024 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Suruhanjaya,

Bagi pihak Suruhanjaya,



Nama : **AHMAD SABKI BIN YUSOF**

Nama: : **DATUK NOR AZIMAH BINTI  
ABDUL AZIZ**

Jawatan : **PENGERUSI SURUHANJAYA**

Jawatan : **ANGGOTA SURUHANJAYA**

Tarikh : **29 APRIL 2025**

Tarikh : **29 APRIL 2025**

Tempat : **KUALA LUMPUR**

Tempat : **KUALA LUMPUR**

## COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

(Established under the Companies Commission of Malaysia Act 2001)

### PERAKUAN PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Saya, **REZY IZWAN BIN RAMLY**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/ Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh )  
penama di atas di KUALA LUMPUR )  
pada **29 APRIL 2025** )



**REZY IZWAN BIN RAMLY**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
(Perkhidmatan Korporat)

Di hadapan saya,



PERAKUAN SUMPAAH



NO. 33-4, JALAN MEDAN TUANKU  
50300 KUALA LUMPUR.

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2024

	Nota	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
<b>ASET</b>			
<b>Aset Semasa</b>			
Tunai dan Kesetaraan Tunai	6	129,711,219	183,322,744
Deposit dengan Institusi Kewangan Berlesen	7	705,000,000	615,000,000
Pelaburan Kewangan	8	185,752,549	10,017,140
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	9	1,194,876	4,137,472
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	10	49,188,239	49,053,808
Pembiayaan Pekerja	11	4,860,360	5,261,110
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<b>1,075,707,243</b>	<b>866,792,274</b>
<b>Aset Bukan Semasa</b>			
Pelaburan Kewangan	8	442,008,415	554,555,092
Pembiayaan Pekerja	11	31,278,888	34,589,837
Hartanah, Kelengkapan dan Peralatan	12	171,679,018	156,007,692
Hartanah Pelaburan	13	45,215,540	44,965,540
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<b>690,181,861</b>	<b>790,118,161</b>
<b>Jumlah Aset</b>		<b>1,765,889,104</b>	<b>1,656,910,435</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2024

(sambungan)

	Nota	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
<b>LIABILITI</b>			
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	14	58,301,366	77,345,340
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	15	65,528,383	79,098,518
Cukai dan Zakat	16	29,700,000	26,700,000
Peruntukan Manfaat Pekerja	17	3,074,427	2,001,586
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<b>156,604,176</b>	<b>185,145,444</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>			
Peruntukan Manfaat Pekerja	17	74,353,644	64,146,167
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>		<b>74,353,644</b>	<b>64,146,167</b>
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>230,957,820</b>	<b>249,291,611</b>
<b>ASET BERSIH</b>		<b>1,534,931,284</b>	<b>1,407,618,824</b>
<b>ASET BERSIH/ EKUITI</b>			
Dana Pembiayaan Pekerja	18	91,000,000	91,000,000
Keuntungan Aktuari Terkumpul		54,797,545	54,797,545
Lebihan Terkumpul		1,389,133,739	1,261,821,279
<b>JUMLAH ASET BERSIH/ EKUITI</b>		<b>1,534,931,284</b>	<b>1,407,618,824</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
<b>Pendapatan</b>			
Pendapatan daripada Transaksi Bukan Pertukaran	19	391,289,415	372,357,055
Pendapatan daripada Transaksi Pertukaran	20	162,519,706	150,284,272
<b>Jumlah Pendapatan</b>		<b>553,809,121</b>	<b>522,641,327</b>
<b>Perbelanjaan</b>			
Kos Pekerja	21	203,488,533	285,874,611
Kos Pentadbiran	22	125,176,111	145,373,760
Kos Kewangan		45,318	45,349
Perbelanjaan Lain	23	6,671,217	8,518,313
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		<b>335,381,179</b>	<b>439,812,033</b>
Lebihan Sebelum Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan		218,427,942	82,829,294
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	15	65,528,383	24,864,463
Lebihan Sebelum Cukai dan Zakat		<b>152,899,559</b>	<b>57,964,831</b>
Cukai dan Zakat	16	25,587,099	27,129,944
<b>Lebihan bagi tahun</b>		<b>127,312,460</b>	<b>30,834,887</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/ EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Lebihan Terkumpul RM	Keuntungan Aktuari Terkumpul RM	Dana Pembiayaan Pekerja RM	Jumlah RM
<b>Pada 01 Januari 2024</b>	<b>1,261,821,279</b>	<b>54,797,545</b>	<b>91,000,000</b>	<b>1,407,618,824</b>
Lebihan bagi Tahun	127,312,460	-	-	<b>127,312,460</b>
Keuntungan Aktuari bagi Manfaat Pekerja	-	-	-	-
Jumlah Hasil dan Belanja Diiktiraf bagi Tahun	127,312,460	-	-	<b>127,312,460</b>
<b>Pada 31 Disember 2024</b>	<b>1,389,133,739</b>	<b>54,797,545</b>	<b>91,000,000</b>	<b>1,534,931,284</b>
<b>Pada 01 Januari 2023</b>	<b>1,230,986,392</b>	-	<b>91,000,000</b>	<b>1,321,986,392</b>
Lebihan bagi Tahun	30,834,887	-	-	<b>30,834,887</b>
Keuntungan Aktuari bagi Manfaat Pekerja	-	54,797,545	-	<b>54,797,545</b>
Jumlah Hasil dan Belanja Diiktiraf bagi Tahun	30,834,887	54,797,545	-	<b>85,632,432</b>
<b>Pada 31 Disember 2023</b>	<b>1,261,821,279</b>	<b>54,797,545</b>	<b>91,000,000</b>	<b>1,407,618,824</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	<b>31-Dis-24 RM</b>	<b>31-Dis-23 RM</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>		
Lebihan bagi Tahun	152,899,559	57,964,831
<u>Pelarasan bagi:</u>		
Susut Nilai Hartanah, Kelengkapan dan Peralatan	6,413,051	6,260,106
Pelarasan Hartanah, Kelengkapan & Peralatan	222,117	-
Penerbalikan Rosot Nilai Inventori	-	(6,418)
Kerugian Rosot Nilai bagi Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	14,567	76,789
Peruntukan Rosot Nilai bagi Cukai Barang dan Perkhidmatan	-	2,187,836
Pelunasan Pelaburan Kewangan	45,318	45,349
Keuntungan dari Pelupusan Hartanah, Kelengkapan dan Peralatan	(2,972)	(3,362)
Perubahan Nilai Saksama Hartanah Pelaburan	(250,000)	(635,000)
Faedah dan Dividen daripada Deposit dan Pelaburan	(53,772,819)	(47,738,599)
Pendapatan dan Perubahan Nilai Saksama Pembiayaan Pekerja	(1,036,893)	(1,114,739)
<b>Aliran Tunai dari Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja</b>	<b>104,531,928</b>	<b>17,036,793</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

(sambungan)

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI (sambungan)</b>		
Perubahan dalam modal kerja:		
Perubahan dalam Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	2,942,596	76,751
Perubahan dalam Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	(148,998)	4,884,490
Perubahan dalam Inventori	-	6,418
Perubahan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	(13,570,135)	24,864,463
Perubahan dalam Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	(19,043,974)	(410,732)
Perubahan dalam Manfaat Pekerja	11,280,317	77,657,176
<b>Aliran Tunai dari Operasi Selepas Perubahan Modal Kerja</b>	<b>85,991,734</b>	<b>124,115,359</b>
Bayaran bagi Cukai dan Zakat	(22,587,099)	(24,329,944)
<b>Aliran Tunai Bersih dari Aktiviti Operasi</b>	<b>63,404,635</b>	<b>99,785,415</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

(sambungan)

	<b>31-Dis-24 RM</b>	<b>31-Dis-23 RM</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>		
Perolehan dari Hartanah, Kelengkapan dan Peralatan	(22,306,733)	(7,395,009)
Terimaan dari Pelupusan Hartanah, Kelengkapan dan Peralatan	3,212	3,909
Faedah dan Dividen daripada Deposit dan Pelaburan	53,772,819	47,738,599
Deposit Bersih dengan Institusi Kewangan Berlesen	(90,000,000)	(45,000,000)
Pelaburan Kewangan	(63,234,050)	(65,452,480)
Bersih dari Pembiayaan Pekerja	4,748,592	2,795,390
<b>Aliran Tunai Bersih dari Aktiviti Pelaburan</b>	<b>(117,016,160)</b>	<b>(67,309,591)</b>
(Pengurangan) / Pertambahan Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai	(53,611,525)	32,475,824
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada Awal Tahun	183,322,744	150,846,920
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai pada Akhir Tahun</b>	<b>129,711,219</b>	<b>183,322,744</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **1. MAKLUMAT KORPORAT DAN AKTIVITI UTAMA**

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Suruhanjaya) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614). Aktiviti utama Suruhanjaya adalah mengawal selia perbadanan, syarikat dan perniagaan di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat Amanah 1949, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta-Akta yang disebut di atas.

Tiada perubahan yang signifikan terhadap aktiviti utama dalam tahun semasa.

Ibu pejabat Suruhanjaya terletak di Menara SSM@Sentral, No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur, Malaysia. Ia mempunyai 21 Pejabat Negeri, Cawangan, dan Pusat Khidmat di seluruh negara.

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 telah dibentang dan diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada **29 April 2025**.

#### **2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN**

Penyata kewangan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) untuk asas perakaunan akruan. Asas ukuran yang digunakan ialah kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya.

MPSAS 33 membenarkan penerima pakai kali pertama tempoh sehingga tiga (3) tahun untuk mengiktiraf dan/atau mengukur aset dan/atau liabiliti tertentu. Dalam peralihan kepada MPSAS, Suruhanjaya telah memanfaatkan kelebihan daripada pengecualian peralihan ini.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu merupakan mata wang fungsian dan pembentangan Suruhanjaya. Penyata kewangan disediakan atas dasar usaha berterusan, dan dasar perakaunan digunakan secara konsisten sepanjang tempoh tersebut.

#### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

Dasar-dasar perakaunan yang tertera di bawah digunakan secara konsisten oleh Suruhanjaya dalam tempoh pelaporan penyata kewangan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **3.1. Instrumen Kewangan – Aset Kewangan**

(i) Klasifikasi

Suruhanjaya mengklasifikasikan aset kewangannya dalam kategori berikut:

- nilai saksama melalui lebihan atau defisit,
- pinjaman dan belum terima,
- tersedia untuk dijual; dan
- dipegang hingga matang.

Pengkelasan bergantung pada tujuan di mana aset kewangan diperolehi. Suruhanjaya menentukan klasifikasi tersebut pada pengiktirafan awal dan dalam kes aset yang diklasifikasikan sebagai dipegang hingga matang, Suruhanjaya menilai semula penetapan ini dibuat pada akhir setiap tempoh pelaporan.

#### Aset Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Defisit

Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit termasuk aset kewangan dipegang untuk diniagakan dan aset kewangan yang ditetapkan pada waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperolehi bagi tujuan jualan atau belian semula dalam masa terdekat.

Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit dinyatakan ke Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai saksama yang mana perubahan diiktiraf kepada lebihan atau defisit.

#### Pinjaman dan Penghutang

Pinjaman dan belum terima ialah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau dapat ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Jika kutipan amaun itu dijangka dalam satu (1) tahun atau kurang ia diklasifikasikan sebagai aset semasa. Jika tidak, ia dibentangkan sebagai aset bukan semasa.

Pengukuran berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, selepas rosot nilai. Kos terlunas dikira dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium ke atas pemerolehan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

#### Aset Kewangan Sedia Dijual

Aset kewangan sedia dijual adalah aset kewangan bukan derivatif yang ditentukan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasi dalam mana-mana kategori lain.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

##### **3.1. Instrumen Kewangan – Aset Kewangan (sambungan)**

###### **(i) Klasifikasi (sambungan)**

###### Aset Kewangan Sedia Dijual (sambungan)

Selepas pengukuran awal, aset kewangan sedia dijual akan diukur pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke aset bersih melalui Penyata Perubahan Aset Bersih/ Ekuiti sehinggalah aset berkenaan dinyahiktiraf, pada masa itu keuntungan atau kerugian terkumpul adalah diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

###### Aset Kewangan Dipegang sehingga Matang

Aset kewangan dipegang sehingga matang ialah aset kewangan disenaraikan bukan derivatif yang mempunyai bayaran tetap atau boleh ditentukan ketetapanannya dan ketetapan matang apabila Suruhanjaya berhasrat serta berkeupayaan untuk dipegang sehingga matang.

Sekiranya Suruhanjaya menjual aset kewangan dipegang sehingga matang dalam jumlah yang tidak signifikan, keseluruhan kategori tersebut akan diubah semula dan diklasifikasikan sebagai aset kewangan yang sedia untuk dijual.

Aset kewangan dipegang hingga matang dimasukkan dalam aset bukan semasa, kecuali bagi aset yang mempunyai tempoh matang kurang daripada 12 bulan dari tarikh pelaporan yang diklasifikasikan sebagai aset semasa.

###### **(ii) Pengiktirafan dan Pengukuran Awal**

Pembelian dan jualan aset kewangan diiktiraf pada tarikh penyelesaian. Aset kewangan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos transaksi yang secara langsung berkaitan dengan perolehan aset kewangan bagi semua aset kewangan yang tidak diklasifikasi pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit diiktiraf pada nilai saksama dan kos transaksi dibelanjakan dalam untung atau rugi.

Bagi pinjaman konsesi perbezaan antara hasil pinjaman dan nilai saksama (berdasarkan terma pasaran) dianggap sebagai perbelanjaan dalam lebihan atau defisit pada pengiktirafan awal, kecuali apabila pinjaman diberikan kepada entiti terkawal di mana perbezaan itu mewakili sumbangan modal.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di pasaran diiktiraf pada tarikh dagangan, iaitu tarikh Suruhanjaya komited untuk membeli atau menjual aset.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

##### **3.1. Instrumen Kewangan – Aset Kewangan (sambungan)**

###### **(ii) Pengiktirafan dan Pengukuran Awal (sambungan)**

Aset kewangan Suruhanjaya termasuk tunai dan deposit jangka pendek, pinjaman dan belum terima lain, instrumen kewangan disenaraikan dan tidak disenaraikan serta instrumen kewangan derivatif.

###### **(iii) Penilaian Berikutan**

Aset kewangan tersedia untuk dijual dan aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit kemudiannya dibawa pada nilai saksama. Pinjaman dan belum terima dan aset kewangan dipegang hingga matang kemudiannya dibawa pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit, termasuk kesan pertukaran mata wang, faedah dan pendapatan dividen diiktiraf dalam lebihan atau defisit dalam tempoh di mana perubahan itu berlaku.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan tersedia untuk dijual diiktiraf dalam aset/ ekuiti bersih, kecuali untuk kerugian rosot nilai dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing ke atas aset monetari. Pendapatan faedah dan dividen ke atas aset kewangan tersedia untuk dijual diiktiraf secara berasingan dalam lebihan atau defisit. Faedah ke atas sekuriti hutang sedia untuk dijual yang dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam lebihan atau defisit. Pendapatan dividen ke atas instrumen ekuiti tersedia untuk dijual diiktiraf dalam lebihan atau defisit apabila hak Suruhanjaya untuk menerima pembayaran telah ditetapkan.

###### **(iv) Rosot Nilai Aset Kewangan**

###### **Aset Kewangan Dibawa pada Kos Terlunas**

Bagi aset kewangan yang dibawa pada kos terlunas, Suruhanjaya terlebih dahulu menilai sama ada terdapat bukti objektif kekurangan nilai secara individu bagi aset kewangan yang secara individu signifikan, atau secara kolektif bagi aset kewangan yang tidak signifikan secara individu.

Jika Suruhanjaya menentukan bahawa tiada bukti objektif penjejasan wujud bagi aset kewangan yang dinilai secara individu, sama ada penting atau tidak, ia termasuk aset dalam kumpulan aset kewangan dengan ciri risiko kredit yang serupa dan secara kolektif menilai mereka untuk penjejasan. Aset yang dinilai secara individu untuk kemerosotan nilai dan untuk kerugian kemerosotan nilai, atau berterusan, diiktiraf tidak termasuk dalam penilaian kolektif kemerosotan nilai.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

##### **3.1. Instrumen Kewangan – Aset Kewangan (sambungan)**

###### **(iv) Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)**

###### Aset Kewangan Dibawa pada Kos Terlunas (sambungan)

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai telah berlaku, amaun kerugian diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit jangkaan masa hadapan yang masih belum berlaku). Nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa hadapan adalah didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset kewangan.

Jika pinjaman mempunyai kadar faedah berubah-ubah, kadar diskaun untuk mengukur sebarang kerugian rosot nilai ialah kadar faedah efektif semasa.

Amaun bawaan aset dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun dan jumlah kerugian diiktiraf dalam lebihan atau defisit. Pinjaman bersama dengan elaun berkaitan dihapuskan apabila tiada prospek realistik pemulihan masa hadapan dan semua cagaran telah direalisasikan atau dipindahkan kepada Suruhanjaya. Jika pada tahun berikutnya, amaun anggaran kerugian kemerosotan nilai meningkat atau berkurangan disebabkan peristiwa yang berlaku selepas kemerosotan nilai diiktiraf, kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelum ini ditambah atau dikurangkan dengan melaraskan akaun peruntukan. Jika hapus kira masa hadapan dipulihkan kemudian, pemulihan dikreditkan untuk membiayai kos dalam lebihan atau defisit.

###### Aset Kewangan Sedia Dijual

Bagi aset kewangan tersedia untuk dijual, Suruhanjaya menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan atau sekumpulan pelaburan terjejas.

Dalam kes pelaburan ekuiti yang diklasifikasikan sebagai tersedia untuk dijual, bukti objektif akan termasuk penurunan ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama pelaburan di bawah kosnya. 'Signifikasi' dinilai berbanding kos asal pelaburan dan 'berpanjangan' berbanding tempoh di mana nilai saksama berada di bawah kos asalnya. Jika terdapat bukti kemerosotan nilai, kerugian terkumpul - diukur sebagai perbezaan antara kos pemerolehan dan nilai saksama semasa, ditolak dengan kerugian kemerosotan nilai ke atas pelaburan yang sebelum ini diiktiraf dalam lebihan atau defisit - dikeluarkan daripada rizab dalam aset bersih dan diiktiraf dalam lebihan atau defisit. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam lebihan atau defisit ke atas pelaburan ekuiti yang diklasifikasikan sebagai tersedia untuk dijual tidak diterbalikkan melalui lebihan atau defisit dalam tempoh berikutnya.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

##### **3.1. Instrumen Kewangan – Aset Kewangan (sambungan)**

(iv) Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)

###### Aset Kewangan Sedia Dijual (sambungan)

Dalam kes instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai tersedia untuk dijual, rosot nilai dinilai berdasarkan kriteria yang sama seperti aset kewangan yang dibawa pada kos terlunas. Walau bagaimanapun, jumlah yang direkodkan untuk kemerosotan nilai ialah kerugian terkumpul yang diukur sebagai perbezaan antara kos terlunas dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian kemerosotan nilai ke atas pelaburan yang sebelum ini diiktiraf dalam lebihan atau defisit. Jika dalam tempoh berikutnya, nilai saksama instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai peningkatan tersedia untuk dijual dan peningkatan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau defisit, kerugian kemerosotan nilai diterbalikkan melalui lebihan dan defisit.

(v) Penyahiktirafan

Suruhanjaya menyahiktirafkan aset kewangan atau jika berkenaan, sebahagian daripada aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang serupa apabila:

- Hak untuk menerima aliran tunai daripada aset telah tamat tempoh atau diabaikan.
- Suruhanjaya telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah memikul kewajipan untuk membayar aliran tunai yang diterima sepenuhnya tanpa kelewatan yang signifikan kepada pihak ketiga dan sama ada:
  - o Suruhanjaya telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset; atau
  - o Suruhanjaya tidak memindahkan atau mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset tersebut tetapi telah memindahkan kawalan ke atas aset tersebut.

##### **3.2. Instrumen Kewangan - Liabiliti Kewangan**

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit, yang terlibat secara langsung dengan pengiktirafan liabiliti kewangan.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

##### **3.2. Instrumen Kewangan - Liabiliti Kewangan (sambungan)**

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan diklasifikasikan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan, iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit dan liabiliti kewangan pada kos terlunas.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Sebarang perbezaan antara amaun bawaan liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan balasan yang dibayar diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan semasa tempoh penyahiktirafan.

##### **3.3. Hapus Silang Instrumen Kewangan**

Aset dan liabiliti kewangan dihapus silang dan nilai bersih dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila terdapat hak perundangan yang boleh dikuatkuasakan untuk menghapus silang jumlah yang diiktiraf dan terdapat niat untuk menyelesaikan pada asas bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

Hak yang boleh dikuatkuasakan menurut undang-undang hendaklah tidak berlaku secara kebetulan pada peristiwa masa hadapan dan hendaklah dikuatkuasakan dalam perjalanan biasa perniagaan dan dalam peristiwa keingkar, insolvensi atau kemuflihan.

##### **3.4. Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, tunai dalam transit, tunai di bank, dan deposit jangka pendek dengan institusi kewangan berlesen yang mempunyai tempoh matang asal tiga (3) bulan atau kurang yang boleh ditukar dengan jumlah tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak signifikan.

##### **3.5. Inventori**

Inventori direkodkan pada kos lebih rendah dan nilai boleh direalisasi bersih. Inventori yang dipegang untuk pengagihan bagi tujuan faedah awam direkodkan pada kos yang lebih rendah antara kos dan kos penggantian semasa. Jika inventori diperoleh tanpa kos atau dengan bayaran nominal, kos tersebut dianggap sebagai nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

##### **3.6. Hartanah, Kelengkapan dan Peralatan**

###### Pengukuran

Hartanah, kelengkapan dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada kos. Kos item termasuk harga beliannya, duti import, cukai pembelian yang tidak boleh dikembalikan dan sebarang kos yang dikaitkan secara langsung dengan membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang diperlukan untuk membolehkan aset tersebut beroperasi mengikut cara yang dimaksudkan oleh Suruhanjaya.

Jika suatu aset diperolehi dalam suatu urus niaga bukan pertukaran di mana balasannya adalah tiada atau pada nilai nominal, aset tersebut pada awalnya akan diukur pada nilai saksama.

Kerja dalam kemajuan terdiri daripada kerja-kerja yang melibatkan harta dan peralatan yang belum disiapkan sehingga akhir tahun kewangan semasa. Kerja dalam kemajuan dinyatakan pada kos dan tidak disusut nilai sehingga aset sedia untuk digunakan.

Berikutnya hartanah, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai.

Kos seterusnya dimasukkan ke dalam amaun bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir kepada Suruhanjaya dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti. Amaun bawaan bahagian yang diganti tidak lagi diiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi dalam tahun kewangan berkaitan.

###### Susut Nilai

Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai kerana ianya mempunyai usia yang tidak terhad. Tanah pajakan dilunaskan pada ukuran yang sama sepanjang tempoh pajakan masing-masing. Hartanah, kelengkapan dan peralatan lain disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk memperuntukkan kos kepada nilai bakinya sepanjang anggaran usia guna yang diringkaskan seperti berikut:

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

##### 3.6. Hartanah, Kelengkapan dan Peralatan (sambungan)

Kategori Hartanah, Kelengkapan dan Peralatan	Anggaran Usia Guna
Tanah Pajakan	Baki tempoh pajakan
Bangunan	50 tahun
Peralatan Bangunan	5 tahun
Peralatan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan	5 tahun
Perkakasan dan Perisian Komputer	3 – 5 tahun
Kenderaan Bermotor	5 tahun
Ubah Suai	3 – 5 tahun

Nilai sisa dan usia guna aset adalah dikaji semula dan diselaraskan secara prospektif, jika bersesuaian, pada akhir setiap tempoh pelaporan.

##### Kemerosotan

Pada akhir tempoh pelaporan, Suruhanjaya menilai sama ada terdapat sebarang tanda penjejasan. Jika tanda-tanda sedemikian wujud, analisis dilakukan untuk menilai sama ada amaun bawaan aset boleh diperolehi semula sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat jika amaun bawaan melebihi amaun boleh pulih.

##### Penyahiktirafan

Suruhanjaya menyahiktirafkan item-item hartanah, kelengkapan dan peralatan dan/atau mana-mana bahagian signifikan suatu aset sekiranya berlaku pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan yang dijangka akan diperolehi daripada penggunaannya yang berterusan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang terbit daripada penyahiktirafan aset itu (dikira berdasarkan perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan amaun yang dibawa oleh aset tersebut) adalah dimasukkan dalam lebihan atau defisit apabila aset tersebut dinyahiktirafkan.

Dalam peralihan Suruhanjaya ke MPSAS berasaskan akruan, Suruhanjaya menggunakan pengecualian peralihan untuk tidak mengasingkan kos aset tak ketara secara berasingan dari Hartanah, Kelengkapan dan Peralatan. Suruhanjaya akan mengenalpasti dan memisahkan kos aset tak ketara secara berasingan untuk mencapai pemisahan kos yang lebih tepat.

##### 3.7. Hartanah Pelaburan

Pelaburan hartanah termasuk bangunan pejabat dan tanah yang dipegang untuk peningkatan modal, untuk mendapatkan sewa atau kedua-duanya.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

##### **3.7. Hartanah Pelaburan (sambungan)**

Hartanah pelaburan diukur awalnya pada nilai kos, termasuk yuran profesional untuk perkhidmatan guaman, cukai pemindahan harta dan kos transaksi lain. Jumlah bawaan termasuk kos penggantian komponen hartanah pelaburan sedia ada pada masa kos tersebut ditanggung jika kriteria pengiktirafan dipenuhi dan tidak termasuk kos penyelenggaraan harian hartanah pelaburan.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama. Nilai saksama bagi hartanah pelaburan adalah berdasarkan penilaian oleh penilai bebas dan/atau penilai dalaman berdaftar dan mempunyai kelayakan profesional diiktiraf yang bersesuaian dan pengalaman terkini berkaitan lokasi dan kategori hartanah yang dinilai. Keuntungan atau kerugian yang terbit daripada perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan akan diiktiraf dalam lebihan atau defisit dalam tahun kewangan di mana ianya berlaku.

Jika Suruhanjaya menetapkan bahawa nilai saksama hartanah pelaburan dalam pembinaan tidak boleh ditentukan dengan pasti tetapi menjangka nilai saksama hartanah boleh ditentukan dengan pasti apabila pembinaan siap, Suruhanjaya hendaklah mengukur hartanah pelaburan dalam pembinaan pada kos sehingga sama ada nilai saksamanya boleh ditentukan dengan pasti atau pembinaan siap sepenuhnya (yang mana terdahulu). Apabila Suruhanjaya boleh mengukur dengan pasti nilai saksama hartanah pelaburan dalam pembinaan yang mana sebelumnya telah diukur pada nilai kos, Suruhanjaya hendaklah mengukur hartanah itu pada nilai saksamanya.

Perbelanjaan berikutnya adalah dipermodalkan kepada amaun yang dibawa oleh aset berkenaan hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan dengan perbelanjaan tersebut akan mengalir kepada Suruhanjaya dan kos bagi item berkenaan boleh diukur dengan pasti. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan lain adalah dibelanjakan apabila ianya berlaku. Apabila sebahagian daripada hartanah pelaburan diganti, amaun yang dibawa bagi bahagian yang diganti akan dinyahiktirafkan.

Hartanah pelaburan adalah dinyahiktirafkan sama ada apabila ia telah dilupuskan atau apabila hartanah pelaburan itu tidak digunakan secara kekal dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan yang dijangkakan daripada pelupusannya.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan hasil pelupusan bersih dengan jumlah dibawa dan dimasukkan dalam lebihan atau defisit.

Hartanah pelaburan akan dikelaskan semula sebagai hartanah dan peralatan apabila kegunaan hartanah berubah daripada hartanah pelaburan kepada yang diduduki oleh pemilik. Nilai saksamanya pada tarikh pengkelasan semula itu akan menjadi kos untuk tujuan perakaunan berikutnya.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

##### **3.8. Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan**

Aset tidak ketara tidak sedia untuk digunakan, tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun untuk kemerosotan nilai. Aset yang tertakluk kepada pelunasan disemak untuk rosot nilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa jumlah bawaan mungkin tidak boleh diperolehi semula. Kerugian rosot nilai diiktiraf bagi jumlah amaun bawaan aset melebihi jumlah boleh pulihnya. Jumlah yang boleh diperolehi semula ialah nilai saksama aset yang lebih tinggi antara nilai saksama selepas ditolak kos pelupusan dan nilai penggunaan.

Dalam mengukur nilai penggunaan, Suruhanjaya akan menggunakan sama ada pendekatan kos penggantian susut nilai atau nilai saksama ditolak kos jualan. Di bawah pendekatan kos penggantian susut nilai, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian susut nilai bagi aset tersebut. Kos penggantian susut nilai diukur sebagai kos pengeluaran semula atau penggantian aset yang mana lebih rendah, ditolak susut nilai terkumpul yang dikira berdasarkan kos tersebut untuk menggambarkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau tamat tempoh.

Dalam menentukan nilai saksama di tolak dengan kos jualan, harga aset dalam perjanjian yang mengikat dalam urus niaga biasa, diselaraskan untuk kos tambahan yang akan dikaitkan secara langsung dengan pelupusan aset yang digunakan. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset itu didagangkan di pasaran aktif, nilai saksama ditolak kos untuk dijual ialah harga pasaran aset ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jualan yang mengikat atau pasaran aktif untuk aset, Suruhanjaya menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat terbaik yang tersedia.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Suruhanjaya menganggarkan amaun perkhidmatan boleh pulih aset tersebut.

Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelum ini diterbalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan amaun perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf.

Pembalikan adalah terhad supaya amaun bawaan aset tidak melebihi amaun perkhidmatan boleh pulihnya, atau melebihi amaun bawaan yang sepatutnya ditentukan, bersih susut nilai, sekiranya tiada kerugian rosot nilai diiktiraf bagi aset pada tahun-tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

##### **3.9. Percukaian**

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun tersebut terdiri daripada cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa ialah amaun jangkaan cukai pendapatan yang perlu dibayar berkenaan dengan lebihan bercukai bagi tahun tersebut dan diukur pada kadar cukai yang terpakai pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan, menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan jumlah dibawanya dalam penyata kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, setakat yang berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan tersedia di mana perbezaan sementara boleh ditolak boleh digunakan. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang terpakai pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Dalam peralihan kepada MPSAS, Suruhanjaya menggunakan pengecualian sementara untuk tidak memasukkan cukai tertunda dalam penyata kewangan. Ini membolehkan pengiktirafan dan penyataan cukai tertunda yang tepat apabila peralihan ke MPSAS diselesaikan.

##### **3.10. Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif semasa akibat daripada peristiwa lalu, ia berkemungkinan suatu aliran keluar sumber yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu dan suatu anggaran yang dipercayai boleh dibuat.

Di mana Suruhanjaya menjangkakan peruntukan akan dibayar balik oleh pihak lain, pembayaran balik itu adalah diiktiraf sebagai aset yang berasingan hanya apabila pembayaran semula tersebut adalah hampir pasti. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan.

Perbelanjaan yang berkait dengan mana-mana peruntukan adalah ditunjukkan dalam penyata prestasi kewangan setelah mengambil kira apa-apa pembayaran balik yang dilakukan.

##### **3.11. Manfaat Pekerja**

###### **(i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek**

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bonus dan manfaat bukan kewangan dijangka akan diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh 12 bulan selepas akhir tempoh di mana pekerja memberi perkhidmatan yang berkaitan adalah diiktiraf berkenaan dengan perkhidmatan pekerja sehingga akhir tempoh pelaporan dan diukur pada amaun yang dijangka akan dibayar apabila liabiliti berkenaan diselesaikan.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

##### **3.11. Manfaat Pekerja (sambungan)**

###### (ii) Pelan Caruman Tetap

Suruhanjaya membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) yang berada dalam skim berpencen Kerajaan dan Suruhanjaya tidak mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar lebih caruman jika dana tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat pekerja yang berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tempoh semasa dan sebelumnya. Caruman Suruhanjaya kepada pelan caruman tetap dicaj kepada lebihan atau defisit bagi tempoh berkaitan. Caruman prabayar diiktiraf sebagai aset setakat mana pembayaran balik tunai atau pengurangan dalam pembayaran masa hadapan wujud.

###### (iii) Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Manfaat pekerja jangka panjang adalah seperti berikut:

- (a) Ganjaran cuti rehat untuk pekerja Suruhanjaya di bawah Skim Pencen Kerajaan (GPS),
- (b) Ganjaran cuti rehat untuk pekerja Suruhanjaya di bawah Skim Saraan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSSSM); dan
- (c) Saguhati tamat perkhidmatan bagi pekerja Suruhanjaya selepas tamat perkhidmatan.

###### Gantian Cuti Rehat

Liabiliti untuk cuti yang tidak digunakan dan dibawa ke hadapan dijangka tidak akan diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh 12 bulan selepas tamat tempoh di mana pekerja memberikan perkhidmatan berkaitan. Oleh itu, ia diukur sebagai nilai semasa bagi jangkaan bayaran masa depan yang akan dibuat berkenaan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh pekerja sehingga akhir tempoh pelaporan menggunakan kaedah kredit unit yang diunjurkan.

Pertimbangan diberikan kepada tahap gaji dan upah yang dijangkakan pada masa hadapan, pengalaman pelepasan pekerja dan tempoh perkhidmatan. Jangkaan pembayaran masa depan didiskaun menggunakan hasil pasaran pada akhir tempoh pelaporan bon kerajaan dengan terma dan mata wang yang sepadan, sehampir mungkin, anggaran aliran keluar tunai masa hadapan. Pengukuran semula hasil daripada pelarasan pengalaman dan perubahan dalam andaian aktuari diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

##### **3.11. Manfaat Pekerja (sambungan)**

###### Saguhati Tamat Perkhidmatan

Kelayakan untuk faedah ini biasanya bersyarat kepada pekerja yang masih berkhidmat sehingga umur persaraan dan tamat tempoh perkhidmatan minimum. Kos jangkaan faedah ini diakru sepanjang tempoh penggajian. Keuntungan dan kerugian aktuari yang wujud daripada pelarasan pengalaman dan perubahan dalam andaian aktuari diiktiraf secara terus dalam asset bersih/ekuiti dalam tempoh ia wujud.

##### **3.12. Pajakan**

###### Pajakan Kewangan

Apabila aset dipajakkan di bawah pajakan kewangan, nilai semasa pembayaran pajakan diiktiraf sebagai belum terima. Perbezaan antara belum terima kasar dan nilai semasa belum terima diiktiraf sebagai pendapatan kewangan belum diperoleh. Pendapatan pajakan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan menggunakan kaedah pelaburan bersih untuk menggambarkan kadar pulangan berkala yang tetap.

###### Pajakan Operasi

Apabila aset dipajakkan di bawah pajakan operasi, aset tersebut dimasukkan ke dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan jenis aset tersebut. Pendapatan pajakan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan pada asas garis lurus.

##### **3.13. Pendapatan**

- (i) Pendapatan dari Transaksi Bukan Tukaran

###### Pendapatan Perkhidmatan

Pendapatan perkhidmatan terdiri daripada kutipan fi yang berkaitan dengan pendaftaran syarikat, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad seperti yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 masing-masing. Pendapatan ini diiktiraf ke atas terimaan bayaran bagi perkhidmatan yang diberikan.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

##### **3.13. Pendapatan (sambungan)**

- (i) Pendapatan dari Transaksi Bukan Tukaran (sambungan)

###### Kompaun

Kompaun diiktiraf apabila pembayaran diterima di mana setiap kompaun yang dikeluarkan hanyalah tawaran sebagai ganti kepada proses pendakwaan dengan tempoh pembayaran adalah ditentukan oleh Pendaftar dan pada akhir tempoh yang diberi, maka notis kompaun berkenaan akan tamat tempoh jika ianya tidak dibayar.

Pendapatan perkhidmatan terdiri kompaun yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan akan disusuli dengan tindakan pendakwaan dan/atau tindakan lain yang sesuai selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhadap 2012, Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Walau bagaimanapun, denda yang diperolehi daripada keputusan Mahkamah hasil daripada tindakan pendakwaan adalah merupakan hasil Kerajaan dan bukannya Suruhanjaya.

###### Geran Kerajaan

Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran dengan Kerajaan Persekutuan diukur pada nilai saksama dan diiktiraf apabila memperoleh kawalan ke atas aset (tunai) yang bebas daripada syarat dan berkemungkinan manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan aset akan mengalir kepada Suruhanjaya dan boleh diukur dengan pasti.

Dalam peralihan kepada MPSAS, Suruhanjaya menggunakan pengecualian sementara untuk tidak mengiktiraf pendapatan secara akrual daripada transaksi bukan pertukaran, termasuk pendapatan perkhidmatan dan terimaan kompaun.

- (ii) Pendapatan dari Transaksi Tukaran

###### Program Latihan Korporat

Pendapatan daripada Program Latihan Korporat diiktiraf apabila program selesai dilaksanakan.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

##### **3.13. Pendapatan (sambungan)**

(ii) Pendapatan dari Transaksi Tukaran (sambungan)

###### Bekalan Maklumat Korporat

Pendapatan daripada bekalan maklumat korporat seperti yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 masing-masing.

###### Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diakru menggunakan kaedah hasil efektif. Hasil efektif ini mendiskaunkan anggaran terimaan tunai masa hadapan menerusi jangkaan usia bagi aset kewangan sehingga kepada amaun yang dibawa bersih oleh aset terbabit. Kaedah ini diaplikasikan kepada baki prinsipal untuk menentukan pendapatan faedah bagi setiap tempoh.

###### Dividen

Dividen atau agihan yang setaranya diiktiraf apabila hak Suruhanjaya untuk menerima bayaran tersebut ditentukan.

###### Pendapatan Sewa

Pendapatan sewa daripada pajakan operasi ke atas hartanah diambil kira pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan dan diambil kira sebagai hasil.

#### **4. DASAR PERAKAUNAN, PERUBAHAN DALAM ANGGARAN PERAKAUNAN DAN KESILAPAN**

Suruhanjaya mengguna pakai MPSAS 3 dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan. MPSAS 3 menggariskan bahawa dasar perakaunan perlu dikekalkan secara konsisten dari satu tempoh ke tempoh yang lain kecuali jika terdapat perubahan yang dikehendaki oleh piawaian perakaunan lain atau perubahan tersebut menghasilkan penyampaian penyata kewangan yang lebih relevan dan boleh dipercayai mengenai kesan transaksi, peristiwa dan keadaan ke atas kedudukan kewangan, prestasi kewangan, atau aliran tunai entiti.

Perubahan dalam anggaran perakaunan diiktiraf secara prospektif dengan memasukkannya dalam keuntungan atau kerugian.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **4. DASAR PERAKAUNAN, PERUBAHAN DALAM ANGGARAN PERAKAUNAN DAN KESILAPAN (sambungan)**

Kesilapan material tempoh lalu diperbetulkan secara retrospektif di dalam penyata kewangan pertama yang dibentangkan selepas penemuan kesilapan.

#### **5. PERTIMBANGAN, ANGGARAN DAN ANDAIAN YANG SIGNIFIKAN**

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penggunaan polisi dan jumlah pada aset dan liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak, jika semakan hanya mempengaruhi tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan masa hadapan jika semakan menjejaskan kedua-dua tempoh semasa dan masa hadapan.

(i) Obligasi Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Suruhanjaya mempunyai obligasi manfaat pekerja jangka panjang untuk pekerjaanya dengan pengukur nilai semasa adalah berdasarkan pada bilangan anggaran dan faktor seperti yang didedahkan pada Nota Peruntukan Manfaat Pekerja. Setiap perubahan dalam andaian akan mempunyai implikasi pada jumlah bawaan obligasi manfaat pekerja jangka panjang.

(ii) Susut Nilai

Kos hartanah, kelengkapan dan peralatan disusut nilaikan pada asas garis lurus. Anggaran akan digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai baki. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi harta dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh menjejaskan keuntungan atau kerugian apabila aset dijual atau dilupuskan.

#### **6. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI**

	<b>31-Dis-24 RM</b>	<b>31-Dis-23 RM</b>
Tunai di tangan dan apungan	105,000	105,000
Baki bank	49,606,219	108,217,744
Deposit jangka pendek dengan bank berlesen dan institusi kewangan	80,000,000	75,000,000
	<b>129,711,219</b>	<b>183,322,744</b>

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 6. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (sambungan)

Tunai di bank memperolehi faedah pada kadar apungan berdasarkan kadar deposit bank harian.

[a] Tempoh deposit jangka pendek di bawah tunai dan kesetaraan tunai ini mempunyai tempoh matang yang singkat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh peletakan dan menerima faedah pada kadar deposit jangka pendek masing-masing.

#### 7. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
Komoditi Murabahah	705,000,000	615,000,000

Suruhanjaya telah membeli Deposit Komoditi Murabahah melalui beberapa institusi kewangan berlesen. Kadar keuntungan efektif yang diterima oleh Suruhanjaya bagi sekuriti ini adalah antara 3.20% hingga 4.20% setahun (2023: 4.02% hingga 4.25% setahun) dengan tempoh matang sehingga 12 bulan (2023: 12 bulan).

#### 8. PELABURAN KEWANGAN

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
<b>Diukur pada Kos Terlunas:</b>		
Sukuk	255,057,713	235,109,964
Sekuriti Hutang	19,982,054	19,975,120
Akaun Amanah Institusi	265,875,874	256,620,105
Unit Amanah [a]	31,455,530	-
	<b>572,371,171</b>	<b>511,705,189</b>
<b>Diukur pada Nilai Saksama:</b>		
Mandat Langsung [a]	55,389,793	52,867,043
	<b>627,760,964</b>	<b>564,572,232</b>
<b>Aset Bukan Semasa</b>		
Melebihi tempoh 12 bulan	442,008,415	554,555,092
<b>Aset Semasa</b>		
Dalam tempoh 12 bulan	185,752,549	10,017,140
	<b>627,760,964</b>	<b>564,572,232</b>

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 8. PELABURAN KEWANGAN (sambungan)

[a] Suruhanjaya telah melantik Amanahraya Investment Management (ARIM) sebagai pengurus dana untuk pelaburan Mandat Langsung pada tahun kewangan 2022 dan pelaburan Unit Amanah pada tahun kewangan 2024, masing-masing untuk tempoh tiga (3) tahun.

#### 9. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
Perkhidmatan dan kompaun	1,194,876	4,137,472

Amaun belum terima dari urusanniaga bukan pertukaran merujuk kepada perkhidmatan dan kompaun yang telah dibekalkan oleh Suruhanjaya dan telah dibayar oleh pelanggan tetapi pembayaran tersebut masih belum diserahkan oleh ejen atau penyedia gerbang bayaran yang dilantik.

Pada tahun 2024, baki negatif dalam akaun penghutang bagi ejen kutipan yang berjumlah RM645,974 telah dikelaskan semula sebagai liabiliti di bawah akaun pemiutang kerana ia mewakili rekod lebihan bayaran. Jumlah keseluruhan akaun penghutang bagi urusanniaga bukan pertukaran berjumlah RM1,840,850.

	31-Dis-24 RM
<b>Pada 31 Disember 2024</b>	<b>1,194,876</b>
Tolak:	
Penghutang berbaki negatif	(645,974)
<b>JUMLAH</b>	<b>1,840,850</b>

Jumlah yang dikelaskan semula sebagai liabiliti di bawah akaun pemiutang bagi penghutang berbaki negatif adalah merujuk kepada Nota 14 – Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar.

#### 10. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
Bekalan Maklumat Korporat	7,475,734	9,504,079
Program Latihan Korporat	36,835	13,040
[a]	<b>7,512,569</b>	<b>9,517,119</b>

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 10. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA (sambungan)

Belum terima dari urus niaga pertukaran lain adalah seperti berikut:

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
Deposit dan prabayar	5,351,867	8,666,692
Pendahuluan pekerja	77,387	29,144
Belum terima lain	226,095	230,778
Aset cukai [b]	18,445,028	13,817,430
Nilai saksama pembiayaan pekerja	5,744,694	5,479,779
Pelaburan belum terima	14,109,791	13,577,491
	<b>43,954,862</b>	<b>41,801,314</b>
	<b>51,467,431</b>	<b>51,318,433</b>
Tolak:		
Peruntukan rosot nilai	(2,279,192)	(2,264,625)
<b>JUMLAH</b>	<b>49,188,239</b>	<b>49,053,808</b>

[a] Amaun belum terima dari urusniaga bukan pertukaran adalah pembekalan maklumat korporat dan fi daripada program latihan korporat. Tempoh kredit yang diberikan kepada penghutang perdagangan adalah 30 hari dari tarikh invoice dikeluarkan atau seperti yang dinyatakan dalam perjanjian berkaitan. Bagi amaun belum terima yang melebihi tempoh kredit, ia melibatkan persetujuan pihak-pihak berkaitan.

[b] Cukai Barang dan Perkhidmatan yang boleh dituntut ialah amaun cukai input yang melebihi jumlah cukai output berjumlah RM2,187,836, manakala aset cukai berjumlah RM16.26 juta (2023: RM11.63 juta) ialah amaun yang dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk anggaran cukai yang perlu dibayar oleh Suruhanjaya seperti yang dinyatakan dalam CP204.

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 11. PEMBIAYAAN PEKERJA

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
<b>Aset Semasa:</b>		
Pembiayaan rumah	3,014,624	3,390,009
Pembiayaan kenderaan	1,773,097	1,802,833
Pembiayaan komputer	72,639	68,268
	<b>4,860,360</b>	<b>5,261,110</b>
<b>Aset Bukan Semasa:</b>		
Pembiayaan rumah	25,920,512	29,148,120
Pembiayaan kenderaan	5,273,489	5,361,937
Pembiayaan komputer	84,887	79,780
	<b>31,278,888</b>	<b>34,589,837</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>36,139,248</b>	<b>39,850,947</b>

Pembiayaan secara Islamik kepada pekerja Suruhanjaya merangkumi pembiayaan perumahan, kenderaan dan komputer dengan tempoh bayaran balik maksima masing-masing sehingga 30 tahun, sembilan (9) tahun, dan empat (4) tahun. Kadar keuntungan pembiayaan perumahan adalah 2.0% setahun (2023: 2.0% setahun), manakala pembiayaan kenderaan bermotor dan komputer adalah 4.0% setahun (2023: 4.0% setahun).

Baki pembiayaan pekerja dikenal pasti pada nilai saksama yang dikira berdasarkan aliran tunai masa depan yang didiskaun menggunakan kadar faedah berkesan antara 4.70% hingga 8.38% (2023: 4.70% hingga 8.38%). Perbezaan antara nilai saksama dan amaun bawaan dianggap sebagai perbelanjaan dalam lebihan atau defisit.

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 12. HARTANAH, KELENGKAPAN DAN PERALATAN

	Tanah Pajakan		Bangunan		Peralatan Pajakan		Peralatan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan		Perkakasan dan Perisian Komputer		Kenderaan Bermotor		Ubah Suai		Kerja Dalam Kemajuan		JUMLAH
	[a]	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
<b>Kos</b>																	
Pada 01 Januari 2024	8,000,000	176,149,776	16,650,580	22,628,139	84,589,728	1,359,623	36,070,696	15,325,584									360,774,126
Tambahan	-	-	295,780	1,716,530	28,090	-	325,562	19,940,772									22,306,734
Pelupusan	-	-	-	(396,963)	(754,902)	-	(19,932)	-									(1,171,797)
Pelarasan	-	-	-	64,927	-	-	(39,767)	-									25,160
Pada 31 Disember 2024	8,000,000	176,149,776	16,946,360	24,012,633	83,862,916	1,359,623	36,336,559	35,266,356									381,934,223
<b>Susut Nilai Berkumpul</b>																	
Pada 01 Januari 2024	645,065	40,850,259	16,650,569	19,086,135	84,274,948	1,343,528	33,326,000	-									196,176,504
Susut Nilai	93,421	3,522,995	44,367	1,580,244	1,560	2,770	1,167,694	-									6,413,051
Pelupusan	-	-	-	(396,774)	(754,879)	-	(19,904)	-									(1,171,557)
Pelarasan	-	-	-	3,847	314,385	7,779	(78,734)	-									247,277
Pada 31 Disember 2024	738,486	44,373,254	16,694,936	20,273,452	83,836,014	1,354,077	34,395,056	-									201,665,275

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

| PENYATA KEWANGAN |  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

### 12. HARTANAH, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (sambungan)

	Tanah Pajakan		Bangunan		Peralatan Bangunan		Peralatan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan		Perkakasan dan Perisian Komputer		Kenderaan Bermotor		Ubah Suai		Kerja Dalam Kemajuan		JUMLAH	
	[a]	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM		RM
<b>Rosot Nilai Berkumpul</b>																		
Pada 01 Januari 2024	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	8,589,930
Rosot Nilai bagi tahun	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2024	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	8,589,930
<b>Jumlah Dibawa Bersih</b>																		
Pada 31 Disember 2024	7,261,514	131,776,522	251,424	3,739,181	26,902	5,546	1,941,503	26,676,426	8,589,930	171,679,018								

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

| PENYATA KEWANGAN |  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

### 12. HARTANAH, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (sambungan)

	[a]		[b]				[c]		Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM		
<b>Kos</b>									
Pada 01 Januari 2023	8,000,000	176,149,776	16,650,580	22,632,758	85,429,802	1,359,623	36,073,546	8,904,872	355,200,957
Tambahan	-	-	-	974,297	-	-	-	6,420,712	7,395,009
Pelupusan	-	-	-	(978,916)	(840,074)	-	(2,850)	-	(1,821,840)
Pindahan dari hartanah pelaburan	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2023	8,000,000	176,149,776	16,650,580	22,628,139	84,589,728	1,359,623	36,070,696	15,325,584	360,774,126
<b>Susut Nilai Terkumpul</b>									
Pada 01 Januari 2023	526,644	37,352,264	16,650,569	18,552,893	85,114,916	1,327,002	32,213,403	-	191,737,691
Susut Nilai	93,421	3,522,995	-	1,511,718	-	16,526	1,115,446	-	6,260,106
Pelupusan	-	-	-	(978,476)	(839,968)	-	(2,849)	-	(1,821,293)
Pada 31 Disember 2023	620,065	40,875,259	16,650,569	19,086,135	84,274,948	1,343,528	33,326,000	-	196,176,504

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

| PENYATA KEWANGAN |  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

### 12. HARTANAH, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (sambungan)

	Tanah Pajakan		Bangunan		Peralatan Bangunan		Peralatan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan		Perkakasan dan Perisian Komputer		Kenderaan Bermotor		Ubah Suai		Kerja Dalam Kemajuan		JUMLAH
	[a]	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
<b>Kos</b>																	
Pada 01 Januari 2023	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	8,589,930	8,589,930
Rosot Nilai bagi tahun	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2023	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	8,589,930	8,589,930
<b>Jumlah Dibawa Bersih</b>																	
Pada 31 Disember 2023	7,379,935	135,274,517	11	3,542,004	314,780	16,095	2,744,696	6,735,654	156,007,692								

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 12. HARTANAH, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (sambungan)

- a. Suruhanjaya memiliki tanah pajakan seperti berikut:
- (i) Menara SSM Perak terletak di atas tanah pajakan selama 99 tahun, bermula dari tahun 2013 hingga 2112, dengan baki tempoh pajakan selama 88 tahun (2023: 89 tahun).
  - (ii) Menara SSM Sarawak terletak di atas tanah pajakan selama 60 tahun, bermula dari tahun 2017 hingga 2077, dengan baki tempoh pajakan selama 53 tahun (2023: 54 tahun).
- b. Dalam penyata kewangan, Suruhanjaya menyedari perlunya mengklasifikasikan perisian komputer sebagai aset tidak ketara mengikut MPSAS 31. Namun, pada masa ini, Suruhanjaya masih memasukkan perisian komputer di bawah kategori Hartanah, Kelengkapan dan Peralatan dengan menggunakan prinsip manfaat peralihan. Ini bermaksud, perisian tersebut tidak dipisahkan dari kos perkakasan lain yang dibeli bersama-sama.
- c. Suruhanjaya telah mengiktiraf nilai kerja dalam proses yang berkaitan dengan projek-projek yang sedang berjalan. Nilai yang dinyatakan mewakili kos yang dikeluarkan dan kemajuan yang dicapai dalam projek-projek tersebut pada tarikh penyata kewangan.

Selari dengan pernyataan nota 12[b], Suruhanjaya memanfaatkan pengecualian peralihan untuk tidak mengasingkan kos aset tidak ketara secara berasingan dari Hartanah, Kelengkapan dan Peralatan, termasuk dalam projek-projek seperti Pembangunan dan Pemasangan Infrastruktur serta Peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang masih dalam kemajuan. Suruhanjaya akan mengenal pasti dan memisahkan kos aset tidak ketara secara berasingan untuk mencapai pemisahan kos yang lebih tepat.

Kerja dalam kemajuan merujuk kepada projek-projek yang sedang berjalan seperti berikut:

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
Bangunan dan ubah suai pejabat dalam kemajuan	76,000	1,371,441
Teknologi maklumat dan komunikasi dalam kemajuan	26,101,426	5,364,213
Pembangunan peralatan	499,000	-
	<b>26,676,426</b>	<b>6,735,654</b>

- (i) Bangunan dan Ubah Suai Pejabat

Dalam tahun semasa, Suruhanjaya terlibat dalam projek-projek berkaitan pengubahsuaian untuk meningkatkan kemudahan pejabat dan infrastruktur. Kerja dalam kemajuan berjumlah RM76,000 (2023: RM1,371,441), adalah tambahan nilai projek dalam tahun kewangan semasa.

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 12. HARTANAH, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (sambungan)

(ii) Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Tambahan kerja dalam kemajuan berjumlah RM26,101,426 (2023: RM5,364,213) diperolehi daripada projek teknologi maklumat dan komunikasi yang sedia ada dan baru ditawarkan dan masih dalam proses pembangunan pada tahun kewangan semasa.

Pada tahun 2020, Suruhanjaya mengiktiraf kerugian penurunan nilai untuk projek Enterprise Resource Planning (ERP) yang dikategorikan sebagai kerja dalam kemajuan disebabkan isu undang-undang yang sedang berlangsung. Pada tahun 2023, Suruhanjaya mencapai keputusan yang menguntungkan dalam litigasi tersebut. Walau bagaimanapun, pihak plaintif telah merayu keputusan tersebut, mencipta ketidakpastian berterusan. Kerugian yang diiktiraf pada tahun 2020 mencerminkan risiko yang berkaitan dengan litigasi pada masa itu.

(iii) Pembangunan Peralatan

Dalam tahun semasa, Suruhanjaya telah membeli casis bas untuk kemudahan kelancaran operasi kaunter bergerak dan pemasaran produk. Kerja dalam kemajuan berjumlah RM499,000 (2023: RM0) adalah jumlah nilai projek dalam tahun kewangan semasa.

Pada tahun kewangan semasa, Suruhanjaya juga telah memberikan kontrak baharu seperti yang dinyatakan dalam Nota 26 - Komitmen Modal.

#### 13. HARTANAH PELABURAN

Sebahagian daripada bangunan yang dimiliki Suruhanjaya adalah bertujuan untuk mendapatkan sewa atau untuk peningkatan modal, atau kedua-duanya telah diiktiraf sebagai hartanah pelaburan. Nilai saksama hartanah pelaburan ditentukan dengan merujuk kepada perbandingan harga pasaran hartanah yang setanding dengan harga pasaran terkini.

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
<b>Kos:</b>		
Pada 01 Januari / 31 Disember	44,435,540	44,435,540

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 13. HARTANAH PELABURAN (sambungan)

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
<b>Perubahan nilai saksama:</b>		
Pada 01 Januari	530,000	(105,000)
Perubahan nilai saksama dalam tahun [a]	250,000	635,000
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>780,000</b>	<b>530,000</b>
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>45,215,540</b>	<b>44,965,540</b>

- a. Pada akhir tahun 2024, nilai saksama Menara SSM Sarawak kekal sama seperti pada tahun 2023, berdasarkan penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Sementara itu, nilai saksama Menara SSM Perak adalah RM78,300,000 juga berdasarkan penilaian JPPH, yang memerlukan pengasingan untuk mengukur nilai saksama hartanah pelaburan di mana perubahan diiktiraf sebagai lebihan atau defisit.

#### 14. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
Belum bayar dan akruan	12,688,879	11,327,744
Kos pekerja dan statutori belum bayar	26,495,103	50,587,009
Lejar amanah	10,270,490	7,419,805
Pemiutang lain [a]	8,846,894	8,010,782
	<b>58,301,366</b>	<b>77,345,340</b>

- a. Pelepasan jaminan bank berjumlah RM1,776,508 bagi kes litigasi projek *Enterprise Resource Planning* (ERP) diterima oleh Suruhanjaya pada April 2021 (Nota 24 [b]) direkod di bawah pemiutang lain.

Termasuk di bawah urus niaga pertukaran belum bayar bagi pemiutang lain adalah amaun berjumlah RM4.09 juta (2023: RM3.46 juta). Ia berikutan Suruhanjaya dalam tahun kewangan 2023 telah menetapkan garis panduan baharu berkaitan status permohonan pendaftaran perniagaan baharu di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Permohonan bagi tempoh 2016-2022 (RM2.86 juta) yang sebelumnya berstatus kueri dan telah bertukar status kepada ditolak. Amaun bayaran yang diterima telah diputuskan untuk diserahkan kepada Wang Tidak Dituntut. Manakala, permohonan bagi tempoh 2023-2024 (RM1.23 juta) yang sebelumnya berstatus kueri kini telah diputuskan untuk ditolak dan amaun bayaran yang telah diterima akan dikembalikan kepada pemohon mengakibatkan pembatalan pengiktirafan pendapatan.

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 14. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR (sambungan)

Impak ke atas penyata kewangan 2024 dilaksanakan secara prospektif mengikut keperluan perubahan tersebut.

Berdasarkan Nota 9 - Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima, baki negatif dalam akaun penghutang bagi ejen kutipan yang berjumlah RM645,974 telah dikelaskan semula sebagai liabiliti di bawah akaun pemiutang kerana ia mewakili rekod lebihan bayaran. Jumlah keseluruhan pertukaran belum bayar berjumlah RM58,301,366.

<b>Pada 31 Disember 2024</b>	<b>58,301,366</b>
Tambah:	
Penghutang berbaki negatif	645,974
<b>JUMLAH</b>	<b>58,947,340</b>

#### 15. KUMPULAN WANG DISATUKAN PERSEKUTUAN (KWDP)

	<b>31-Dis-24 RM</b>	<b>31-Dis-23 RM</b>
<b>Pada 01 Januari</b>	<b>79,098,518</b>	<b>54,234,055</b>
Peruntukan KWDP [a]	65,528,383	24,848,788
Pelarasan ke atas peruntukan bagi tahun terdahulu	-	15,675
Bayaran dalam tahun semasa [b]	(79,098,518)	-
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>65,528,383</b>	<b>79,098,518</b>

Seksyen 35(1) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614) memperuntukan bahawa Suruhanjaya membayar 30% dari lebihan tahunan semasa kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

- Peruntukan KWDP semasa dalam tahun ini turut mengambil kira perubahan dalam kaedah pengiraan manfaat pekerja jangka panjang, yang kini menggunakan kaedah kredit unit yang diunjurkan.
- Pembayaran peruntukan KWDP tahun kewangan 2022 dan 2023 berjumlah RM54,838,051 dan RM24,260,467 masing-masing dibuat oleh Suruhanjaya dalam tahun 2024.

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 16. CUKAI DAN ZAKAT

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
<b>Pada 01 Januari</b>	<b>26,700,000</b>	<b>23,900,000</b>
Peruntukan tahun semasa:		
Cukai	13,800,000	11,400,000
(Lebihan)/ Defisit peruntukan bagi tahun terdahulu	(4,112,901)	429,944
Zakat	15,900,000	15,300,000
	25,587,099	27,129,944
Bayaran dalam tahun semasa dan pelarasan ke atas CP204:		
Cukai	(7,287,099)	(9,129,944)
Zakat	(15,300,000)	(15,200,000)
	(22,587,099)	(24,329,944)
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>29,700,000</b>	<b>26,700,000</b>

Di dalam pengiraan peruntukan zakat, Suruhanjaya mengguna pakai kaedah Modal Kerja (Syar'iyah), iaitu mengambil kira kedudukan harta semasa ditolak dengan tanggungan semasa dan dibuat pelarasan beberapa perkara yang berkaitan dengan zakat yang perlu diambil kira.

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
<b>Lebihan Sebelum Cukai dan Zakat</b>	<b>152,899,559</b>	<b>57,964,831</b>
Cukai pada kadar yang dikenakan:		
Pendapatan dikecualikan cukai	(493,235,985)	(466,874,541)
Perbelanjaan tidak dibenarkan	400,909,563	464,191,822
Zakat	(3,073,132)	(7,782,108)

Penyelarasan antara perbelanjaan cukai pendapatan dan keuntungan perakaunan, dikira pada kadar cukai yang berkenaan sebanyak 24% (2023: 24%), adalah seperti berikut:

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
<b>Lebihan Sebelum Cukai dan Zakat</b>	<b>36,695,895</b>	<b>13,911,559</b>
Cukai pada kadar yang dikenakan:		
Pendapatan dikecualikan cukai	(118,376,637)	(112,049,890)
Perbelanjaan tidak dibenarkan	96,218,294	111,406,037
Zakat	(737,552)	(1,867,706)
<b>Cukai pada kadar yang dikenakan</b>	<b>13,800,000</b>	<b>11,400,000</b>

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 17. PERUNTUKAN MANFAAT PEKERJA

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>77,428,071</b>	<b>66,147,753</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>		
Saguhati Tamat Perkhidmatan	65,236,884	57,857,854
Ganjaran Tunai Gantian Cuti Rehat	9,116,760	6,288,313
	<b>74,353,644</b>	<b>64,146,167</b>
<b>Liabiliti Semasa</b>		
Saguhati Tamat Perkhidmatan	2,726,532	1,760,134
Ganjaran Tunai Gantian Cuti Rehat	347,895	241,452
	<b>3,074,427</b>	<b>2,001,586</b>
	13 pesara	11 pesara

Pergerakan dalam peruntukan manfaat pekerja adalah seperti berikut:

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
<b>Pada 01 Januari</b>	<b>66,147,753</b>	<b>43,288,122</b>
Peruntukan tahun semasa:		
Saguhati Tamat Perkhidmatan	10,370,079	72,211,770
Ganjaran Tunai Gantian Cuti Rehat	4,116,105	7,472,163
	14,486,184	79,683,933
Keuntungan Aktuari:		
Saguhati Tamat Perkhidmatan	-	(51,016,538)
Ganjaran Tunai Gantian Cuti Rehat	-	(3,781,007)
	-	(54,797,545)
Pembayaran dalam Tahun Semasa:		
Saguhati Tamat Perkhidmatan	(2,736,441)	(1,782,127)
Ganjaran Tunai Gantian Cuti Rehat	(469,425)	(244,630)
	(3,205,866)	(2,026,757)
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>77,428,071</b>	<b>66,147,753</b>

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **17. PERUNTUKAN MANFAAT PEKERJA (sambungan)**

Suruhanjaya telah bersetuju dan meluluskan Ganjaran Tunai Suruhanjaya sebagai gantian cuti dan Ganjaran Akhir Perkhidmatan Suruhanjaya kepada pekerja selepas tamat perkhidmatan berkuat kuasa mulai 01 Januari 2016, dan kemudiannya berkuat kuasa pada 01 Januari 2022, Suruhanjaya telah meluluskan pilihan persaraan pilihan bagi pekerja Skim Saraan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSSSM) bermula dari usia 55 berdasarkan syarat dan kelayakan.

Suruhanjaya telah beralih dari kaedah yang dipermudahkan kepada kaedah aktuari di bawah MPSAS 25 untuk mengukur faedah jangka panjang pekerja yang menyebabkan lonjakan ke atas peruntukan manfaat pekerja jangka panjang. Impak ke atas penyata kewangan 2024 dilaksanakan secara prospektif mengikut keperluan perubahan tersebut dan pengukuran ini telah mengambil kira perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Anggaran aktuari termasuk kadar diskaun, kadar kenaikan gaji dan kadar kematian untuk menganggarkan nilai semasa obligasi faedah masa depan.
- (ii) Keuntungan atau kerugian aktuari timbul dari perubahan dalam anggaran ini dan diiktiraf dalam Penyata Perubahan Ekuiti.
- (iii) Penilaian aktuari dijalankan secara berkala untuk menilai semula obligasi ini dan impak mereka terhadap penyata kewangan.

Keuntungan atau kerugian aktuari boleh timbul dari perbezaan antara andaian yang digunakan di bawah kaedah yang dipermudahkan dan andaian yang lebih terperinci yang diperlukan di bawah kaedah aktuari. Ia akan mencerminkan penyesuaian disebabkan oleh perubahan andaian serta diiktiraf dalam Penyata Perubahan Ekuiti. Andaian aktuari yang digunakan dalam pengukuran adalah seperti berikut:

	<b>31-Dis-24 RM</b>	<b>31-Dis-23 RM</b>
Kadar diskaun	4.00%	4.00%
Kadar kenaikan gaji	6.00%	6.00%
Kadar kematian	DG196	DG196

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 18. DANA PEMBIAYAAN PEKERJA

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
Dana pembiayaan	91,000,000	91,000,000

Dana pembiayaan sebanyak RM80.0 juta, RM10.0 juta dan RM1.0 juta untuk dana pembiayaan perumahan, kenderaan bermotor dan komputer masing-masing adalah untuk pekerja Suruhanjaya.

#### 19. PENDAPATAN DARIPADA TRANSAKSI BUKAN PERTUKARAN

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
Pendapatan perkhidmatan	321,162,277	309,534,814
Penalti dan kompaun	70,127,138	62,822,241
	<b>391,289,415</b>	<b>372,357,055</b>

#### 20. PENDAPATAN DARIPADA TRANSAKSI PERTUKARAN

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
Bekalan maklumat korporat	96,569,360	89,475,866
Program latihan korporat	5,377,210	5,041,620
	<b>101,946,570</b>	<b>94,517,486</b>
Pendapatan pelaburan	53,772,819	47,738,599
Pendapatan pembiayaan	771,977	2,898,063
Pendapatan sewaan	3,491,774	3,144,451
Keuntungan daripada pelupusan	2,972	3,362
Kerugian daripada pembiayaan	(40,492)	-
Perubahan nilai saksama untuk hartanah pelaburan dan bangunan	250,000	635,000
Pendapatan lain [a]	2,324,086	1,347,311
	<b>60,573,136</b>	<b>55,766,786</b>
	<b>162,519,706</b>	<b>150,284,272</b>

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 20. PENDAPATAN DARIPADA TRANSAKSI PERTUKARAN (sambungan)

- a. Termasuk di bawah pendapatan lain adalah amaun berjumlah RM1.04 juta yang diterima pada tahun kewangan 2024 daripada Marawak Sdn Bhd (MSB) bagi pembelian semula 52 petak parkir di Menara SSM Sarawak.

Pembelian Menara SSM Sarawak pada tahun 2017 dengan kos RM18.0 juta untuk kegunaan pelbagai telah diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan dan hartanah bangunan. Hasil audit oleh Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM) mendapati 52 petak tempat letak kereta berbumbung bernilai RM1.04 juta masih belum dibina. Sehubungan itu, Suruhanjaya menandatangani perjanjian tambahan dengan MSB pada 08 Disember 2022. MSB bersetuju untuk membina dan menyerahkan 52 petak parkir selewat-lewatnya pada 31 Disember 2031. Sekiranya MSB gagal, MSB perlu membeli semula petak parkir tersebut pada nilai kos.

Pada 22 April 2024, satu perjanjian tambahan kedua telah ditandatangani di mana MSB bersetuju untuk membeli semula 52 petak parkir dengan jumlah RM1.04 juta mengikut cara bayaran dipersetujui. Bayaran awal sebanyak RM0.3 juta telah ditolak melalui Wang Tahanan/ kontra dengan bayaran yang dibayar oleh SSM kepada MSB di bawah perjanjian pada tahun 2017 dan baki RM0.74 juta telah dibayar pada 17 Oktober 2024. Jumlah keseluruhan RM1.04 juta telah diiktiraf sebagai Pendapatan Lain SSM.

#### 21. KOS PEKERJA

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
Gaji, bonus dan elaun	151,255,273	162,399,442
Caruman tetap dan SOCSO	24,200,090	26,621,436
Manfaat pekerja jangka panjang [a]	14,486,184	79,683,934
Faedah perubatan	13,092,303	14,843,384
Subsidi kepada pekerja	454,683	2,326,415
	<b>203,488,533</b>	<b>285,874,611</b>

- a. Pada tahun 2023, peningkatan nilai manfaat pekerja adalah tinggi disebabkan oleh permulaan pemakaian kaedah aktuari di bawah MPSAS 25. Walau bagaimanapun, pada tahun 2024, terdapat penurunan nilai manfaat pekerja dan nilai saksama untuk tempoh semasa berikutan pelarasan aktuari dan perubahan anggaran realistik. Rujuk pada Nota 17.

Jumlah pekerja Suruhanjaya pada 31 Disember 2024 adalah 1,370 termasuk 23 pekerja sambilan (2023: 1,392 termasuk 72 pekerja sambilan).

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 22. KOS PENTADBIRAN

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
Perjalanan dan penginapan	5,445,153	4,970,501
Komunikasi dan utiliti	7,335,221	7,905,241
Sewa dan pajakan	21,694,294	17,924,425
Percetakan, alat tulis dan pengiklanan	3,671,269	4,345,980
Penyelenggaraan hartanah, kelengkapan dan peralatan [a]	56,622,411	80,807,749
Fi profesional	1,718,091	4,192,338
Keraian dan hospitaliti [b]	18,767,134	15,906,786
Kos pentadbiran lain	9,922,538	9,320,740
	<b>125,176,111</b>	<b>145,373,760</b>

- a. Kos penyelenggaraan merangkumi perbelanjaan yang berkaitan dengan ICT dan infrastruktur untuk memastikan keselamatan, kecekapan, dan keberkesanan aset teknologi serta sistem perisian (termasuk sistem pengendalian, aplikasi, dan pangkalan data) yang digunakan dalam operasi harian Suruhanjaya. Pada tahun 2024, kos penyelenggaraan telah berkurangan disebabkan perkhidmatan yang berkaitan dengan pelaksanaan infrastruktur ICT telah selesai dalam tahun 2023.
- b. Suruhanjaya telah meluluskan Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) untuk membantu usahawan Kumpulan B40 dan menggalakkan pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang berminat untuk menjalankan perniagaan untuk mendaftarkan perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 akan dikecualikan daripada dikenakan sebarang bayaran. Skim ini dilaksanakan sehingga peruntukan geran ini habis digunakan.

Jumlah tersebut direkodkan sebagai kos keraian dan hospitaliti:

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
<b>Pada 01 Januari</b>	4,868,040	7,665,780
Pendaftaran perniagaan di bawah SPPP	(3,128,060)	(2,797,740)
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>1,739,980</b>	<b>4,868,040</b>

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 23. PERBELANJAAN LAIN

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
Susut nilai	6,413,051	6,260,106
Pelarasan semula Hartanah, Kelengkapan & Peralatan	222,117	-
Kerugian rosot nilai bersih	14,567	2,258,207
Peruntukan susut nilai pelaburan	15,329	-
Penghapusan hutang lapuk	6,153	-
	<b>6,671,217</b>	<b>8,518,313</b>

Pecahan kerugian rosot nilai bersih bagi aset kewangan adalah seperti berikut:

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
<b>Kerugian rosot nilai bersih</b>		
Kerugian rosot nilai bagi urus niaga pertukaran belum terima	14,567	76,789
Peruntukan rosot nilai bagi Cukai Barang dan Perkhidmatan	-	2,187,836
Penerbalikan kerugian rosot nilai bagi inventori	-	(6,418)
	<b>14,567</b>	<b>2,258,207</b>

#### 24. LITIGASI SIGNIFIKAN

[a] Formis Network Services Sdn Bhd (Plaintif) lawan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Defendan)

Plaintif dalam Writ Saman dan Penyataan Tuntutan bertarikh 11 Februari 2021, telah menuntut kerugian terhadap defendan berjumlah RM128,178,068 yang merangkumi kos kerugian, kerosakan, dan kehilangan hasil. Suruhanjaya selaku defendan telah mengemukakan Pembelaan dan Tuntutan Balas terhadap plaintif berjumlah RM49,298,651 bertarikh 02 April 2021 untuk ganti rugi yang telah ditetapkan, kos, dan perbelanjaan akibat kegagalan FNS untuk menyelesaikan perkhidmatan di bawah Perjanjian tersebut. Pada 28 Disember 2023, Mahkamah Tinggi membenarkan sebahagian permohonan pendedahan dokumen oleh FNS dan Suruhanjaya masing-masing. Tarikh pengurusan kes dibuat pada 04 Jun 2024 di mana kedua-dua pihak bersetuju mengenai dokumen-dokumen yang perlu didedahkan sebagai keterangan semasa perbicaraan kes. Perbicaraan bagi tindakan substantif di Mahkamah Tinggi telah ditetapkan pada 13-16 Mei 2025.

Suruhanjaya menilai dan menjangkakan bahawa kerugian yang timbul daripada litigasi signifikan ini adalah perbelanjaan yang melibatkan fi peguam bela dan peguam cara, pelantikan saksi pakar, serta kos-kos litigasi dan prosiding litigasi.

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 24. LITIGASI SIGNIFIKAN (sambungan)

[b] Liberty Technology Resources Sdn Bhd (Plaintif) lawan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Defendan)

Pada 23 Disember 2019, perjanjian tender Pembangunan Sistem Enterprise Resource Planning (ERP) berjumlah RM35.53 juta telah ditamatkan. Pada 26 November 2020, plaintif telah mengemukakan Writ Saman dan Penyataan Tuntutan, menuntut kerugian sebanyak RM19,872,979 terhadap defendan. Defendan, iaitu Suruhanjaya, telah memberikan Pembelaan dan Tuntutan Balas pada 13 Januari 2021 dengan jumlah tuntutan balas sebanyak RM12,240,109.

Pada 15 Jun 2023, Mahkamah Tinggi Malaysia memutuskan bahawa LTSB dikehendaki membayar Suruhanjaya sebanyak RM14,195,179. Plaintif telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan dan pendengaran yang ditetapkan pada 14 Oktober 2024 telah dijadualkan semula pada 29 September 2025.

Dengan keputusan ini, Suruhanjaya tidak menjangkakan sebarang impak kewangan yang signifikan berbangkit daripada kes ini. Suruhanjaya akan terus memantau sebarang rayuan atau prosiding undang-undang lanjut yang berkaitan dengan perkara ini.

#### 25. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada Anggota yang hendaklah dilantik oleh Menteri seperti berikut:

- (a) Seorang Pengerusi,
- (b) Ketua Pegawai Eksekutif,
- (c) Tidak lebih daripada tiga (3) orang daripada perkhidmatan awam; dan
- (d) Tidak lebih daripada empat (4) orang yang merupakan orang berkelayakan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166] atau orang yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman.

Pampasan pengurusan utama:

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
Anggota Suruhanjaya	1,022,210	2,042,593
Kakitangan pengurusan utama	1,946,589	1,476,099
	<b>2,968,799</b>	<b>3,518,692</b>

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 26. KOMITMEN MODAL

	31-Dis-24 RM	31-Dis-23 RM
Diluluskan dan dikontrak bagi:		
(i) Teknologi maklumat dan komunikasi	46,208,459	68,115,527
(ii) Bangunan dan ubah suai	1,476,000	3,987,094
(iii) Kenderaan bermotor	500,000	499,000
	<b>48,184,459</b>	<b>72,601,621</b>

Dalam tahun kewangan 2023, Suruhanjaya telah membuat pembelian casis bas dan kontrak reka bentuk komersil sebagai sebahagian daripada projek-projek yang sedang berjalan. Dalam tahun kewangan semasa, Suruhanjaya turut membelanjakan RM500,000 untuk pengubahsuaian kenderaan bas.

#### 27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pengurusan Risiko Kewangan merupakan proses mengenal pasti, menilai, dan mengawal risiko yang berkaitan dengan aktiviti kewangan. Tujuan utama pengurusan risiko kewangan adalah untuk melindungi nilai kewangan syarikat, mengurangkan ketidakpastian, dan memastikan kelangsungan operasi yang stabil. Pengurusan risiko kewangan melibatkan pengenalan pelbagai jenis risiko kewangan yang mungkin dihadapi oleh Syarikat seperti:

- (a) risiko pasaran (perubahan harga, kadar faedah, dan nilai tukar);
- (b) risiko kredit (ketidakupayaan pihak lain untuk memenuhi kewajipan pembayaran);
- (c) risiko likuiditi (kekurangan dana untuk memenuhi kewajipan kewangan); dan
- (d) risiko operasi (kegagalan proses dalaman dan kegagalan teknologi).

##### (a) Risiko Pasaran

Risiko pasaran adalah risiko kerugian yang mungkin terjadi akibat perubahan nilai portfolio pelaburan atau instrumen kewangan lain yang dipengaruhi oleh faktor pasaran seperti kadar faedah semasa, kadar pertukaran mata wang dan perubahan harga saham di bursa saham. Suruhanjaya menguruskan pelaburan sendiri dan mengurangkan risiko pasaran dengan mengagihkan pendedahan pelaburan kepada pelbagai instrumen kewangan yang berkualiti tinggi dan mudah ditukar kepada tunai untuk melindungi modal dan memaksimumkan pulangan pelaburan kepada Suruhanjaya.

##### (i) Risiko Kadar Faedah

Suruhanjaya mengakui kepentingan mengenal pasti dan menganalisis jumlah bawaan aset dan liabiliti kewangan berdasarkan sifat dan ciri-ciri mereka untuk mengurus risiko kadar faedah dengan berkesan.

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(a) Risiko Pasaran (sambungan)

(i) Risiko Kadar Faedah (sambungan)

Jenis Aset Kewangan/ Liabiliti Kewangan	Tarikh Pembaharuan Semula Kadar Faedah atau Tarikh Matang
▪ Tunai dan Kesetaraan Tunai	▪ Sehingga satu (1) bulan atau Tidak Sensitif Kepada Faedah
▪ Pinjaman dan Belum Terima	▪ Tarikh Matang Atau Pembaharuan Semula Kadar Faedah, mana yang lebih awal
▪ Pelaburan Kewangan	▪ Tarikh Matang atau Pembaharuan Semula Kadar Faedah, mana yang lebih awal
▪ Liabiliti Kewangan	▪ Tarikh Matang atau Pembaharuan Semula Kadar Faedah, mana yang lebih awal

Berikut adalah jadual yang menunjukkan aset kewangan dan liabiliti kewangan Suruhanjaya serta jumlah bawaan, dianalisis berdasarkan tarikh pembaharuan semula kadar faedah atau tarikh matang, mana yang lebih awal:

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

### 27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(a) Risiko Pasaran (sambungan)

(i) Risiko Kadar Faedah (sambungan)

2024	0 - 1 Bulan RM	> 1 - 3 Bulan RM	> 3 - 12 Bulan RM	1 - 5 Tahun RM	> 5 Tahun RM	Bukan Faedah Sensitif RM	JUMLAH RM
<b>Aset Semasa</b>							
Tunai dan Kesetaraan Tunai	129,606,219	-	-	-	-	105,000	129,711,219
Deposit dengan Institusi Kewangan Berlesen	40,000,000	70,000,000	595,000,000	-	-	-	705,000,000
Pelaburan Kewangan	10,000,000	-	175,752,549	-	-	-	185,752,549
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	-	-	-	-	-	1,194,876	1,194,876
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	-	-	-	-	-	49,188,239	49,188,239
Pembiayaan Pekerja	-	-	4,860,360	-	-	-	4,860,360
	<b>179,606,219</b>	<b>70,000,000</b>	<b>775,612,909</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>50,488,115</b>	<b>1,075,707,243</b>

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

| PENYATA KEWANGAN |  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

### 27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(a) Risiko Pasaran (sambungan)

(i) Risiko Kadar Faedah (sambungan)

2024	0 - 1 Bulan RM	> 1 - 3 Bulan RM	> 3 - 12 Bulan RM	1 - 5 Tahun RM	> 5 Tahun RM	Bukan Faedah Sensitif RM	JUMLAH RM
<b>Aset Bukan Semasa</b>							
Pelaburan Kewangan	-	-	-	442,008,415	-	-	442,008,415
Pembiayaan Pekerja	-	-	-	-	31,278,888	-	31,278,888
	-	-	-	442,008,415	31,278,888	-	473,287,303
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>179,606,219</b>	<b>70,000,000</b>	<b>775,612,909</b>	<b>442,008,415</b>	<b>31,278,888</b>	<b>50,488,115</b>	<b>1,548,994,546</b>

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

| PENYATA KEWANGAN |  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

### 27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(a) Risiko Pasaran (sambungan)

(i) Risiko Kadar Faedah (sambungan)

2024	0 - 1 Bulan RM	> 1 - 3 Bulan RM	> 3 - 12 Bulan RM	1 - 5 Tahun RM	> 5 Tahun RM	Bukan Faedah Sensitif RM	JUMLAH RM
<b>Liabiliti Semasa</b>							
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	-	-	-	-	-	58,301,366	58,301,366
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	-	-	-	-	-	65,528,383	65,528,383
Peruntukan Manfaat Pekerja	-	-	3,074,427	-	-	-	3,074,427
	-	-	<b>3,074,427</b>	-	-	<b>123,829,749</b>	<b>126,904,176</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>							
Peruntukan Manfaat Pekerja	-	-	-	74,353,644	-	-	74,353,644
	-	-	-	<b>74,353,644</b>	-	-	<b>74,353,644</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	-	-	<b>3,074,427</b>	<b>74,353,644</b>	-	<b>123,829,749</b>	<b>201,257,820</b>

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

### 27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(a) Risiko Pasaran (sambungan)

(i) Risiko Kadar Faedah (sambungan)

2023	0 - 1 Bulan RM	> 1 - 3 Bulan RM	> 3 - 12 Bulan RM	1 - 5 Tahun RM	> 5 Tahun RM	Bukan Faedah Sensitif RM	JUMLAH RM
<b>Aset Semasa</b>							
Tunai dan Kesetaraan Tunai	163,217,744	20,000,000	-	-	-	105,000	183,322,744
Deposit dengan Institusi Kewangan Berlesen	30,000,000	100,000,000	485,000,000	-	-	-	615,000,000
Pelaburan Kewangan	-	-	10,017,140	-	-	-	10,017,140
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	-	-	-	-	-	4,137,472	4,137,472
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	-	-	-	-	-	49,053,808	49,053,808
Pembiayaan Pekerja	438,426	876,852	3,945,832	-	-	-	5,261,110
	<b>193,656,170</b>	<b>120,876,852</b>	<b>498,962,972</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>53,296,280</b>	<b>866,792,274</b>
<b>Aset Bukan Semasa</b>							
Pelaburan Kewangan	-	-	-	524,555,092	30,000,000	-	554,555,092
Pembiayaan Pekerja	-	-	-	-	34,589,837	-	34,589,837
	-	-	-	524,555,092	64,589,837	-	589,144,929
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>193,656,170</b>	<b>120,876,852</b>	<b>498,962,972</b>	<b>524,555,092</b>	<b>64,589,837</b>	<b>53,296,280</b>	<b>1,455,937,203</b>

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

### 27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(a) Risiko Pasaran (sambungan)

(i) Risiko Kadar Faedah (sambungan)

	0 - 1 Bulan RM	> 1 - 3 Bulan RM	> 3 - 12 Bulan RM	1 - 5 Tahun RM	> 5 Tahun RM	Bukan Faedah Sensitif RM	JUMLAH RM
<b>Liabiliti Semasa</b>							
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	-	-	-	-	-	77,345,340	77,345,340
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	-	-	-	-	-	79,098,518	79,098,518
Peruntukan Manfaat Pekerja	-	-	2,001,586	-	-	-	2,001,586
	-	-	<b>2,001,586</b>	-	-	<b>156,443,858</b>	<b>158,445,444</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>							
Peruntukan Manfaat Pekerja	-	-	-	64,146,167	-	-	64,146,167
	-	-	-	<b>64,146,167</b>	-	-	<b>64,146,167</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	-	-	<b>2,001,586</b>	<b>64,146,167</b>	-	<b>156,443,858</b>	<b>222,591,611</b>

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)**

##### (a) Market Risk (sambungan)

##### (i) Interest Rate Risk (sambungan)

###### Sensitiviti Kadar Faedah

Sensitiviti kadar faedah merujuk kepada impak perubahan kadar faedah terhadap nilai dan aliran tunai instrumen kewangan. Suruhanjaya mengkaji kesan perubahan kadar faedah terhadap aset dan liabiliti untuk mengenal pasti risiko dan peluang yang berkaitan. Dengan mengurus sensitiviti kadar faedah, Suruhanjaya dapat mengurangkan risiko dan memaksimumkan pulangan. Ini melibatkan perlindungan kadar faedah dan melaraskan portfolio pelaburan Suruhanjaya. Tujuan Suruhanjaya adalah menjaga prestasi kewangan dan kestabilan dalam persekitaran kadar faedah yang berubah-ubah.

###### Kadar Faedah Purata Berimbang dan Tempoh Matang Purata

Kadar faedah purata berimbang adalah metrik penting yang memberikan ukuran keseluruhan terhadap pendedahan kepada kadar faedah dalam portfolio Suruhanjaya. Ia dikira dengan mengambil kira jumlah yang dilaburkan dalam pelbagai instrumen kewangan dan kadar faedah yang berkaitan. Metrik ini membantu Suruhanjaya menilai tahap risiko kadar faedah yang terkandung dalam pelaburan mereka.

Tempoh matang purata adalah metrik penting yang menunjukkan tempoh purata sehingga matang atau pembayaran instrumen kewangan dalam portfolio Suruhanjaya. Ia membantu menilai kepekaan terhadap perubahan kadar faedah dalam jangka masa tertentu.

Dengan memantau tempoh matang purata, Suruhanjaya dapat membuat keputusan yang berinformasi tentang pengurusan risiko kadar faedah mereka.

##### (b) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko yang berlaku disebabkan ketidakupayaan pihak-pihak yang terlibat dalam transaksi perniagaan untuk memenuhi tanggungjawab membayar faedah atau pulangan pelaburan seperti yang dipersetujui semasa kontrak dikuatkuasakan. Suruhanjaya terdedah kepada risiko kredit melalui aktiviti pemberian pinjaman, transaksi perniagaan umum, deposit tunai, pelaburan dengan institusi kewangan berlesen, dan pelaburan dalam bon korporat.

Suruhanjaya menguruskan risiko kredit dengan memantau secara berterusan kedudukan kewangan dan kelayakan kredit pihak-pihak yang berkaitan untuk memelihara kepentingannya dalam transaksi yang terlibat.

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(b) Risiko Kredit (sambungan)

- (i) Analisa Pendedahan Maksimum Terhadap Risiko Kredit, Pembaikan Kredit Melalui Jaminan dan Pembaikan Kredit Lain

Pada tarikh pelaporan, pendedahan maksimum Suruhanjaya terhadap risiko kredit mengikut kelas aset kewangan dipaparkan dalam jadual berikut:

2024	Aset Kewangan Berdaulat RM	Aset Kewangan Bukan Berdaulat RM	JUMLAH RM
<b>Jenis Aset Kewangan</b>			
Tunai dan Kesetaraan Tunai	-	129,711,219	<b>129,711,219</b>
Deposit dengan Institusi Kewangan Berlesen	-	705,000,000	<b>705,000,000</b>
Pelaburan Kewangan	285,857,928	341,903,036	<b>627,760,964</b>
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	-	1,194,876	<b>1,194,876</b>
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	23,544,292	25,643,947	<b>49,188,239</b>
Pembiayaan Pekerja	-	36,139,248	<b>36,139,248</b>
	<b>309,402,220</b>	<b>1,239,592,326</b>	<b>1,548,994,546</b>

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)**

(b) Risiko Kredit (sambungan)

(i) Analisa Pendedahan Maksimum Terhadap Risiko Kredit, Pembaikan Kredit Melalui Jaminan dan Pembaikan Kredit Lain (sambungan)

<b>2023</b>	<b>Aset Kewangan Berdaulat RM</b>	<b>Aset Kewangan Bukan Berdaulat RM</b>	<b>JUMLAH RM</b>
<b>Jenis Aset Kewangan</b>			
Tunai dan Kesetaraan Tunai	-	183,322,744	<b>183,322,744</b>
Deposit dengan Institusi Kewangan Berlesen	-	615,000,000	<b>615,000,000</b>
Pelaburan Kewangan	276,595,225	287,977,007	<b>564,572,232</b>
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	-	4,137,472	<b>4,137,472</b>
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	11,629,594	37,424,214	<b>49,053,808</b>
Pembiayaan Pekerja	-	39,850,947	<b>39,850,947</b>
	<b>288,224,819</b>	<b>1,167,712,384</b>	<b>1,455,937,203</b>

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

### 27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

#### (b) Risiko Kredit (sambungan)

##### (ii) Analisa Pengumuran Sama Ada Tertunggak atau Terjejas

	2024	Tidak Tertunggak atau Tidak Terjejas	Tertunggak Sehingga 3 Bulan	Tertunggak Antara 3-12 Bulan	Terjejas	JUMLAH
<b>Aset</b>						
Tunai dan Kesetaraan Tunai	129,711,219	129,711,219	-	-	-	129,711,219
Deposit dengan Institusi Kewangan Berlesen	705,000,000	705,000,000	-	-	-	705,000,000
Pelaburan Kewangan	627,760,964	627,760,964	-	-	-	627,760,964
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	1,194,876	1,194,876	-	-	-	1,194,876
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	49,188,239	49,188,239	-	-	2,279,192	51,467,431
Pembiayaan Pekerja	36,139,248	36,139,248	-	-	-	36,139,248
	<b>1,548,994,546</b>	<b>1,548,994,546</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>2,279,192</b>	<b>1,551,273,738</b>

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

### 27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(b) Risiko Kredit (sambungan)

(ii) Analisa Pengumuran Sama Ada Tertunggak atau Terjejas (sambungan)

	2023		Terjejas		JUMLAH
	Tidak Tertunggak atau Terjejas	Tertunggak Sehingga 3 Bulan	Tertunggak Antara 3-12 Bulan	Terjejas	
<b>Aset</b>					
Tunai dan Kesetaraan Tunai	183,322,744	-	-	-	183,322,744
Deposit dengan Institusi Kewangan Berlesen	615,000,000	-	-	-	615,000,000
Pelaburan Kewangan	564,572,232	-	-	-	564,572,232
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	4,137,472	-	-	-	4,137,472
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	49,053,808	-	-	2,264,625	51,318,433
Pembiayaan Pekerja	39,850,947	-	-	-	39,850,947
	<b>1,455,937,203</b>	-	-	<b>2,264,625</b>	<b>1,458,201,828</b>

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

### 27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

#### (b) Risiko Kredit (sambungan)

##### (iii) Pengumuran Kualiti Kredit

	Daulat RM	Tinggi RM	Sederhana RM	Lemah RM	Tidak Berkadar RM	Terjejas RM	JUMLAH RM
<b>Aset</b>							
Tunai dan Kesetaraan Tunai	129,711,219	-	-	-	-	-	129,711,219
Deposit dengan Institusi Kewangan Berlesen	-	705,000,000	-	-	-	-	705,000,000
Pelaburan Kewangan	-	-	627,760,964	-	-	-	627,760,964
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	-	-	-	1,194,876	-	-	1,194,876
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	-	-	-	49,188,239	-	2,279,192	51,467,431
Pembiayaan Pekerja	-	-	-	4,860,360	31,278,888	-	36,139,248
	<b>129,711,219</b>	<b>705,000,000</b>	<b>627,760,964</b>	<b>55,243,475</b>	<b>31,278,888</b>	<b>2,279,192</b>	<b>1,551,273,738</b>

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

### 27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(b) Risiko Kredit (sambungan)

(iii) Pengukuran Kualiti Kredit (sambungan)

	Daulat RM	Tinggi RM	Sederhana RM	Lemah RM	Tidak Berkadar RM	Terjejas RM	JUMLAH RM
<b>Assets</b>							
Tunai dan Kesetaraan Tunai	183,322,744	-	-	-	-	-	183,322,744
Deposit dengan Institusi Kewangan Berlesen	-	615,000,000	-	-	-	-	615,000,000
Pelaburan Kewangan	-	-	564,572,232	-	-	-	564,572,232
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	-	-	-	4,137,472	-	-	4,137,472
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	-	-	-	49,053,808	-	2,264,625	51,318,433
Pembiayaan Pekerja	-	-	-	5,261,110	34,589,837	-	39,850,947
	<b>183,322,744</b>	<b>615,000,000</b>	<b>564,572,232</b>	<b>58,452,390</b>	<b>34,589,837</b>	<b>2,264,625</b>	<b>1,458,201,828</b>

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)**

##### **(b) Risiko Kredit (sambungan)**

Suruhanjaya berkomitmen untuk melakukan tinjauan berkala untuk menilai semula kualiti kredit instrumen-instrumen kewangan dan memastikan penarafan kredit yang ditetapkan mencerminkan profil risiko dengan tepat. Sebarang perubahan dalam penarafan kredit hasil dari tinjauan tersebut, termasuk pematuhan kepada piawaian perakaunan dan peraturan yang berkenaan, akan didedahkan dalam penyata kewangan dan laporan yang berkaitan. Suruhanjaya menyediakan penjelasan terperinci bagi perubahan ini dengan menekankan sebab-sebab di sebalik penyesuaian dan kesan yang mungkin terhadap profil risiko instrumen-instrumen tersebut.

##### **(c) Risiko Kecairan**

Risiko kecairan dan aliran tunai merujuk kepada potensi ketidakmampuan untuk memenuhi kewajipan kewangan dengan tepat pada waktunya disebabkan oleh kekurangan dana. Suruhanjaya mengakui risiko ini dan mengambil langkah-langkah untuk mengurusnya dengan berkesan. Untuk mengatasi risiko kecairan, Suruhanjaya secara berterusan mengawasi aliran tunai yang dianggarkan. Ini membolehkan pengurusan aliran tunai yang lebih baik dan memastikan bahawa Suruhanjaya mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dengan kecairan yang mencukupi untuk memenuhi kewajipannya. Selain itu, Suruhanjaya memastikan asetnya cukup cair dan ketersediaan dana apabila diperlukan. Ini dicapai dengan menempatkan jumlah tunai dan deposit yang mudah ditukar dengan institusi kewangan berlesen. Dana ini diasingkan berdasarkan komitmen kewangan yang dijangka akan tersedia pada masa untuk penyelesaian. Dengan mengekalkan tahap aset yang cair, Suruhanjaya dapat mengurangkan risiko kecairan dan memastikan ketersediaan dana apabila diperlukan.

Dengan mengawasi aliran tunai secara aktif, mengekalkan kecairan yang mencukupi, dan menguruskan asetnya secara strategik, Suruhanjaya berusaha untuk meminimumkan risiko kecairan dan aliran tunai serta mengekalkan kestabilan kewangan.

<b>Kategori Liabiliti Kewangan</b>	<b>Tempoh Kematangan</b>
Hutang Jangka Pendek	1 tahun atau kurang
Hutang Jangka Panjang	Lebih dari 1 tahun

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

#### 27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

##### (c) Risiko Kecairan (sambungan)

Jadual di bawah merangkumi profil kematangan liabiliti kewangan Suruhanjaya berdasarkan tanggungan pembayaran tanpa diskaun:

2024	Kurang dari 12 Bulan RM	Lebih dari 12 Bulan RM	JUMLAH RM
<b>Liabiliti Kewangan</b>			
Urus niaga pertukaran belum bayar	58,301,366	-	58,301,366
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	65,528,383	-	65,528,383
Peruntukan manfaat pekerja	3,074,427	74,353,644	77,428,071
<b>Jumlah Liabiliti Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Defisit</b>	<b>126,904,176</b>	<b>74,353,644</b>	<b>201,257,820</b>

Jadual di bawah merangkumi profil kematangan liabiliti kewangan Suruhanjaya berdasarkan tanggungan pembayaran tanpa diskaun:

2023	Kurang dari 12 Bulan RM	Lebih dari 12 Bulan RM	JUMLAH RM
<b>Liabiliti Kewangan</b>			
Urus niaga pertukaran belum bayar	77,345,340	-	77,345,340
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	79,098,518	-	79,098,518
Peruntukan manfaat pekerja	2,001,586	64,146,167	66,147,753
<b>Jumlah Liabiliti Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Defisit</b>	<b>158,445,444</b>	<b>64,146,167</b>	<b>222,591,611</b>

##### (d) Risiko Operasi

Risiko operasi merujuk kepada risiko kerugian yang berlaku akibat kegagalan proses kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, Suruhanjaya mengamalkan pendekatan pengurusan risiko operasi yang terancang dan konsisten untuk menyelaraskan strategi, dasar, proses, teknologi dan meningkatkan pengetahuan di kalangan pekerja bagi mencipta nilai tambah dan peningkatan berterusan dalam proses kerja. Selain itu, Suruhanjaya juga melaksanakan tatakelola korporat yang baik untuk memastikan pelaksanaan kawalan dalaman yang komprehensif.

Dengan melaksanakan langkah-langkah ini, Suruhanjaya dapat mengurangkan risiko operasi, melindungi kepentingan kewangan, dan mengekalkan kepercayaan dan keyakinan di kalangan pihak berkepentingan.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **28. NILAI SAKSAMA**

##### **(a) Penentuan Nilai Saksama dan Hierarki Nilai Saksama**

Nilai saksama mewakili anggaran nilai pasaran sesuatu aset atau liabiliti pada masa tertentu. Hierarki nilai saksama menyediakan rangka kerja untuk mengkategorikan input yang digunakan dalam menentukan nilai saksama. Hierarki nilai saksama terdiri daripada tiga tahap:

##### **(i) Instrumen Kewangan di Tahap 1, Harga Disebutkan dalam Pasaran Aktif**

Tahap ini merangkumi instrumen kewangan yang nilai saksamanya berdasarkan pada harga pasaran yang boleh diperhatikan dari pasaran aktif. Harga-harga ini mudah didapati dan boleh diakses dengan mudah, seperti saham atau bon yang tersenarai.

##### **(ii) Instrumen Kewangan di Tahap 2, Input selain Harga Disebutkan**

Tahap ini merangkumi instrumen kewangan yang nilai saksamanya ditentukan menggunakan input yang boleh diperhatikan selain harga pasaran yang disebutkan. Input ini mungkin termasuk data pasaran untuk instrumen serupa, kadar faedah, keluk hasil, turun naik dan kadar pertukaran asing atau penanda harga. Ini termasuk sekuriti kerajaan dan bon korporat.

##### **(iii) Instrumen Kewangan di Tahap 3, Input Yang Tidak Diperhatikan**

Tahap ini merangkumi instrumen kewangan yang nilai saksamanya dianggarkan menggunakan input yang tidak diperhatikan. Input ini tidak berdasarkan data pasaran yang diperhatikan dan memerlukan penilaian dan andaian. Input Tahap 3 biasanya digunakan untuk instrumen yang tidak didagangkan secara aktif atau di mana harga pasaran tidak mudah didapati.

##### **(b) Instrumen Kewangan Diukur Pada Nilai Saksama dan Hierarki Nilai Saksama**

Nilai saksama instrumen kewangan dan teknik penilaian serta input yang digunakan untuk menentukan nilai saksama.

##### **(c) Nilai Saksama bagi Instrumen Kewangan Tidak Dibawa pada Nilai Saksama**

##### **(i) Tunai dan Kesetaraan Tunai, Deposit dengan Institusi Kewangan Berlesen, Belum Terima dan Belum Bayar**

Amaun bawaan bagi aset dan liabiliti kewangan ini adalah anggaran yang munasabah bagi nilai saksama disebabkan sama ada ianya bersifat jangka masa pendek atau boleh dilunaskan mengikut permintaan.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **28. NILAI SAKSAMA (sambungan)**

(c) Nilai Saksama bagi Instrumen Kewangan Tidak Dibawa pada Nilai Saksama (sambungan)

(ii) Pembiayaan Pekerja

Amaun bawaan bagi urus niaga pembiayaan pekerja adalah hampir dengan nilai saksama yang mana dianggarkan dengan mendiskaunkan anggaran aliran tunai masa hadapan menggunakan kadar faedah pasaran semasa bagi aset kewangan dengan profil risiko yang sama.

(d) Penyesuaian Penilaian Adil Tahap 3 bagi Pelaburan Kewangan

Penyesuaian penilaian nilai saksama Tahap 3 disediakan untuk pelaburan kewangan yang ditetapkan sebagai simpanan hingga jangka masa matang. Penyesuaian ini adalah untuk memastikan bahawa penilaian nilai saksama yang ditetapkan mencerminkan dengan tepat risiko dan nilai instrumen kewangan tersebut.

#### **29. PERALIHAN KEPADA MPSAS**

Suruhanjaya telah melaksanakan peralihan ke Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) pada 01 Januari 2022. Sebagai penerimaan kali pertama, Suruhanjaya menyediakan penyata kedudukan kewangan permulaan mengikut keperluan MPSAS. Mengikut MPSAS 33, penerimaan kali pertama membolehkan tempoh sehingga tiga (3) tahun bagi mengiktiraf dan mengukur beberapa aset dan liabiliti tertentu.

Dalam peralihan Suruhanjaya kepada MPSAS berasaskan akruan, Suruhanjaya menggunakan pengecualian peralihan ini untuk perkara-perkara berikut:

(i) Aset Tak Ketara

Suruhanjaya tidak mengasingkan kos aset tak ketara secara berasingan dari Hartanah, Kelengkapan dan Peralatan. Suruhanjaya akan mengenalpasti dan memisahkan kos aset tak ketara secara berasingan untuk mencapai kos yang lebih tepat. Nota 3.6.

(ii) Cukai Tertunda

Suruhanjaya untuk sementara waktu tidak menyediakan cukai tertunda dalam penyata kewangan. Suruhanjaya akan menyediakan pengiktirafan dan penyataan cukai tertunda secara tepat apabila peralihan ke MPSAS selesai, Nota 3.9.

## **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2024**

#### **29. PERALIHAN KEPADA MPSAS (sambungan)**

Dalam peralihan Suruhanjaya kepada MPSAS berasaskan akruan, Suruhanjaya menggunakan pengecualian peralihan ini untuk perkara-perkara berikut: (sambungan)

(iii) Transaksi Bukan Tukaran

Suruhanjaya tidak mengiktiraf pendapatan daripada transaksi bukan tukaran, termasuk pendapatan perkhidmatan dan penerimaan kompaun, dalam asas akruan. Nota 3.13.

Pengecualian peralihan ini untuk memastikan peralihan yang lancar kepada MPSAS berasaskan akruan.

Peralihan kepada MPSAS termasuk penyataan semula akaun tertentu dalam penyata kewangan Suruhanjaya untuk menunjukkan pelarasan dan pengkelasan semula menurut keperluan dasar perakaunan terdahulu di bawah MPERS dan dasar perakaunan semasa di bawah MPSAS.



DIREKTORI  
**SSM**



## IBU PEJABAT

### MENARA SSM@SENTRAL

No. 7, Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50623 Kuala Lumpur

### Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi – 4.15 petang (Isnin – Jumaat)  
Rehat (Jumaat): 12.15 tengah hari – 2.45 petang

### Pusat Panggilan SSM

Tel : 03-7721 4000  
E-mel : enquiry@ssm.com.my

## PEJABAT NEGERI

### SELANGOR

Hairul Anuar bin Yasin  
Blok 9, 10 & 11, Kompleks KPPMS  
Lot 291, Jalan RU 3/9A, Seksyen 3  
40000 Shah Alam, Selangor

### Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi – 4.15 petang (Isnin – Jumaat)  
Rehat (Jumaat): 12.15 tengah hari – 2.45 petang

Tel : 03-5511 6500 / 5513 5997  
Faks : 03-5510 4200  
E-mel : hairul@ssm.com.my

### JOHOR

Azrin bin Mohd Ripin  
Podium 4B & 5, Menara Ansar  
65 Jalan Trus  
80888 Ibrahim International Business District  
Johor Darul Ta'zim

### Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi – 4.15 petang (Isnin – Jumaat)  
Rehat (Jumaat): 12.15 tengah hari – 2.45 petang

Tel : 07-224 4710  
Faks : 07-224 1714 / 224 8169  
E-mel : azrin@ssm.com.my

### PULAU PINANG

Sazuree bin Shuib  
Tingkat 6-7, Bangunan KWSP  
No. 3009, Off Leboh Tenggara 2  
Bandar Seberang Jaya  
13700 Pulau Pinang

### Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi – 4.15 petang (Isnin – Jumaat)  
Rehat (Jumaat): 12.15 tengah hari – 2.45 petang

Tel : 04-397 7793  
Faks : 04-397 7713  
E-mel : sazurees@ssm.com.my

### MELAKA

Mohd Zainuddin bin Salleh  
No. 53 & 55, Jalan Komersial  
Taman Kota Fesyen MITC  
75450 Ayer Keroh, Melaka

### Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi – 4.15 petang (Isnin – Jumaat)  
Rehat (Jumaat): 12.15 tengah hari – 2.45 petang

Tel : 06-231 1717 / 231 2266  
Faks : 06-231 3502  
E-mel : znudin@ssm.com.my

### NEGERI SEMBILAN

Thanak a/l Prak Hin  
Aras 3, Wisma Perkeso  
Lot 3757 & 52, Jalan Sungai Ujong  
70000 Seremban, Negeri Sembilan

### Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi – 4.15 petang (Isnin – Friday)  
Rehat (Jumaat): 12.15 tengah hari – 2.45 petang

Tel : 06-761 9098 / 761 5506 / 764 1885 /  
764 5598  
Faks : 06-765 5877  
E-mel : thanak@ssm.com.my

## PAHANG

Kamarudin bin Mohd Daud  
B2 & B4, Aras Bawah Suria Atabara  
Jalan IM 7/2  
Bandar Indera Mahkota  
25200 Kuantan, Pahang

### Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi – 4.15 petang (Isnin – Jumaat)  
Rehat (Jumaat): 12.15 tengah hari – 2.45 petang

Tel : 09–572 9743 / 573 0866 / 573 0400 /  
573 0969  
Faks : 09–573 2316  
E–mel : din\_md@ssm.com.my

---

## TERENGGANU

Md. Rafiza bin Ab. Derani  
Tingkat 6, Menara Yayasan Islam  
Jalan Sultan Omar  
20300 Kuala Terengganu, Terengganu

### Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi – 4.00 petang (Ahad – Rabu)  
8.15 pagi – 3.45 petang (Khamis)

Tel : 09–623 7170 / 624 0721  
Faks : 09–623 0945  
E–mel : mdrafiza@ssm.com.my

---

## KELANTAN

Mohd Zawawi bin Ahmad  
Tingkat 2 & 3 Kota Sri Mutiara  
Jalan Sultan Yahya Petra  
15150 Kota Bharu, Kelantan

### Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi – 4.00 petang (Ahad – Rabu)  
8.15 pagi – 3.45 petang (Khamis)

Tel : 09–748 2860 / 748 4599  
Faks : 09–744 7622 / 747 2607  
E–mel : zawawi@ssm.com.my

## PERAK

Azurah Nor binti Sarif  
Menara SSM Perak  
Jalan Basco Kepadang 1  
Basco Avenue @ Kepadang  
31400 Ipoh, Perak

### Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi – 4.15 petang (Isnin – Jumaat)  
Rehat (Jumaat): 12.15 tengah hari – 2.45 petang

Tel : 05–547 5070  
Faks : 05–547 5107  
E–mel : azurahnor@ssm.com.my

---

## KEDAH

Ismanani binti Khazali  
Tingkat 1 & 2, Wisma PERKESO  
No. 186 Jalan Teluk Wan Jah  
05538 Alor Setar, Kedah

### Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi – 4.00 petang (Ahad – Rabu)  
8.15 pagi – 3.45 petang (Khamis)

Tel : 04–733 0111  
Faks : 04–731 5517  
E–mel : ismanani@ssm.com.my

---

## SABAH

Mohd Arif Hamzah  
Tingkat 4, Menara MAA  
6 Lorong Api–Api  
Locked Bag 2039  
88999 Kota Kinabalu, Sabah

### Perkhidmatan Kaunter

8.00 pagi – 4.00 petang (Isnin – Jumaat)  
Rehat: 1.00 petang – 2.00 petang  
Rehat (Jumaat): 11.30 pagi – 2.00 petang

Tel : 088–233 551 / 233 346  
Faks : 088–237 884  
E–mel : arifh@ssm.com.my

## **SARAWAK**

Ramle bin Leen  
Lot 11115, Section 64  
Kuching Town Land District  
Jalan Pending, City Square Phase 1  
93450 Kuching, Sarawak

### **Perkhidmatan Kaunter**

8.00 pagi – 4.00 petang (Isnin – Jumaat)

Rehat: 1.00 petang – 2.00 petang

Rehat (Jumaat): 11.45 pagi – 2.15 petang

Tel : 082–266 111 / 266 112 / 266 113 / 266  
114

Faks : 082–266 115

E–mel : lramle@ssm.com.my

---

## **PEJABAT CAWANGAN**

### **PERLIS**

Ahmad Nizam bin Samsoo  
Urban Transformation Centre (UTC) Perlis  
No. 1 Aras 1, Blok B  
Pusat Transformasi Bandar (UTC) Perlis  
Mukim Sena 01000 Kangar, Perlis

### **Perkhidmatan Kaunter**

8.00 pagi – 4.00 petang (Isnin – Jumaat)

Rehat (Jumaat): 12.15 tengah hari – 2.45 petang

Tel : 04–970 5471 / 970 5472

Faks : 04–970 5473

E–mel : nizam@ssm.com.my

---

### **WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

Sukarno bin Mat Husain  
No. 11A, Tingkat 11  
Block 4, Kompleks Ujana Kewangan  
Jalan Merdeka  
87000 Wilayah Persekutuan Labuan

### **Perkhidmatan Kaunter**

8.00 pagi – 4.00 petang (Isnin – Jumaat)

Rehat: 1.00 petang – 2.00 petang

Rehat (Jumaat): 11.30 pagi – 2.00 petang

Tel : 087–414 100

Faks : 087–414 152

E–mel : sukarno@ssm.com.my

### **MUAR**

Mohd Azlan bin Abdul Majid  
No. 1, Jalan Perdagangan  
Off Bulatan Jalan Bakri  
84000 Muar, Johor

### **Perkhidmatan Kaunter**

8.15 pagi – 4.00 petang (Ahad – Rabu)

8.15 pagi – 3.45 petang (Khamis)

Tel : 06–954 6611 / 954 7711

Faks : 06–954 6600

E–mel : mohdazlan@ssm.com.my

---

### **TEMERLOH**

Adnan bin Hj Omar  
No. 96 & 98  
Jalan Persiaran Damai 1, Damai Court  
28000 Temerloh, Pahang

### **Perkhidmatan Kaunter**

8.15 pagi – 4.15 petang (Isnin – Jumaat)

8.00 pagi – 4.00 petang (Isnin – Jumaat)

Rehat: 1.00 petang – 2.00 petang

Rehat (Jumaat): 12.15 tengah hari – 2.45 petang

Tel : 09–296 2419 / 296 6238

E–mel : adnan@ssm.com.my

---

### **TAWAU**

Norlismah binti Padil  
No.5 (Lot 9), No. 40 (Lot 10) & No. 40A (Lot 10)  
T2@Apas, Jalan T2, Mile 1  
Jalan Apas  
91000 Tawau, Sabah

### **Perkhidmatan Kaunter**

8.00 pagi – 4.00 petang (Isnin – Jumaat)

Rehat: 1.00 petang – 2.00 petang

Rehat (Jumaat): 11.30 pagi – 2.00 petang

Tel : 089–750 585 / 752 585

Faks : 089–754 585

E–mel : norlismah@ssm.com.my

## **MIRI**

Misiah binti Ramli  
D-G-03A & D-G-05  
Miri Times Square  
Marina ParkCity  
98000 Miri, Sarawak

### **Perkhidmatan Kaunter**

8.00 pagi – 4.00 petang (Isnin – Jumaat)  
Rehat: 1.00 petang – 2.00 petang  
Rehat (Jumaat): 11.45 pagi – 2.15 petang

Tel : 085-324 400 / 325 334  
Faks : 085-324 545  
E-mel : misiahr@ssm.com.my

---

## **SIBU**

Dayang Doliana binti Abang Abdullah  
No. 3 & 5, Tingkat 1  
Jalan Lau King Howe  
Lot 776 & 777 Block 5  
Sibu Town District  
96000 Sibu, Sarawak

### **Perkhidmatan Kaunter**

8.00 pagi – 4.00 petang (Isnin – Jumaat)  
Rehat (Jumaat): 11.45 pagi – 2.15 petang

Tel : 084-250 145  
Faks : 084-250 147  
E-mel : doliana@ssm.com.my

---

## **PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)**

### **PUSAT TRANSFORMASI BANDAR KUALA LUMPUR**

Suruhanjaya Syarikat Malaysia  
Ruang Legar, Tingkat Bawah  
Bangunan UTC Kuala Lumpur  
Jalan Pudu (Pudu Sentral)  
55100 Kuala Lumpur

### **Perkhidmatan Kaunter**

8.15 pagi – 4.15 petang (Isnin – Sabtu)  
Rehat (Jumaat): 12.15 tengah hari – 2.45 petang

Tel : 03-2026 2041

## **PUSAT PERKHIDMATAN**

### **LANGKAWI**

Pusat Perkhidmatan  
Suruhanjaya Syarikat Malaysia Langkawi  
No. 56, Tingkat 1  
Kompleks Pekan Rabu  
07000 Langkawi, Kedah

### **Perkhidmatan Kaunter**

8.15 pagi – 4.00 petang (Ahad – Rabu)  
8.15 pagi – 3.45 petang (Khamis)  
Rehat: 1.00 petang – 2.00 petang

Tel : 04-966 7943  
Faks : 04-966 5318  
E-mel : nurulaini@ssm.com.my

---

## **PUSAT PERKHIDMATAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN**

### **PUTRAJAYA**

Kaunter Pendaftaran Perniagaan  
Aras G, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
Dan Kos Sara Hidup  
No. 13, Persiaran Perdana  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62623 Putrajaya  
Wilayah Persekutuan Putrajaya

### **Perkhidmatan Kaunter**

8.15 pagi – 4.15 petang (Isnin – Jumaat)  
Rehat (Jumaat): 12.15 pm – 2.45 pm

### **Talian Umum SSM**

Tel : 03-2299 4400  
Faks : 03-2299 4411  
Hotline : 03-2299 4400

### **Pusat Panggilan SSM**

Tel : 03-7721 4000  
E-mel : enquiry@ssm.com.my

